

95-1636

ANWAR - MAHATHIR KRISIS

Daim pencetus kontroversi baru

AHMAD LUTFI OTHMAN

ANWAR - MAHATHIR

KRISIS

Daim pencetus kontroversi baru

AHMAD LUTFI OTHMAN

PENERBITAN PEMUDA
1994

KRISIS ANWAR - MAHATHIR

Cetakan Pertama - Julai 1994

© Penerbitan Pemuda

Hakcipta adalah terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, fotografi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbitan Pemuda.

Rekabentuk oleh *Aris Design*
17-1 Jalan 24/56 Kawasan J
Wangsa Keramat
Ampang Hulu Kelang
54200 Kuala Lumpur
Tel: 03-4527895

Diterbitkan oleh
PENERBITAN PEMUDA
2B Jalan 13C Selayang Baru
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan
Tel: 03-6162367

APB 715800

07 JUN 1994 NASIHAN PEMULIHAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Dicetak oleh
CETAK KHIDMAT & NIAGA
101, Jalan Segambut Selatan,
Kuala Lumpur

KANDUNGAN

Prakata Dari Penulis	7
Daim Lawan Anwar?	9
Banyak Pihak Mahu Saksikan Anwar Lawan Mahathir	13
Bukti Daim Lebih Berpengaruh Dari Anwar	21
Hari Ini Hari Ghafar, Esok Mungkin Giliran Saya	31
Cakap Mahathir Sudah Tidak Diendahkan Lagi	35
Daim: Usahawan Atas Kertas	47
Malaysia Baru Lawan Melayu Baru	59
Jika Daim Sokong Pak Lah	75
Mengapa Mahathir Akan Terus Kekalkan Sanusi?	83
Shahnon Ahmad Lawan PM Mahathir?	93
Retak Yang Membawa Belah	121
Menanti Kelahiran Anwar Baru	125
Anwar Kecundang Di Bakun?	137
Kontroversi <i>Schindler's List</i> : Mengapa Anwar Batalkan Keputusan Mahathir?	147
Pengalaman Malaysia Untuk Kepentingan Antarabangsa	159
Mengapa Anwar Sokong Salman Rushdie	163
Jeffrey Sebagai Timbalan Menteri: Mahathir Peralatkan Anwar	173
Peperangan Media: Jalan Riong Berpecah?	189
Daim Yang Dibenci, Dihormati Dan Dikagumi	199
Tolak Gelaran Tun: Bukti Ghafar Lebih Tegas Dari Anwar, Nazri Aziz Dan Zahid Hamidi	215
Penyakit Aneh Serang Anwar?	235

PRAKATA

DARI PENULIS

Anwar lawan Mahathir? Saya tidak menulis begitu. Hubungan Anwar - Mahathir hanya dilanda krisis. Faktor Daim begitu menonjol sekali. Itu baru muqadimahnyanya. Jalan ceritanya masih jauh dan berliku-liku. Banyak pula pihak yang suka mereka berentap. Macam-macam kisah yang disembangkan. Sampai ada pihak di luar Umno menuduh nahas helikopter yang terhempas ketika dalam perjalanan menjemput Anwar di Perlis dirancang oleh individu berpengaruh di JPM. "Cerita macam itu sudah lebih," kata seorang teman, "tak masuk akal."

Tapi itulah yang hangat diceritakan. Dan kemungkinan besar ia menjadi lebih menarik dari hikayat *Anwar Lawan Ghafar*? Pertarungan kali ini, jika benar-benar tercetus, ibarat buku dengan ruas. Sama-sama hebat, sama-sama dahsyat. "Dan sama-sama serigala!" tambah seorang penyokong setia Ghafar.

Penyokong-penyokong dan juak-juak Anwar yang sedang mabuk kuasa dan duit harus ingat, Mahathir tidak akan membiarkan orang no. 2 di bawahnya duduk selesa. Mahathir akan cuba pastikan hubungan Anwar - Daim - Pak Lah dan juga Naib-naib Presiden Umno yang baru, tidak terkecuali Sanusi Junid tidak harmonis. Biar mereka bergolak dan terus bergolak.

Mungkin ada yang menyifatkan saya sebagai penulis yang suka mengada-adakan cerita, dan suka melihat orang lain bergaduh. Dulu gempar dengan *Anwar Lawan Ghafar*?, sekarang *Krisis Anwar - Mahathir* pula. "Selepas ini apa pula?" tanya pencetak buku-buku saya. Jawabnya

mudah: *Anwar Lawan Mahathir: Mana Arah Team Wawasan?* Ya, banyak lagi isu-isu menarik berkaitan dengan hubungan Anwar - Mahathir yang tidak tertulis dalam buku ini dapat dimuatkan dalam buku tersebut.

Anwar tentu akan menafikan hasratnya mahu menentang Mahathir. Seperti juga Anwar menafikan impiannya merebut kekuasaan dari Ghafar. Bagi yang arif, tentunya belum lupa, dalam majlis makan tengah hari dan pertemuan dengan ketua dan ahli jawatankuasa bahagian serta cawangan seluruh Pulau Pinang di Butterworth, pada Ahad 11 April 1993, di depan Ghafar Baba, Anwar memberi jaminan Umno negeri akan terus memberi mandat kepada Mahathir dan Ghafar menerajui parti.

Dan menurut Ghafar sendiri, dalam wawancaranya dengan *Dunia Islam*, Jun 1994: "Saya fikir pada mulanya tiada pertandingan sebab Anwar sendiri datang pejabat saya mengatakan tidak akan bertanding menentang saya. Jadi saya fikir tidak bertandinglah, dan tidak berbuat persiapan apa-apa." Sejarah akan menentukannya, bersabarlah! Kita tidak perlu menunggu lama untuk melihat sejarah baru terakam dalam percaturan politik tanahair.

Alhamdulillah, syukur kepada Allah, puja-puji khusus buat-Nya. Buku ini sebenarnya disiapkan tepat sebulan selepas saya menyudahkan buku *Bank Negara Bankrap: Siapa Mangsakan Siapa?* Jutaan terima kasih kepada pembaca yang setia berkongsi pendapat dan pengalaman dengan saya selama ini. Semoga hasrat saya untuk terus bersama-sama mewarnai perkembangan politik negara, menerusi buku-buku yang agak sedikit nakal ini, terus mendapat sokongan. Saya yakin, walaupun buku-buku saya banyak menyinggung Anwar Ibrahim, tentunya Anwar, insya-Allah, sebagai bakal PM, dapat menerima kritikan dan teguran demi kepentingan negara tercinta.

Akhirnya terima kasih kepada semua yang membantu, terutamanya ahli keluarga juga ibu tercinta, yang memahami karenah seorang penulis muda yang tidak sabar-sabar melihat angan-angannya menjadi kenyataan. Terima kasih buat akhbar *Media Islam* dan majalah-majalah *Dewan Masyarakat*, *Dewan Sastera*, *Asiaweek*, juga penulis yang gigih, Edmund Terence Gomez, Prof Shahnnon Ahmad, Dr Syed Husin Ali, Dr Rais Yatim dan ramai lagi yang banyak memberikan idea dan pandangan. Semoga buku ini dapat memberi manfaat untuk kita bersama.

AHMAD LUTFI OTHMAN,
Selayang Baru, Selangor.
16 Julai 1994.

1

DAIM LAWAN ANWAR?

Berita yang paling popular selepas berita-berita saham masa kini ialah hubungan renggang antara Menteri Kewangan dan bekas Menteri Kewangan - Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Tun Daim Zainuddin. Berita tentang kedua-dua tokoh ini, yang dikatakan sudah tidak sehaluan, mula timbul di pasaran beberapa bulan lalu tetapi hingga kini belum ada sebarang pengesahan.

Media Islam difahamkan parti-parti pembangkang nampaknya seronok dengan perkembangan ini kerana berita-berita begini boleh menguntungkan mereka. Seorang presiden sebuah parti pembangkang telah secara terbuka mendakwa hubungan Anwar dan Daim retak kerana tindakan Anwar yang banyak membantu para penyokongnya dalam bidang perniagaan. Beberapa orang wartawan

Rencana ini dipetik dari *Media Islam*, 26 Jun 1994, dengan tajuk asal "Daim krisis dengan Anwar?"

asing di Kuala Lumpur juga bercakap sesama sendiri tentang perkara ini. Ada yang katanya berura-ura untuk menulis mengenai subjek ini.

Media Islam juga difahamkan, salah satu subjek yang turut diperbualkan sewaktu berlangsungnya Perhimpunan Agung Khas meminda perlembagaan membanteras politik wang ialah mengenai hubungan Anwar dan Daim. Perkara ini timbul apabila Daim tidak kelihatan di persidangan itu dan tidak pula diketahui ke manakah gerakan beliau berada. Daim ialah Bendahari Umno Kebangsaan yang juga Ahli Parlimen Merbok.

Di *coffe house* atau di ruang lobi, banyak pertanyaan berkisar kepada isu ini hinggalah siapa jua yang mempunyai maklumat menjadi perhatian orang ramai. Berita angin yang bertiup kencang menyebut hubungan renggang Anwar dan Daim ini berpunca daripada banyak projek-projek besar yang telah tidak jatuh ke tangan orang-orang Daim.

Berita-berita angin itu menyebut orang-orang yang rapat dengan Anwar kini berpeluang mendapat projek-projek besar. Bagaimanapun *Media Islam* difahamkan projek-projek besar masih diperolehi oleh orang-orang yang rapat dengan Daim.

Datuk Tajuddin Ramli, tuan punya TRI Bhd, sebuah konglomerat terbesar bumiputera yang dikaitkan sebagai orang yang agak rapat dengan Daim masih mendapat beberapa projek besar kerajaan. Datuk Shamsuddin Abu Hassan yang dianggap sahabat baik Daim juga masih dianggap "permata" di bursa saham dan banyak kaunter-kaunter yang dikaitkan dengan Shamsuddin naik melonjak.

Baru-baru ini heboh konon Shamsuddin akan mengambil alih Bank Bumiputra. Bagaimanapun Anwar menafikan bahawa Bank Bumiputra akan dijual. Dengan itu kurang pasti sama ada berita penjualan Bank Bumiputra hanya khabar angin ataupun memang Shamsuddin berhasrat menjadi pemilik baru Bank Bumiputra.

Hubungan Daim dengan Anwar memang dikatakan akrab sejak Daim berada di dalam Kabinet selaku Menteri Kewangan lagi. Malahan pendapat popular menyebut Daim - bila beliau berhasrat

melepaskan jawatan berkenaan - telah menamakan Anwar sebagai calon yang layak mengambil alih tugas itu.

Anwar dan Daim dilihat sebagai satu-satunya orang kepercayaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed. Kedua-dua tokoh ini dilihat juga sebagai instrument di dalam membantu Dr Mahathir melaksanakan pembangunan raksasa sehingga membawa negara ini ke mercu kejayaan. Anwar menurut para pemerhati politik mengakui bahawa Daim banyak membantu dan membimbing beliau. Anwar secara terbuka memuji Daim kerana sepanjang masa beliau menjadi Menteri Kewangan beliau berjaya memulihkan ekonomi Malaysia dan berjaya membayar hutang negara yang bertimbun sejak Tengku Razaleigh menjadi Menteri Kewangan.

Pengaruh Daim memang dirasakan walaupun beliau sudah hampir lima tahun berada di luar kerajaan sebagai Menteri Kewangan. Salah satu pengaruh Daim ialah kenyataannya mengenai harga di pasaran saham jatuh mendadak walaupun sebelum ini Dr Mahathir dan Anwar berkali-kali mengingatkan para pelabur terutama *short term investors* supaya berhati-hati dalam bermain saham di pasaran saham.

Bila Daim mengeluarkan kenyataan kononnya beliau tidak ada kaitan dengan lapan kaunter yang disebut-sebut sebagai kaunter miliknya, maka harga-harga saham di Bursa Saham Kuala Lumpur keesokan harinya jatuh mendadak. Ramai yang kerugian jutaan ringgit.

Bila perkara begini berlaku umum mula melihat kata-kata Daim begitu berkesan hingga apa saja yang beliau sebut dilihat dan dianalisis dan kata-kata itu mempengaruhi sentimen pasaran saham.

Satu lagi ialah berhubung komennya mengenai projek Jerai International Park atau JIP. Daim dalam satu kenyataan mengatakan rasa tidak setuju dengan rancangan kerajaan negeri Kedah di bawah pimpinan Tan Sri Osman Aroff menjayakan projek JIP. Sejak tersiar kenyataan Daim, kedengaran protes dari banyak pihak hingga akhirnya Perdana Menteri sendiri membuat komen yang sealiran

dengan Daim. Osman Aroff yang baru pulang dari luar negara telah memanggil mesyuarat exco dan kemudian mengumumkan pembatalan projek bernilai RM17 ribu juta itu.

Bagaimanapun seorang yang rapat dengan Anwar dan Daim percaya perkhabaran tentang retaknya hubungan dua tokoh ini adalah permainan pihak-pihak tertentu menjelang pilihan raya umum.

“Maklumlah, bila tidak ada isu, ada pihak mencari isu yang boleh mengeruhkan suasana. Hal-hal begini menjadi kelaziman dari zaman Tun Razak lagi,” ujar pihak berkenaan.

Pihak itu juga percaya hubungan Anwar dan Daim terus mesra tetapi mungkin orang-orang Daim yang tidak lagi mendapat projek-projek besar akan menyebarkan berita ini bagi menarik perhatian semua dan simpati rakyat.



BANYAK PIHAK MAHU SAKSIKAN ANWAR LAWAN MAHATHIR

Melihat tajuk buku ini, *Krisis Anwar - Mahathir*, mungkin ada pihak berpendapat saya hanya mahu mencetuskan isu kontroversi, walhal ia sebenarnya tidak mempunyai asas yang kuat dan mantap. Saya mungkin dituduh sengaja melaga-lagakan dua orang tokoh agung negara bagi kepentingan pihak-pihak yang berkepentingan. Ya, semua pihak boleh memberikan apa jua alasan di atas dakwaan dan telahan mereka.

Namun, seperti yang dibuktikan melalui buku *Anwar Lawan Ghafar?*, tidak ada yang mustahil dalam pentas politik Umno. Segalagalanya boleh berlaku dalam sekelip mata. Kerakusan mengejar tampuk kuasa dan keangkuhan untuk mengekalkan teraju takhta mengemudi negara tidak mengenal erti persahabatan dan persaudaraan. Nafsu tamak untuk terus mengaut dan merampok khazanah kekayaan negara sukar untuk dijinakkan. Siapa sangka Anwar akan menentang Ghafar, yang hanya sedang meniti detik-detik

senja dalam perjalanan politiknya? Siapa sangka Musa Hitam meletakkan jawatan akibat perselisihan faham dengan Mahathir selepas bersandiwara di depan umum, dengan berpeluk-pelukan tanda kemesraan?

Mahathir sudah ditinggalkan dua timbalannya. Musa dikatakan gopoh dan tidak sabar-sabar untuk menjadi Perdana Menteri. Musa dituduh memperalatkan segala apa yang mampu diperalatkannya untuk cepat menjadi PM dengan mengetepikan Mahathir. Seperti apa yang diungkapkan kembali oleh Musa dalam surat perletakan jawatannya kepada Mahathir tentang cakap-cakap orang tertentu mengenai hubungannya dengan Mahathir: *"Doc (Mahathir) cannot work together with Musa anymore but cannot do anything because Musa is too powerfull now"*

Ghaffar pula dikatakan terlalu sabar, dan percaya dengan akuan dan jaminan Anwar bahawa Anwar tidak akan bertanding. Akhirnya Ghaffar ditinggalkan dan dihina, sehingga terpacul dari mulut Ghaffar: "Kalau Umno mahu sembelih saya, terserah." Ghaffar diperlakukan seperti kupang tembaga oleh anak-anak muda yang belum lahir ketika Ghaffar sudah menabur bakti kepada Umno. Jadi, sejarah telah membuktikan kegopohan Musa dan kesabaran Ghaffar tidak berjaya untuk disatukan dengan stail politik Mahathir.

Namun analisis Sanusi masih relevan dalam perbincangan ini. Menurut Sanusi: Krisis boleh berlaku di dalam kepemimpinan kalau ketua dengan timbalan tidak secocok. Datuk Onn adalah pemimpin Umno pertama. Datuk Onn orang yang dinamik. Pembantunya, seperti Tun Razak, juga dinamik. Itu sebab jadi krisis, akhirnya Datuk Onn berhenti. Datuk Onn diganti dengan Tunku Abdul Rahman. Tunku pemimpin yang tenang dan sabar. Tun Razak, timbalannya, dinamik dan agresif. Mereka boleh kerjasama. Bila Tunku berhenti, Tun Razak naik. Tun pemimpin dinamik dan agresif dan timbalannya, Tun Dr Ismail, sekejap. Lepas itu Tun Hussein yang tenang dan sabar. Lepas Tun Razak meninggal, naiklah Tun Hussein. Timbalannya Dr Mahathir yang dinamik dan agresif. Apabila Dr Mahathir jadi PM, Datuk Musa jadi timbalannya. Musa pun dinamik dan agresif. Mengikut pepatah Cina, tak boleh ada dua ekor harimau atas satu puncak gunung. Maka seorang kena pergi, Datuk Musa pun pergi.

Tiba-tiba datang Ghafar Baba yang tenang dan sabar berganding dengan Mahathir yang dinamik dan agresif. Justeru itu Sanusi menyimpulkan, jika kita mahu Dr Mahathir terus memimpin dengan selesa untuk menyelesaikan banyak lagi program yang belum selesai, maka kita kena bantu beliau dengan memberi seorang yang tenang dan sabar seperti Ghafar Baba.

Nasib Anwar pula bagaimana? Menurut pemerhati politik Anwar dilihat lebih rakus, lebih bernaftu besar, lebih ghairah mendaki kerjaya politik yang lebih tinggi daripada Musa Hitam. Anwar hanya masuk Umno kerana mahu jadi PM! Anwar menyertai Umno bukan untuk jadi menteri biasa, ataupun hanya sempat dinobatkan sebagai Timbalan Perdana Menteri, ataupun demi untuk hidup mewah selepas puas memaki Umno. Anwar tinggalkan ABIM dan mengecewakan rakan-rakannya dalam PAS kerana merasakan parti-parti lain tidak akan dapat membawanya ke Seri Perdana. Hanya itu sebab dan punca utama Anwar menyertai Umno. Anwar tidak pernah sayangkan Umno dan menyintai perjuangan Umno. Anwar terpaksa masuk Umno kerana pada pandangan dan keyakinannya, hanya Umno dapat meletakkannya sebagai PM selepas Mahathir.

Mungkin andaian Anwar mahu mencabar Mahathir boleh ditolak, dalam keadaan Anwar baru saja dilantik menjadi TPM. Saya sendiri pun tidak percaya Anwar akan menentang Mahathir dalam pemilihan Umno akan datang, jika Mahathir terus mahu menerajui Umno. Tidak ada sebab Anwar harus berbuat demikian. Pertama, memang Mahathir mahukan Anwar sebagai penggantinya, bukan orang lain. Walaupun Mahathir pernah dan lebih rapat, pada satu ketika dulu, dengan Abdullah Ahmad Badawi dan Sanusi Junid, tetapi mereka berdua nampaknya seperti telah ditinggalkan Mahathir. Mereka pula kalah dalam pemilihan Umno yang lalu. Cara Mahathir melayani Anwar semenjak hari pertama Anwar masuk Umno menyerlahkan keyakinan dan harapan tinggi Mahathir terhadap Anwar. Tidak pernah seorang PM memberikan segala yang diperlukan oleh seorang anak muda yang diharapkan menggantikannya satu masa nanti seperti apa yang dilakukan oleh Mahathir kepada Anwar. Justeru itu mengapa pula Anwar harus bersikap seperti kacang lupakan kulit.

Ini berbeza dengan apa yang berlaku kepada Musa Hitam. Sekiranya Musa bersabar pun, dengan tidak mengambil endah apa yang dilakukan oleh orang-orang kanan Mahathir terhadapnya, kemungkinan besar Musa akan tertinggal keretapi. Musa ketika itu, selain terus berhadapan dengan saingan yang sengit dari Tengku Razaleigh Hamzah, beliau tentunya melihat dengan penuh iri hati cara Mahathir melayan anak emasnya, Anwar Ibrahim. Musa harus bertindak sesuatu. Jika Musa tetap bersabar, menunggu peluang menggantikan Mahathir dalam keadaan beliau menyedari Mahathir sudah ada "kekasih" baru, mungkin nasibnya tidak jauh berbeza dengan apa yang berlaku selepas beliau meletakkan jawatan.

Sedangkan apa yang dihadapi oleh Anwar sekarang cukup selesa baginya. Semua anggota dalam kumpulanya menang. Rahim Tamby Chik yang mempunyai banyak masalah itu pun dimenangkan oleh perwakilan Pemuda Umno. Ghafar pula mengalah dan nampaknya seakan-akan hilang terus dari percaturan politik Umno. Media pula mendokong kuat kepemimpinan Anwar. Canang dipalu di seluruh negara tentang kehebatan Anwar. Dari segi kewangan Anwar selaku Menteri Kewangan tidak menghadapi sebarang masalah. Anwar kini tidur di atas duit, lalu apa yang mahu digentarkan?

Apa yang perlu Anwar risaukan? Siapa musuh saingannya yang terdekat? Pak Lah? Apa lagi yang tinggal pada Pak Lah? Mungkin senyumannya yang manis dan ceria itu sahaja. Tak tahulah kalau pemikiran Mahathir mudah berubah. Ini kerana menurut mereka yang arif, pemikiran Mahathir amat sukar untuk dijangka. Mahathir selalunya bertindak melanggar adat kebiasaan dan jangkaan umum. Dan sememangnya Mahathir tidak akan bertindak seperti apa yang ditanggap oleh orang lain. Mahathir seperti cintakan kelainan. Kita sukar untuk meneka siapa penasihat Mahathir. Kalau bagi Anwar, mungkin ada pihak merasakan teman-teman rapatnya semasa dalam ABIM dulu banyak mempengaruhi Anwar, tetapi tidak bagi Mahathir. Dan tidak mustahil Anwar sendiri tidak dapat menjangka apa yang dihasrat dan difikirkan oleh Mahathir, walaupun mereka nampaknya rapat dan akrab.

Tidak syak lagi Mahathir mahukan Anwar menggantikannya.

Tapi, seperti kata Dr Syed Husin Ali: *"Mahathir wants a strong No. 2, but he doesn't want Anwar to be strong enough to oust him."* Siapa tahu fikiran Mahathir boleh berubah sekiranya dalam tempoh Anwar menjadi TPM banyak karenah Anwar yang menyinggunginya. Sesungguhnya teman rapat itu amat berpotensi untuk menjadi musuh nombor satu. Misalnya, hubungan Musa dengan Mahathir. Begitu akrabnya mereka hingga pernah sama-sama ditendang dari Umno. Mereka juga dikatakan banyak terpengaruh dengan faham sosialis. Tan Sri Ghazali Shafie, di waktu menjadi Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pernah mencuba untuk memangsakan Mahathir dan Musa dengan memaksa seorang tahanan ISA, Syed Husin Ali, kini Presiden Parti Rakyat Malaysia mengaku bahawa dia menjadi orang perantara antara golongan sosialis luar negara dengan Mahathir dan Musa untuk menjatuhkan kepemimpinan negara waktu itu. Ya, siapa sangka, persahabatan akrab dan intim itu hancur berkecai apabila munculnya Anwar.

Faktor Mahathir mahukan Anwar sebagai penggantinya tidak bermakna laluan Anwar lebih mudah dan selesa. Mahathir hanya mahukan Anwar menggantikannya tetapi Mahathir tentunya tidak suka dalam keadaan dia masih jadi PM, Anwar dilihat tidak sabar-sabar lagi mahu meminggirkannya. Mahathir juga tentunya tidak mahu timbalannya begitu kuat hingga mampu menggerhanakannya. Jika itu yang berlaku berkecailah segala perancangan dan tindakan politiknya selama ini. Kelak Mahathir akan dilupakan orang kerana kehebatan ketokohan Anwar yang terbilang itu. Rakyat Malaysia mudah melupakan jasa tokoh-tokoh negarawan yang pernah memimpin negara jika ditampilkan pula tokoh yang lebih bergaya dan memikat.

Mahathir hanya mahu pembantu yang baik, rajin, tangkas, bijaksana, cekap, berwawasan dan yang paling penting ialah mendengar kata. Mahathir tidak mahu pembantunya lebih kuat darinya. Mahathir tidak mahu timbalannya lebih segar, menawan dan disukai ramai daripada dirinya. Dalam hal ini sudah nampak tanda-tanda Anwar akan menjadi lebih popular daripada Mahathir. Mahathir sudah tua. Sedangkan Anwar masih muda belia. Usia Anwar sebaya dengan Bill Clinton, John Major dan Goh Chok Tong. Usia Mahathir sebaya dengan Ghafar, yang berjaya dipencilkan,

antara lain, kerana faktor usia. Pendekatan Anwar lebih digemari rakyat. Anwar lebih bijaksana melayani selera semasa. Dan yang lebih penting, Anwar menguasai semua media utama. Dan media ini dengan begitu mudah boleh dikerah bila-bila masa untuk menjulang imejnya sebagai pemimpin masa depan. Media ini juga boleh diarahkan untuk memberi gambaran negatif, secara tidak langsung, terhadap kepemimpinan Mahathir. Biar rakyat melihat kepemimpinan Mahathir kering dan kaku, serta disemangati unsur-unsur kediktatoran. Akhbar-akhbar berpengaruh dan saluran TV ini boleh menjayakan impian Anwar seperti yang dibuktikan ketika menentang Ghafar tempoh hari.

Balik kepada perbincangan awal tadi, buku ini bukan bertujuan mencetuskan satu babak pertempuran baru. Rakyat belum lupa dengan pertentangan Anwar-Ghafar. Lukanya masih terasa. Parutnya masih belum kering dengan darah hitam. Janji-janji pihak yang menang belum dapat ditunaikan sepenuhnya. Begitu banyak wang yang ditabur. Kesan buruk jangka panjangnya akan dirasakan rakyat. Inflasi meningkat. Nilai ringgit turun. Justeru itu, tentulah tidak wajar gelanggang pertempuran ini dibuka semula. Sekiranya benar Anwar akan bertempur dengan Mahathir, sama ada secara langsung ataupun tidak langsung, yang rugi ialah rakyat, yang merana ialah masyarakat awam. Tidak ada pihak yang untung kecuali pedagang-pedagang politik yang meraih keuntungan dengan penganugerahan projek-projek yang menguntungkan. Golongan ini memang mahu Anwar dan Mahathir bergaduh. Mereka tidak mahu kekayaan negara diagih-agihkan. Mereka mahu membolot segala-galanya untuk memenuhi tembolok puak mereka sendiri. Di kala itu timbullah isu perselisihan Anwar dengan Daim, bekas Menteri Kewangan yang banyak jasanya kepada Mahathir dan juga kini menjadi penasihat ekonomi negara.

Inilah kunci masalah yang akan bertindan-tindih ini. Anwar dan Daim, juga bekas rakan yang akrab, kini sudah tidak sehaluan lagi. Masing-masing mahu mencipta sejarah sendiri. Daim dari segi empayar perniagaannya dan Anwar dengan penguasaannya dalam bidang politik. Namun kedua-duanya, politik dan perniagaan, dalam Umno saling bergantung. Walaupun Daim rasanya tidak bercita-

cita untuk menjadi PM kerana merasakan keupayaannya dalam bidang itu tidak seberapa, tetapi Daim menggunakan kuasa dan naungan politik untuk mengaut kekayaan sebanyak mungkin. Berbeza dengan Anwar, yang menggunakan limpahan duit untuk memastikan beliau terus mendaki ke puncak kerjaya politik yang lebih tinggi.

Orang-orang Daim tentunya tidak mahu berkongsi kekayaan dan nikmat pembangunan negara dengan juak-juak atau budak-budak Anwar. Mereka merasakan budak-budak Anwar yang ghairah menjadi jutawan dan laksawan begitu mentah dan tidak mempunyai asas keusahawanan yang baik. Begitu juga dengan tanggapan budak-budak Anwar yang kini mabuk kuasa dan gila duit itu. Mereka mahu memastikan penguasaan Daim berakhir. Era Daim sudah berlalu. Sudah banyak gunung emas yang dikaut oleh Daim dan konco-konconya. Semuanya hasil pergantungan dengan naungan politik Mahathir. Kini berilah giliran kepada budak-budak Anwar pula. Biarlah sama-sama merasakan nikmatnya Anwar menggulingkan Ghafar. Kata mereka, berilah peluang kepada usahawan yang lebih beretika dan berakhlak, serta lebih faham kehendak agama, untuk menjayakan projek-projek pembangunan kerajaan. Dan Anwar, menurut mereka, mampu mewujudkan generasi usahawan baru yang Islamik.

Masing-masing boleh mendakwa dan menyalahkan pihak yang lain. Nyata kuasa politik dan puaka kepesatan pertumbuhan ekonomi negara bukan suatu nikmat buat rakyat jelata. Ia hanya dibolot oleh segelintir kecil orang yang rapat dengan Anwar, Mahathir dan Daim. Tanyalah Sanusi. Tanyalah Pak Lah. Tanyalah menteri-menteri yang lain. Saya pasti mereka juga kecewa dan cemburu dengan kuasa yang dimiliki oleh Anwar, Daim dan Mahathir. Justeru itu agaknya ramai dari mereka yang mahu menyaksikan pertarungan terbesar dekad ini: Anwar lawan Mahathir dan Daim. Dalam diam-diam mungkin setengah dari mereka berdoa, hasil pertandingan itu akan menjahanamkan kesemuanya. Maknanya, tidak ada pemenang mutlak dalam persaingan kali ini. Semuanya hancur!



KALI ini Rahim menang, walaupun dia banyak kes rasuah dan dilabelkan kaki perempuan. Mungkin itu yang Anwar mahu, seorang Ketua Pemuda Umno yang lemah, mudah dikawalanya. Syed Hamid apa khabar? Dengar kata mahu bertanding naib presiden tahun 1996.



MUNGKINKAH kedua-dua seteru politik ini akan berbaik semula. Kata orang Pak Lah mudah tunduk dengan keadaan. Tapi kalau Daim mahu sokongnya lawan Anwar, mungkin Pak Lah kembali agresif.

BUKTI DAIM LEBIH BERPENGARUH DARI ANWAR

Apakah Malaysia kini mempunyai dua orang Menteri Kewangan, Anwar Ibrahim dan Daim Zainuddin? Apakah Anwar terlalu lemah penguasaannya terhadap hal ehwal kewangan negara hingga ia banyak dibayangi oleh pengaruh Daim? Mengapa pula Mahathir perlu mewujudkan jawatan Penasihat Ekonomi Kerajaan? Apakah Mahathir tidak yakin akan kebolehan dan kewibawaan Anwar untuk menerajui Kementerian Kewangan dan menguruskan khazanah perbendaharaan negara? Dan siapakah yang lebih berpengaruh, Anwar atau Daim, terhadap perjalanan kewangan negara? Apakah benar Anwar masih dibayangi pengaruh Daim hingga tidak mampu mencetuskan idea-idea baru yang berkesan tentang dasar kewangan negara? Apakah segala projek berbilion-bilion ringgit terus dibolot oleh Daim dan orang-orangnya dan ini menyebabkan orang-orang Pak Syeikh kecewa dan marah?

Asiaweek terbitan 11 Mei 1994 membuat laporan khas

mengenai konflik Anwar - Daim, yang dikira boleh mencetuskan Anwar - Mahathir. Antara laporannya seperti berikut: *"We still regard Daim as the real finance minister," says the head of one Kuala Lumpur brokerage. "Any new deal has to be cleared by him and the PM." If Anwar were to take some financial initiative, he adds, people would wonder if he knew what he was doing. "Anwar is indecisive," says a leading businessman. "Look at how he dithered over the central bank's foreign-exchange losses. He should have accepted the governor's resignation last year. Daim would have." Anwar said recently that Daim's role as a special economic adviser "is to advise, not activate. We value his advise, but that's what he is - an advisor."*

Difahamkan Daim sendiri yang mencadangkan kepada Mahathir supaya dilantik Anwar menggantikan tempatnya di Kementerian Kewangan. Mengapa Daim memilih Anwar sedangkan Daim tentunya memaklumi kemampuan dan penguasaan Anwar dalam hal kewangan? Apakah Daim mencadangkan Anwar kerana merasakan dia boleh terus berkuasa di atas kelemahan Anwar tadi? Apakah Daim menyangka Anwar akan banyak mengalah kepadanya mengenangkan banyak bantuan kewangan yang diberikan Daim kepada Anwar yang seterusnya membantu melonjakkan kerjaya politik Anwar. Tapi rasanya jika Daim tidak mengemukakan nama Anwar pun, Mahathir tetap memilih Anwar, demi menyediakan tapak paling kukuh dan ampuh buat Anwar mengembangkan pengaruhnya bagi memastikan Perdana Menteri selepas Mahathir ialah Anwar. Semasa ketiadaan Daim di dalam negeri, Anwar, yang ketika itu Menteri Pendidikan, dilantik sebagai pemangku Menteri Kewangan.

Menjadi Menteri Kewangan di zaman penswastaan dan banyaknya terbitan saham baru cukup menguntungkan dari segi politik. Tiada kementerian lain yang menyuburkan budaya politik wang sehebat Kementerian Kewangan. Tiada menteri Kabinet yang memperolehi banyak kelebihan untuk bertanding atas apa juga jawatan dalam pemilihan Umno selain Menteri Kewangan bersama-sama timbalan dan setiausaha parlimennya. Tanyalah Sanusi, apa manfaat jawatannya sebagai Menteri Pertanian dalam pertandingan 1993. Mungkin nasib Pak Lah di Wisma Putra lebih baik daripada Sanusi lagi.

Namun begitu bayang-bayang Daim tetap membayangi pengaruh dan kehebatan Anwar, khususnya dari segi hal ehwal kewangan. Ada pihak berkata Daim masih kuat berpengaruh dalam merancang serta melaksanakan projek-projek pembangunan yang besar-besar, yang memakan belanja beribu-ribu juta ringgit. Apakah Mahathir sengaja meletakkan Daim di tempat yang strategik bagi memastikan kedudukan Anwar tidak terlalu kuat dari segi penguasaan ekonomi sehingga boleh menggoncangkan kedudukan Mahathir sendiri? Mahathir tentunya arif apa yang dilakukan oleh Anwar di Kementerian Kewangan dalam usahanya menyingkirkan Ghafar. Mahathir tentunya tidak mahu tragedi menimpa Ghafar berulang kepadanya. Mungkinkah Daim dapat berperanan untuk mengawal kerakusan Anwar dan juak-juaknya yang sedang mabuk kuasa dan wang itu, dengan memastikan tidak semua projek-projek besar dibolot oleh mereka? Hanya Mahathir yang mengetahui apa sebenarnya di sebalik episod dan adegan politik tanahair yang sengaja dirancangnya.

Ketika ditanya wartawan *Asiaweek* mengenai keupayaan Anwar sebagai Menteri Kewangan, Daim berkata: *"Anwar is very pragmatic and very intelligent. The economy has proved that he has done well. For someone who doesn't have a business background, I don't think you can fault Anwar - so far. I get along well with him. We exchange views."* Menjawab persoalan apakah beliau gembira melihat Anwar menjadi PM satu hari nanti, Daim berkata: *"Mahathir is a very strong leader. As long as he is healthy and wants to carry on, we are all interested in seeing him do so. I don't think Anwar is in a hurry. He has only been deputy PM a few months. You grow with the job. Give Anwar time. And when the PM initiated the Bakun Dam project, he said he'd want to around for the opening 2002."* Wawancara khas dengan Daim yang bertajuk *"Mr. Money Speaks"* ini disiarkan pada 23 Mac 1994. Manakala laporan khas tentang isu kontroversi hubungan Anwar - Mahathir yang disiarkan pada 11 Mei, lebih kurang dua bulan selepas itu, diberi tajuk menarik *"A Man in a Hurry: Speculation Grows That Anwar Wants to Move Up."* Perhatikan kenyataan Daim dalam wawancara dengannya: *"I don't think Anwar is in a hurry."*

Apa pun analisis yang dikemukakan dan hujah yang diberikan, namun ada satu peristiwa yang dengan jelas membuktikan

cakap Daim tentang pasaran saham begitu berpengaruh berbanding Anwar, malah Mahathir sendiri. Pandangan Mahathir tidak diendahkan, ibarat mencurahkan air ke daun keladi. Nasihat Anwar supaya para pelabur tidak terikut-ikut dengan bahang spekulasi di Bursa Saham Kuala Lumpur tidak diendahkan. Kata Anwar: "Siapa berani bermain api harus sanggup terbakar tangan." Beberapa orang tokoh pelaburan, misalnya, Pengurus Besar BSKL, Salleh Majid dan Ketua Eksekutif PNB, Khalid Ibrahim juga memberi nasihat yang sama. Tapi harga saham terus naik dan naik lagi, hingga tidak terkawal. Bagaimanapun apabila Daim buka mulut dan menasihatkan para pelabur "berehat" sekejap, pasaran saham keesokannya, bermula 11 Januari 1994, kecoh dan gempar, harganya jatuh menjunam. Di bawah ini saya rakamkan semula hasil wawancara Bernama dengan Daim, yang disiarkan oleh akhbar-akhbar tempatan pada 11 Januari 1994:

Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin, menafikan yang beliau mempunyai kaitan dengan beberapa kaunter di Bursa Saham Kuala Lumpur yang saham masing-masing melambung begitu tinggi sejak akhir-akhir ini. Sambil menjelaskan bahawa kecergasan pasaran sekarang kebanyakannya "didorong oleh khabar angin dan pinjaman", beliau berkata ada beberapa pelabur yang mengaitkan namanya dengan kaunter-kaunter yang meningkat dengan kukuh itu.

"Apa yang berlaku di pasaran menakjubkan saya. Walaupun saya seorang pelabur di pasaran, saya tidak membeli kaunter-kaunter yang dimaksudkan," katanya dalam temubual dengan Bernama. Daim menafikan beliau terbabit dengan syarikat-syarikat seperti Lien Hoe, AP Land, Seal Incorporated, Palmco Holdings, Sin Heng Chan, Sri Hartamas, North Borneo Timbers, Binaan Setegap, Econstates, Anson Perdana dan Glenealy.

"Ini sebahagian daripada kaunter-kaunter yang dikaitkan dengan saya. Saya dengar ada banyak lagi," kata beliau, sambil melahirkan rasa hairan bagaimana begitu ramai orang mempercayai khabar-khabar angin itu. Sebagai

contoh, beliau berkata satu kaunter melonjak daripada RM1.70 kepada RM17.00 dalam masa yang singkat. "Tak gilakah itu?" katanya.

Daim berkata banyak orang memasuki pasaran disebabkan cakap-cakap kononnya ada tokoh tertentu menguasai sesetengah projek yang membawa keuntungan besar. "Ini tidak wajar kerana ia cara salah menyertai pasaran saham," kata beliau.

Mengenai pelaburannya, Daim berkata beliau kini telah menjualnya kecuali beberapa saham mewah. "Saya hanya bermain untuk wang saku. Saya perlu wang untuk perbelanjaan hujung minggu tetapi ada orang berkata saya pelabur besar," katanya. Daim berkata pelabur yang mengaut keuntungan dari pasaran seharusnya tidak bersikap tamak kerana tujuan memasuki pasaran saham ialah untuk melabur, bukannya berjudi.

"Jika anda bermain api dan ia tidak terkawal, khususnya bagi yang tidak ada pengalaman, anda pasti akan terbakar," kata Daim, sambil menasihatkan pelabur supaya jangan terlalu bergantung kepada khabar angin dan pinjaman.

Katanya: "Tidak ada salahnya melabur tetapi ia perlu bergantung kepada asas pasaran dan bukan khabar angin. Pasaran ini didorong oleh khabar angin dan ini amat tidak baik. Mereka yang memberi pinjaman kepada golongan yang terbabit dengan unsur spekulatif seharusnya berhati-hati. Masalahnya ialah orang kerap lupa. Kebanyakan orang tidak belajar daripada kesilapan masa lampau," kata Daim, yang menarik perhatian kepada kejatuhan pasaran di Taiwan pada 1990 dan Jepun pada 1992 ketika pinjaman sukar diperolehi.

"Apabila berlaku kejatuhan, yang akan menderita ialah pelabur kecil dan baru. Merekalah yang akan cemas. Jika mereka menyertai pasaran dengan wang simpanan, mereka tidak mempunyai pilihan (kecuali untuk menjual)," kata Daim.

Katanya, beberapa “jutawan atas kertas” wujud di pasaran setiap hari dan ada juga yang menjadi *billionaire* ketika berlaku kenaikan harga. Bagaimanapun, keadaan begini tidak dapat kekal kerana pembetulan akan berlaku memandangkan terdapat ciri-ciri ke arah itu dalam pasaran sekarang.

Banyak orang tertanya-tanya bila akan berlaku pembetulan yang besar di BSKL selepas peningkatan yang mendadak itu, kata beliau. Daim berkata: “Soalan besar sekarang ialah bila. Ada yang berkata ia akan berlaku sebelum Tahun Baru Cina, ada yang berkata sebelum Hari Raya. Tetapi apabila kejatuhan berlaku, kesannya akan teruk kerana pasaran meningkat terlalu tinggi, terlalu cepat.”

Indeks Komposit BSKL, contohnya, melepasi tahap 1,320 minggu lepas, satu tahap yang tidak langsung menjadi unjuran selewat pertengahan tahun lepas. Nilai saham yang diniagakan setiap hari mencecah angka RM5,320 juta pada 5 Januari tahun ini. Walaupun berlaku pembetulan minggu lepas, masih ramai yang berpendapat bahawa pasaran akan meningkat lagi, dan ada pula yang berkata Indeks Komposit akan menyentuh angka 2,100 mata lewat tahun ini.

Daim berkata bahawa dengan harga yang begitu tinggi di BSKL, khususnya saham-saham di Papan Kedua, sesetengah orang tidak perlu bekerja. Katanya, tujuan asal Papan Kedua ialah bagi membolehkan usahawan kecil mendapat modal daripada pasaran dan syarat-syarat penyenaraianya dilonggarkan.

“Tetapi dengan harga yang amat tinggi sekarang, lebih menguntungkan jika saham dijual daripada menjalankan perniagaannya. Kita telah berada di tahap yang bahaya. Hampir semua memasuki pasaran. Semuanya sibuk menelefon. Nampaknya orang tidak bekerja. Mereka bercakap hanya tentang saham. Ini akan memberi kesan terhadap produktiviti ...dan produktiviti yang merosot akan menjejaskan ekonomi kita,” katanya.

Daim berkata kini terdapat banyak aliran mudah tunai dalam ekonomi Malaysia walaupun baru-baru ini Bank Negara menyerap lebihan wang itu. Menurut Daim ini ada kaitan dengan tindakan pengurus dana asing memindahkan wang "spekulasi" mereka ke Malaysia kerana negara ini mencatat pertumbuhan yang begitu baik sejak tujuh tahun lepas selain kadar inflasinya yang rendah.

"Tetapi jangan lupa ... mereka ini berada di sini untuk mengaut untung. Di akhir tahun kewangan, mereka perlu menunjukkan akaun mereka. Apabila mereka beredar, siapakah yang akan terjejas?" kata beliau. Daim mengingatkan pelabur bahawa bursa saham tertakluk juga kepada faktor luaran. Sebagai contoh, katanya, jika Amerika Syarikat menaikkan kadar faedahnya, ia akan memberi kesan kepada pasaran. Begitu juga jika sesetengah negara mengalami masalah dalaman.

"Ini adalah faktor di luar kawalan kita. Pelabur yang bijak tahu bila untuk berundur manakala yang kurang biasa pula akan terjejas apabila pasaran merosot," katanya. Daim berkata jika berlaku kejatuhan, tiada siapa yang dapat menahannya dan ramai yang akan merasai kesannya. "Kali ini, kerajaan tidak akan menyelamatkan sesiapa," kata beliau.

Katanya sungguhpun pasaran saham merupakan tempat yang baik bagi syarikat mendapatkan modal, ia tidak seharusnya dijadikan sebagai kasino. Di saat ini, nampaknya tiada siapa yang mahu mendengar nasihat yang baik, kata beliau merujuk teguran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim supaya pelabur tidak bersikap tamak.

"Nasihat ini tidak dipedulikan. Sikap tamak masih berkuasa," katanya.

Beliau juga gembira kerana semakin ramai Bumiputera memasuki pasaran tetapi berpendapat mereka harus

berwaspada kerana mereka masih baru dalam pasaran. Sambil berharap bahawa sebarang lebihan dana akan dilabur dan tidak diperjudikan, beliau berkata bermain saham seharusnya didasarkan kepada jumlah keuntungan yang mahu dicapai oleh seseorang pelabur.

“Dan jika masih ada yang tidak mahu berundur walaupun selepas mencapai sasarannya, maka kita hanya dapat berkata ‘semoga berjaya’ kepada mereka,” katanya. Daim berkata sebaik saja seorang pelabur memperolehi keuntungan yang menjadi sasarannya, dia harus berundur dan melabur keuntungan itu dalam usaha baru.

“Tetapi sebagai manusia, mereka akan kembali ke situ kerana mereka fikir ia (pasaran saham) tempat yang mudah untuk buat duit. Apabila seseorang itu tamak, dia akan hilang kesemuanya. Jika ini berlaku, dia tidak boleh menyalahkan orang lain kecuali dirinya. Nasihat dan teguran diberi oleh pucuk pimpinan. Jika ini tidak diendahkan, anda akan mengalami kesannya. Bagi saya, dalam keadaan pasaran sekarang, wang di saku lebih baik daripada saham yang dicagar kepada bank,” kata Daim.

Keesokan harinya, akhbar-akhbar melaporkan pasaran saham jatuh teruk. *Utusan Malaysia*, 12 Januari 1994 merakamkan sentuhan ajaib Daim ini: “Harga-harga saham di BSKL jatuh secara menyeluruh hari ini dengan indeks komposit (IK) mengalami kejatuhan paling teruk dalam sehari iaitu sebanyak 67.20 mata kepada 1,139.55 mata ekoran kenyataan Tun Daim Zainuddin semalam. Apabila ditutup petang ini kaunter rugi mengatasi yang untung dengan 413 mengatasi 24, 13 tidak berubah dan 37 tidak diniagakan. Kejatuhan dalam IK merebak ke indeks-indeks lain dengan Emas jatuh 21.57 mata kepada 352.04, setelah dibuka 373.61 mata, Indeks Papan Kedua merosot 18.4 mata kepada 342.96 mata. Indeks industri jatuh sebanyak 96.92 mata kepada 1,830.15 dari dibuka 1,927.07 dan Kewangan jatuh teruk sebanyak 461.67 mata kepada 7,929.62 mata, Hartanah jatuh 267.54 mata kepada 3,282.26 mata, Perladangan turun 291.69 mata kepada 3,573.29 dan Timah merosot sedikit iaitu 81.15 mata kepada 786.84 mata.”

Harga saham di BSKL terus menjunam bagi hari kedua berturut-turut sehingga hanya lapan kaunter sahaja yang menikmati keuntungan daripada 487 kaunter dengan Indeks Komposit (IK) jatuh sebanyak 73.33 mata lagi ke paras 1,066.22 mata apabila ditutup petang 12 Januari 1994.

Menurut *Utusan Malaysia*, 13 Januari 1994: "Kejatuhan IK hari ini melebihi 6.13 mata atau 6.4 peratus daripada paras semalam yang mencatatkan kejatuhan 67.20 mata ke paras 1,139.55 mata ekoran amaran Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan, Tun Daim Zainuddin yang disiarkan semalam. Ibu Pejabat Utusan menerima beberapa panggilan telefon daripada para pelabur yang marah terhadap kenyataan Daim. Kebanyakan kaunter-kaunter hari ini mengalami kerugian antara lima hingga sepuluh peratus. Pada sesi petang hanya tiga kaunter sahaja mengalami keuntungan."

Salleh Majid kemudiannya berkata para pelabur menanggung kerugian berjumlah lebih RM100 bilion akibat kejatuhan harga saham di BSKL sejak seminggu selepas kenyataan Daim disiarkan dalam akhbar-akhbar. Katanya, jumlah ini dikira daripada jumlah modal pasaran tertinggi yang pernah dicapai, iaitu kira-kira RM620 bilion bulan Disember 1993, kemudiannya merosot menjadi RM527 bilion pada 12 Januari, RM496 bilion pada 13 Januari dan RM557 bilion pada 14 Januari 1994. Pada 17 Januari modal pasaran ialah RM530 bilion.

Sebagai reaksi terhadap kejatuhan menjunam pasaran saham yang difaktorkan oleh kenyataan Daim itu, Pemuda DAP di bawah pimpinan ketuanya, Lim Guan Eng membakar akhbar *The Star* sebagai simbol protes mereka terhadap akhbar itu yang didakwa-nya bertanggungjawab menyebabkan harga saham jatuh. Mereka juga mahu *The Star* meminta maaf kepada para pelabur dan membayar pampasan RM1 juta kepada sebuah tabung bagi membantu mereka yang menjadi mangsa kejatuhan itu.

Bagaimanapun Daim, dalam kenyataannya selepas merasmikan Seminar Pembangunan Ekonomi anjuran Pemuda Umno Merbok menegaskan bahawa beliau tidak menyuruh orang ramai menjual semua saham, sebaliknya menasihatkan mereka, terutama yang

kurang berpengalaman, supaya lebih berwaspada: "Malah saya sendiri tidak menjual semua saham saya pada waktu itu. Saya hanya menasihatkan orang baru atau kurang pengalaman berwaspada. Saham akan turun dan naik. Orang yang tidak biasa kena berjaga-jaga. Kalau naik, berlaku tinggi. Apabila jatuh, kalau tidak berjaga-jaga akan bawa akibat tidak baik."

Daim kesal dengan laporan *The Star* yang menggunakan tajuk "*Daim: Get out now, don't say we didn't tell you*". Tekannya lagi: "Saya tidak suruh orang ramai jual saham. Akhbar *The Star* yang buat kenyataan kata saya suruh jual saham... Pengarang akhbar itu sepatutnya lebih bertanggungjawab dalam melaporkan berita yang membabitkan kepentingan umum."

Selain itu apa yang menarik ialah pembabitan Daim dalam BSKL, walaupun seperti katanya hanya untuk wang saku hujung minggu. Bagaimana seorang yang dikenali rapat dengan PM dan bertindak sebagai Penasihat Ekonomi Kerajaan boleh mencebur diri dalam pasaran saham secara terang. Saya pasti pembabitan Daim di BSKL bukan hanya untuk wang saku hujung minggu, tetapi Daim adalah pelabur/spekulator besar yang sentiasa mengaut keuntungan mewah hasil pengaruh dan kedudukannya. Daim sendiri mengakui minatnya yang mendalam dengan pasaran saham. Bercakap dengan *Malaysian Business*, Ogos 1990, ketika ditanya rancangannya selepas bersara, Daim berkata: "*We can then go to the KLSE and make some money, if we're lucky. Or lose, if we're unlucky.*" Kepada *Asiaweek* (23 Mac 1994) Daim mendakwa: "*I don't have private business. I only invest in the stock market.*"

HARI INI HARI GHAFAR, ESOK MUNGKIN GILIRAN SAYA

Umno kini lebih mantap, kukuh, disiplin dan bersatu padu. Perpecahan dalam parti yang berlaku pada tahun 1987 yang berakhir dengan pengharaman Umno telah mengajar kita semua supaya tidak terlalu mengikatkan diri kepada mana-mana individu. Sebaliknya kesetiaan kita hendaklah selalunya kepada parti.

Jika ahli-ahli Umno sedar akan hakikat bahawa kepentingan parti mengatasi segala kepentingan lain, saya yakin Umno akan sentiasa selamat dan terus maju. Umno yang selamat bukan sahaja akan menyelamatkan orang Melayu dan Bumiputera tetapi juga kaum-kaum lain di negara ini.

Kita berharap tidak ada lagi individu atau kumpulan dalam parti

Sedutan ucapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di Perhimpunan Agung Umno, 4 November 1993.

kita yang sanggup melihat Umno hancur kerana hasrat dan cita-cita peribadi mereka tidak tercapai. Umno adalah milik seluruh ahli parti dan bukan mana-mana individu atau kumpulan. Justeru itu, perjuangan Umno hendaklah untuk kepentingan semua ahli Umno dan bukan mana-mana individu atau pasukan.

Umno berpegang teguh kepada demokrasi kerana demokrasi adalah satu sistem yang adil dan selamat. Perkara yang terpenting dalam demokrasi ialah hak untuk memilih pemimpin. Ini bermakna pemimpin boleh ditukar jika majoriti ahli ingin berbuat demikian.

Tahun ini sekali lagi kita menghadapi pemilihan kepimpinan parti kita. Walaupun semenjak Umno ditubuhkan kita telah berkali-kali memilih pemimpin, namun kita masih tidak dapat mengelak daripada menghadapi masalah semasa pemilihan. Lebih tinggi jawatan yang ditandingi, lebih banyak masalah berlaku. Tetapi saya penuh harapan kita akan dapat mengatasi masalah dan kesan-kesan buruk yang dibawa bersama dengan pemilihan pemimpin.

Saya berasa sedih kerana Yang Berhormat Encik Ghafar Baba telah memilih untuk meletakkan jawatan Timbalan Perdana Menteri dan semua jawatan lain dalam Kerajaan dan parti. Encik Ghafar telah menyumbangkan tenaga dan fikiran kepada parti kita semenjak ianya ditubuhkan dan telah memegang jawatan Naib Presiden selama 25 tahun, satu rekod bagi seorang pemimpin parti. Kemudian beliau memegang jawatan Timbalan Presiden. Saya amat terhutang budi kepada Encik Ghafar kerana telah sanggup memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri apabila Dato' Musa Hitam melepaskan jawatan itu pada tahun 1986. Sokongan dan kerjasama daripada Encik Ghafar menolong saya dan parti mengatasi krisis dan pengharaman Umno pada tahun 1988. Bagi pihak diri saya, Majlis Tertinggi dan semua ahli parti, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Encik Ghafar kerana khidmat dan jasanya kepada parti dan juga Kerajaan. Saya berdoa Encik Ghafar berjaya dalam apa juga kegitannya selepas ini. Jasa beliau tetap dikenang.

Dalam proses pemilihan pemimpin-pemimpin kali ini mungkin saya telah melakukan sesuatu yang menyebabkan sangkaan bahawa saya tidak betul-betul berkecuali. Saya tidak sengaja jika saya telah melakukannya. Saya mohon maaf. Hanya saya percaya bahawa apa

yang saya lakukan adalah untuk kebaikan parti. Masa akan menentukan sama ada apa yang dibuat atau tidak dibuat oleh saya ini benar-benar untuk parti atau tidak.

Sebagai seorang yang dilantik oleh ahli-ahli Umno, saya sedar bahawa walau bagaimana popular sekalipun seseorang pemimpin itu, akhirnya ia akan digugurkan juga. Saya akan menerima apa juga keputusan parti terhadap saya apabila tiba masanya. **Hari ini giliran orang lain, esok mungkin giliran saya pula.** Demikianlah politik.

Dalam pertandingan ini mereka yang akan kalah patutlah bersedia untuk menerima kenyataan. Kekalahan tidak menghinakan kita. Yang menghinakan kita ialah apabila kita bertindak liar kerana marah apabila kalah. Yang mulia antara yang kalah ialah mereka yang akan terus menyumbangkan khidmat mereka kepada parti. Alhamdulillah, ramai daripada mereka yang sudah tidak menjadi pemimpin parti atau memegang jawatan dalam Kerajaan masih aktif dalam hal ehwal parti. Saya percaya mereka ini sedar mereka naik dahulu pun kerana parti. Mereka bukanlah daripada jenis orang yang membakar jambatan setelah menyeberang.

Bagi yang menang pula, saya ingin mengingatkan mereka bahawa ini adalah hari mereka. Esok mereka juga mungkin jatuh. Justeru itu **janganlah terlalu sombong dan angkuh kerana kemenangan.** Kemenangan tidak bermakna jika kita hanya mendapat separuh sahaja daripada parti. Janganlah jadikan kemenangan sebagai punca perpecahan parti. **Janganlah fikir kita boleh mengambil semua dan boleh menyingkirkan mereka yang tidak bersama kita.** Yang kalah pun mendapat sokongan juga dan mereka masih berhak.

Selepas pemilihan, ahli-ahli Umno hendaklah merapatkan semula barisan. Ingatlah bahawa kita tidak berjuang untuk parti kita Umno. Jika calon kita menang tetapi parti kita hancur atau lemah, sebenarnya kita kalah. Parti kita bukan milik orang yang bertanding atau orang kanan mereka. Umno dimiliki oleh semua ahli Umno, bahkan ia dimiliki oleh semua orang Melayu dan Bumiputera.

Ada yang berjuang untuk mendapat tempat, jawatan dan pangkat. Umno tidak mempunyai tempat untuk orang seperti ini. Jika

kita ingin mendapat tempat, sebabnya mestilah kerana inginkan peluang untuk menjayakan idea-idea kita, idea-idea yang kita percaya boleh mendatangkan kejayaan dan kebahagiaan kepada parti, agama bangsa dan negara.

Umno tidak hanya memerintah. Umno bertanggungjawab untuk menyelesaikan berbagai-bagai masalah, terutamanya masalah orang Melayu dan Bumiputera. Umno mesti menyelesaikan masalah-masalah ini tanpa merosakkan negara, bahkan di samping membangunkan negara. Untuk itu, kita perlu kepada idea-idea atau pemikiran-pemikiran yang bernas dan tajam. Tetapi **kita juga perlu kepada pengalaman yang luas dan yang boleh membeza dan menilai akan idea-idea yang dikemukakan oleh pemimpin atau pihak lain.**

Kita perlu berlumba dengan negara-negara lain. Kita perlukan kestabilan dan kita perlukan pembangunan. Kita perlu kekal sebagai negara yang benar-benar merdeka. Untuk menentukan semua ini, kita perlukan kepimpinan yang serba berkemampuan dan serba cekap. Kita perlukan pemimpin-pemimpin yang cekap berpolitik dan cekap mentadbir. Kita perlukan pemimpin-pemimpin yang patriotik. Jika semua kualiti ini tidak ada pada seseorang individu, dan memang ianya sukar didapati, sekurang-kurangnya kualiti-kualiti ini perlu ada di kalangan mereka yang menerajui parti dan menganggotai Kerajaan. **Mereka mesti bekerja sebagai satu pasukan dan bukan kerana mereka daripada satu pasukan.** Tidak ada tempat bagi primadona dalam Kerajaan. Yang perlu diutamakan ialah kecekapan, kemahiran, kesanggupan membelakangkan diri dan mengutamakan tugas dan negara.

Segala-galanya ini bergantung kepada ahli-ahli yang diberi kuasa memilih. Kita akan dapat apa yang padan bagi kita. Baik atau buruknya Kerajaan yang dipilih adalah kerana kita. Jika kita memilih mengikut nafsu, buruk padahnya. Sebaliknya, jika kita membuat penilaian yang baik terhadap pemimpin yang kita pilih, insya-Allah kita akan mendapat kebahagiaan.

CAKAP MAHATHIR SUDAH TIDAK DIENDAHKAN LAGI

Mahathir secara jelas menolak Kumpulan Wawasan dalam ucapannya sewaktu merasmikan Perhimpunan Agung Umno pada 4 November 1993. Begitu juga semasa berucap kepada ketua-ketua bahagian pada 2 November 1993, Mahathir menyuarakan rasa hatinya yang tidak senang dengan pendekatan berkempen secara kumpulan dan amalan politik wang. Hanya ada satu klik yang muncul dalam pemilihan pucuk kepimpinan Umno 1993, iaitu Pasukan Wawasan, yang terdiri daripada Anwar Ibrahim sendiri, Najib Tun Razak, Muhyiddin Yassin, Muhammad Muhd Taib dan Rahim Tamby Chik. Calon-calon yang menyokong Ghafar, seperti Pak Lah dan Sanusi tidak membentuk kumpulan yang jelas. Malah menurut Ghafar, dia tidak pernah menganggap Pak Lah dan Sanusi sebagai orangnya. Tiada pakatan, katanya. "Saya tidak buat pakatan dengan siapa-siapa. Bagi saya semua ahli Umno sama," kata Ghafar. Begitu juga dengan calon Ketua Pemuda, Isa Samad. Beliau berhasrat

menyertai Pasukan Wawasan jika ditakdirkan menang.

Bagaimanapun akhbar-akhbar harian berbahasa Melayu tidak menonjolkan berita yang dianggap tidak menguntungkan Anwar itu. Ketua-ketua editor *Utusan Malaysia* dan *Berita Harian* mungkin merasakan kenyataan Mahathir mengkritik pembentukan kem atau kumpulan dalam Umno untuk bertanding itu sebagai mengkritik Anwar, tokoh pujaan mereka, yang melancarkan a *series of road-shows* di seluruh negara.

Hanya akhbar *The Star* yang menjadikan kenyataan Mahathir itu sebagai tajuk utamanya: "PM: I don't favour teams". Dalam analisisnya, akhbar itu memuatkan rencana khas mengenai urutan kenyataan PM itu, yang antara lain merakamkan:

However, just a day before the assembly, party president Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dropped a bombshell which threw the race for the VP wide open. Addressing division leaders, all of whom were delegates, Dr Mahathir said he was not in favour of any team approach and voiced his distaste over the rampant use of money to buy votes. His caustic remarks created elements of uncertainty among delegates, especially those who were swept by the rhetoric of the Wawasan team. The PM made it clear he was not pleased with the factionalism in the campaign tactics adopted by some candidates. His message obviously sent shock waves through the delegates whose interpretation of Dr Mahathir's remarks was that he was not in favour of having a group of leaders representing just one section of members.

Another Wawasan campaign from Pahang said the intervention by Dr Mahathir meant the incumbents Datuk Seri Sanusi Junid and Datuk Abdullah Ahmad Badawi were now back in the running. "Luckily there are only two of them and this means that at the worse, one of the Wawasan candidate will make it for the VP. We must land another... that is the objective now," he added.

However, an Abdullah supporter said the intervention might have come too late because many of the delegates had made up their minds. "I wonder how many of them will listen to the PM and will the mass media be able to report what has been said," he added.

Ada beberapa persoalan menarik di sini. Apakah apabila per-

wakilan memilih semua calon Pasukan Wawasan, yang diketuai Anwar - meskipun mereka tahu Mahathir mahu sama ada Abdullah Badawi atau Sanusi Junid, atau kedua-duanya sekali menang - bermakna mereka tidak lagi menghormati nasihat ataupun pandangan Mahathir? Menurut penganalisa politik di London, Michael Leifer: *"Mahathir effectively lost control in November of the political party he heads."* Mungkin perwakilan Umno sudah merasakan pemimpin sebenar dalam Umno bukan lagi Mahathir tetapi tokoh muda yang diselimuti kehebatan dan kewibawaan, Anwar Ibrahim? Atau, amalan politik wang yang bermaharajalela dalam kempen menjelang 4 November itu menghanguskan siapa saja yang berusaha menyekat perubahan, termasuk Mahathir?

Yang jelas, kenyataan Mahathir itu dibuat sebelum kempen besar-besaran untuk memenangkan calon Kumpulan Wawasan bagi jawatan Ketua Pemuda Umno, Rahim Tamby Chik (yang cukup popular dengan tuduhan rasuah dan hubungan rapatnya dengan ramai wanita) menentang Isa Samad di sebuah hotel di Petaling Jaya. Pemidato utama pada majlis kempen yang dikenali sebagai Malam Kesenambungan Pemuda Umno ialah Anwar Ibrahim sendiri. Pagi mendengar amanat Presiden parti, malam sudah mendurhaka! Anwar dalam majlis ini menekankan sokongannya yang padu dan jitu kepada Rahim, dan membidas sikap dan pendirian segelintir perwakilan Pemuda yang masih belum mantap sokongan mereka kepada Rahim. Nah, terbukti, nasihat Mahathir dengan begitu mudah dilanggar.

Apabila Rahim diumumkan menang dengan majoriti tipis, hanya 44 undi, Pasukan Wawasan mulai cemas. Mungkinkah perwakilan Pemuda menerima sedikit sebanyak nasihat Mahathir? Rahim nampaknya seperti disokong oleh semua menteri-menteri Kabinet, termasuk Syed Hamid Albar, calon Ketua Pemuda yang menarik diri di saat-saat akhir. Bagaimanapun undi yang diraihnya tidak memadai. Sementara Isa Samad langsung tidak mendapat sokongan - secara terbuka - dari tokoh-tokoh Umno yang lain. Dia bertanding bersendirian. Namun undi yang diperolehinya, 220, berbanding Rahim, 264, cukup memberangsangkan; satu kekalahan moral bagi Anwar.

Justeru itu Pasukan Wawasan terus bekerja keras dan melipatgandakan kempen. Segala jentera ditumpukan bagi mengepikan Pak Lah dan Sanusi. Dan Anwar sendiri yang mengepalai panglima-panglimanya yang turun ke medan pertempuran buat kali terakhir, di malam menjelang 4 November 1993, iaitu pada majlis makan malam anjuran bersama Badan Perhubungan Umno negeri seluruh negara. Difahamkan wang kertas RM1000 bertukar tangan sambil memberi ingatan, undilah... Esok hari mengundi, malam itu, Anwar memberi arahan, ingatan dan sekali gus mungkin bernada ugutan: "Pilih pemimpin sealiran."

Anwar berkata, ketiga-tiga calon Naib Presiden dari Pasukan Wawasan terbukti mempunyai rekod dan prestasi yang cemerlang dalam pengurusan negeri dan nagara. "Pemimpin ini perlu diletakkan pada tempat yang sewajar dengan keupayaan mereka dalam menangani pelbagai isu sebelum ini, termasuk isu pindaan Perlembagaan yang membabitkan raja-raja. Menurutny, gandingan itu adalah perlu dipilih kerana mereka terbukti mampu menunjukkan kesetiaan bagi meneruskan kesinambungan kepemimpinan Perdana Menteri. Akhirnya Anwar mengharapakan para perwakilan membuktikan sokongan dan kesetiaan padu mereka menerusi undi yang tidak berbelah bahagi terhadap ketiga-tiga calon berkenaan. Sekali lagi nasihat Mahathir supaya jangan berkempen secara berkumpulan diremeh-remehkan dan dikhianati oleh timbalannya sendiri: *A Man in a Hurry*.

Akhbar-akhbar pula melancarkan kempen habis-habisan untuk memenangkan Pasukan Wawasan. Sekali lagi nasihat Mahathir diketepikan. Mahathir pun orang tua, sama seperti Ghafar, nasihat orang-orang tua jarang mahu didengar lagi. *Asiaweek*, 29 September 1993 melaporkan ingatan Syed Husin Ali: "The PM should beware. The argument about age could very easily be used against him."

Utusan Malaysia, 4 November, meletakkan analisis berita bertajuk "perebutan Naib Presiden dijangka menarik". Apa yang dikatakan analisis itu sebenarnya satu bentuk kempen buat Pasukan Wawasan. Antara lain disebut: "Walaupun Rahim menang dengan kelebihan 44 undi tetapi para pemerhati politik berpendapat, jumlah itu sudah memadai dan tidak akan mengubah arus perdana bagi

pemilihan tiga lagi calon Naib Presiden yang diiktiraf oleh Pasukan Wawasan. Mereka yakin, kemenangan Rahim sudah pasti akan menyemarakkan lagi semangat para perwakilan untuk memberi laluan selesa kepada Najib, Muhammad Muhd Taib dan Muhyiddin. Bagi mereka, Pasukan Wawasan perlui diberi mandat yang padu dan sokongan tidak berbelah bagi supaya kekuatan Umno bertambah mantap."

New Straits Times pula mempamerkan ulasan Mahathir terhadap kemenangan Rahim di muka depan: *Victory not narrow, says Dr M*. Akhbar itu selanjutnya merakamkan pandangan Mahathir tentang majoriti kecil yang diperolehi Rahim: *"Its not narrow... its 44 ... that is not small. In Umno, it's always like that. I also had won just by 43 only... this is a normal thing in Umno."*

Rencana Pengarang Khas *Utusan Malaysia*, yang disiarkan pada halaman dua jelas menampakkan kebimbangan juak-juak Anwar dan Pasukan Wawasan. Mungkin dirasakan penyokong Pasukan Wawasan akan menyokong Pak Lah dan Sanusi, seperti yang dikatakan tersirat dalam nasihat Presiden Umno pada 2 November lalu. Selain itu isu *check and balance* seakan-akan mendapat sambutan, bagi mengimbangi kekuatan maha hebat Anwar. Dan lebih membimbangkan bila ada khabar angin bertiup Pasukan Wawasan sudah berpecah. Masing-masing mahu menyelamatkan diri dahulu.

Rencana Pengarang itu mengingatkan: "Mandat bahagian merupakan amanah. Mandat harus diterjemah dalam bentuk pengundian yang sebenar. Bukankah begitu adatnya orang bersetia atau berjanji sehati sejiwa? ... Pemimpin tidak harus menjadi ragu dan oportunist, mengambil kesempatan menyokong mana yang dirasakan selesa pada satu-satu masa, dan meninggalkan bersendirian apabila bahteranya bocor dan mulai tenggelam. Pemimpin yang kental membuat pendirian, menyatakan sikap dan sanggup menerima kecaman tanpa ragu dan malu. ...Umno punya mekanisme yang tersendiri untuk membuat *check and balance*. Soal *check and balance* ini sedap dibincangkan sambil mengunyah kacang di lobi hotel yang mewah tetapi tidak banyak maknanya kalau Umno benar-benar mahukan pasukan bekerja yang berkualiti dan cekap pada peringkat tertinggi."

Banyak pihak meramalkan, sekurang-kurangnya seorang calon Naib Presiden dari Pasukan Wawasan akan tersingkir. Dijangkakan Pak Lah terus diberi sokongan meskipun tidak serakit dengan Anwar. Dengan itu serangan baru dikemukakan bagi memburuk-burukkan rekod Pak Lah yang pernah bersama Tengku Razaleigh Hamzah dan Musa Hitam menentang Mahathir pada tahun 1987. Ketua Pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Johan Jaffar menulis khusus di hari terakhir berkempen: "Orang Umno masih ingat peristiwa tahun 1987. Pergolakan tahun itu tidak ada kena-mengena dengan idealisme dan perjuangan sebaliknya usaha untuk menggulingkan presiden parti. Proses pemulihan mengambil masa yang panjang dan menyakitkan. Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed telah melalui pahit-getir menghadapi tentangan dari dalam Umno.

"Pada ketika itu, orang tidak peduli keupayaan dan wawasan Dr Mahathir. Orang menjajakan keburukannya. Setengah-setengah orang Umno (dan pemimpin yang dipercayainya) membelasahnya dengan cara yang paling tidak beradab. Dr Mahathir berhak menjadi getir akibat peristiwa itu. Dr Mahathir ditikam oleh Brutusnya sendiri. Benarkah dalam politik yang ada hanya konsepsi tentang kesetiaan, bukan kesetiaan *total* agaknya? Brutus boleh mengambil bentuk dan nama baru dalam politik Umno bila-bila masa sahaja. Pengalaman Dr Mahathir harus dipelajari oleh peneraju Umno masa depan. Ingatan dalam politik kadang kala terlalu singkat. Umno dengan sifat pemaafnya membawa masuk sesiapa sahaja (malah pada kedudukan yang cukup tinggi), yang menyatakan pendirian baru tanpa perlu mandi berlangir atau dikurantin."

Namun bagi saya perenggan terakhir tulisan Johan yang diungkapkan kembali itu, elok juga direnungkan dan disandarkan kepada Anwar sendiri, khususnya apabila membincangkan tajuk buku ini, "Krisis Anwar - Mahathir". Pertama, Dr Mahathir ditikam oleh Brutusnya sendiri. Kedua, Umno dengan sifat pemaafnya menerima masuk sesiapa sahaja (malah pada kedudukan yang cukup tinggi), yang menyatakan pendirian baru tanpa perlu mandi berlangir atau dikurantin. Apakah Anwar telah mandi berlangir dan bersumpah setia melupakan segala hamburan kata-kata

kesatnya kepada Umno sebelum 1982? Apakah tindakan Anwar dalam waktu akhir-akhir ini tidak boleh disamakan dengan ungkapan "Dr Mahathir ditikam oleh Brutusnya sendiri." Biarlah sejarah menentukannya. Tetapi bagi orang seperti Anwar, dia tentunya tidak mahu duduk diam menyaksikan lipatan sejarah membungkus dirinya. Anwar adalah tokoh perubah sejarah! Sudah dua orang Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden zaman Mahathir yang dibungkus sejarah, mungkin selepas ini giliran Presiden Umno dan Perdana Menteri pula yang digulung karpet sejarah.

Sesungguhnya Anwar telah membuktikan dalam pemilihan Umno 1993, cakupnya lebih hebat mempengaruhi kecenderungan perwakilan. Pandangan dan nasihat Mahathir dengan mudah diketepikan. Akhbar-akhbar pula langsung tidak mengendahkan ingatan Mahathir. Dan ada kenyataan Mahathir yang sengaja disalahtafsirkan, digelapkan dan dijadikan berita kaki. Dalam kenyataannya di Kemaman, Mahathir melahirkan rasa kesalnya terhadap laporan akhbar yang memutarbelitkan laporan berita. "Putarbelit itulah masalahnya. Saya tidak boleh kata apa-apa, pihak akhbar akan menghentam saya pula nanti." Kenyataan Mahathir menyokong Ghafar di Tapah, pada 22 Julai 1993, langsung tidak diberikan tempat oleh akhbar-akhbar berpengaruh, kecuali *The Star*. Akhbar itu melaporkan: Presiden Umno, Mahathir Mohamed menjelaskan bahawa beliau akan menyokong Ghafar Baba bagi jawatan Timbalan Presiden parti. Beliau berkata, mengikut trafisi parti, apabila penyandang jawatan menawarkan untuk memper-tahankan jawatan itu, sepatutnya tidak akan berlaku sebarang pertandingan. Dr Mahathir, bagaimanapun, menyerah kepada para perwakilan untuk membuat keputusan. Ketika diminta mengesahkan laporan akhbar minggu lepas yang memetik Ghafar sebagai berkata bahawa beliau (Dr Mahathir) telah berikrar menyokongnya, Presiden Umno itu berkata: "Ya, saya akan menyokong beliau sebagai Timbalan Presiden." Semua tahu siapa yang berada di belakang akhbar-akhbar berkenaan, orangnya tidak asing lagi, Anwar Ibrahim. Kalau sampai cakap PM pun boleh diselewengkan, tak tahulah apa tafsiran yang boleh dibuat terhadap kemaraan Anwar yang dahsyat ini. Benarlah telahan Syed Husin Ali tentang

penguasaan Anwar terhadap media: *"His control over the media is even stronger and more personal than Mahathir's."*

Jika diteliti ucapan Presiden Umno pada 4 November 1993 jelas menunjukkan Mahathir tidak mahu hanya Pasukan Wawasan yang menang. Pertama, Mahathir mahu gandingan yang lama dan baru. Mahathir mahu dikekalkan yang lama dan disulam dengan calon yang baru. Lihat ucapannya: "Umno tidak hanya memerintah. Umno bertanggungjawab untuk menyelesaikan berbagai-bagai masalah, terutama masalah orang Melayu dan Bumiputera. Umno mesti menyelesaikan masalah-masalah ini tanpa merosakkan negara, bahkan di samping membangunkan negara. Untuk ini, kita perlu kepada idea-idea atau pemikiran-pemikiran yang bernas dan tajam. Tetapi kita juga perlu kepada pengalaman yang luas yang boleh membeza dan menilai akan idea-idea yang dikemukakan oleh pemimpin atau pihak lain."

Kedua, Mahathir tidak mahu hanya calon dari satu pasukan yang menang. Lihat ucapannya: "Mereka (pemimpin-pemimpin parti) mesti bekerja sebagai satu pasukan dan bukan kerana mereka daripada satu pasukan. Tidak ada tempat bagi primadona dalam Kerajaan."

Malangnya Mahathir bila para perwakilan menolak nasihat dan pandangannya. Perwakilan Umno lebih tertarik dengan ucapan timbalannya, Anwar Ibrahim pada malam hari pengundian, di sebuah hotel terkemuka, yang menggesa, mengarah dan merayu perwakilan supaya menyokong semua calon Pasukan Wawasan.

Keputusannya, Muhyiddin di tempat pertama dengan memungut 1,413 undi (jumlah pencalonan di tempat ketiga, 133). Najib di tempat kedua, memperolehi 1,202 undi (jumlah pencalonan di tempat pertama, 148). Muhammad Muhd Taib mendapat 1,189 undi, sementara Pak Lah hanya disokong 927 perwakilan, dan Sanusi Junid di tempat terakhir, dengan 525 undi.

Reaksi Mahathir terhadap kemenangan Pasukan Mahathir berbeza dengan respons kepada kemenangan Rahim. Mahathir menganggap majoriti 44 undi yang diperolehi Rahim bukannya majoriti kecil. Kata Mahathir: *"Its not narrow ... its 44 ... that is not*

small." Sedangkan bagi meraikan kekalahan Pak Lah dan Sanusi, Mahathir cuba bersikap sebagai seorang bapa. Mahathir berkata, keputusan pemilihan Umno 1993 dianggap bijak kerana tiada jurang perbezaan besar dari segi pecahan undi yang diperolehi lima calon yang bertanding: "Semua pihak terpilih dan tiada bukti wujudnya pasukan dalam parti, tidak kalah banyak dan yang tidak begitu aktif berkempen pun mendapat undi yang banyak."

Apa pun hujah yang dikemukakan, keputusan pemilihan 1993 itu menjadi petanda penting kepada satu lagi pertarungan yang diramalkan lebih besar, menarik dan sengit. Tidak mustahil ramalan Lim Kit Siang bahawa pertarungan terhebat dekad ini, antara Anwar dan Ghafar, akan bertukar menjadi Anwar lawan Mahathir, selepas Ghafar berundur dan kini menyepi diri. Mungkin banyak lagi yang akan menjadi korban dalam sejarah pertarungan Umno selepas Ghafar, Sanusi, Pak Lah dan sebelum itu Tengku Razaleigh, Musa Hitam, Rais Yatim dan Shahrir Samad. Tidak juga mustahil Umno akan memakan korban yang lebih besar, Presidennya sendiri, Mahathir. Barangkali Mahathir pun tidak akan terkejut sekiranya tragedi itu berulang. Perhatikan ucapannya: "Sebagai seorang yang dilantik oleh ahli-ahli Umno, saya sedar bahawa walau bagaimana popular sekalipun seseorang pemimpin itu, akhirnya ia akan digugurkan juga. Saya akan menerima apa juga keputusan parti terhadap saya apabila tiba masanya. Hari ini giliran orang lain, esok mungkin giliran saya pula. Demikianlah politik." Namun Mahathir juga memberi ingatan keras: *"I have no intention to stay on until I'm senile, but before that, please don't disturb."*

Memang juak-juak dan penyokong Anwar akan menafikan ramalan nakal ini. Namun kita masih belum lupa kenyataan penafian Anwar, berkali-kali, tentang khabar-khabar bahawa beliau akan mencabar Ghafar pada pertengahan tahun 1993. Anwar pernah ditanya wartawan dalam kunjungannya ke Alor Setar mengenai ura-ura Anwar akan mencabar Ghafar. Anwar menegaskan beliau tidak berhasrat mencabar Ghafar kerana tidak mahu menunjukkan sikapnya "tidak sabar lagi menunggu untuk menariknya (Ghafar)." Mahathir pula selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno pada 11 Jun 1993 mengalu-alukan kenyataan Anwar bahawa

beliau tidak akan mencabar Ghafar untuk jawatan Timbalan Presiden. "Walaupun demikian masih ada cakap-cakap *at the ground level* ini, kononnya tak ada bertanding, tetapi kempen dijalankan juga. Kononnya kempen-kempen ini direstui oleh saya. Ini tak benar sama sekali. Saya tak restukan siapa-siapa pun bertanding untuk nak jadi Timbalan Presiden." Tambah beliau: "Pada masa ini kita dapati bahawa untuk kestabilan parti, tidak perlu ada pertandingan di peringkat Presiden dan timbalannya."

Sekembalinya dari China, Mahathir sekali diajukan soalan yang sama, bahawa penyokong-penyokong Anwar menyatakan akan terus berkempen untuk mendapatkan pencalonan Timbalan Presiden. Kata Mahathir, itu bermakna mereka itu bukan penyokong Anwar, mereka menyokong diri sendirilah... Dia orang harap kalau boss naik, dia pun boleh naik tangga sama. Itu sahaja ... *very selfish attitude*. Apabila diminta nasihatnya kepada golongan tersebut, yang terus berkempen untuk mendapatkan pencalonan walaupun Anwar mengisytiharkan tidak bertanding, Mahathir berkata: "Saya tak ada nasihat. Saya dah cakap beratus kali dah."

Tiada teman rapat yang akan setia buat selama-lamanya dalam sebuah parti politik seperti Umno. Pasangan yang cukup intim pada mulanya, Mahathir - Musa, gandingan 2M, akhirnya ranap dan berkubur begitu sahaja. Semua pihak boleh membuat ramalan. Namun yang pasti sejarah akan merakamkan bahawa penguasaan mutlak Mahathir dalam Umno sudah berakhir pada 4 November 1993. Mahathir sudah hilang kawalannya yang selama ini cukup berbisa. Pemerhati politik tentunya masih ingat bagaimana sebelum ini isyarat yang dikemukakan oleh Presiden Umno dalam ucapannya sebelum pengundian dibuat akan diterimapakai oleh perwakilan Umno.

Contoh klasik yang selalu dikemukakan ialah ucapan Presiden Umno, Almarhum Tun Abdul Razak, sebelum pengundian bagi pertandingan jawatan Naib Presiden Umno 1975 dilakukan. Lapan orang tokoh bertanding merebut kerusi tersebut, iaitu Ghafar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah, Harun Idris, Jaafar Albar, Hamzah Abu Samah, Mahathir Mohamed, Ghazali Shafie dan Ghazali Jawi. Dalam ucapan dasar Tun Razak pada perhimpunan itu orang ramai

yang hadir mendengar dengan sah bahawa benar Tun Razak mahukan Ghafar Baba, Tengku Razaleigh Hamzah dan Mahathir menang. Tun Razak menyebut tiga nama itu dan tidak pula menyebut tentang jasa dan kebaikan lain-lain calon. Menurut catatan Subky Latif dalam bukunya, *Suka Duka Politik Tun Razak*: "Perwakilan perhimpunan itu bersorak tanda tidak setuju bila Tun Razak menyebut nama-nama itu. Keputusan pemilihan, ternyata perhimpunan itu memilih tiga nama yang disebut itu. Jelaslah hingga ke saat itu ahli-ahli Umno secara majoriti masih menyokong secara hakiki akan kehendak Tun Razak. Dari satu segi jelaslah Tun Razak mendapat kemenangan dari tindak-tanduknya."

Dr Shaharuddin Maaruf, melalui bukunya, *Konsep Wira dalam Masyarakat Melayu* mengungkapkan hal ini dengan lebih jelas. Dalam ucapan di Perhimpunan Agung Umno berkenaan, Tun Razak menyampaikan hasratnya supaya dipilih tiga calon Naib Presiden yang digemarinya dengan menganjurkan secara halus: "Salah satu sifat orang kita yang istimewa ialah mereka itu sentiasa taat dan patuh kepada pucuk pimpinan yang mereka pilih..." Selanjutnya Shaha-ruddin merakamkan: "Selepas itu beliau (Tun Razak) mengisyratkan yang sebagai Presiden Umno, beliau merestui tiga calon. Beliau menamakan Ghafar Baba: "Saya suka mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan terima kasih dan penghargaan kepada Encik Abdul Ghafar Baba yang telah memangku jawatan Perdana Menteri selama tiga minggu semasa saya berada di luar negeri." Selepas itu Tengku Razaleigh pula disebut: "Sesuai dengan hasrat kita hendak mengawal dan memiliki sumber-sumber hasil bumi kita, kerajaan telah menubuhkan Petronas dan meletakkannya di bawah pimpinan Tengku Razaleigh Hamzah." Tun Razak juga melafazkan rasa puas hati dengan kejayaan Pemas. Calon ketiga yang beliau sokong, beliau mengisyratkan, ialah Dr Mahathir Mohamed: "Dasar Pelajaran Kebangsaan yang kita telah gubal pada tahun 1956 pada masa saya menjadi Menteri Pelajaran dulu... akan terus kita laksanakan... Pada masa ini ada sebuah jawatankuasa yang diketuai oleh Dr Mahathir mengandungi menteri-menteri untuk menyemak pelaksanaan dasar ini..."

Bagaimanapun ia tidak pula bermakna Mahathir sudah hilang kawalan terus dalam Umno. Cuma, timbalannya, Anwar, nampak

lebih berpengaruh dan digeruni. Anwar kini menguasai segala-galanya, akhbar-akhbar harian berbahasa Melayu dan Inggeris, saluran TV, pegawai-pegawai kerajaan, dan juga sebahagian tokoh-tokoh korporat. Dari segi penguasaan atas dunia bisnes Anwar belum boleh berpuas hati. Banyak hasrat dan cita-cita yang Anwar ingin lakukan terhadap hal ehwal kewangan negara masih dalam bentuk impian. Saingannya telah muncul. Siapa lagi kalau bukan Daim Zainuddin, Penasihat Ekonomi Kerajaan Malaysia, yang diketahui umum terlalu rapat dengan Mahathir.

DAIM: USAHAWAN ATAS KERTAS

Daim Zainuddin dilahirkan pada tahun 1938 di negeri yang sama dengan Mahathir. Selepas mengikuti kursus undang-undang di Lincoln's Inn di London pada akhir tahun 1950-an, beliau bekerja selama setahun dalam sebuah firma guaman swasta. Selepas itu, Daim berkhidmat dengan kerajaan sebagai seorang pendakwaraya dan majistret. Pada akhir tahun 1960-an, Daim mengambil keputusan untuk menceburi bidang perniagaan dengan memulakan perusahaan pengeluaran garam, dan kemudiannya plastik. Kedua-dua perusahaan tersebut gagal. Pada 1973, Daim memulakan urusniaga hartanah yang perrama dengan pengambilalihan sebidang tanah di

Rencana yang dipetik dari buku "Politik dalam Pemiagaan: Pelaburan Korporat Umno", tulisan Edmund Terence Gomez ini diterbitkan pada 1990. Justeru itu tentulah banyak perkembangan baru yang berlaku, khususnya mengenai jawatan yang disandang oleh beberapa individu yang disebutkan di dalam rencana ini, begitu juga dengan perkembangan syarikat-syarikat yang dinyatakan. Banyak lagi syarikat baru yang timbul dan ada juga syarikat lama yang ditukar namanya.

pinggir Kuala Lumpur. Mengikut *Asiaweek*, 27 Julai 1984, ia berlaku hasil daripada hubungan beliau yang dapat dengan Menteri Besar Selangor ketika itu, Harun Idris.

Sepertimana Tengku Razaleigh dinaikkan pangkat dengan cepat hasil hubungan beliau dengan Allahyarham Tun Razak, kenaikan Daim yang cepat dalam dunia korporat serta bidang politik boleh dikatakan berlaku hasil daripada hubungan yang rapat dengan Mahathir. Pada tahun 1979, Mahathir - ketika itu Timbalan Perdana Menteri - telah menjemput Daim mengepalai sebuah perusahaan yang telah ditubuhkan di bawah DEB, iaitu Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA). Tetapi, Daim keberatan untuk meninggalkan perniagaannya demi jawatan bergaji. Oleh itu Daim mencadangkan penubuhan Peremba Berhad sebagai syarikat perniagaan dan pembinaan UDA yang akan diketuainya.

Pada tahun 1982, pengambilalihan 51 peratus saham dalam Malaysia French Bank oleh Daim, menurut *Asian Wall Street Journal*, hasil daripada hubungan beliau yang rapat dengan Mahathir, walaupun terdapat beberapa lagi pihak yang layak yang turut berminat mengambilalih bank tersebut. Antaranya, termasuklah Koperasi Usaha Bersatu yang dimiliki oleh Umno. Pada tahun yang sama, Mahathir telah melantik Daim mengepalai Fleet Holdings ekoran daripada kegagalan Tengku Razaleigh merebut jawatan Timbalan Presiden Umno. Pada tahun 1984, Daim dilantik sebagai Menteri Kewangan menggantikan Tengku Razaleigh.

Berbanding dengan gaya pengurusan Tengku Razaleigh dalam mengendalikan Fleet Holdings yang berdasarkan strategi pembangunan syarikat yang terlibat dalam sektor perniagaan yang akan menyalurkan keuntungan kepada syarikat pemegang, Daim Zainuddin telah membawa Fleet Holdings ke suatu bidang perniagaan yang baru. Boleh dikatakan bahawa Daim telah menarik masuk syarikat ini ke dalam satu rangkaian pengambilalihan dan pengambilalihan silang yang akhirnya menjejaskan kedudukan kewangan Fleet Holdings. Lebih penting lagi, kebanyakan perjanjian perniagaan yang dilakukan oleh Fleet Holdings - yang diketuai Daim - melibatkan syarikat yang Daim sendiri mempunyai kepentingan pribadi.

Gaya pengurusan Daim disebut "keusahawanan kertas". Kunio Yoshihara dalam *The Rise of Ersatz Capitalism in South-East Asia* (1988) mentakrifkan usahawan kertas sebagai mereka yang bersungguh-sungguh mengejar peluang pengambilalihan, penyatuan, penukaran struktur dan pembelian terumpul (leveraged buy-out). Dalam skim penukaran struktur itu, pengeluaran dan perkhidmatan sering terjejas akibat aktiviti lain yang lebih cepat menghasilkan keuntungan. Daim sendiri berkata, menurut laporan *Financial Times*, 6 Jun 1984: "Saya tidak berminat untuk mendapatkan saham majoriti dalam syarikat-syarikat. Anda dapat mengawal syarikat dengan memiliki saham sebanyak 30 peratus atau kurang daripada itu. Apa yang penting ialah saya memiliki pengurusan syarikat-syarikat itu."

Pada tahun 1982, apabila dilantik untuk mengepalai Fleet Holdings, beliau telah terlibat dalam tiga peringkat perniagaan yang berbeza. Sebagai pemegang amanah Umno, Daim mengawal Fleet Holdings; sebagai pemegang amanah kerajaan, beliau menjadi pengerusi Peremba, iaitu anak syarikat penuh UDA; syarikat-syarikat yang dikawal oleh keluarganya yang diketuai oleh beliau atau proksi beliau terlibat dalam perniagaan yang berkaitan dengan pembangunan hartanah, perkilangan, perladangan dan bank. Sila rujuk *Asiaweek*, 27 Julai 1984. Pada tahun 1980-an, kedudukan Daim sebagai pengarah dalam syarikat milik kerajaan, syarikat milik Umno dan syarikat milik persendirian dalam dilihat dalam rajah 1.

Untuk menjelaskan gaya "keusahawanan kertas" yang digunakan oleh Daim dan bagaimana beliau telah melibatkan syarikat-syarikat di bawah kawalannya dalam pelbagai peranan, beberapa perniagaan penting yang telah dilaksanakan oleh Daim perlu dikaji.

Pengambilalihan Raleigh Berhad

Pada tahun 1977, SPK Berhad telah menjual 157 ekar tanah bernilai RM16.4 juta kepada Taman Bukit Malauri, iaitu sebuah syarikat yang dimiliki oleh Daim. Pada 30 April 1983, Raleigh bersetuju membeli Taman Bukit Maluri bernilai RM65 juta daripada

Syarikat Maluri, iaitu sebuah syarikat pemegangan yang juga dimiliki Daim. Kelulusan untuk urusan ini akhirnya telah diberikan oleh pihak berkuasa pada bulan Disember 1983 pada harga yang dikurangkan kepada RM50.1 juta, dengan RM30 juta dalam bentuk tunai dan selebihnya melalui terbitan saham sebanyak 8.04 juta pada harga RM2.50 sesaham. Oleh itu Daim telah memperolehi 33.27 peratus modal berbayar Raleigh yang berjumlah RM24,165,000.

Pada bulan Mei 1983, sebuah lagi syarikat milik Daim bernama Seri Iras telah membeli 33.33 peratus ekuiti dalam Raleigh. Pemegang saham majoriti dalam Seri Iras ialah Daim (15 peratus) dan kawan rapatnya, Tajudin Ramli (45 peratus). Oleh itu, Syarikat Maluri dan Seri Iras - yang kedua-duanya dikawal oleh Daim - memiliki 66.6 peratus dalam Raleigh.

Sebulan kemudian, pada bulan Jun 1983, Faber Merlin, syarikat awam tersenarai bersetuju untuk membeli 698 lot tanah yang telah dibahagikan bernilai RM34.9 juta daripada Taman Bukit Maluri yang sekarang merupakan sebuah anak syarikat milik penuh Raleigh. Oleh sebab lot-lot yang dijual merupakan sebahagian sahaja daripada aset tanah yang dimiliki oleh Taman Bukit Maluri, Raleigh telah memperoleh kembali sebahagian besar wang yang dibayar untuk mendapat Taman Bukit Maluri.

Pada masa itu, Daim mengawal Faber Merlin dan Raleigh. Selain milik majoriti dalam Raleigh, Daim juga mempunyai ekuiti majoriti dalam Faber Merlin. Di samping itu, sebulan sebelum itu, Fleet Group yang sudahpun diketuai Daim telah diperuntukkan semua saham hutang tanpa cagar boleh ditukar secara istimewa untuk Bumiputera dalam Faber Merlin oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Fleet Group kemudiannya telah mengambilalih saham Daim dalam Faber Merlin.

Oleh itu, melalui urusan ini, Taman Bukit Maluri, yang telah dibeli dengan harga RM16.4 juta telah dijual kepada Raleigh dengan harga RM50.1 juta dengan keuntungan sebanyak RM33.7 juta untuk Daim. Namun jumlah keuntungan ini tidak mengambil kira kenaikan nilai tanah itu, yang lebih penting lagi, Daim juga telah memperoleh kawalan majoriti dalam sebuah syarikat awam tersenarai.

Raleigh, yang sekarang ini dinamakan Inter Pacific, telah mempelbagaikan bidang kegiatannya dengan mengambilalih dan mengawal saham dalam syarikat yang agak ternama, seperti Berjaya Corporation, Sports Toto, South Pacific Textiles, Prudential Assurance dan Sistem Telivesyen Malaysia Berhad melalui pemilikan saham bercantum.

Pengambilalihan United Estate Projects Berhad

Pada tahun 1982, Paremba - sebuah syarikat pemegangan utama UDA yang dimiliki oleh kerajaan - memiliki satu pertiga saham United Estate Projects (UEP) yang sedang membangunkan 646 hektar kawasan perumahan dan perniagaan di Subang Jaya. Satu pertiga lagi dimiliki oleh Bandar Raya Development Berhad, iaitu syarikat hartanah Multi Purpose Holdings Berhad (MPHB) yang dikawal oleh MCA.

Menurut laporan ASWJ, 24 Ogos 1984, pada bulan Disember 1982, Bandar raya Development telah mengumumkan penjualan 33 peratus daripada saham yang dimilikinya dalam UEP dengan harga RM74.2 juta tunai ataupun RM3 satu saham, kepada Baktimu Sendirian Berhad, sebuah syarikat yang dimiliki oleh syarikat pemegangan utama Daim iaitu Syarikat Maluri.

Untuk membeli saham UEP, syarikat Baktimu telah memperoleh pinjaman sebanyak RM75 juta daripada tiga buah bank yang berlainan. Pinjaman tersebut, RM15 juta daripada D&C Bank yang dikawal oleh teman rapat Daim, iaitu Alex Lee dan RM20 juta daripada Chung Khiaw Bank, dengan mencagarkan saham UEP yang sedang dibeli oleh Baktimu. Baki sebanyak RM40 juta daripada cawangan Union Bank of Switzerland di Singapura. Baktimu tidak diperlukan untuk menggunakan saham sebagai sekuriti untuk pinjaman tersebut kerana Bank Bumiputera yang dimiliki kerajaan telah memberikan satu jaminan bagi pihak Baktimu sebagai sekuriti kredit yang diberikan. Sukar untuk memastikan sama ada Baktimu telah memberikan jaminan yang diberikan bagi pihaknya. Kedudukan Daim sendiri sebagai pengerusi Peremba dan pemilik Baktimu bermakna bahawa beliau telah memperoleh dua pertiga kawalan UEP.

Pengambilalihan The New Straits Times Press

Semasa menjadi pengerusi Fleet Holdings, Daim juga menjadi pengarah Daza Sendirian Berhad - sebuah syarikat yang telah diperbadankan pada bulan Ogos 1983. Pada bulan Jun 1984, Daza telah memperoleh 20 peratus saham dalam The New Straits Times Press Berhad (NSTP) daripada Times Publishing di Singapura dengan harga S\$68 juta. Pada masa itu, Fleet Holdings telahpun memiliki saham majoriti dalam NSTP.

Pada masa yang sama, NSTP telah mengumumkan satu terbitan hak dan satu terbitan bonus. *Far Eastern Economic Review*, 3 September 1987 mengatakan bahawa untuk membiayai perolehan ini dan juga untuk memperoleh terbitan hak, Daza telah mendapat pinjaman daripada berbagai-bagai organisasi termasuk cawangan Union Bank of Switzerland di Singapura, Kay Hian Securities (sebuah firma broker saham) dan Overseas Investments Pte. (OIP). Cagaran bagi pinjaman ini termasuklah saham Daim dalam Baktimu. Beliau juga telah memberikan jaminan peribadi kepada Overseas Union Bank di Singapura yang menjadi pinjaman bagi pihaknya kepada bank dari Switzerland itu.

Selepas perjanjian itu dimeterai, akaun Daza pada 31 Disember 1984 menunjukkan bahawa syarikat ini mempunyai pinjaman belum bayar berjumlah lebih kurang RM70.65 juta. Walaupun menanggung beban hutang yang besar, namun pada 31 Ogos 1984, Fleet Trading and Manufacturing, iaitu sebuah cawangan utama Fleet Holdings, telah membayar sebanyak RM1 juta untuk mengambil alih Daza! Pada masa yang sama, saham Daim dalam Baktimu yang telah digunakan sebagai cagaran untuk sebahagian pinjaman itu telah dipulangkan kepada beliau dan digantikan dengan saham Faber Merlin dan NSTP yang dimiliki oleh Fleet Group.

Pengambilalihan United Malayan Banking Corporation

Pada tahun 1982 - melalui syarikat miliknya Aslira Sendirian Berhad - Daim telah membeli 51 peratus saham dalam Malaysia French Bank yang telah diubah strukturnya. Dengan pengambilalihan ini, pengarah yang dilantik oleh Aslira menjadi lembaga

pengarah Malaysian French Bank terdiri daripada Daim, isterinya Mahani Idris, Dr Salim Cassim dan Wan Azmi Wan Hamzah. Mohd Razali Abdul Rahman telah dilantik menjadi Penolong Pengurus Besar bank tersebut.

Pada tahun 1981, Multi Purpose Holdings Berhad (MPHB) telah membeli saham yang besar dalam United Malayan Banking Corporation (UMBC), iaitu bank yang ketiga terbesar di Malaysia demi menguasai bank tersebut. MPHB memiliki hampir 41 peratus ekuiti bank tersebut dan menjadikannya pemegang saham yang sama besarnya dengan PERNAS yang dimiliki oleh kerajaan. Tetapi setelah mendapat tahu bahawa satu lagi perusahaan milik kerajaan iaitu Petronas telah membeli sembilan peratus dari saham UMBC, MPHB telah mengambil keputusan untuk menjual sahamnya dalam bank itu.

Pada bulan Julai 1984, MPHB telah menjual sahamnya dalam UMBC yang berjumlah 40.7 peratus kepada syarikat-syarikat yang dimiliki oleh Daim, iaitu Daan Sdn Bhd dan Dani Sdn Bhd. Pembayaran sebanyak RM125 juta dalam bentuk tunai dan 51 peratus pemilikan dalam Malaysia French Bank. Untuk membiayai urusan ini, Daan dan Dani telah membuat pinjaman daripada Overseas Chinese Banking Corporation (OCBC) di Singapura. Pinjaman ini diluluskan pada 15 Ogos 1984. Kemudiannya, sebanyak RM30.5 juta lagi telah dipinjam daripada OCBC oleh Daan dan Dani untuk membiayai cadangan UMBC untuk mengadakan terbitan hak 1 - untuk - 4 dan stok pinjaman 1 - untuk - 18. Oleh itu, jumlah pinjaman syarikat ini daripada OCBC telah meningkat menjadi RM164 juta. (Maklumat ini diperolehi daripada cadangan OCBC, bertarikh 15 April 1985 untuk membiayai urusan ini. Cadangan itu juga menyebut bahawa salah satu sebab pinjaman ini diluluskan ialah bahawa "En. Daim adalah Menteri Kewangan Malaysia - beliau merupakan seorang yang mempunyai pengaruh politik dan kewangan yang kuat." Cadangan ini telah disebarikan secara meluas setelah dibocorkan, walaupun tidak diketahui siapakah yang bertanggungjawab membocorkannya). Saham dalam UMBC yang akan diperolehi dijadikan sekuriti kepada pinjaman ini.

Tuduhan mengenai berlakunya konflik kepentingan telah dibuat terhadap Daim kerana penjualan bank itu mesti diluluskan oleh

Menteri Kewangan. Oleh sebab Tengku Razaleigh tidak lagi menjadi Menteri Kewangan beberapa hari selepas perniagaan itu diumumkan, Daim telah berusaha untuk memperolehi kelulusan Tengku Razaleigh dalam bentuk retroaktif, tetapi gagal.

Setelah mengambilalih UMBC, pada 9 Januari 1985, Daim telah cuba untuk membeli saham yang dimiliki oleh PERNAS dalam UMBC. Caranya ialah dengan menggunakan Fleet Holdings yang diketuainya apabila Fleet Holdings menawarkan kepada PERNAS sahamnya sebanyak 86 peratus dalam Bank of Commerce, sebanyak 100 peratus dalam American Malaysian Insurance dan RM50 juta dalam bentuk tunai. Fleet Holdings juga akan memastikan agar Bank of Commerce memperoleh saham majoriti dalam Pertanian Baring Sanwa Merchant Bank (kemudian ditukar nama kepada Commerce International Merchant Bankers) sebelum persetujuan ini dicapai. Tetapi harga yang ditetapkan oleh PERNAS untuk menjual sahamnya dalam UMBC ialah kesemua saham milik Fleet Holdings dalam Bank of Commerce dan American Malaysian Insurance serta RM135 juta, tidak dapat diterima oleh Fleet Holdings. Oleh itu persetujuan tersebut mengalami kegagalan.

Menjelang pertengahan tahun 1985, kemelesetan ekonomi yang teruk menjejaskan kedudukan kewangan syarikat-syarikat milik Daim - yang pada masa itu sedang berhutang sebanyak lebih RM250 juta kepada bank-bank tempatan dan luar negeri. Pada bulan September 1985, Daan dan Dani bercadang untuk menjual 20 peratus saham UMBC (iaitu jumlah maksimum yang dibenarkan mengikut pindaan dalam Akta Bank pada tahun 1984 seurus setelah pengambilalihan UMBC oleh Daim) kepada Raleigh yang merupakan syarikat tersenarai yang digunakan dan dikawal dengan saham majoriti oleh Daim. Raleigh bercadang untuk membeli saham itu dengan harga RM141.73 juta dengan menerbitkan 27.798 juta saham RM1.00 baru yang dinilai sebanyak RM3.30 tiap-tiap satu, dan oleh itu, berjumlah RM91.73 juta dengan pembayaran tunai sebanyak RM19 juta. Sebagai tambahan, Raleigh turut menanggung hutang Daan dan Dani daripada OCBC berjumlah RM31 juta. Penjualan ekuiti UMBC sebanyak 20 peratus ini akan menghasilkan untung atas

kertas kepada Daim, di samping menyelamatkan beliau daripada beban hutang itu.

Walaupun bagaimanapun, persetujuan itu tidak tercapai. Pengerusi Raleigh, Tajudin Ramli mengatakan bahawa persetujuan ini akan menjejaskan rancangan Daim untuk menjual sahamnya dalam Raleigh yang sebaliknya akan bertambah jika persetujuan tercapai. Pada akhir tahun 1986, saham Daim dalam UMBC dijual kepada PERNAS dengan harga yang agak tinggi, iaitu RM349 juta.

Perniagaan yang dinyatakan di atas memperlihatkan *modus operandi* Daim dalam perniagaan, terutamanya dari segi kekerapan penggunaan syarikat pemegangan untuk memperoleh atau mengambilalih syarikat awam tersenarai. Pemilihan saham bercantum, bukan sahaja di peringkat syarikat pemegangan utamanya (iaitu Syarikat Maluri), tetapi juga melalui syarikat awam tersenarai, merupakan ciri penting dalam gaya perniagaan beliau. Ciri lain yang mungkin perlu ditekankan ialah tidak terlibatnya proses pengeluaran dalam tindak-tanduk perniagaannya. Boleh dikatakan bahawa perhubungan yang rapat dengan elit pemerintah bukan sahaja menambah peluang perniagaannya melalui naungan, tetapi juga membolehkannya mendapat pinjaman dengan mudah daripada pelbagai institusi kewangan. Di samping itu, walaupun beliau merupakan pemegang amanah Umno dalam Fleet Holdings dan pemegang amanah kerajaan dalam Peremba, beliau langsung tidak menunjukkan rasa bersalah dalam mencampur-adukkan kepentingan peribadi dan kepentingan syarikat yang diamanahkan kepadanya.

Perlu ditekankan di sini bahawa urusan ini tidak mencerminkan dengan lengkap setakat mana pemilikan ekuiti oleh syarikat-syarikat keluarga Daim. Apabila Mahathir mengeluarkan satu arahan pada akhir tahun 1986 kepada anggota kabinetnya untuk melepaskan pemilikan langsung dan tidak langsung mereka dalam syarikat-syarikat yang disebut harga, Daim telah mengesahkan dalam satu kenyataan akhbar pada 9 Disember 1986 bahawa syarikat-syarikat keluarganya memiliki saham dalam UMBC, Sime Darby, Cold Storage, Roxy, Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), Guthrie Ropel, Malayan Banking, Tasik Cement, Sateras,

Oriental Holdings, Malayan Flour, Bolton Properties, Idris Hydraulic, Syarikat Permodalan Kebangsaan (SPK), Syarikat Permodalan dan Perusahaan Perak, Industrial Oxygen dan beberapa "lot saham disebut harga yang terpencil". Walau bagaimanapun, Raleigh, syarikat awam tersenarai utamanya tidak disebut.

Dalam tiga kedudukan sebagai pemegang amanah Umno (Fleet Holdings dan Hatibudi), kerajaan (Peremba yang dimiliki oleh UDA) dan kawalan terhadap syarikat-syarikat miliknya sendiri, kepengarahan bercantum menunjukkan bahawa Daim mempunyai beberapa nomini yang sama yang beliau lantik untuk mengurus syarikat-syarikat di bawah kawalannya.

Antara yang terkenal ialah Datuk Mohd Desa Pachi dan Abdullah Mohd Yusof yang dilantik oleh Daim sebagai pengarah dalam Fleet Holdings dan syarikat operasi utamanya, iaitu Fleet Group. Desa Pachi juga merupakan pengarah dalam syarikat awam tersenarai milik Fleet Group. Di samping itu beliau juga merupakan pengarah Peremba dan ahli lembaga pengarah syarikat-syarikat milik keluarga Daim, iaitu Syarikat Maluri dan Daan selain menjadi pengarah Sime Darby dan UEP, apabila Daim mempunyai saham yang agak banyak. Beliau juga menjadi pengarah dalam beberapa buah syarikat milik kerajaan, iaitu Malaysian Mining Corporation (MMC), PNB dan Amanah Saham Nasional (ASN).

Selain menjadi pengarah Fleet Holdings dan Fleet Group, Abdullah Mohd Yusof - yang juga seorang peguam - merupakan pengarah dalam NSTP, Sistem Televisyen Malaysia, Faber Merlin dan beberapa buah anak syarikat sendirian berhad milik Fleet Group. Selain itu, beliau juga menjadi pengarah dalam Peremba - sebuah syarikat milik kerajaan.

Kumpulan teman rapat serta nomini Daim yang agak muda terdiri daripada Wan Azmi Wan Hamzah, Tajudin Ramli, Mohd Razali Abdul Rahman dan Halim Saad. Wan Azmi Wan Hamzah merupakan pengarah Fleet Group dan beberapa buah anak syarikatnya. Beliau juga pengarah syarikat milik kerajaan, iaitu Peremba dan Malayan Banking dan juga telah dilantik menjadi

pengarah UEP dan Malaysian French Bank selepas syarikat-syarikat milik keluarga Daim memperoleh saham dalam syarikat ini. Pada masa sekarang, beliau menjadi pengarah urusan General Lumber - sebuah syarikat awam tersenarai yang sebahagian besar sahamnya dimiliki oleh Raleigh.

Tajudin Ramli merupakan bekas pengarah Fleet Group dan salah sebuah anak syarikat sendirian berhad utama miliknya, iaitu Fleet Trading and Manufacturing. Beliau pernah menjadi pengarah Peremba dan ahli lembaga pengarah syarikat-syarikat keluarga Daim, iaitu Seri Iras dan Taman Bukit Maluri. Apabila Seri Iras memperoleh saham majoriti dalam Raleigh, Tajudin Ramli telah dilantik menjadi pengerusi syarikat awam tersenarai ini. Beliau juga pengarah General Lumber.

Mohd Razali Abdul Rahman terlibat dalam syarikat-syarikat keluarga Daim, iaitu Daza Holdings, Syarikat Maluri, Taman Bukit Maluri, Baktimu, Pradaz, Daan dan juga Daza, sebelum syarikat ini dibeli oleh Fleet Group. Dia juga pernah menjadi pengurus am Peremba dan dilantik menjadi pengerusi syarikat itu pada bulan Julai 1988. Mohd Razali juga merupakan antara pengarah pertama syarikat pelaburan Umno, iaitu Hatibudi.

Halim Saad juga merupakan antara pengarah pertama Hatibudi dan ahli lembaga pengarah beberapa buah syarikat awam tersenarai yang sahamnya dimiliki oleh Daim, iaitu Cold Storage, D&C Bank dan Roxy. Beliau juga mempunyai hubungan dengan Peremba kerana pernah menjadi Pengurus Perkhidmatan Korporatnya. Beliau seterusnya menjadi Timbalan Pengerusi Eksekutif United Engineers Malaysia (UEM, iaitu syarikat awam tersenarai utama Hatibudi.

Kesemua individu di atas terlibat dalam Peremba. Kesemuanya, kecuali Halim Saad dan Mohd Razali, terlibat dalam Fleet Holdings atau anak syarikatnya. Hatibudi ditubuhkan semata-mata untuk mendirikan ibu pejabat Umno, iaitu Pusat Dagangan Dunia Putra. Walaupun pemegang amanah Hatibudi ialah Presiden Umno, Timbalan Presidennya, Setiausaha Agungnya, dan Bendaharinya, amat jelas bahawa syarikat tersebut dikawal oleh Bendaharinya, iaitu Daim.

RAJAH 1: Tiga peranan Daim Zainuddin Sebagai Pemegang Amanah Kerajaan, Umno Serta Syarikat Keluarganya.



MALAYSIA BARU LAWAN MELAYU BARU

Sejarah Malaysia memperlihatkan titik-titik perjuangan rakyat menentang pemerintahan kejam dan penjajahan zalim untuk menegakkan keadilan serta kebebasan. Riwayat Hang Jebat dan Hang Tuah melambangkan dua aliran perjuangan; Jebat berani menyanggah raja yang tidak adil, manakala Tuah taat setia kepada raja yang zalim. Dua aliran yang mereka lambangkan berlanjutan dalam sejarah rakyat.

Dalam tahun 1511, manakala Kerajaan Melaka di kemuncak keagungan, Portugis menyerang. Dengan kelengkapan lebih canggih dan dibantu pembesar Melaya yang belot, Portugis berjaya menundukkan Melaka dan bertapak sebagai kuasa penjajah Barat

Tulisan ini dipetik dari dasar dan cita-cita perjuangan Parti Rakyat Malaysia bertajuk Malaysia Baru. Ia sesuai ditatap dan dianalisis secara mendalam kerana banyak saranan yang positif dikemukakan. Ya, apa salahnya mengikuti perbincangan Malaysia Baru daripada terus dikongkong Melayu Baru.

yang pertama di Tanah Melayu.

Penjajahan Portugis diganti oleh Belanda. Kemudian sampai pula penjajahan Inggeris, yang mula bertapak di Pulau Pinang pada tahun 1786. Dari situ, Inggeris mulai meresap masuk ke negeri-negeri Melayu, mula-mula untuk menguasai ekonomi, dan akhirnya dapat memerintah secara langsung ataupun tidak langsung.

Dari awal lagi terdapat golongan di kalangan raja, pembesar dan rakyat Melayu, yang menentang penjajahan Portugis dan Inggeris. Pada masa yang sama, ramai juga yang bersubahat dengan mereka. Di zaman penjajahan Inggeris, jelas kelihatan aliran atau tradisi penentangan dan kerjasama. Inggeris menaikkan raja serta pembesar yang boleh diperalatkannya dan menurunkan mereka yang menentangnya, untuk menguasai politik dan ekonomi negeri ini.

Selepas Perang Dunia II, melalui beberapa pertubuhan politik dan gerakan pekerja, rakyat mulai berjuang menuntut kemerdekaan, mengikut berbagai-bagai cara. Dua aliran tadi terus dibawa oleh beberapa golongan. Di satu pihak, terdapat mereka yang bersubahat dengan penjajah dan, di pihak lain, terdapat pula mereka yang menentangnya.

Gerakan menentang penjajahan terjejas apabila parti-parti politik dan gerakan pekerja progresif, termasuk Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), diharamkan dan ramai pemimpin serta anggota ditangkap di bawah Undang-undang Darurat. Selanjutnya, penjajah British menggalakkan perkembangan Umno untuk mengisi kekosongan politik yang timbul.

Dari mula lagi Umno dipimpin oleh golongan atasan Melayu yang pro-British. Mereka bekerjasama dengan parti-parti yang dipimpin oleh golongan peniaga Cina (dalam MCA) dan profesional India (dalam MIC) untuk menubuh Perikatan. Kepada merekalah merdeka diserahkan.

Selepas merdeka, parti Perikatan yang memerintah meneruskan banyak matlamat, dasar, undang-undang serta peraturan yang dicipta oleh penjajah British dalam pelbagai bidang di negeri ini. Politik pro-British yang diamalkan oleh Perikatan ditentang oleh beberapa

buah parti, terutama sekali oleh Parti Rakyat (yang bergabung dalam Front Sosialis).

Perikatan meneruskan tradisi kerjasama dengan penjajahan, manakala Parti Rakyat menyambung tradisi menentang penjajahan bentuk baru. Itu sebabnya Parti Rakyat menentang usaha imperialis British, melalui pimpinan Perikatan untuk membentuk Malaysia. Akibat dari penentangan ini dan konfrontasi Indonesia, ramai pemimpin pembangkang ditahan dan PRM turut dilumuhkan.

Kerajaan Perikatan menggunakan kuasa politik untuk kepentingan ekonomi kumpulan elit di kalangan etnik yang diwakili oleh parti-parti komponennya. Persaingan untuk mendapatkan lebih kuasa ekonomi dan politik di kalangan kumpulan etnik bertambah kuat dengan penubuhan berbagai-bagai organisasi politik, ekonomi dan sosial yang berasaskan perkauman. Hubungan kaum bertambah tegang akibat politik perkauman dan dasar yang mengutamakan perpaduan etnik lebih daripada perpaduan nasional.

Dasar ekonomi kapitalis yang dilaksanakan Perikatan tidak berjaya memperseimbangkan kedudukan ekonomi di kalangan kaum. Kadar pengangguran meningkat dan perbezaan antara golongan kaya dengan miskin bertambah luas. Dasar pendidikan tidak mencerminkan aspirasi rakyat dan tidak memberi peluang yang adil kepada golongan rakyat jelata, di luar bandar dan di bandar. Penggunaan dan kedudukan bahasa Melayu tidak dapat menandingi bahasa Inggeris. Ketegangan kaum, yang ditambah dengan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat, akhirnya diperalatkan oleh pihak Perikatan untuk mencetuskan rusuhan kaum pada 13 Mei 1969 dan terus menekan rakyat. Rusuhan ini jelas membuktikan kegagalan dasar Perikatan ketika itu.

Dasar Perikatan yang gagal itu bertanggungjawab juga menimbulkan bibit-bibit amalan politik wang, merenggangkan jurang di antara golongan berada dengan tidak berada, meruncingkan perasaan perkauman di kalangan rakyat dan meluaskan penjajahan kebudayaan oleh imperialis Barat. Selain itu, demokrasi dan hak asasi rakyat semakin terhakis dengan kelulusan akta-akta dan undang-

undang yang mengawal dan menekan. Keadaan alam sekitar juga semakin terjejas dan tercemar akibat projek-projek pembangunan ekonomi pesat yang tidak dikawal atau dirancang dengan teliti.

Walaupun tidak dapat dinafikan bahawa beberapa perubahan baru mulai diperkenalkan, masih banyak lagi unsur-unsur lama yang diteruskan. Kita melihat banyak pengaruh daripada saki-baki penjajahan bentuk baru dan amalan feudal dilanjutkan, sungguhpun semakin giat dijalankan usaha untuk membangun negeri dan memodenkan rakyat melalui sistem kapitalisme Barat.

Sekarang ini Malaysia di bawah pemerintahan Barisan Nasional menekankan usaha-usaha pembangunan, terutama di bidang ekonomi. Kejayaan seringkali diukur dari segi peningkatan kadar pertumbuhan KDNK dan pendapatan per-kapita, yang tidak menunjukkan keadaan pembangunan sebenar. Antara kesan pembangunan ini susunan masyarakat berubah; golongan buruh tambah berkembang, golongan pertengahan tambah besar dan golongan hartawan korporat tambah kukuh.

Secara keseluruhan taraf hidup meningkat, akan tetapi, jurang ketidaksamaan ekonomi dan sosial masih lebar. Apa yang dinikmati oleh segelintir hartawan dalam serta luar negeri, jauh lebih hebat daripada yang dikecapi oleh rakyat ramai. Kebanyakan hartawan ini berhubungan rapat dengan para pemimpin BN. Mereka sibuk mengaut kekayaan sehingga tidak menghiraukan nasib rakyat dan masa depan negeri.

Kuasa politik menjadi rebutan untuk membolot kekayaan serta kemewahan. Projek-projek besar serta mewah, yang dilaksanakan atas nama pembangunan, memberi peluang kepada sebilangan syarikat dan segelintir orang untuk mengaut keuntungan. Mereka tidak begitu mengambil endah kesan buruk ke atas penderitaan rakyat jelata dan pencemaran alam sekitar. Walaupun mulai ada tanda-tanda kesedaran tentang soal pencemaran, namun langkah-langkah yang dikuatkuasakan untuk mengatasinya masih lemah.

Nasib rakyat jelata belum terbela penuh. Pendapatan mereka masih rendah, tidak mencukupi untuk hidup dengan selesa atau sederhana. Akibat inflasi, rasuah dan salah guna kuasa, bertambah

sulit lagi rakyat jelata hendak mendapat kemudahan yang sepatutnya menjadi hak mereka. Perbezaan sosio-ekonomi terus lebar, kemiskinan berterusan dan pengangguran tetap mencabar. Di kampung dan bandar, kebanyakan rakyat menghadapi kesulitan perumahan, perubatan, persekolahan dan pengangkutan.

Kini kuasa politik bertumpu dalam tangan beberapa kerat pemimpin BN. Mereka mengguna dan memperalatkan berbagai-bagai undang-undang yang menyekat kebebasan rakyat serta mencabul hak-hak asasi. Undang-undang zalim yang lama, seperti Undang-undang Darurat, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Kesatuan Sekerja dan Akta Pertubuhan dilanjut, bahkan diperketat lagi dengan pelbagai pindaan. Bermacam-macam peraturan serta akta baru yang tidak adil diperkenalkan. Kuasa dan kebebasan kehakiman dihakis. Media dimonopoli oleh klik tertentu dalam parti-parti pemerintah dan kebebasan akhbar sudah lama pupus. Jentera serta kakitangan pemerintah sering diperalat untuk mengugut rakyat demi mempertahankan kuasa parti-parti yang berkuasa.

Parti-parti serta pemimpin-pemimpin pemerintah terlibat dengan kegiatan ekonomi. Semakin banyak wang digunakan untuk membeli pengaruh politik. Keadaan dan amalan politik wang semakin buruk. Ia digunakan secara berleluasa untuk membeli undi dalam pilihan raya umum dan mendapat sokongan dalam pemilihan jawatan parti pemerintah. Selain itu, pembaziran dan rasuah bertambah meluas. Alat dan sumber kekayaan tidak dimanfaatkan sepenuhnya untuk kesejahteraan rakyat jelata.

Pemimpin-pemimpin BN mengabaikan tanggungjawab besar mereka untuk berusaha membentuk perpaduan nasional dan memupuk kebudayaan rakyat serta nilai-nilai luhur dalam masyarakat. Sebaliknya, mereka dengan rakus menggunakan media massa untuk sentiasa mengangkat pemerintah, memuja pemimpin tertentu, menyebarkan pembohongan terhadap pihak-pihak yang tidak disukai, dan membantut kesedaran rakyat. Badan-badan seperti Biro Tata Negara pula diperalatkan untuk memupuk semangat perkauman sempit serta kolot dan menimbulkan isu-isu yang memecahbelahkan rakyat.

Media elektronik, khususnya televisyen, penuh dengan rancangan-rancangan anjuran syarikat-syarikat besar. Mereka mengagungkan cara hidup Barat walaupun bertentangan dengan nilai agama serta tatasusila ketimuran yang unggul. Selaras dengan itu digalakkan pula tempat-tempat hiburan, peleseran dan perjudian. Terdapat syarikat-syarikat judi dan loteri, milik pemimpin BN (khasnya Umno) atau penyokongnya, yang meraih untung besar. Semakin meluas lagilah amalan maksiat. Hampir tidak ada usaha berkesan untuk menanam semangat cinta tanah air, memupuk nilai-nilai moral yang tinggi dan menggalak perkembangan kebudayaan rakyat di negeri ini.

Akhir sekali, dan paling bahaya, penumpuan kuasa di negeri kian bertambah jelas. Segelintir orang semakin menguasai bidang-bidang politik, ekonomi, media dan gerakan belia. Ini membuktikan bahawa politik Malaysia sedang menuju kepada sistem oligarki, di mana sumber kuasa dan alat pemerintahan dibolot oleh sebilangan kecil orang sahaja. Dengan bertambah kuatnya kuasa oligarki, demokrasi dan hak asasi lebih terancam, dan nasih rakyat jelata tidak akan terbela.

Justeru itu Parti Rakyat Malaysia membutirkan dasar-dasar perjuangan dalam semua aspek. Pertama, politik nasional dan demokrasi. Wujudkan sebuah pemerintahan yang benar-benar berdaulat, demokratik, berakhlak dan berpihak kepada rakyat. Sekat perkembangan kuasa oligarki, kikis pengaruh penjajahan baru dan saki-baki feudal. Wujudkan pemerintahan tempatan yang dipilih oleh rakyat. Pastikan penyertaan cergas semua golongan rakyat - khususnya buruh, petani dan kelas menengah - melalui organisasi politik dan bukan-politik atau wakil-wakil mereka dalam semua peringkat membuat keputusan, demi membentuk budaya demokrasi yang kukuh dan melahirkan kuasa rakyat serta identiti bangsa Malaysia Baru yang kuat.

Perjuangkan keadilan serta kebenaran, perluaskan demokrasi, beri jaminan kepada semua rakyat hak kebebasan berfikir, bersuara, menyusun pertubuhan dan bergerak. Sekat penumpuan kuasa politik serta kekayaan berlebihan pada segelintir pemimpin pemerintah, banteras penglibatan parti politik dalam perniagaan, dan hapuskan amalan politik wang.

Wujudkan sistem pentadbiran yang adil dan cekap berdasarkan nilai-nilai etika dan rohaniah yang luhur, hapuskan rasuah, pilih kasih dan pembaziran. Tingkatkan kerajikan serta sifat jimat cermat dalam jabatan-jabatan pemerintah dan hormati serta beri layanan baik kepada orang ramai. Beri kuasa yang lebih kepada Badan Pencegah Rasuah dan letakkannya di bawah Dewan Rakyat.

Bentuk sistem perundangan yang mampu menggubal undang-undang serta dasar yang melindungi hak serta kepentingan rakyat. Pastikan urusan pentadbiran dan kehakiman yang bebas, profesional dan tidak berat sebelah. Adakan peraturan bagi menarik balik atau menurunkan pegawai pemerintah dan wakil rakyat yang didapati tidak sesuai untuk menjalankan tugas kerana sabit membuat kesalahan atau melakukan rasuah.

Mansuhkan segala undang-undang, akta dan peraturan yang mencabul hak asasi manusia, seperti Undang-undang Darurat, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Kolej dan Universiti, Akta Pertubuhan, Akta Percetakan dan Penerbitan, Akta Kesatuan Sekerja, Akta Perhubungan Perusahaan, Akta Polis, Akta Rahsia Rasmi dan lain-lain, yang menekan rakyat serta menimbulkan budaya takut.

Galakkan pembentukan dan perkembangan pertubuhan-pertubuhan rakyat, tingkatkan kesedaran politik rakyat melalui kempen pendidikan atas prinsip dan program gerakan rakyat untuk kebebasan nasional serta demokrasi, dan hormati tuntutan adil mereka untuk membuat perubahan asas dalam susunan sosial.

Bina masyarakat moden, progresif dan bermoral. Tanam semangat cinta tanah air dan setiakawan antara bangsa. Tentang segala faham perkauman, perkukuh asas untuk menegakkan perpaduan sejati, dan wujudkan satu bangsa Malaysia yang padu.

Kedua, aspek ekonomi nasional dan progresif. Bangunkan ekonomi nasional yang maju, terancang baik dan bebas daripada sebarang bentuk penindasan, pembaziran serta kecurangan. Perjuangkan hak serta kepentingan rakyat jelata, terutama sekali golongan susah atau miskin daripada semua kaum. Jaminan tenaga penuh dan kestabilan harga. Dan pastikan hak istimewa Melayu digunakan untuk manfaat bagi rakyat ramai, bukannya segelintir keluarga yang kaya serta berkuasa.

Tingkatkan potensi pertumbuhan ekonomi daripada faktor dalaman. Teruskan usaha penyusunan dan perubahan struktur ekonomi ke arah pembangunan sektor-sektor yang berpotensi tinggi dan dinamik, khasnya ke arah pembangunan sektor perindustrian dengan sokongan sektor pertanian. Dan tingkatkan kecekapan tenaga manusia berasaskan pendidikan dan latihan bermutu.

Perluas dan tingkatkan peranan modal tempatan dalam bidang pembangunan yang strategik untuk menjamin ekonomi negeri ini lebih berdikari. Gembelng serta sebarkan modal asing ke arah pembangunan ekonomi rakyat, khususnya dalam bidang yang memerlukan teknologi canggih dan kepakaran teknikal tinggi.

Laksanakan usaha perindustrian yang kukuh, luas asasnya dan seimbang. Tingkatkan peranan sains dan teknologi untuk kemajuan, utamakan kepentingan usahawan tempatan tanpa menolak modal, teknologi serta kemahiran luar; sebarkan kawasan industri di luar pusat-pusat industri yang ada kini. Galakkan pertumbuhan industri kecil. Dan usahakan kemajuan seimbang bagi sektor pertanian.

Tingkatkan daya saing industri berorientasikan eksport supaya pasaran untuk barangan eksport dapat diperluaskan dan Malaysia dapat menikmati faedah maksimum daripada perdagangan antarabangsa; dan dalam konteks ini, industri tempatan harus digalakkan supaya meningkatkan taraf teknologi mereka melalui kegiatan penyelidikan dan pembangunan yang berterusan.

Majukan terus sektor perkhidmatan dan selaraskannya dengan perkembangan sektor industri dan sektor pertanian. Sehubungan ini, peruntukan kewangan sewajarnya serta pembangunan sumber manusia amatlah diperlukan supaya perkembangan sektor-sektor kecil perkhidmatan, khususnya pengangkutan, perhubungan serta kewangan dapat membantu perkembangan sektor industri dan sektor pertanian.

Bataskan sistem pasaran pada sektor-sektor tertentu untuk menjamin kecekapan, produktiviti tinggi, kemakmuran negeri dan kemajuan rakyat. Pertahankan prinsip milik negara bagi perusahaan yang strategik, seperti minyak petrol dan balak.

Kekalkan pemilikan awam bagi kemudahan awal seperti air, api dan pembentungan najis. Dan pastikan penswastaan yang dilaksanakan tidak mengakibatkan kesulitan ke atas pekerja serta rakyat ramai.

Agih kekayaan negara secara adil dan seimbang, khususnya untuk terus membasmi kemiskinan dan menaikkan taraf hidup rakyat jelata dalam segala bidang pembangunan, seperti pendidikan, kesihatan dan perumahan. Awasi supaya projek-projek gergasi yang dilaksanakan benar-benar memberi keuntungan kepada negara dan kesejahteraan kepada rakyat, bukan memberi laba serta kemewahan hanya kepada segelintir pemimpin politik pemerintah dan tokoh-tokoh korporat yang berdamping dengan mereka.

Susun semula sistem cukai pendapatan supaya mengurangkan beban ke atas rakyat, dengan memberi pelepasan dan potongan wajar kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana serta semua tanggungan termasuk ibu bapa. Kenakan cukai pada kadar yang berpatutan ke atas syarikat-syarikat besar serta golongan berpendapatan tinggi. Kawal hutang luar supaya memberi kebajikan kepada rakyat dan tidak menjejaskan ekonomi negara.

Ketiga, dari segi agama dan kerohanian. Jamin kebebasan beragama dan kepercayaan kepada setiap rakyat dan penduduk. Dokong kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi dan perkemas serta selaraskan pentadbiran agama Islam supaya teratur segala urusannya. Tegakkan nilai-nilai keadilan, persamaan dan persaudaraan sebagaimana yang dituntut oleh agama.

Perdalamkan fahaman mengenai ajaran agama untuk menggalakkan perubahan maju, persefahaman serta perpaduan di kalangan rakyat. Kembangkan ajaran serta sejarah agama yang menentang kezaliman, penindasan, kemungkaran serta kecurangan. Dan tingkatkan usaha menganjurkan dialog antara agama-agama berlainan.

Tingkat serta perluas tafsiran tentang ajaran agama untuk menggalakkan pembaharuan pemikiran. Hapuskan amalan mungkar dan lawan keruntuhan akhlak yang diakibatkan oleh pengaruh negatif permodenan. Perkuat asas-asas akhlak serta rohaniah,

terutama di kalangan kanak-kanak serta belia. Dan hapuskan punca segala jenis maksiat seperti pelacuran dan salah guna dadah.

Keempat, mengenai dasar sosial menyeluruh. Jamin keselamatan serta kebajikan sosial yang luas kepada rakyat, khususnya yang miskin atau berpendapatan rendah. Adakan satu sistem kebajikan masyarakat yang menyeluruh serta tersusun untuk membantu orang miskin, anak yatim, orang cacat, uzur atau tua dan penganggur. Wujudkan satu sistem pencen nasional. Dan galakkan amalan tradisional yang menggunakan institusi keluarga untuk menjaga kebajikan serta kesejahteraan warga tua.

Perkenal dasar perumahan untuk membina lebih banyak rumah murah bagi rakyat berpendapatan rendah. Pastikan rumah-rumah murah sempurna, selesa serta selamat. Pastikan kawasan perumahan mempunyai sekolah, klinik atau hospital serta taman rekreasi. Sediakan peluang pinjaman tanpa faedah untuk rakyat berpendapatan rendah. Dan selesaikan masalah peneroka bandar dengan memberikan hak milik tanah atau menyediakan tempat ganti serta membayar pampanan berpatutan kepada mereka.

Sedia kemudahan rawatan utama percuma kepada rakyat berpendapatan rendah dan khidmat hospital serta perubatan yang dimasyarakatkan. Baiki perkhidmatan serta alat perubatan, atasi masalah kekurangan doktor, ubat serta katil pesakit. Batasi penswastan hospital serta perubatan yang mempersulitkan golongan miskin. Perkenalkan rancangan insuran perubatan awam. Dan galakkan penyelidikan, perkembangan serta penyebaran amalan serta teknologi perubatan tradisional yang baik.

Sedia lebih banyak kemudahan sosial untuk rakyat. Baiki dan tambah kemudahan pendidikan, kesihatan serta perumahan di semua kawasan susah dan sesak. Perkemaskan perkhidmatan air, api serta pengangkutan awam yang ada. Atasi masalah kesesakan lalu lintas dan hapuskan bayaran hospital.

Kelima, membela petani, pekerja dan penjaja. Tumpukan usaha pembangunan kepada petani dan nelayan untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial mereka. Adakan reformasi tanah dengan menjamin cukup tanah bagi setiap petani dan sekat penjualan tanah

kepada golongan atau syarikat asing. Galakkan koperasi dalam bidang pengeluaran dan pasaran secara bersungguh. Hapuskan cukai ses ke atas pekebun kecil yang memiliki kurang daripada 12 ekar. Sediakan bantuan atau subsidi kepada petani miskin. Beri hak-milik kepada peneroka serta ringankan beban hutang mereka. Dan lipatgandakan bantuan atau peruntukan bagi memperbaiki kehidupan nelayan.

Sokong hak pekerja berkesatuan dan kebebasan menguruskan kesatuan mereka untuk menjamin jaminan kerja serta keselamatan pekerja. Hindarkan kemerosotan pendapatan sebenar kerana inflasi dan pastikan pekerja mendapat pulangan lebih sesuai dengan peningkatan produktiviti. Dan sokong hak mereka menyertai proses membuat keputusan, mengurus tenaga kerja dan sebagainya.

Perbaiki gaji serta syarat pekerjaan bagi pegawai pemerintah pangkat rendah, terutama dari golongan buruh, askar dan polis. Dasarkan kenaikan pangkat pegawai-pegawai kepada faktor-faktor kebolehan, kerajinan dan dedikasi terhadap kerja dan rakyat. Dan sediakan kemudahan perumahan, perubatan serta pendidikan yang baik untuk keluarga mereka.

Perkenalkan gaji minimum yang munasabah kepada kaum pekerja. Berikan pekerja hak-hak menubuhkan kesatuan, berunding dan mogok. Sekat majikan daripada membuang pekerja dengan sewenang-wenang. Ambil langkah tegas untuk menjamin keselamatan di tempat kerja. Dan selaraskan kemasukan pekerja asing dalam bidang yang menguntungkan rakyat serta negara selagi tidak menjejaskan kedudukan pekerja tempatan.

Seterusnya beri galakan serta kemudahan yang baik, termasuk tempat berniaga dan kredit, kepada penaja dan peniaga kecil. Hapuskan karenah birokrasi yang mengganggu mereka, dan hindarkan tindakan zalim yang boleh menghapus atau menjejaskan sumber mata pencarian mereka.

Keenam, hak wanita, belia dan kanak-kanak. Berikan tumpuan khas untuk memajukan Orang Asli dalam semua bidang, sesuai dengan tuntutan mereka. Hormati hak mereka ke atas tanah yang menjadi pesaka atau sumber penghidupan mereka turun-temurun.

Dan lindungi mereka daripada penindasan oleh pemerintah, pemaju atau pembalak, yang sering merampas tanah mereka dan membayar tenaga serta hasil pengeluaran mereka dengan harga yang murah.

Perjuangkan hak, kepentingan serta martabat wanita. Hapuskan penindasan, diskriminasi dan keganasan terhadap mereka. Buka peluang lebih luas kepada mereka dalam bidang ekonomi dan politik. Beri wanita cuti bersalin selama sekurang-kurangnya tiga bulan. Tentang amalan-amalan mengeksploitasi wanita sebagai alat seks melalui sebaran am, iklan dan peraduan kecantikan. Adakan pusat-pusat pemulihan bagi wanita yang menjadi mangsa penyakit sosial, seperti pelacuran. Dan ambil langkah-langkah lebih berkesan untuk melindungi wanita daripada perkosaan dan deraan.

Perjuangkan hak serta kepentingan belia. Ambil tindakan untuk mengatasi masalah-masalah mereka, seperti pengangguran, salah guna dadah dan keciciran. Buka peluang lebih luas untuk golongan belia menyertai pusat latihan kemahiran dan projek ekonomi. Beri dorongan serta kemudahan kepada mereka yang mempunyai bakat dan berminat dalam seni, sukan serta kebudayaan untuk memperbaiki bakat. Galakkan perkembangan gerakan belia yang tulen serta bebas. Dan berikan peranan lebih besar kepada mereka dalam bidang politik, ekonomi dan sosial.

Akui serta sokong hak kanak-kanak untuk mendapatkan pendidikan dan rawatan kesihatan secara percuma. Beri jaminan supaya kanak-kanak bebas daripada berbagai-bagai jenis pencabulan, penderaan serta penindasan. Dan sekat penggunaan buruh kanak-kanak.

Ketujuh, reformasi pendidikan. Kaji semula falsafah pendidikan supaya menggalakkan kemajuan ilmu, pemikiran saintifik, cinta tanah air dan semangat berkhidmat kepada rakyat. Sediakan asas yang kukuh bagi perkembangan rohani serta akhlak. Dan kurangkan penekanan kepada peperiksaan serta sijil yang tidak menggalakkan perkembangan fikiran dan kebolehan sebenar seseorang pelajar.

Wujudkan sistem pendidikan yang menjamin segenap rakyat

mendapat pendidikan setinggi-tingginya. Adakan pendidikan wajib serta percuma untuk peringkat rendah dan menengah. Sediakan tempat yang mencukupi bagi mereka yang berkelayakan untuk belajar di universiti, maktab teknik atau perguruan, politeknik serta pusat kemahiran. Beri peluang serta kemudahan bagi mereka yang sudah bekerja untuk melanjutkan pendidikan. Rapatkan hubungan sekolah serta pusat pengajian tinggi dengan masyarakat. Dan beri peluang kepada rakyat untuk mengemukakan pendapat terhadap soal pendidikan.

Terima pusat-pusat pengajian tinggi swasta dengan syarat ia meluaskan peluang pendidikan tinggi, tidak diusahakan secara dagangan untuk keuntungan semata-mata dan diusahakan selari dengan dasar serta sistem pendidikan negara ini. Dan banyakkkan lagi universiti, kolej dan politeknik tempatan supaya dapat menampung lebih ramai pelajar ke peringkat pengajian tinggi.

Dirikan lebih banyak tadika dan sekolah yang mempunyai cukup kelengkapan serta guru-guru berkelulusan, terutama bagi kawasan-kawasan mundur. Adakan kemudahan seperti bahan bacaan, alat pengajaran, asrama serta rumah guru yang memuaskan. Rapatkan jurang di antara sekolah di bandar dengan luar bandar dan sekolah berasrama dengan tidak berasrama dari segi kelengkapan, peralatan dan guru. Dan perbaiki sistem mengajar serta pentadbiran sekolah.

Pastikan bahawa sistem pendidikan menentukan lebih banyak keseimbangan di antara sains/teknologi dengan sastera/sains sosial. Lebihkan peranan negara serta swasta bagi latihan serta pendidikan tenaga kerja yang sesuai untuk keperluan pembangunan. Dan galakkan sektor awam serta swasta mengadakan rancangan untuk melatih dan menaikkan taraf kemahiran pekerja.

Tekankan peranan pendidikan untuk membentuk bangsa yang bersatu dan galakkan isi pendidikan yang sesuai untuk mencapai hasrat ini. Kukuhkan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dan pastikan ia mempunyai taraf serta nilai lebih tinggi daripada bahasa Inggeris. Sediakan kemudahan untuk mempelajari sekurang-kurangnya satu bahasa tempatan lain dan satu

bahasa asing. Dan wujudkan kemudahan serta suasana yang boleh menggalakkan pelajar daripada berbagai-bagai kaum serta aliran berhubung rapat, sesuai degan keperluan membentuk bangsa yang bersatu.

Kelapan, mengenai kebudayaan rakyat. Galakkan perkembangan kebudayaan, kesusasteraan dan kesarjanaan yang bermutu tinggi, bercorak kerakyatan, saintifik dan mendokong nilai akhlak serta rohaniah yang luhur. Wujudkan budaya suka membaca dan banyakkkan perpustakaan awam. Kikis pengaruh kebudayaan serta pemikiran imperialis dan feudal dalam masyarakat. Awasi dengan berkesan berbagai-bagai kejahatan serta kerosakan akhlak yang diakibatkan oleh kegiatan pelancongan yang tidak terkawal. Dan hapuskan pengaruh buruk budaya dagangan tidak bernilai, unsur-unsur ganas dan seks yang banyak disalurkan melalui media massa.

Beri peluang luas kepada rakyat semua kaum untuk menghayati serta memperkenalkan kebudayaan masing-masing dalam rangka pembentukan kebudayaan Malaysia. Galakkan kajian mendalam ke atas semua warisan kebudayaan dalam negeri supaya dapat diperkenalkan dengan luasnya demi perpaduan kaum. Dan adakan pusat-pusat untuk menggalak penciptaan dan pertunjukan semua bentuk seni yang bermutu serta boleh meningkatkan fikiran rakyat, khususnya kanak-kanak dan belia.

Menggalakkan kemasukan unsur-unsur sains, teknologi dan ilmu yang maju dalam kebudayaan dunia. Tubuh pusat untuk menterjemah karya-karya sastera dan saintifik yang bermutu. Menjamin kebebasan mencipta dan memberi dorongan penuh kepada para penulis serta seniman tempatan untuk menghasilkan karya-karya kreatif yang bernilai tinggi.

Seterusnya menggalak perkembangan pandangan hidup saintifik dan maju di kalangan rakyat. Pupuk semangat merdeka serta hormat diri. Hapus perasaan jiwa hamba, kepercayaan tahyul serta amalan usang. Dan anjurkan cara hidup baru yang maju.

Kesembilan, melindungi alam sekitar. Ambil langkah untuk merangkumkan prinsip ekologi ke dalam falsafah dan amalan

perancangan pembangunan. Pastikan sentiasa wujud keseimbangan antara pembangunan dengan perlindungan alam sekitar. Dan laksanakan prinsip pembangunan yang berkekalan, yang melindungi sumber semulajadi, supaya pembangunan hari ini dapat dinikmati oleh generasi akan datang.

Adakan peraturan-peraturan serta penguatkuasaan berkesan untuk melindungi alam sekitar. Ambil tindakan tegas terhadap kilang, perusahaan atau kenderaan yang melakukan pencemaran. Pulihkan serta kawal kebersihan udara dan air (pantai dan sungai). Dan wujudkan kerjasama antarabangsa untuk mengawal kesesakan lalu lintas dan pencemaran di Selat Melaka.

Tingkatkan taraf hidup yang bermutu. Banyakkan taman rekreasi serta taman mainan kanak-kanak. Hormati hak rakyat untuk menikmati kawasan pantai, pulau serta hutan yang bersih. Tentang aktiviti pembalakan yang tidak terkawal dan pembinaan padang golf, yang merosakkan alam sekitar serta memudaratkan kehidupan manusia serta makhluk lain.

Kesepuluh, hubungan luar. Laksanakan secara aktif dasar luar yang bebas serta berorientasikan perdamaian yang saling menguntungkan antara Malaysia dengan negeri-negeri lain dan menjamin keutuhan, keselamatan serta kemakmuran bangsa. Pupuk hubungan persahabatan dengan semua negeri berasaskan berbagai-bagai rancangan serta projek dalam bidang ekonomi dan kebudayaan yang boleh mendatangkan faedah bersama.

Perluaskan hubungan dua atau banyak hala dengan semua negeri, tidak kira ideologi atau sistem sosialnya, berasaskan prinsip tidak campur tangan dalam hal ehwal negeri satu sama lain, menghormati integriti kawasan masing-masing, keuntungan serta faedah bersama dan menyelesaikan pertelingkahan melalui cara damai. Dan galakkan hubungan antara rakyat dengan rakyat, dan organisasi dengan organisasi.

Batalkan perjanjian pertahanan dengan kuasa-kuasa asing, khususnya Amerika Syarikat. Jalankan dasar aktif untuk menyokong rancangan ASEAN bagi mewujudkan Kawasan Damai, Bebas serta Berkecuali (ZOPFAN) dan membentuk wilayah Asia-Pasifik yang

bebas daripada pangkalan tentera asing dan senjata nuklear. Dan sertai gerakan rakyat seluruh dunia menuntut supaya diadakan rancangan melucutkan senjata serta memusnahkan senjata nuklear demi menegakkan keamanan dunia.

Rancangan Amerika untuk mewujudkan Tata Dunia Baru yang bertujuan menjadikannya satu-satu kuasa besar dunia hendaklah ditentang. Sertai gerakan mendesak penyusunan semula Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu supaya lebih demokratik dan tidak dikuasai oleh kuasa-kuasa besar, khususnya Amerika Syarikat dan hapuskan kuasa veto. Seterusnya tentang pencerobohan, peluasan serta penguasaan wilayah oleh mana-mana kuasa.

Akhirnya jalin hubungan lebih teguh dengan negara-negara Dunia Ketiga untuk menegakkan kedaulatan politik serta ekonomi mereka dan memperkukuhkan perdamaian dunia. Sokong perjuangan rakyat di merata dunia untuk mendapatkan hak, kebebasan, keadilan serta demokrasi bagi mereka.

JIKA DAIM SOKONG PAK LAH

Walaupun Abdullah Ahmad Badawi tidak satu kem dengan Anwar dan tidak bersekutu dengan Pasukan Wawasan, ramai yang menjangkakan Pak Lah boleh menang. Hingga ada pihak menyatakan Anwar cuba menarik Pak Lah ke dalam kemnya. Musuh Anwar sebenarnya Sanusi Junid, Pak Lah senang untuk dijinakkan. Seperti kata Sanusi, Pak Lah orangnya lemah lembut, pijak semut pun tidak mati.

Hingga saat-saat akhir hari pembuangan undi 1993, Pak Lah terus diramal boleh mengekalkan jawatan Naib Presiden. Dan apabila Presiden parti, Mahathir, dalam ucapannya seperti memberi isyarat supaya tetap diberi tempat kepada Naib-naib Presiden yang ada ketika itu, yang dibincangkan ialah sudah pasti paling kurang seorang daripada calon Pasukan Wawasan akan gugur. Mungkin Muhyiddin ataupun Muhammad Muhd Taib. Yang peliknya, Muhyiddin yang tidak popular itu boleh muncul sebagai pemenang nombor satu.

Namun bila keputusan diumumkan, ramai yang terkejut. Pertama, bagaimana Muhyiddin boleh capai tangga teratas, melepasi Najib. Mungkinkah penyokong Muhyiddin sabotaj Najib demi mengejar persaingan yang lebih hebat pada tahun 1996 nanti? Kedua, apa puncanya perwakilan Umno menolak Pak Lah? Bagaimana Pak Lah boleh kalah? Kalau mahu dikatakan Pak Lah tidak kuat berkempen, memang diakui, tetapi bukannya Pak Lah mempunyai keunikan tersendiri, yang memungkinkan Pak Lah terus terpilih? Apakah rayuan saat-saat akhir Anwar - yang mengkhianati amanat Mahathir supaya pendekatan kempen berklik dihindarkan - khususnya kepada perwakilan Sabah supaya semua Pasukan Wawasan dipilih begitu berkesan menyudutkan Pak Lah?

Dengan dada terbuka Pak Lah menerima kekalahannya, beliau turun ke bawah menyampaikan tahniah kepada Najib. Beberapa orang penyokong setianya memeluk Pak Lah, ada yang menangis menahan sebak di dada. Pak Lah terpaksa mententeramkan mereka. "Pada pandangan saya, pemilihan kali ini ialah yang paling sengit serta sukar," katanya. "Saya akan memberi kerjasama kepada mereka yang menang. Cuma saya mahu mengingatkan supaya jangan lupa ketika berada di puncak. Apabila buah sudah dipetik, lemparkanlah ke bawah kerana ramai yang berada di bawah, jangan jadi seperti Mat Jenin, apabila sudah mendapat buah yang diidamkan, dia leka lalu jatuh ke bawah." Demikianlah kesudahannya, untuk babak kedua, dalam kerjaya politik Pak Lah, yang disokong menjadi Naib Presiden sejak 1984. Bagi jawatan Naib Presiden Pak Lah lebih senior satu penggal daripada Anwar.

Dalam ucapan menerima kekalahan, Pak Lah sempat memberi ingatan kepada Anwar. Katanya, Presiden Umno sudah dua kali ditinggalkan timbalannya. Janganlah ia berulang buat kali ketiganya. Ataupun timbalannya pula kali ini yang menjatuhkan Presiden. Sesungguhnya ingatan pihak yang kalah dalam Umno ada sindiran halus yang harus diterjemahkan. Sewaktu mengucapkan selamat tinggal kepada Umno, selepas kalah 40 undi kepada Ghafar Baba, Musa mengingatkan supaya "jagalah Umno baik-baik." Ingatan Pak Lah lebih istimewa, kalau dua Timbalan Presiden terdahulu pergi meninggalkan Presiden, mungkin kali ini Timbalan Presiden pula

akan membuatkan Presiden lari meninggalkan timbalannya. Dan inilah yang menjadi perbincangan hangat ketika ini. Mungkinkah Anwar akan berusaha, secara langsung atau tidak langsung, secara diam atau menggiatkan perang saraf, bahawa zaman Mahathir sudah berakhir?

Memang umum mengakui Anwar hebat orangnya. Sejak dari kampus lagi belang Anwar menyerlah. Anwar adalah legenda tokoh gerakan pelajar. Di zamannya, kampus bergegar dan digegarkan, mahasiswa menggugat sebarang ketidakadilan dan penyalahgunaan kuasa. Bakat kepemimpinan Anwar diasuh dengan baiknya melalui pentas-pentas debat, sudut pidato dan aksi-aksi protes di jalan raya. Bertuahnya Anwar kerana sempat belajar di universiti yang masih bebas dan belum memperkenalkan akta keramat, Akta Universiti dan Kolej Universiti. Taringnya makin menonjol sewaktu Anwar memimpin ABIM. Ada kalanya, ABIM lebih digeruni daripada PAS. Pindaan Akta Pertubuhan 1981 dikatakan bertujuan untuk melemahkan ABIM. Memang ABIM semakin lemah kepemimpinan dan merosot kewibawaannya kini, tetapi bukan disebabkan tekanan dan halangan. Prestasi ABIM merosot kerana Anwar meninggalkan ABIM dan menyertai Umno. Ada pihak menyatakan, kini ABIM adalah sayap kanan Umno. Justeru itu Anwar tidak peduli lagi dengan Pemuda Umno yang lemah, mandom, dan lesu itu. Manakan tidak, Pemuda Umno kini diketuai oleh Ketua Menteri yang dituduh rasuah dan kaki betina.

Anwar selama ini tidak pernah kalah. Bintangnya sentiasa menyinar, baik semasa bertindak lantang di luar Umno ataupun sewaktu diam membisu (waktu baru masuk Umno) di belakang Mahathir. Sekarang Anwar tidak akan duduk diam lagi. Anwar terbukti punya kekuatan tersendiri. Anwar terbukti punya pasukan tersendiri. Anwar terbukti punya pengikut setia dan penyokong yang fanatik terhadapnya. Dikatakan selain Tengku Razaleigh yang punya kekuatan menubuhkan parti sendiri, Anwar pun dirasakan mampu berbuat demikian. Anwar dikatakan mempunyai pendokong yang sanggup hidup mati bersamanya. Dan kekuatan ini langsung tidak ada pada Mahathir. Mahathir tidak punya pengikut dan penyokong setia. Mahathir cukup lemah di peringkat akar umbi. Itu sebabnya

Mahathir kerap ditikam dari belakang. Itu sebabnya Mahathir sering ditinggalkan kawan rapat. Sekiranya Mahathir terkeluar daripada Umno, seperti yang diperlakukan kepada Ku Li, nescaya tidak ramai yang sanggup bersama-samanya. Ini berbeza dengan Ku Li, dan dijangka Anwar jika ditakdirkan dipencilkan secara paksa daripada Umno, dia dirasakan mampu membawa sebilangan besar penyokongnya bersama-samanya.

Cuba kita renung semula peningkatan Anwar dalam Umno. Apabila Anwar menewaskan Haji Suhaimi Kamarudin bagi jawatan Ketua Pemuda Umno, musuh yang dihadapkannya kemudiannya bukan Haji Fadzil Noor, atau Haji Abdul Hadi Awang mahupun Lim Kit Siang. Hasrat Anwar ketika itu ialah mengetepikan Musa, Timbalan Perdana Menteri. Bagi Anwar hanya Musa yang boleh membawa masalah kepadanya. Sekiranya Musa boleh dikalahkan, senangnya Anwar mendaki ke puncak. Dan Anwar berjaya dengan begitu mudah sekali. Anwar menewaskan Musa tanpa perlu bertanding menentanginya. Biarkan Ghafar mengetepikan Musa. Anwar berjaya menyingkirkan Tengku Razaleigh tanpa perlu berlawan dengannya secara langsung. Pada tahun 1987, Anwar sekali gus menamatkan kerjaya Musa dan Tengku Razaleigh dalam politik Umno. Dengan sebiju batu Anwar berjaya membunuh dua ekor burung. Hebat! Musa hanya dapat berpuas hati sebagai diplomat istimewa bertaraf menteri. Tengku Razaleigh kini sedang bertungkus lumus mengemudikan partinya sendiri, Semangat 46, dengan pelbagai karenah yang membusunginya.

Lalu, siapakah lagi yang mampu menyekat kemaraan Anwar? Sanusi hanya tinggal nyawa-nyawa ikan. Musa nampaknya kini benar-benar bersara. Pengikut-pengikut Musa, yang satu ketika dulu begitu fanatik dengannya, sudah hilang punca, ibarat anak-anak ayam kehilangan ibu. Ghafar tidak ada harapan lagi. Pak Lah, bagaimana? Selain pernah bersekongkol bersama Tengku Razaleigh dan Musa Hitam pada 1987, tidak ada kesalahan besar yang Pak Lah lakukan pada Umno. Itu pun kalau mahu diukur, pembabitannya dengan team B tidak boleh dikira satu kesalahan padanya. Tentunya lebih serius lagi "kesalahan" Anwar yang pernah berdepan dan berdada dengan pemimpin-pemimpin Umno

sebelum Umno era Mahathir. Soalnya, mampukah Pak Lah, dan bersediakah beliau menentang Anwar, seorang maharaja baru dalam Umno yang punya segala kekuatan? Apakah kekuatan Pak Lah yang masih tinggal bagi berhadapan dengan Anwar, sedangkan terbukti Pak Lah sendiri tewas dalam usahanya mempertahankan jawatan Naib Presiden di tangan anak-anak mentah dalam politik Umno?

Berbeza benar dengan Sanusi, Pak Lah jarang membuat kenyataan yang kontroversi, bukan sahaja dalam parti, malah ketika berhadapan dengan pembangkang. Perawakannya tenang dan tidak agresif. Senyumannya cukup menarik. Tetapi imej Pak Lah tidak begitu kuat untuk ditonjolkan sebagai calon Perdana Menteri Malaysia. Bakal PM harus kelihatan lasak, sanggup berhadapan dengan sebarang asakan pihak lawan, dalam dan luar negara. Sedangkan Pak Lah seperti mudah tunduk kepada tekanan dan tidak mampu menentang arus. Jiwa Pak Lah dikatakan bukan jiwa seorang pejuang. Pak Lah mudah ditentukan oleh keadaan sekitar dan faktor sekeliling. Itulah yang cuba digambarkan oleh media di bawah kawalan Anwar. Sedangkan imej sebagai PM tidak boleh begitu. Pak Lah mesti nampak sedikit agresif, tenang tetapi tegas, tidak mudah goyah dengan pendirian atau sikap yang dibuat, sanggup berhadapan dengan apa saja rintangan. Tegasnya, Pak Lah harus mempunyai sedikit ciri-ciri yang ada pada Sanusi. Dalam beberapa segi Pak Lah harus belajar dari Sanusi. Pemaparan imej Pak Lah, dalam beberapa hal, mesti diubah.

Wartawan *Utusan Malaysia* pernah bertanya hal ini, tentang pendapat bahawa Pak Lah bukan seorang *fighter* dan akan akhirnya berlembut dengan keadaan. Jawab Pak Lah: "Jika dengan *fighter* itu bermaksud saya orang yang suka bergaduh, maka saya bukan *fighter* tetapi jika maksud *fighter* ialah orang perjuangan, maka saya adalah seorang *fighter*. Perjuangan saya adalah untuk agama, bangsa dan tanahair. Cara saya berjuang bergantung kepada medan. Jika kejayaan perjuangan boleh dicapai secara aman tanpa memporak-perandakan keadaan, maka itulah pilihan saya."

Ini bermakna jika Pak Lah ada hasrat untuk mencabar Anwar, mungkin pada pemilihan 1996, sedikit imejnya harus bertukar. Yang

kedua, Pak Lah kekurangan wang. Inilah ibu segala masalah yang melingkari Pak Lah. Dan kerumitan ini harus diselesaikan segera. Jika ia berlarutan, Pak Lah boleh lupakan saja impian politiknya. Untuk berkempen tahun 1990 sahaja Pak Lah terpaksa bergadai bergolok. Difahamkan beliau terpaksa jual rumah untuk berkempen. Dan kini dikatakan Pak Lah hanya bergantung kepada gajinya sahaja. Akhir bulan habislah gaji. Dalam keadaan serba dhaif ini, walaupun Perlembagaan Umno sudah dipinda bagi memastikan politik wang dihindarkan dalam kempen-kempen pemilihan Umno, namun peluang Pak Lah untuk mencabar Anwar tipis. Pak Lah perlu sokongan dana kempen yang agak besar. Perwakilan Umno tidak ukur karisma dan kemampuan kepimpinan sekarang ini. Bayangkan, seorang Menteri Luar menentang Timbalan Perdana Menteri, yang juga Menteri Kewangan. Kalau pun Anwar tidak lagi menjadi Menteri Kewangan tetapi pengaruhnya dijangkakan tetap bersebati dengan sebarang tindakan di Kementerian Kewangan. Anwar tidak akan melepaskan jawatan Menteri Kewangan sekiranya pengganti beliau dirasakan mungkin boleh membawa padah kepadanya.

Tetapi, berdasarkan realiti politik semasa, peluang Pak Lah sedikit terbuka jika Daim menyebelahnya. Sekiranya pertembungan antara Anwar dan Daim berterusan, dan tidak ditemui jalan penyelesaian (diakui umum amat sukar sekali menjinakkan pihak yang tamak), maka tidak mustahil Daim akan menaja tokoh yang dikira mampu menggugat kedudukan Anwar. Pilihan Daim sebenarnya tidak banyak, hanya seorang, iaitu Pak Lah. Daim pun tidak mahu impian dunia dagangnya dimusnahkan oleh Anwar. Jika Pak Lah menolak, Daim terpaksa merujuk kepada Sanusi, itu pun sekadar mahu menimbulkan masalah kepada Anwar. Sanusi kurang berpotensi untuk dihadapkan dengan Anwar. Tetapi Sanusi akan berkesan jika menjadi tenaga utama kempen Pak Lah menentang Anwar, dengan syarat dana kempen mencukupi.

Sebenarnya Pak Lah masih mendapat simpati dan perhatian daripada ahli-ahli Umno. Tidak seperti Sanusi, Pak Lah tidak ramai musuh. Pak Lah ada karisma tersendiri. Pak Lah ada pengaruh yang tidak dapat ditolak mudah. Yang Pak Lah tak ada ialah wang untuk

membantu kempenya. (Setiausaha Politik Sanusi, Bahador Shah juga pernah mengungkapkan hal ini kepada *Review*: "*Charisma and trust don't seem to be important anymore. We are frustrated because we don't have any money.*") Sekatan dan halangan daripada media mungkin boleh diatasi jika ada wang. Daim boleh membantu Pak Lah dengan lebih selesa sekiranya Daim menguasai semula kumpulan akhbar NST dan Berita Harian, serta saluran TV3.

Daim perlukan seorang tokoh politik yang dapat dimanfaatkan olehnya. Sementara Pak Lah perlukan seorang tokoh usahawan bagi melancarkan kempenya. Mungkin orang akan kata Pak Lah mula berjinak-jinak dengan politik wang, jika dia mula rapat dengan Daim. Kebijaksanaan Pak Lah akan teruji bila berhadapan dengan serangan media dan segala jentera kempen Anwar nanti. Amalan politik wang yang disuburkan oleh Anwar dan Pasukan Wawasannya hanya mahu dihapuskan supaya tidak ada orang lagi yang mampu menggugat kedudukan Anwar dan kliknya itu. Anwar tidak mahu kaedahnya yang berjaya menghalau Ghafar dari kepemimpinan Umno digunapakai oleh tokoh lain bagi menjatuhkannya.

Jika Daim benar-benar mahu membantu Pak Lah, banyak pihak yang gembira. Bukannya apa, pertandingan 1993 jelas tidak seimbang. Pasukan Wawasan yang diketuai Umno boleh jelajah seluruh negara berkempen. Mereka menabur janji dan wang. Tetapi apa daya Pak Lah dan Sanusi. Mereka berdua seperti dilihat tidak berkempen, hanya menyerah kepada keadaan. Bukannya mereka membenci amalan politik wang, kerana sebenarnya mereka tidak berwang. Tiada tokoh-tokoh korporat yang sanggup mendampingi mereka. Dana kempen begitu terhad. Tiada pula badan perhubungan negeri yang sanggup memberi tempat untuk mereka bersuara. Pak Lah dan Sanusi ketika itu dilayan seperti pemimpin-pemimpin parti pembangkang. Pak Lah dan Sanusi bukan berhadapan dengan Najib, Muhyiddin dan Muhammad Muhd Taib. Mereka berhadapan dengan calon-calon yang dibantu oleh limpahan wang, jaminan projek dan tawaran kedudukan, ugutan dan ancaman, media yang menjadi musuh, dan pengaruh serta kedudukan Anwar.

Pertandingan menjadi lebih seimbang, lebih demokratik, dan tentunya lebih sengit di kala itu. Anwar rasanya tidak akan menemui

jalan mudah meskipun dilihat senang melepasi Ghafar. Sanusi dan Pak Lah boleh menimbulkan masalah baginya. Sanusi dengan caranya, dan Pak Lah dengan keunikannya. Dan jika Daim masuk campur, dengan menyebelahi Pak Lah dan Sanusi, serta Mahathir sekali lagi bertindak berkecuali, tentunya penyokong Anwar tidak boleh memandang rendah kemampuan Pak Lah. Kedua-dua menteri yang pernah akrab dan rapat dengan Mahathir ini tentunya arif sangat dengan masa depan politik mereka bila Anwar jadi PM nanti. Tiada siapa yang akan menjangkakan mereka tetap dipilih sebagai anggota Kabinet. Sanusi boleh baca buku banyak-banyak di kala itu. Pak Lah mungkin dilantik ke jawatan yang bukan bersifat politik seperti Mahathir pernah menawarkannya sebagai pengerusi Hicom. Sudah pasti Pak Lah dan Sanusi tidak hanya menunggu detik-detik hitam itu tiba. Mahu menyerah saja tidak ada banyak manfaat. Anwar pasti tidak akan melantik mereka menjadi anggota Kabinetnya nanti. Cari nahas saja! Peperangan pun sudah dibuka medannya. Lalu, apa yang mahu ditunggu lagi?

MENGAPA MAHATHIR AKAN TERUS KEKALKAN SANUSI?

Sanusi Junid dikenali sebagai tokoh yang cukup tidak senang dengan peningkatan mendadak Anwar Ibrahim. Sanusi lebih awal rapat dengan Mahathir dan banyak juga jasanya kepada Mahathir, walaupun sekali lihat banyak tindakannya seperti mengundang masalah kepada Mahathir. Sanusi dipilih sebagai Setiausaha Agung Umno oleh Mahathir dan bertanggungjawab dalam isu pengharaman Umno 1988. Sebenarnya pengharaman Umno lebih menguntungkan Mahathir. Malah peguam bagi Mahathir sendiri yang beria-ia minta mahkamah mengharamkan Umno. Hanya apabila Umno diharamkan barulah tentangan Tengku Razaleigh Hamzah terhadap Mahathir - dari dalam parti - dapat dilupakan. Jika hanya pemilihan Umno 1987 sahaja diisytiharkan tidak sah, tetapi Umno masih sebuah parti yang dapat bergerak bebas, masa depan Mahathir mungkin terjejas dengan teruk.

Kita tentunya belum lupa peranan Sanusi dalam isu penuh

kontroversi, perletakan jawatan Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri. Beliau dituduh menjadi petualangnya bersama Setiausaha Kerja Umno, Kip Bahadon dan Menteri Kewangan, Daim Zainuddin, serta Anwar Ibrahim. Sanusi juga didakwa menggunakan ibu pejabat parti untuk menjatuhkan Musa. Beliau menafikannya dan menjelaskan majoriti pekerja di ibu pejabat Umno datangnya dari Johor 13 orang, Selangor dan Wilayah 11 orang, Kelantan 6 orang, Perak 6 orang, Negeri Sembilan 5 orang, Kedah hanya 4 orang.

Sanusi memang terkenal dengan sikap keterbukaan dan pembicaraannya yang terus terang. Kalau dia mahu lanyak seseorang, Sanusi tidak teragak-agak untuk berbuat demikian. Sanusi juga sentiasa mempamerkan apa yang dia rasa dan apa yang dia fikirkan. Sanusi bukan jenis orang yang suka selindung-selindung.

Apabila *Utusan Malaysia* ingin mengadakan wawancara khas dengan semua calon-calon Naib Presiden, menjelang 4 November 1993, Sanusi menolaknya. (Pak Lah bersedia untuk diwawancara walaupun menyedari akhbar-akhbar harian berbahasa Melayu yang dikuasai Umno senantiasanya mencari kesempatan memburuk-burukkannya). Dalam perhimpunan khas di PWTC pada 14 Ogos 1993, Sanusi mengkritik sikap akhbar-akhbar yang memendamkan kenyataan-kenyataan Mahathir menyokong Ghafar. Sanusi memberitahu, ada pemberita yang diarahkan supaya tidak menulis yang baik-baik mengenainya. Katanya, seorang pemberita sambilan di Langkawi telah diarahkan menjadi perisik atau pengintip tidak rasmi kepadanya.

Banyak pihak dalam Umno yang sakit dan berasa kecil hati dengan kenyataan-kenyataan Sanusi. Malah Mahathir sendiri pernah tidak menyenangi gaya Sanusi itu. Cakap Sanusi tidak pernah berselindung. Apa yang mahu dibantainya akan diluahkan tanpa disulami bahasa pemanis mulut. Siapa yang makan cili akan merasa pedasnya. Mungkin sebab itulah Sanusi dianggap bermulut celupar, walaupun diakui beliau seringkali mengutarakan idea-idea yang bernas dan mengusik rasa, dengan pendekatannya yang agak melucukan.

Sanusi seperti dimusuhi oleh akhbar-akhbar. Memang Sanusi sendiri pernah mengecam kaedah pembelian suratkhbar *The New*

Straits Times, *Berita Harian* dan TV3 oleh, apa yang digelarnya, empat orang budak-budak Melayu yang tiada duit dan tidak layak menerima pinjaman beratus-ratus juta ringgit. Menurut Setiausaha Politiknya, tidak ada media yang hendak melaporkan aktiviti yang dilakukan oleh Sanusi. Aktiviti Menteri Pertanian itu telah *diblack-out* oleh media massa. Yang dipaparkan hanya keburukan Sanusi sahaja. Sanusi sendiri pernah meluahkan rasa jengkelnya terhadap akhbar bila yang dilaporkan mengenai kementeriannya hanyalah perkara yang negatif saja. Setiausaha politik Sanusi menambah, Sanusi kini banyak menghabiskan masa lapangnya di Taman Pertanian dan membaca buku di perpustakaan.

Sanusi dikenali umum mempunyai perpustakaan peribadi yang lengkap dan minat membaca yang mendalam. Beliau kini sedang berusaha untuk mewujudkan sebuah desa buku di Langkawi. Desa itu menjadi seperti Disneyland yang dilengkapi dengan aneka kemudahan untuk "hantu buku" di mana kelengkapan dan kemudahan hotel dan restoren termasuk taman untuk bersiar serta berehat. Tanah seluas 200 hektar sudah dikenal pasti untuk mendirikan pondok-pondok buku, pavilion buku, restoren dan berbagai kemudahan lain untuk mencapai impian sebuah desa buku bertaraf antarabangsa. Menurut Sanusi idea mewujudkan desa buku ini timbul ketika beliau mengunjungi Redu Village Du Livre di Belgium. Sanusi dilaporkan berkata, satu pavilion buku akan diadakan di pantai Cenang, kedai-kedai buku kecil akan ditabur di sekitar Sungai Lubuk Sembilang yang mengalir dari Gunung Raya. Menurut Sanusi, konsep Desa Redu di Belgium akan mewarnai desa buku Langkawi di mana peminat buku boleh membaca dan berfikir dengan tenang tanpa gangguan bunyi bising. Sebaliknya peminat buku akan dihidangkan dengan puluhan ribu buku dalam berbagai bahasa di dunia. Cadangan ini telahpun dipersetujui oleh Perdana Menteri dan sumbangan kewangan sebanyak RM1 juta sudah diperolehi daripada Pengerusi Lembaga Kemajuan Pembangunan Langkawi (LADA).

Bila membaca bab ini tentu ramai yang bertanya mengapa pula Sanusi diheret sama dalam isu krisis Mahathir - Anwar? Banyak pihak menganggap masa Sanusi sudah berakhir. Kerjaya politik Sanusi

berada di ambang senja. Kata mereka, biarlah Sanusi berehat dengan buku-bukunya. Sanusi kini hanya bergantung pada Mahathir. Mahathir yang selama ini menganaktirikannya sejak kehadiran Anwar dalam Umno itulah yang sekarang diharapkan terus memberikan tempat kepadanya dalam Kabinet. Kata orang, nama Sanusi hanya akan timbul, malah berpotensi menjadi Perdana Menteri, jika Anwar tidak ada lagi dalam Umno. Tetapi harapan ini ibarat jauh panggang dari api, Anwar kini di mercu kejayaan. Perselisihannya dengan Anwar tidak boleh disembunyikan lagi. Sanusi tidak segan silu menceritakan keburukan Anwar kepada siapa saja. Kata orang, Sanusi seolah-olah berdendam dengan Anwar. Mereka berdua mustahil disatukan lagi. Berbeza dengan krisis Anwar - Pak Lah, kedua-dua tokoh dari Tanjung ini, masih boleh duduk semeja dan berbicara mesra, sekurang-kurangnya untuk paparan umum.

Apabila Ghafar menarik diri dari bertanding Timbalan Presiden, pihak akhbar membuat spekulasi Sanusi juga akan turut meletakkan jawatan. Ini berdasarkan hubungan rapat antara Ghafar dan Sanusi. Akhbar-akhbar pro-Anwar memetik kenyataan sumber yang mendakwa Sanusi meletakkan semua jawatannya dalam kerajaan sebagai sokongan kepada Ghafar. Bagaimanapun sehari selepas berita nakal itu disiarkan, Sanusi menafikannya. Ketika Anwar dan kliknya hebat berkempen, Sanusi bercuti selama 20 hari bermula 4 Oktober, sebulan sebelum pertandingan. Pihak yang bersama Pasukan Wawasan pula lebih suka Sanusi berundur terus dari politik. Mereka tahu Sanusi jika dibiarkan terus dalam Umno boleh menyusahkan Anwar satu hari nanti.

Sebuah majalah khusus yang diterbitkan oleh PAS menjelang Perhimpunan Agung Umno 1987, bertajuk "Dilema Umno", mencatatkan detik-detik awal perselisihan Anwar dengan Sanusi: "Wajarlah Mahathir mengurangkan hubungan dan pergantungan kepada Sanusi kerana cara Sanusi menyebabkan orang marah. Mahathir mahu mengelakkan orang yang marahkan Sanusi lalu marah kepadanya sama. Oleh itu Mahathir lebih mendengar cakap Anwar dari cakap Sanusi. Anwar sudah berjaya menjauhkan Musa dengan Mahathir. Kamaruzaman Bahadon, Setiausaha Kerja Umno

itu sendiri pun dibuang dari ibu pejabat Umno. Dia sudah digantikan dengan orang Anwar. Sekarang giliran Sanusi pula hendak dijauhkan dari Mahathir. Kalau Musa boleh dijauhkan, maka apalah susahnyanya menjauhkan Sanusi. Mula-mula Sanusi terasa bila Mahathir tidak berbincang langsung dengannya mengenai pengganti Kamaruzaman Bahadon itu. Tiba-tiba dalam mesyuarat Mahathir memberitahu bahawa dia sudah ada gantinya. Mahathir tidak begitu ingat namanya. Dia menyeluk poketnya mengambil kertas dan membacakan nama orang itu, Nasaruddin, ahli Parlimen Parit. Orang terkejut, nama itu tak pernah mereka kenal. Malah Mahathir pun semacam tidak kenal dengan nama itu. Kalau dia kenal masakan dia terpaksa mengambil kertas yang mencatatkan nama itu. Dia sepatutnya terus sebut saja. Nama orang itu pun beliau tidak begitu ingat. Dipercayai nama itu diberikan oleh Anwar bagi membolehkan Anwar berkuasa penuh. Kececewaan inilah menyebabkan Sanusi terasa bahawa Anwar sendiripun hendak mengetepikannya dan Mahathir boleh digunakan oleh Anwar."

Kehebatan, sekali gus kenakalan Sanusi, tidak begitu menonjol kerana ia diperam begitu lama di Kementerian Pertanian. Sebagai tokoh yang senior dalam Umno, sudah berkecimpung selama 30 tahun bersama Umno, tentunya Sanusi amat terkilan dengan perkembangan itu. Bayangkan Sanusi dipetisejukkan di Kementerian Pertanian lebih lapan tahun, sedangkan Anwar, yang menyertai Umno lebih kurang 12 tahun lalu, mulai Mac 1982, hanya dilantik sebagai Menteri Pertanian sebagai persediaan untuk melangkah lebih ke atas, dengan memijak kepala Sanusi. Yang menariknya, Sanusi mengambilalih Kementerian Pertanian daripada Anwar. Anwar dilantik Menteri Pertanian pada 1984. Sesungguhnya tidak ada menteri yang berada di Kementerian Pertanian selama Sanusi. Dalam keadaan golongan petani, penternak dan nelayan sudah tidak ada suara dalam Umno, maka nasib Sanusi bertambah malang. Peluang Sanusi untuk merapati golongan korporat dan usahawan bertambah tipis.

Peluang Sanusi beralih ke kementerian lain terbuka bila beliau menang sebagai Naib Presiden Umno pada tahun 1990. Dijangka

Sanusi akan dipilih menjadi Menteri Pendidikan, menggantikan Anwar yang dilantik sebagai Menteri Kewangan. Kementerian Pendidikan dirasakan cukup sesuai untuk tokoh yang banyak idea seperti Sanusi. Malangnya impian Sanusi tidak kunjung tiba. Kementerian Pendidikan diisi oleh tokoh luar Umno. Orang boleh faham kalau Abdullah Badawi, yang juga menang tempat kedua Naib Presiden 1990, dilantik menjadi Menteri Luar, memandangkan rekodnya yang pernah bersama Tengku Razaleigh dan Team B pada tahun 1987. Tetapi susah untuk diyakinkan kenapa Sanusi tidak dipindahkan ke kementerian yang lebih kanan, melainkan disebabkan Mahathir terpengaruh dengan nasihat Anwar supaya Sanusi terus dipetisejukkan. Kementerian yang sepenting Kementerian Pendidikan perlu ditadbir dan dipimpin oleh tokoh-tokoh kanan dari Umno. Apakah Mahathir begitu mudah digulakan oleh Anwar bagi mematikan terus kerjaya politik Sanusi?

Apa salah Sanusi terhadap Mahathir? Apa dosa Sanusi hingga membuatkan Mahathir seperti hanya memandang sebelah mata kepada Sanusi? Sedangkan, seperti pendedahan Sanusi sewaktu berucap di perhimpunan Umno 1993, ketika tidak ada orang yang melawat Mahathir pada 1987, termasuk para menteri dan timbalan menteri, selama lima atau enam hari. Ketika Mahathir dikelilingi dan dilingkungi begitu banyak masalah, terutama menghadapi tentangan dari Tengku Razaleigh, Sanusilah orang yang berbuat demikian, bertanya khabar Datuk Seri. Kalau mahukan pengesahan, tanyalah Siti Hasmah. Tidak pasti sama ada Mahathir terasa atau tidak, apabila Sanusi menegaskan, beliau terus akan setia dengan seseorang yang dikaguminya walaupun orang itu seperti tidak menghiraukan kesetiaannya.

Benar, Sanusi sudah kalah. Dan kekalahannya agak teruk. Daripada 1,768 undi yang dibuang, Sanusi hanya mendapat sokongan dari 525 perwakilan, iaitu tidak sampai pun satu pertiga daripada jumlah keseluruhan undi, hanya 29.7 peratus undi. Namun secara peribadi saya rasa Mahathir mengundi Sanusi. Kenyataan Mahathir bahawa perwakilan Umno mengagihkan undi mereka dengan adil dan perbezaan undi antara calon yang kalah dan menang tidak jauh bezanya, dirasakan untuk memujuk hati Sanusi.

Selagi ada Mahathir, Sanusi tidak perlu bimbang ia akan dipinggirkan. Mahathir dijangka terus mengekalkan Sanusi, seorang tokoh penggempur yang cukup baik bagi mendombrak apa saja yang menjadi penghalang, meskipun didesak oleh Anwar. Mahathir tidak akan mempunyai seorang panglima yang lebih berani dan lantang bersuara bagi mewakili kepentingannya dalam apa saja keadaan, melebihi Sanusi. Dan inilah asset Mahathir yang cukup penting untuk dikekalkan, sekiranya krisis Anwar - Daim sekarang bertukar menjadi krisis Anwar - Mahathir. Di kala itu barulah terserlah pentingnya Sanusi dikekalkan. Untuk mengharapakan Pak Lah menggempur Anwar, ataupun menghalang kemaraan buat seketika Anwar dan pasukannya, dirasakan Pak Lah tidak sesuai untuk tugas yang lasak itu. Hanya Sanusi boleh diharap "bermandi darah" untuk menyelamatkan Mahathir.

Kuasa melantik menteri-menteri Kabinet adalah hak mutlak Mahathir. Mahathir boleh melantik siapa saja yang disukainya. Anwar sendiri tidak berhak menghalangnya, seperti siapa pun tidak berhak menghalang Mahathir melantik Anwar menjadi Menteri Kewangan meskipun diakui kelayakan Anwar tidaklah begitu sesuai untuk jawatan penting itu. Mahathir boleh lantik Sanusi menjadi Menteri Kewangan ataupun Menteri Ekonomi, satu kementerian baru yang dijangka diwujudkan selepas pilihan raya umum akan datang. Atau paling kurang Mahathir berhak mengekalkan Sanusi di Kementerian Pertanian, bukannya untuk memajukan perkembangan sektor pertanian negara, tetapi bertujuan menjadi *watch-dog* kepada Anwar.

Pendirian Mahathir dalam hal ini jelas. *The Star*, 3 November 1993 melaporkan kenyataan Mahathir ketika ditanya kemungkinan Kabinet akan dirombak selepas perhimpunan agung Umno itu: "*A cabinet reshuffle has nothing to do with the Umno elections. I can change the Cabinet. That's the beauty of being Prime Minister. I am not bound by any rules or regulations (to reshuffle the Cabinet). If I like changing it, I'll change it.*" Begitu juga dengan ingatan Mahathir sewaktu ucapan perasmian 4 November 1993: "Janganlah terlalu sombong dan angkuh kerana kemenangan. Janganlah ada yang berfikir, dengan kemenangan mereka boleh mengambil semua dan menyingkirkan mereka yang tidak bersama kita. Yang kalah pun

mendapat sokongan dan mereka masih berhak." Sanusi tentunya merasa sejuk sedikit perasaannya dengan pengakuan Mahathir itu. Hasilnya, Sanusi dan Pak Lah, walaupun kalah kepada Pasukan Wawasan, tetapi tetap terus menjadi menteri dan kemudiannya dilantik sebagai Ahli Majlis Tertinggi Umno. Kekalahan Sanusi kepada Pasukan Wawasan yang diketuai Anwar tidak bermakna Sanusi harus berundur dari Kabinet. Ketua Kabinet adalah Perdana Menteri, bukannya Anwar. Pasukan Wawasan tidak ada kena mengena dengan pentadbiran negara, ia hanya satu klik yang dibentuk Anwar bagi menjatuhkan Ghafar. Itu saja.

Bagi saya, semakin Sanusi ditolak perwakilan Umno semakin baik dan bernas ucapan-ucapannya. Dengan bahasa yang mudah, disulami contoh dan misalan yang menjentik perasaan, Sanusi berhak dianugerahkan pemedato terbaik dalam Umno. Justeru itu Mahathir harus mengekalkan Sanusi sebagai persiapan menghadapi Anwar di meja-meja debat. Sanusi boleh diharap untuk buat kerja-kerja begitu. Sanusi boleh pukul canang seluruh negara untuk menghadapi Anwar bagi pihak Mahathir.

Sanusi seperti memberi amaran kepada penentang-penentangannya, yang mungkin telah mengadakan kenduri kesyukuran dengan kekalahannya itu. Dalam ucapannya ketika menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno, 6 November 1993, Sanusi menegaskan bahawa berdasarkan perkiraan genetik keluarganya, beliau akan hidup lebih lama lagi. Maknanya, jangan ingat Sanusi sudah mati!

"Bapa saya di sebelah Junid, bapanya meninggal pada umum 88, emaknya meninggal umur 100. Belah emak saya, Juriah, bapanya meninggal umur 80, emaknya umur 90 dan masih hidup. Purata umur saya mengikut genetik boleh tahan sampai 85 tahun," kata Sanusi. Mungkin difaktorkan oleh ucapan Sanusi ini, Ketua Pengarang Kumpulan Berita Harian, A Nazri Abdullah - setelah mengemukakan hujah bahawa purata usia untuk menjadi Perdana Menteri sekitar 48 hingga 56 tahun - mencatatkan: "Logiknya, sesiapa saja yang bakal menjadi Perdana Menteri selepas Anwar mestilah mereka yang pada hari ini berusia di antara 25 hingga 30 tahun. Justeru itu, mereka yang berusia sekitar 50-an pada hari ini, walaupun boleh hidup

hingga 85 tahun, pada logiknya tidak boleh melayani mimpi menjadi Perdana Menteri."

Menurut Sanusi, sejak memulakan karier politik sebagai ahli jawatankuasa pergerakan pemuda di peringkat cawangan pada 1963, beliau pernah dijatuhkan oleh orang lain dan juga menjatuhkan orang: "Kalah menang bagi saya tidak berat sangat, cuma memanglah mula-mula kalah itu kita tersentak sedikit. Tetapi apabila saya melihat Pak Lah pun kalah, jadi penawar bagi saya pula. Ada kawan-kawan mengatakan saya kalah kerana saya bersikap kasar sangat, tapi bila Pak Lah kalah, seorang yang lemah lembut ... pijak semut pun tak mati juga kalah, jadi rasa lega bagi saya."

Ucapan Sanusi mengenai politik wang dan alasan mengapa beliau menyokong Ghafar langsung tidak disiarkan oleh akhbar-akhbar berbahasa Melayu. Hanya *Sunday Star* yang memuatkannya: *"I supported Ghafar also because Ghafar has never done anything wrong to Umno. So no one should get angry with me for supporting him, just like I am not angry with others who supported someone els. Please allow me to be with Ghafar at this time of the death of his political career. Let me help him bury that properly."*

Sanusi juga mengulas mengenai kenyataannya yang diputar-belitkan oleh media massa. Sebagai contoh, katanya, semasa beliau berada di London sewaktu kempen hangat berjalan di tanah air, beliau dikatakan telah menghantar surat perletakan jawatan kepada Perdana Menteri. "Ini tak benar. Apa yang berlaku ialah saya pergi melawat Perdana Menteri bertanya apakah Perdana Menteri akan meletakkan jawatan kerana tidak ada orang lagi yang mahu mendengar nasihatnya," katanya berseloroh.

Tafsirannya terhadap wang kertas Malaysia lagi menarik. Katanya, wang kertas seringgiti mengandungi gambar Tugu Negara; ini bermakna pengorbanan golongan tentera kita yang telah meninggal dunia semasa berjuang hanya bernilai RM1. Wang kertas lima ringgit tertera Istana Negara; ini bermakna nilai institusi raja-raja hanya RM5. Wang kertas sepuluh ringgit memaparkan Stesen Keretapi Kuala Lumpur; ini bermakna kelengkapan infrastruktur hanya bernilai RM10. Wang kertas dua puluh ringgit menunjukkan

gambar bangunan Bank Negara; ini menandakan ekonomi hanya bernilai RM20. Wang kertas lima puluh ringgit mengandungi gambar Muzium Negara; ia menunjukkan sejarah kita yang bernilai RM50. Wang kertas seratus ringgit mengandungi gambar Masjid Negara, yang bermakna agama dinilai RM100. Sementara wang kertas lima ratus ringgit menunjukkan bangunan Mahkamah Agung yang bermaksud keadilan di negara kita bernilai RM500. Dan nampaknya yang dinilai paling mahal di negara kita ialah politik kerana di belakang wang kertas seribu ringgit menunjukkan gambar bangunan Parlimen.

Kebelakangan ini dilihat Sanusi lebih mendekati Mahathir. Mahathir balik dari luar negeri, Sanusi menjemputnya. Mahathir mahu keluar negara, Sanusi menghantarnya. Mahathir pergi merasmikan perhimpunan agung MCA, Sanusi mengiringinya. Sehingga beberapa orang teman rapatnya sendiri merungut: "Sanusi sekarang mahu rapat dengan Mahathir, orang yang membuatkan Ghafar tersingkir." Sanusi mungkin ada strateginya sendiri. Usia Sanusi baru mendekati 50 tahun, masih terlalu muda untuk kecewa dengan percaturan politik Umno. Seperti katanya, menurut perkiraan genetik umurnya tahan sampai 85 tahun. Mana tahu bila benar-benar berlaku krisis Anwar dan Mahathir, dan Pasukan Wawasan hanya tinggal nama, di kala itu Sanusi mungkin muncul dengan imej baru. Ya, siapa tahu, dalam politik macam-macam boleh berlaku. Dan lebih penting lagi, Mahathir boleh bertindak melanggar segala jangkaan orang. Mungkin selepas ini ia memihak kepada Sanusi, selepas begitu lama Mahathir mendodoi Anwar, lebih sepuluh tahun. Soalnya, ketika Mahathir memanjakan Anwar, Mahathir masih hebat berpengaruh, tetapi sekiranya Mahathir mahu melihat Sanusi sekarang, apakah suara dan tindakan Mahathir masih berbisa?

SHAHNON AHMAD LAWAN PM MAHATHIR?

Sejarah cerekrama tanah air yang amat tercinta ini sebenarnya sudah lama. Sebelum tanah air mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 pun drama jenis kelentong ini sudah lama berbiak dan berwabak macam babi beranak bercucu. Tapi dalam suasana kekelentongan dan kewabakan itu, masyarakat penonton ketawa juga terbahak-bahak sampai sakit-sakit tali perut dan tegang-tegang tali

Cerpen Sasterawan Negara Shahnnon Ahmad bertajuk *Piem* ini, yang disiarkan dalam majalah *Dewan Sastera* Disember 1993, menimbulkan kontroversi. Editor majalah berkenaan diberikan surat tunjuk sebab mengapa beliau menyiarkan cerpen *Piem*. Beliau kemudiannya ditukar ke bahagian lain. Ramai menganggap cerpen *Piem* ini menceritakan kisah seorang Pi-Em (PM), iaitu cerita seorang Perdana Menteri. Banyak episod di dalamnya dikaitkan dengan PM, Mahathir Mohamed. Apa pun yang diperkatakan, ia adalah hasil seni yang cukup menarik.

pinggang kerana tak tahan dengan gelagat dan latah seri panggungnya yang orang sekarang lebih terasa bijak dan lebih rasa pintar memanggилnya protagonis.

Sekarang ini, sesudah tiga puluh enam tahun merdeka, cerekarama macam itu masih juga tak mati-mati dan masih juga tidak dibunuh oleh masyarakat sendiri. Dan, penonton kebanyakannya masih ketawa terkial-kial, terginjat-ginjat juga kerana seronok dan geli hatinya seri panggung mendramakan fiilnya sampai tergedik-gedik anak lidah bergetar dan terbawa-bawa pula dalam mimpi dan dalam hal-hal lain yang tak ada kaitan dengan drama.

Sehingga kini, sejak kemerdekaan tercapai, sudah empat buahlah cerekarama jenis ini tertonjol dengan membawa pelbagai peristiwa dan fiil yang melucukan bagi kebanyakan penonton yang sememangnya tidak tahu apa-apa selain suka ketawa dan suka bertepuk. Khabarnya sudah banyak orang yang bukan saja sakit-sakit malah banyak terus pecah perut. Hanya beberapa orang pemerhati yang tajam hati dan tajam mata yang menangis terisak-isak kerana kesan yang diterima daripada cerekarama itu sungguh-sungguh menyedihkan dan memalukan. Namun, tangisan seringnya dikambusi oleh ketawa yang lebih menimbun dan lebih riuh rendah sehingga dirasakan seluruh rakyat rakyat tanah air hanya tahu ketawa, berseronok dan riang ria kerana jenis kesenangan dan jenis kesejahteraan yang dibawa oleh lakonan-lakonan yang tak pernah kering gusi itu.

Kali ini tertayang pula sebuah cerekarama yang diberi judul yang cukup unik iaitu "Piem". Keunikan utama "Piem" bukan sekadar namanya "Piem" malah Piem ini ditulis sendiri oleh Piem, diarahkan sendiri oleh Piem dan tokoh utamanya pun dimainkan oleh Piem sendiri. Semuanya direka dan dirancang oleh Piem seorang diri saja sehingga hendak menentukan hal-hal yang remeh-temeh alam panggung pun, Piem sajalah yang menentukan. Dan, meskipun para watak yang lain itu banyak yang berada di sekeliling watak Piem, tapi keseluruhannya tak ubah seperti pak-pak pacak atau para doyok semata-mata kerana perwatakan mereka langsung tidak hidup. Yang lain itu hanya pintar angguk, pintar tepuk tangan macam penonton. Hanya Piem seorang yang bercakap. Dan, bercakap pun bukan jenis

dialog tapi hanya monolog. Piem seorang yang bergerak dan bertindak. Piem seorang saja yang merancangkan plot dan mengembangkan plot. Piem seorang saja yang menghidupkan latar. Piem seorang saja yang menimbulkan konflik dan Piem seorang saja yang meleraikan konflik itu. Dan, konfliknya banyak sekali yang kadang-kadang sengaja ditimbulkan oleh Piem sendiri untuk memperlihatkan kecanggihan arahan dan lakonannya, tapi kemudiannya Piem sendiri pula yang menyelesaikannya sehinggalah cerita berkembang naik menuju puncak dan kemudian menurun kembali dengan caranya yang tersendiri yang sendiri-sendiri dikontrol oleh Piem. Jumlah pelakon lain memang banyak yang berada di sekeliling pinggang Piem, tapi orang lain bagaikan tak hidup langsung.

Watak-watak lain bercakap juga tapi percakapan mereka bagaikan tak laku pun dan penonton pun hanya ingin mendengar monolog Piem seorang kerana monolog orang lain atau dialog antara orang lain langsung tak bermakna apa-apa dalam usaha menghayati cerekarama Piem itu. Segala-galanya - dari yang sekecil-kecil sampai kepada yang sebesar-besarnya - Piem sajalah yang menentukan. Boleh disimpulkan bahawa cerekarama "Piem" ini hanya lakonan Piem seorang. "Piem"lah segala-galanya.

Ini yang mengunikkan cerekarama "Piem" ini. Ada beberapa tokoh drama membuat kritikan bahawa drama ini sebenarnya drama tokoh tunggal. Maknanya, drama ini hanya dimainkan oleh seorang tokoh walaupun wataknya banyak. Dan, watak-watak itu dipanggil doyok saja. Ada doyok 1, ada doyok 2, sampai doyok 20. Memang banyak doyoknya tapi mereka tidak hidup, tidak bersuara, tidak bertindak mengikut hati sendiri, malah sebenarnya doyok dan badut saja dalam drama itu. Dan, mengikut kritikan-kritikan itu, cerekarama "Piem" ini membosankan dan rendah mutunya kerana semua perwatakannya leper dan tidak bulat. Yang bulat hanya watak Piem dan itu pun bulat jenis belon semata-mata. Dia asyik bergolek, diterbangi angin kencang dan kemudian pecah dan belon baru ditiup lagi dan bergolek lagi dan terbang dan kemudian pecah lagi dan eksetera-eksetera.

Tapi inilah yang indahny drama ini kerana inilah yang amat

mengunikannya. Memang pada awal kisahny ada beberapa orang doyok yang cuba membentuk perwatakan sendiri dengan sikap yang agak berani dan bersungguh-sungguh, tapi dalam kisah seterusnya didapati watak-watak yang cuba melepaskan diri dari kedoyokan itu dipotong terus oleh Piem sehingga tersepuk macam kain buruk di bucu rumah, terpelanting macam ranting kayu dijerkah ribut dan mereka tak masuk-masuk panggung lagi. Mereka jadi watak-watak sampingan atau watak-watak pinggir saja. Malah ada yang merajuk tak mahu berlakon dalam “Piem” lagi, baik sebagai watak doyok mahupun sebagai watak badut. Ada sampai radang-radang sehingga mahu menulis, mengarah dan melakon drama sendiri pula untuk melawan drama “Piem”. Memang tumbuhlah beberapa cerekarama yang lain itu bertujuan menggelaktawakan para penonton, tapi drama-drama lain itu macam purbawara saja. Orang lebih suka bertepuk dan ketawa melihat cerekarama “Piem” kerana drama ini sungguh-sungguh lain daripada yang lain. Banyak kepelikannya. Banyak keunikannya. Banyak betul ke-lainannya.

Dan, ini memang demikian kisahny pun. Piem sendiri sebagai pengarah sebenarnya lebih suka memilih watak-watak jenis doyok ini berada di sekelilingnya supaya perwataknnya sendiri lebih serlah dan menonjol tanpa diganggugugat oleh tokoh tokoh-tokoh yang lain. Dan, kalau ada tokoh-tokoh lain yang cuba berani menonjolkan perwatakan yang lain daripada perwatakan para doyok, plot cerita tiba-tiba berada di luar duga. Watak-watak itu akan hilang begitu saja, tak muncul-muncul lagi. Pada mulanya tumbuh juga ketegangan dalam kisah, dan penonton sering berada dalam suasana suspen juga. Apa sudah terjadi kepada watak-watak yang cuba membentuk perwatakan sendiri itu? Tapi ternyata watak-watak itu tidak timbul lagi.

Ini mencatatkan drama dari segi ekstrinsiknya dan juga intrinsiknya, kata beberapa orang pengulas drama. Tapi drama “Piem” memang begitu dikehendakinya. Kecacatan pada perwatakan itulah disengajakan. Dan inilah yang meunikkan “Piem” pun. Dan itulah yang dikehendaki oleh Piem; baik sebagai penulis, baik sebagai pengarah, baik sebagai pelakon utama. Maka demikianlah

cerekarama "Piem" dipentaskan. Diusung dan diaraknya "Piem" ke seluruh negara untuk dipentaskan di setiap kota negeri sehingga ia menjadi satu budaya yang sungguh-sungguh dikatakan kagum dan pesona.

Tapi, dalam setiap lakonan di negeri-negeri yang berasingan, "Piem" berubah ceritanya, plotnya dan perwatakannya sehingga kebelakangan ini "Piem" sudah tidak lagi menunjukkan jiwa "Piem" yang original. Dan bagi kebanyakan pengkritik drama moden, perubahan-perubahan itulah yang meunikkan "Piem" pun kerana ia menunjukkan kemajuan dan peningkatan. Kata seorang pengkritik dari sebuah universiti yang terkenal dengan jumlah banyak profesornya, dikatakan bahawa cerekarama seperti "Piem" itu memang spesial sifatnya kerana "Piem" berubah plot, perwatakan dan kisahnya demi untuk menuju kecemerlangan yang menjaga wawasan Piem. Cerekarama "Piem" tak ubah seperti insan juga yang perlu berubah dan berubah untuk mencapai insan kamil. Kalau Piem ingin menjadi cerekarama yang unggul dan paling sempurna akhirnya, perubahan bukan saja tak dapat ditolak tapi merupakan sesuatu yang wajib dalam proses pembikinan cerekarama itu.

Ini pendapat itulah, tapi banyak orang angguk kepala tanda bersetuju dengan pendapat itu.

Pernah pada satu pementasan watak sultan ditiadakan kerana, kata Piem, watak utama dan para doyoknya tidaklah perlu bertimpuh dan duduk melutut dan menyembah serta bersujud di depan sultan. Cukup kalau para doyok hanya tunduk kepada Piem kerana Piemlah tokoh utama yang penting dalam drama itu. Watak sultan tak perlu lagi kerana kewujudan sultan meskipun nampak gemerlapan dan gemercingan kaya dengan solekan yang berlebihan, tapi sebenarnya tak ada apa-apa pun. Piem yang memberi hujah itu dan pada mulanya para watak lain, termasuk para penonton di seluruh negara menjadi riuh dan gamat juga. Mana boleh, kata mereka, itu tradisi kita. Piem berkeras dengan hujahnya juga, kerana dia sebenarnya ingin tonjolkan wataknya seorang saja. Dia sendiri tidak mahu lagi tunduk kepada sesiapa selain Allah. Dan, dalam satu babak baru yang baru saja dimasukkan dalam cerekarama "Piem" itu, Piem berAllah-u-Akbar sepuluh kali bagi memperlihatkan keunikannya. Para

penonton kaget besar, dan pada mulanya ingin membantah, ingin berjalan keluar panggung, tapi kemudiannya para penonton hanya bangun dan turut berAllah-u-Akbar sama. Setiap sudut panggung yang besar dan gagah perkasa itu gamat dibuatnya.

Sejak itulah watak sultan dengan peranan permaisuri dan para dayang serta hulubalang dalam drama itu ditiadakan. Permaisuri tidak disebut lagi dan dijadikan pembantu kepada watak Piem. Begitu juga para dayang dan hulubalang. Semua diberi peranan baru sebagai watak-watak yang taat setia pada Piem dan perlu berada di keliling Piem selama-lamanya.

Para penonton cepat menerima perubahan itu kerana, kata mereka, sultan bukan ada peranan apa-apa pun. Sultan hanya sebagai patung dalam drama itu dan ini melemahkan drama keseluruhannya apabila watak tak berfungsi. Sebenarnya boleh dikatakan semua watak dalam "Piem" tak ada fungsi apa-apa pun yang bermakna selain Piem seorang saja. Watak-watak yang agak penting yang berada di sekeliling Piem itu hanya berperanan mengganggu sehingga dalam satu babak terbaru, kita mendapati anggukan kepala begitu indah dibuat bagaikan menjadi satu gerakan yang bercorak muzikal pula. Pada mulanya begitu membosankan, kerana masyarakat memang tidak biasa melihat drama yang kebanyakan wataknya mengganggu saja. Tapi apabila seorang profesor bidang drama mengatakan bahawa itu adalah suatu pembaharuan yang cuba hendak dirintis oleh Piem, barulah seluruh penonton menyedarinya. Memang drama itu unik sifatnya. Memang pelik dan luar biasa, tetapi itulah perkembangan baru dalam drama, yang memperlihatkan visi Piem.

Akhirnya ketiadaan watak sultan dalam drama, purbawara dan bangsawan diamalkan terus, malah kesannya hebat sekali pula. Orang memandang jijik terhadap sultan kerana didapati sultan dalam drama memang tak berfungsi. Tapi *trend* itu hanya dalam khayalan, dalam drama yang imiginatif saja. Dalam realitinya sultan masih penting menjaga maruah bangsa dan negara. Peranannya masih jelas dan disanjung tinggi terutama kepada orang-orang yang mengejar gelaran yang pelbagai. Tapi bagi Piem sendiri sebagai pengarah drama, watak sultan telah diganti oleh wataknya sendiri bagaikan

dalam drama itu Piem seorang sajalah yang berkuasa dan Piem seorang sajalah yang menentukan arah dan perkembangan drama itu. Orang lain tak ada. Orang lain hanya ikut saja. Dan ini, mengikut banyak pendapat dari juru analisis drama, adalah sebuah karya yang baru, progresif, dinamik yang perlu diikuti oleh generasi baru dalam pengarah drama.

Banyak yang menyetujuinya, malah banyak yang mengatakan cerekrama "Piem" bukan saja lain malah kesemua kelainan itu memperlihatkan daya kreativiti Piem yang tak pernah kemarau. Ada-ada saja daya kreativitinya yang baru setiap detik kerana dramanya itu pun berubah setiap detik pula apabila dipentaskan. Sekarang ini watak sultan yang asalnya begitu penting sebagai lambang ketaatan rakyat kepada raja sudah tak jadi penting lagi. Dan, kesudahannya watak itu digugurkan begitu saja, kerana mengikut Piem, kalau tak ada watak sultan itu, Piem lebih berkesan lagi; malah ia menjadi sebuah karya yang mencabut secara akar tunjang tradisi Melayu. Apabila seorang rakyat yang berjiwa keistanaan menulis di akhbar mengatakan Piem cuba hendak mencabut segala saki-baki dan akar tunjang institusi raja dalam cara hidup orang Melayu melalui dramanya itu, Piem ketawa besar sekali. Dan, dalam kesibukannya mengarah dramanya itu, Piem masih sempat menjawab bantahan rakyat itu. Dan, jawapan itu menjadi satu forum yang maha hebat juga di dalam negara. Saya tidak membantah institusi raja, kata Piem. Watak sultan boleh dimasukkan dalam drama saya ini, tapi kalau tak dimasukkan pun tak mengapa, ia tidak menjejaskan estetik cerekrama saya.

Saya bukan anti institusi raja, ulangi Piem beberapa kali, asalkan para raja sanggup tukar perangai mereka selaras dengan tamadun yang bersopan santun. Yang karutnya ialah perangai raja itu. Walaupun saya letak dia atas singgahsana dengan kelengkapan yang mahal-mahal, dengan kemudahan yang berbagai-bagai, supaya para doyok boleh datang sujud dan cium tangan mereka, tapi perangai mereka tetap huduh dan karut. Dalam keadaan duduk di atas singgahsana itu pun fiil mereka menjadi semakin busuk dan karut. OK, kata Piem. Kalau mereka sanggup ubah perangai mereka itu supaya jangan memperbodohkan mereka sendiri, saya masih

boleh selitkan mereka dalam cerekarama saya ini. Buat sementara saya terpaksa batalkan perkara itu. Maka berlarutanlah forum itu di akhbar, kerana Piem sendiri memang suka bersuratkhbar. Dia suka bercakap bila saja ditanya oleh wartawan. Memang Piem pun celupar juga orangnya. Dan apabila seorang rakyat menimbulkan persoalan pokok tentang hubungan raja dengan cereka Melayu, Piem tiba-tiba menjadi berang dan perungus di luar kawalan. Kalau begitu, tak usah panggil cerekarama saya ini cerekarama Melayu. Panggil saja cerekarama Malaysia. Apakah Melayu itu hilang begitu sahaja apabila raja dihapuskan? Melayu tetap Melayu juga, kata Piem, tapi Melayu baru Melayu yang pintar, yang berani, yang rajin dan yang tak ambil kisah hal-hal yang bersifat tradisi lapuk. Melayu yang lain daripada yang lain itulah pun tujuan utama cerekarama saya yang berjudul "Piem" ini, tegas Piem berkali-kali. Dan Melayu baru yang saya ciptakan itu boleh berdiri dengan sendiri tanpa pegangan pada raja lagi kalau raja tetap dengan perangai huduh mereka.

Nampaknya banyak rakyat bantah dan akhirnya Piem mengalah juga. Dia diminta memasukkan juga sedikit peranan sultan dalam cerekaramanya itu. Lalu dalam satu pementasan baru yang dimainkan di negeri sebelah pantai timur, peranan sultan diadakan. Tapi apabila selesai saja pementasan cerekarama itu, kesannya terasa sekali. Sultan memang diadakan dalam kisah itu, tapi peranannya bukan saja tak penting, malah terasa bagaikan tak berfungsi apa-apa pun selain menyampah saja. Kalau watak tak berfungsi dalam cereka, hapuskan saja kerana perwatakan tak berfungsi mencacatkan komposisi cereka, tegur pengkritik drama. Saya tidak mahu hapuskan, balas Piem menjawab ulasan pengkritik itu. Biar sultan ada juga dalam drama saya, tetapi itulah peranannya. Kalau sultan tak berfungsi itu tak mengapa. Biarkan saja dia tak berfungsi, kerana memang saya ingin melahirkan watak sultan yang tak berfungsi.

Lama juga persoalan itu dipolimikkan, tapi akhirnya dipersetujui oleh banyak pengulas cerekarama bahawa itu adalah salah satu lagi keunikan drama Piem. Dan ini adalah kebesaran Piem sebagai pengarah. Drama ini telah melanggar konvensi dengan cara melahirkan watak yang tak berfungsi dan berperanan sebagai satu teknik pementasan yang terbaru. Watak tak berfungsi tak menjejaskan

estetik sesebuah karya seni, kata banyak pengulas, kerana dalam kehidupan kita juga banyak manusia yang tak berfungsi pun. Mereka hanya makan, berak, tidur, kencing, bersetubuh saja. Kemudian mereka mati. Setiap karya seni seharusnya memancarkan realiti kehidupan dan tak boleh lari daripada kehidupan yang real itu. Memang idealisme itu baik, tapi karya yang agung biarlah juga berlandaskan realiti. Bukankah sultan yang tak berperanan dan tak berfungsi itu satu realiti? Tanya para pengulas yang berwibawa. Tak siapa yang berani menjawab, kerana realiti tetap realiti.

Dan dengan sendirinya mutu karya Piem melonjak naik kerana Piem tidak lari daripada realiti. Piem seorang pengarah drama yang berkreatif tinggi dan sanggup membentangkan realiti walaupun barangkali realiti itu pahit macam jadam. Maka cerekarama itu pun diusunglah pula dari sebuah negeri ke sebuah negeri yang lain, memperlihatkan realiti yang baru. Dan dengan cepat pementasan itu meninggalkan kesan yang amat mendalam, kerana watak "Piem" dalam drama Piem itu benar-benar tertonjol jauh ke hadapan sejak peranan sultan dipinggirkan. Orang hanya melihat Piem, bermimpi dan mengigaukan Piem. Budak-budak pun mulai menjerit nama Piem. Para pedagang banyak yang menggunakan isu itu dengan membuat pelbagai projek baru berkaitan dengan Piem. Ada yang membuat baju singlet tak berlengan dengan gambar Piem terbentang di dada. Ada yang buat poster kecil pelekat kereta dan motosikal dengan gambar Piem. Banyak juga ibu yang melahirkan anak menamakan anak mereka dengan nama Piem.

Kesannya cukup menakjubkan dan dikatakan cerekarama "Piem" itulah satu-satunya cerekarama tanah air nombor satu. Belum ada cerekarama yang sedemikian rupa.

Tapi, kemudiannya tercetus pula perkara baru yang pada mulanya membimbangkan. Ada beberapa orang doyok drama protes kerana, kata mereka, watak-watak mereka sudahlah doyok, sekarang langsung tak timbul. Dan ini termasuk doyok-doyok atasan kerana yang tertonjol dan terkemuka cuma Piem seorang saja bagaikan drama itu Piem yang punya, Piem yang bermain seorang diri dan Piem segala-galanya. Namun ada pula beberapa orang yang menyokong dengan keunikan cerekarama itu sehingga anggota Piem

berpecah-belah. Riuh rendah pula dibuatnya sehingga penonton yang berjuta yang kagum dengan keunikan drama itu pun berpecah-belah sama.

Piem sebagai pengarah tersenyum lebar. Piem tidak gusar. Piem tidak bimbang, malah itulah yang dihajatinya pun. Kalau dirinya hendak dikekalkan sebagai pengarang ulung dan pelakon ulung dalam drama itu sampai bila-bila, lain tak ada caranya selain memecahbelahkan para pelakon. Dan apabila para pelakon berpecah-belah, para penonton dengan sendirinya berpecah-belah juga. Sudah ada yang menarik diri tidak mahu berlakon dalam drama itu dan banyak penonton bersedih kerana bimbang kalau-kalau mutu drama terjejas akhirnya. Piem tidak sedikit pun memperlihatkan kebimbangan. Kalau ada doyok atasan ingin keluar, silakan. Kita boleh lantik doyok-doyok baru kerana seorang keluar, seratus orang memohon untuk bersama. Piem lebih banyak tersenyum dalam krisis pecah-belah itu, kerana dia tahu, kalau lagi banyak pecah-belah dalam keanggotaan drama itu, namanya akan lebih terlonjak dan tertonjol. Pun mudah baginya memilih doyok baru yang lebih doyokan sifatnya lagi. Piem sebenarnya mahu semua pelakon dramanya itu bongok-bongok belaka. Mereka hanya bergerak apabila digerakkan, bercakap apabila disuruh bercakap. Piem pastikan orang di kelilingnya berlagak seperti pak pacak saja.

Pada mulanya para penonton tercengang juga apabila ada para doyok yang dicampak buang begitu saja kerana bimbang kalau-kalau mutu "Piem" menurun jauh, tapi apabila pementasan diteruskan dengan perubahan para watak doyok yang baru, terasa pula keindahannya. Ini disebut sendiri oleh beberapa akhbar yang mengambil strategi khas meletakkan cerekarama "Piem" pada muka hadapan.

Boleh dikatakan keluaran setiap hari akhbar-akhbar itu, kisah cerekarama "Piem" di muka hadapankan dengan gambar Piem yang pelbagai corak dan gaya pula. Kalau beritanya memperlihatkan sedikit krisis dalam drama itu, gambar Piem lain sedikit senyumannya sehingga wajah Piem terlekat di mana-mana dalam kepada penonton dan pembaca.

Kita perlu perubahan yang besar kalau mahu maju dalam drama, kata Piem kepada para wartawan yang boleh dikatakan setiap hari berkumpul di tangga panggung untuk mendapat kenyataan akhbar Piem. Piem sendiri pun memang sukakan begitu dan dia bercakap lantang-lantang betul. Dan kerap kalinya nada percakapannya cukup sinikal sifatnya. Suaranya kadang-kadang begitu tumpul memukul orang lain. Dan ini pada mulanya kurang digemari oleh banyak penonton kerana dikatakannya melanggar tradisi sopan santun bangsa dan negara. Tapi apabila Piem sendiri menghuraikan dengan panjang lebar tentang hal itu, banyak pula yang menyokong Piem. Kita perlu berubah, perlu langgar tradisi dan adat bangsa yang lapuk kalau kita ingin maju dan tegak sebagai satu bangsa yang bermaruah dan kaya raya. Kita perlu kata apa yang kita hendak kata walaupun menyakiti hati orang lain. Saya mungkin tumpul tapi ketumpulan perlu dalam hal pementasan drama yang bermutu kerana pukulan tumpul lebih menyakitkan. Lebih terasa dan lebih pedih. Drama saya bukan drama tradisi dan drama adat. Drama saya drama yang baru yang sering berubah mengikut *mood*. Orang tidak pula menyoal *mood* siapa meskipun orang tahu *mood* itu bukan *mood* penonton, bukan *mood* bangsa dan bukan *mood* negara tapi *mood* Piem seorang saja. Orang tak berani menyoal kerana kalau yang menyoal itu salah seorang doyok, bermakna doyok yang berkenaan itu akan dicampak begitu sajalah. Kalau yang menyoal itu penonton, bermakna Piem akan menjawab dengan nada yang lebih sinikal dan buruk lagi sehingga penonton itu dengan sendirinya menjadi manusia yang moyok dan kering.

Lalu tersimpul rumusan bahawa Piem adalah seorang pengarah dan pelakon yang radikal, agresif dan kurang ajar sedikit. Dan bangsa kita memang memerlukan pengarah dan pelakon jenis itu sekarang ini, kerana kalau tidak drama kita drama purbawara yang menjilat sana menjilat sini saja. Piem bukan pengarah jilatan seperti pengarah yang sudah-sudah. Piem ingin membawa drama kita ke puncak yang tersendiri. Lihat kata-katanya yang tegas. Lihat lakonan dan tindakannya yang jitu. Mana ada pengarah yang setegas itu? Mana ada? Renungilah perutusan yang tersirat yang tercetus secara

sembunyi dalam cerekaramanya itu. Kita jangan memikirkan tindakannya sangat, tapi fikirlah perutusan yang dibawa oleh Piem yang sebenar, terutama kisah yang ingin membawa bangsa negara kita ke mercu yang gilang gemilang. Mana ada drama yang seindah itu perutusannya. Itulah drama yang paling dikagumi setakat ini, kerana ia benar-benar memberi cahaya yang terang untuk kita menyuluh perjalanan kita ke arah kemajuan yang bermakna.

Seorang pengulas yang cukup canggih membuat kesimpulan yang lebih akademik dan intelektual sifatnya. Katanya cerekarama "Piem" sebenarnya satu simbol saja iaitu simbol perjuangan satu bangsa yang bersatu padu untuk sama-sama menuju kemajuan pada masa depan. Cerahlah masa depan bangsa dan negara. Itulah yang hendak dibawa oleh "Piem" dalam dramanya Piem. Pengulas dari menara gading itu menganalisis lebih tuntas lagi sehingga banyak penonton tak dapat hendak memahaminya. Tapi kesimpulannya jelas. Cerekarama "Piem" perlu dilihat dalam makna-makna yang berlapisan. Kalau hanya cuba mencari keindahan pada lapisan yang pertama, akan gagallah segala kerana pastinya akan menerima kesan-kesan ketumpulan, kepejalan, dan kekeringan. Watak utama Piem sendiri tumpul orangnya macam belakang parang. Caranya bertindak, caranya bercakap dan caranya membawa dirinya sendiri pun amat tumpul; tapi di sebalik ketumpulan itu tersirat makna-makna yang jauh lebih nikmat dan indah.

Piem juga memang pejal cara komunikasinya. Pejal dan kering macam kemarau setahun. Macam makan daging mentah saja rasanya, tapi demikianlah keunikan watak Piem pun. Jangan menerima makna lapisan pertamanya kerana lapisan pertama dalam tindakan Piem hanya bayangan saja, bukan maknanya. Macam susunan pantun juga. Dua baris pertama cuma bayangan saja, sedangkan maknanya yang sebenar ada di dua baris penghabisan. Dan makna-makna itu pun lebih banyak yang tersirat daripada yang tersurat.

Banyak penonton bersetuju dengan ulasan pengkritik akademik itu meskipun makna-makna di lapisan-lapisan kedua, ketiga dan keempat itu masih kabur dan gelap. Mereka mengang-guk juga supaya jangan dianggap bongok dan ketinggalan zaman.

Mereka berusaha bermuzakarah dan berseminar juga untuk mencari makna-makna yang terselindung. Mereka selak-selak lapisannya, korek-korek lurahnya dan koyak-koyak seladang mayangnya, tapi makna-makna yang dinyatakan benar-benar bermakna penuh keindahan itu tak juga ditemui. Segala-galanya terselindung. Dan ini satu lagi corak perjuangan Piem yang unik yang terselindung dalam cerekrama "Piem". Yang dikatakan berpecah-belah itu bukan berpecah-belah, tapi perpaduan. Yang dikatakan tumpul dan pejal itu sebenarnya tajam dan penuh selera. Yang dikatakan kemarau dan kering itu sebenarnya hujan dan basah penuh keindahan. Yang dikatakan penentangan untuk menghapuskan raja-raja itu sebenarnya bukan penentangan tapi kaedah untuk menonjolkan diri sendiri yang amat diperlukan dalam perjuangan membawa rakyat ke mercu kesejahteraan.

Dalam keadaan gelisah, karut dan pincang untuk mencari makna-makna bernas yang sering dikatakan indah itu, tiba-tiba terdengar khabar bahawa ada sebuah drama baru muncul yang benar-benar merupakan kritikan terhadap cerekrama "Piem". Drama itu ditulis oleh seorang tokoh kedoyokan juga yang dulunya berada dalam drama "Piem" tapi telah dibuang oleh Piem kerana tokoh kedoyokan itu cuba menenggelami watak Piem. Tokoh kedoyokan itu cuba mengatakan drama "Piem" yang ditulis oleh Piem, diarah dan dilakonkan oleh Piem itu sebenarnya bukan simbol perjuangan bangsa dan tanah air yang tercinta; tapi perjuangan Piem seorang diri saja untuk faedah Piem dan anak buah Piem serta konco-konco Piem yang rtajin menjilat Piem. Memang pedas kritikan itu. Dan tokoh itu kini mencipta drama baru pula yang diberinya nama "Piem" juga.

Lantas para penonton cepat naik gelabah dan jadi keliru. Yang mana satu "Piem" yang asli dan tulen. Sekarang sudah ada dua "Piem". Yang mana yang *original*, yang mana yang ciplak. Piem mengatakan dramanya "Piem" lah yang asli, tulen dan benar-benar berdarah daging bangsa dan negara. Doyok yang terbuang mengatakan tak ada yang lebih asli dan tulen selain dramanya "Piem" itulah. Kata doyok, Piem dengan arahnya "Piem" itu nampak saja membawa bahagia kepada bangsa dan negara, tapi sebenarnya tidak.

Bangsa sendiri akan menjadi peminta sedekah akhirnya. Yang benar-benar membawa bangsa dan negara hanya "Piem" yang ditulis oleh doyok terbang, yang dilakon oleh doyok terbang dan yang diarahkan sendiri oleh doyok terbang.

Para penonton bertambah pening untuk menentukan kesahihan drama itu. Yang mana satu yang benar, yang mana satu yang betul. Ada pengkritik yang mengatakan kedua-duanya betul. Ini lebih menyulitkan bagi mencari maknanya yang berada di lapisan dalam itu. Ada pula pengkritik, entah dari menara gading mana, mengatakan kedua-dua drama itu tidak betul, kerana kedua-duanya karut dan lebih untuk kepentingan diri sendiri saja. Dia tidak pula mengatakan di mana lekatnya yang betul. Padanya, semuanya salah belaka. Dan, ini lebih menyulitkan lagi penonton untuk mencari makna-makna yang tersembunyi.

Maka di mana saja berlaku pementasan, para penonton memberi pendapat masing-masing. Namun Piem lebih tertonjol kerana Piem dengan ketumpulan dan kekeringan wataknya itu menggunakan apa saja alat untuk menonjolkan dramanya itu. Dia menggunakan akhbar untuk memuji dramanya dan itu bermakna memujinyalah. Dia juga menggunakan radio dan televisyen seluruhnya untuk mengangkat dramanya itu. Dan itu pun sebenarnya untuk mengangkat dirinya. Dan lama kelamaan yang tertonjol setiap jam dan setiap detik dalam negara melalui pelbagai cara hanya watak Piem seorang. Kembalilah kepada asal-usulnya bahawa yang wujud hanya Piem seorang. Wajah Piemlah satu-satunya yang terpampang di mana-mana pun. Suara Piemlah yang terdengar di mana bucu dan ceruk rantau pun sehingga kehidupan dalam negara yang merdeka ini pun seluruhnya bergelumang dalam wajah dan tindakan Piem yang tumpul tapi dikatakan tajam itu, yang kering dikatakan basah itu. Yang selapis tapi dikatakan banyak lapis maknanya itu.

Drama "Piem" yang satu lagi yang ditulis dan diarahkan oleh doyok buangan itu tenggelam begitu saja bagaikan dikambus oleh sampah sarap yang bertimbun banyaknya.

Ini satu lagi keunikan cerekarama "Piem". Sebuah drama yang hidup segar dan boleh dimasukkan dalam kategori klasik kelas

pertama. Cerekarama itu sering berubah, sering melontarkan pelbagai makna yang berlapisan dan sering memperolehi pelbagai reaksi daripada penonton. Mana ada sebuah karya seumpama itu dalam dunia ini? "Piem" sentiasa hidup dan bergerak, sedia mengubah dirinya, sedia melanggar konvensi dan setiap detik "Piem" menjadi baru dan dinamik. Inilah drama yang ditunggu-tunggu selama ini. Memang banyaklah yang orang tidak suka, tapi itu fiil manusia. Sering Piem sendiri memberi komen tentang hal itu. Saya tak mengharapkan semua orang puji saja, kata Piem. Lagi pun saya arah drama bukan untuk dipuji. Dibenci pun tak apa asalkan niat saya betul dan kaedah saya betul. Orang kata niat saya dan kaedah saya tak betul. Itu orang kata. Dan perangai orang memang begitu. Yang betul dia sajalah.

Piem, apabila dia sendiri menjawab tuduhan, memang tumpul dan kering juga. Banyak orang berasa sakit hati. Banyak yang mengeluh kerana suaranya amat menjengkelkan dan memuakkan. Tapi itu sayalah, kata Piem berulang kali. Kalau orang tak mahu tengok drama saya, tak usah tengok. Banyak lagi orang lain yang suka tengok. Orang kata dalam drama saya hanya watak saya seorang yang tertonjol, sedangkan watak-watak lain diremeh-temehkan. Memang betul pun. Watak-watak lain itu tak penting kerana yang penting cuma saya seorang saja. Siapa yang boleh arah drama macam saya? Cuba beritahu saya. Drama yang sudah-sudah itu bukan drama hidup tapi drama mati kerana tak pernah berjiwa pun.

Memang tidak ada siapalah yang sanggup menjawab tuduhan itu. Piem kembali muncul sebagai tokoh drama yang lain daripada yang lain yang bermakna tapi sukar disebut maknanya. Yang indah tapi sukar menentukan keindahannya. Yang simbolok tapi sulit untuk mencari makna-makna di sebalik simbol-simbol itu.

"Piem" yang ditulis dan diarahkan oleh tokoh doyokan terbuang dengan sendirinya, mati begitu saja. Mati tak berkubur kerana sekali-sekala jauh-jauh terdengar juga kewujudannya cuba mencari penonton tapi ternyata pementasannya gagal kerana Piem sungguh-sungguh berusaha memadamkan segala drama yang timbul selain dramanya seorang saja. Apabila terdengar saja bahawa ada sebuah drama baru muncul di mana-mana ceruk

rantau dalam tanah air, Piem cepat-cepat bertindak. Dan tindakannya memang terkenal kerana ketumpulan dan kepejalan itulah. Jangan tonton drama baru itu kerana mutunya tak baik, watak-wataknya usang dan kisahnya tak pernah masuk akal pun. Demikian kata-kata Piem apabila timbul saja drama baru. Dan biasanya apabila Piem berkata begitu, banyaklah pengulas yang menyokong, malah kata pengulas itu kebanyakannya lebih ganas dan lebih dahsyat daripada kata-kata Piem. Waktu itu Piem tidak berkata apa-apa lagi. Dia cuma goyang kaki. Yang bergelut dan berperang ialah orang-orang lain. Dan akhirnya drama yang baru muncul, yang tidak sebulu dengan drama Piem, gulung tikar dan terkambus begitu sajalah.

Lama juga selepas itu tak ada drama baru yang muncul kerana para penulis dan para pengarah baru memang takut kena kambus. Yang wujud hanya Piem. Baik dramanya, kaedahnya dan segala-galanya yang wujud Piem seorang sajalah. Budak-budak kecil pun mudah sebut nama Piem. Semua cara hidup dan cara mati dikaitkan dengan nama Piem termasuk menulis nama Piem atas kain kapan dan keranda. Pada mulanya perasaan Piem tersentuh juga dengan tindakan begitu meskipun Piem tahu penonton amat sayangkannya. Tak usahlah tulis nama saya atas kain kapan dan di keranda, tak baik. Nanti saya pun hanya teringat nak mati saja. Kalau saya mati, tentu yang susah ialah penonton juga. Tapi penonton tulis juga nama Piem di mana-mana yang terasa, termasuk di kain kapan, di keranda, di batang cangkul korek liang lahad.

Seorang pengkritik melihatnya sebagai suatu *trend* yang lebih unik, kerana dengan itu bermakna Piem dikaitkan dengan kematian. Benar bahawa Piem akan mati kerana Piem sendiri pun sudah tua tapi drama Piem tidak akan mati. Drama Piem yang menyiratkan makna perjuangan bangsa dan negara itu akan terus hidup juga. Pengkritik itu memang ikhlas dan jujur dalam ulasannya, kerana baginya perjuangan Piemlah yang maha penting; bukan Piem itu sendiri, kerana Piem hanya manusia tua yang akan mati akhirnya. Walau apa pun terjadi, Piem akhirnya akan mati juga.

Tapi Piem tiba-tiba marah dan melompat garang. Siapa kata Piem akan mati, katanya. Piem tak akan mati lagi kerana Piem akan

terus menongkat langit ini. Sesungguhnya Piem memang ingin hidup seribu tahun lagi meskipun dia sudah tua, kerana Piem rasa dia saja yang boleh terus menghidupkan drama "Piem" itu.

Pengkritik yang mencetuskan idea fasal kematian itu tiba-tiba moyok dan naik pusing. Dia cuba memperjelas makna kritiknya yang tersirat dengan mengatakan bahawa kesayangan penonton pada Piem berdasarkan perjuangan Piem; bukan hasratnya agar penonton berdoa agar Piem cepat mati. Penjelasan itu agak kabur dan Piem melenting terus. Dan pengkritik itu pun luput begitu saja.

Tapi ternyata hikmat daripada kritikan itu ada juga. Tiba-tiba dalam satu pementasan yang diadakan di sebuah panggung lima puluh tingkat di ibu kota yang serba sesak dan serba serabut, jalan cerita cerekrama "Piem" berubah. Bukan lagi Piem seorang saja yang menolog, malah sudah ada dialog yang tegang-tegang kerana ada beberapa orang doyok yang sudah mulai terasa canggung dan pelik. Mereka bersuara lantang. Kadang-kadang di tengah-tengah monolog Piem seorang diri atau sewaktu Piem sedang berpidato panjang lebar, para doyok berkumpul sambil meramas jari dan kemudian ramasan itu menjadi penumbuk-penumbuk yang kejam erat. Monolog tiba-tiba bertukar menjadi dialog dan dialog pula semakin lama semakin nyaring dan akhirnya bertempak sama sendiri sampai merah-merah wajah.

Suara Piem tiba-tiba tenggelam, ditenggelami oleh jeritan para doyok. Mereka sudah mulai faham makna cerekrama "Piem" yang sebenar. Drama itu untuk Piem seorang saja. Untuk memperlihatkan ketokohnya, untuk menonjolkan wataknya. Tak ada pun makna yang tersirat. Yang hendak dibawa oleh drama itu Piem seorang saja dan akhirnya semua doyok yang satu keturunan itu akan terkulai patah, ditindih dan dihenyak oleh tapak-tapak keturunan lain. Dan keturunan itulah yang sebenarnya yang hendak didaulatkan oleh Piem. Kalau pun ada makna yang tersirat dalam drama itu, itulah maknanya pun. Tidak lebih daripada itu. Semua doyok akan menjadi papa kedana dalam negaranya sendiri. Itulah makna yang tersirat pun. Semua doyok dengan zuriat masing-masing akan menjadi hamba mengemis dan mengemis. Itulah pun makna yang tersirat yang dikatakan berlapisan makna dalam cerekrama "Piem" itu.

Tiba-tiba lagi para penonton kaget yang amat sangat kerana jalan cerita yang biasanya berkesudahan dengan watak Piem berdiri menggawang tangan untuk melambangkan kejayaan, bertukar corak. Para doyok yang berdialog semakin banyak dan drama menjadi kelam-kabut. Suara Piem tak kedengaran lagi. Yang berada di atas pentas hanya para doyok yang membuat bulatan mengepung Piem yang ada ditengah-tengah. Bulatan itu semakin lama semakin sempit dan ini diiringi dengan jenis muzik yang terasa amat menggerunkan. Akhirnya Piem benar-benar terhimpit dan terkepung. Suaranya mati terus. Dan drama itu dileraikan dengan satu episod yang amat pendek tapi tegas. Watak Piem dipijak-pijak sampai lumat. Ada kelihatan semburan cat warna merah sebagai melambangkan darah yang terpancut dari tubuh Piem. Kemudian seorang doyok melompat ke udara sambil memegang sebuah kepala yang dibuat daripada tanah liat sebagai lambang kepala Piem yang disembelih oleh para doyok. Seorang doyok lagi melompat juga ke udara sambil menggawang sebatang tulang yang juga melambangkan tulang rusuk Piem. Para doyok ketawa kuat-kuat, satu jenis ketawa yang mengerikan.

Piem bukan watak utama dalam drama ini, jerit seorang doyok. Kitalah para watak utamanya. Kita semua dan ini termasuk penonton semua. Mati hidup drama ini bergantung pada kita semua. Bukan hanya pada Piem seorang. Piem sudah mati. Zuriatnya juga sudah mati. Perjuangannya juga sudah tamat. Piem bukan seorang pengarah drama yang ulung, kerana Piem benar-benar ingin melalaikan para watak yang lain.

Tamatlah Piem.

Tamatlah Piem.

Para penonton yang pada awalnya terkejut dengan perubahan jalan cerita secara luar duga itu tiba-tiba tersorak, berlompatan dan menjerit kegirangan.

Piem sudah mati.

Piem sudah mati.

Piem sudah mati.

INSIDE

How Mazlan met Mohd

...and how he met Mohd

Promote only best teachers

World

Protests in

...and how he met Mohd

Business

AHS to buy US

...and how he met Mohd

Section 2

Struggle of

power and

promotion

Root which

promotes blood

circulation

Treating

leukemia

What upon

a star

PM: I DON'T FAVOUR TEAMS

By Wong Chin Wan and Richard A. Naim

KUALA LUMPUR: Prime Minister Ismail Sabri Dr Mahathir Mohamed has rejected the team approach and money politics in the Umno elections.

The party president stressed that he was neutral and did not favour any particular team.

He said in the run-up to the elections, current incidents had happened, and he had received reports of money being used.

He said there were also reports of delegates being held hostage at various points.

Dr Mahathir was speaking at a press conference after a meeting with division heads at the Putra World Trade Centre prior to the party general assembly.

The Youth and Wanita wings will elect their leaders today. The elections for the executive council will be held on Thursday when the three-day general assembly starts (see Page 2).

The campaign this year, Dr Mahathir stressed, had become more intense but he had advised delegates not to allow the campaign to damage the party.

He said he had given the advice on campaign tactics to prevent the party from being divided by members jockeying for key positions.

On the appointment of the Deputy Prime Minister, Dr Mahathir said he had not given much thought to the matter.

He said there was no time left for him to appoint his deputy and cited his appointment during the Tun Hussein administration.

He said Tun Hussein chose, at his request, to let him take the time.



PRE-ASSEMBLY BRIEFING — Dr Mahathir with Umno permanent chairman Tan Sri Subhan Osman Shah and Anwar at the PMTC yesterday.

He said he would appoint deputy prime minister Ismail Sabri Dr Mahathir Mohamed to the post, Dr Mahathir said he could be possible.

Another question as to whether he would appoint deputy prime minister Ismail Sabri Dr Mahathir Mohamed to the post, Dr Mahathir said he could be possible.

Dr Mahathir replied "I will have to think about that. It is not impossible."

Dr Mahathir also refused suggestions the Cabinet would be reshuffled after the assembly.

"I cannot reshuffle the cabinet now or in two years."

Asked if he would appoint deputy prime minister Ismail Sabri Dr Mahathir Mohamed to the post, Dr Mahathir said he could be possible.

Another question as to whether he would appoint deputy prime minister Ismail Sabri Dr Mahathir Mohamed to the post, Dr Mahathir said he could be possible.

Dr Mahathir replied "I will have to think about that. It is not impossible."

Dr Mahathir also refused suggestions the Cabinet would be reshuffled after the assembly.

"I cannot reshuffle the cabinet now or in two years."

Asked if he would appoint deputy prime minister Ismail Sabri Dr Mahathir Mohamed to the post, Dr Mahathir said he could be possible.

Another question as to whether he would appoint deputy prime minister Ismail Sabri Dr Mahathir Mohamed to the post, Dr Mahathir said he could be possible.

Dr Mahathir replied "I will have to think about that. It is not impossible."

Dr Mahathir also refused suggestions the Cabinet would be reshuffled after the assembly.

"I cannot reshuffle the cabinet now or in two years."

Reprieve an option for PAYE scheme

By Andrew Fernandez

KUALA LUMPUR: One of several options open to the Government when considering the proposed PAYE scheme is to grant a reprieve to companies that have not yet implemented the scheme.

The scheme, which is expected to be implemented in 1992, will require companies to pay a 10 per cent tax on their profits.

However, some companies have been reluctant to implement the scheme, and the Government is considering a reprieve for them.

The scheme, which is expected to be implemented in 1992, will require companies to pay a 10 per cent tax on their profits.

However, some companies have been reluctant to implement the scheme, and the Government is considering a reprieve for them.

The scheme, which is expected to be implemented in 1992, will require companies to pay a 10 per cent tax on their profits.

However, some companies have been reluctant to implement the scheme, and the Government is considering a reprieve for them.

The scheme, which is expected to be implemented in 1992, will require companies to pay a 10 per cent tax on their profits.

However, some companies have been reluctant to implement the scheme, and the Government is considering a reprieve for them.

The scheme, which is expected to be implemented in 1992, will require companies to pay a 10 per cent tax on their profits.

However, some companies have been reluctant to implement the scheme, and the Government is considering a reprieve for them.

The scheme, which is expected to be implemented in 1992, will require companies to pay a 10 per cent tax on their profits.

However, some companies have been reluctant to implement the scheme, and the Government is considering a reprieve for them.

Mighty and Compact

RICOH FAX240

Star **INNOVATION** **CONCEPT**

MESEJNYA cukup jelas, Mahathir tidak restui dan tidak menggemari pendekatan politik gaya Anwar. Pasukan Wawasan adalah klik Anwar. Team Mahathir adalah Kabinetnya. Lihat kenyataannya: "Rombakan Kabinet tidak ada kena mengena dengan pemilihan Umno. Itulah kelebihan menjadi Perdana Menteri."

YEARENDER SPECIAL
HIGHLIGHTS
• Malaysia creates impact overseas
• Play of the Decade and Novels
• Historic year for the British royal family

SECTION 2
52 PAGES



16 PAGE PICTURE SPECIAL



METRO 20 PAGES

PM: AVOID RALLY AT PALACE

MB also advised not to attend mass audience

By WONG CHUN WA

KUALA LUMPUR: The Government has advised the people of Johor, particularly the Menteri Besar, not to attend the Sultan's mass audience at the Istana Besar Johor Bahru on Jan 8.

Prime Minister and Union president Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed said the party's Supreme Council had advised Menteri Besar Tan Sri Mohd. bin Yusoff not to get involved in the function.

"There is evidence to show that foreigner (is) involved in the gathering. As a result of these political elements, (they) cannot be avoided," he told reporters after meeting with Union division leaders yesterday.

More than 1,500 Union leaders, including those from Sabah, attended the closed-door meeting at the Putra World Trade Centre which lasted over two hours.

Dr Mahathir was asked to comment on the Sultan's wish to grant a mass audience to Johoreans at the Istana Besar (see story on Page 2).

The Sultan said at the Masjid Al-Johor yesterday he was not fit to see in mass the thousands but if the people wanted to see him, they were welcome to do so next Friday.

Dr Mahathir said the Government could not stop the police from holding such a gathering.

He said the gathering could be held at the Istana Besar without a police permit, as long as it was within the Istana compound.

The Government warned the Sultan to be advised in a proper manner and not through confrontation.

"That is why there is not holding any gatherings or rallies. We hope such methods are not carried out as they would lead to tension," he said.

audience with the Sultan to explain the Government's decision.

On his meeting with the Union leaders, Dr Mahathir said the party had received "vehement support" from Union members.

"I must say the feelings were quite strong," he said, adding that the proposed amendments were to the interest of the rulers.

The Prime Minister said some division leaders felt that the press was a "little bit aggressive but others are quite happy."

On his Jan 8 audience meeting with the Sultan prior to the Jan 14 Conference of Rulers, he said he was confident most of the Rulers would be present.

Dr Mahathir said the Jan 8 informal meeting was arranged after he had an audience with the Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah on Monday.

Johor where the King had conferred in law, he said the King had said that the proposed amendments should be explained to the Rulers but he did not say anything about supporting the amendments.

In Mahathir expressed confidence the Rulers would consent to the proposed amendments.




ANTI-CONFRONTATION Dr Mahathir responding to reporters' queries on the Government's stand on the proposed mass audience in Johor Bahru.

YWY

Sifortel Solutions, The Answer To Motorola's Best.

We're proud to carry Motorola's exclusive black classic range of cellular phones and

SUDAH dua kali Mahathir ditinggalkan timbalannya. Tengok, kerusi di sebelahnya selalu kosong. Tak tahulah selepas ini timbalannya pula yang memaksa Mahathir meninggalkan kerusinya itu.



"Penulis-penulis politik, ingat-ingat sikit. Walaupun Mahathir dengan Anwar kamu kata tak sehaluan lagi. Kami berdua tetap bersatu," mungkin itu yang diucapkan oleh Dr Siti Hasmah ketika memeluk Dr Wan Azizah, isteri TPM.



MANA Mahathir nak pi sorang-sorang tu ... bawak diri kot?



ANWAR sudah siap nak ambil alih kuasa? Bukan! Gambar ketika Anwar di pejabat barunya di Jabatan Perdana Menteri, pada hari pertama sebagai TPM.



CUBA perhati gambar ini dengan teliti. Apa isyarat yang boleh dikesan dari cara mereka melambai tangan? Mahathir memang seperti melambai-lambai. Anwar macam mana pula? Ini sudah bahaya, Anwar mahu pancung!



Apa lagi yang Anwar mahu pujuk Daim? Ada kontrak baru? Tok Mat perhati penuh minat. Kalau Anwar lawan Mahathir - Daim, ramai yang kata Tok Mat memihak kepada Mahathir.



PAK LAH menangis? Anwar ketawakannya?



KEKALAHAN Pak Lah mungkin akan ditebus pada 1996. Walaupun tewas, Pak Lah tetap mendapat perhatian istimewa.

INTERVIEW

Mr. Money Speaks

Daim Zainuddin Takes Stock of Asia

In Malaysia, ex-finance minister Tun Daim Zainuddin is seldom out of the news. Controversy erupted recently after his cautionary comments sparked a big decline in the country's red-hot stock market. But Daim, 55, remains upbeat as he juggles his roles as a major private investor as well as treasurer of the dominant UMNO party and head of the Langkawi Development Authority. He is said to be one of Prime Minister Mahathir Mohamad's closest advisers. Excerpts from a recent talk with *Asiaweek*.

Would Malaysia's recent rows with Britain and Australia shake the confidence of foreign investors?

The country is stable. Our [latest] quarrel is with the [British] press. It has affected British investments, but not Malaysia's private sector.

Is there a perception that bribes are needed for contracts in Malaysia?

If there is, it's bad for the country. The PM and the government are against corruption. People who demand bribes for contracts should be exposed. The problem is that no one is prepared to come into the open. It is in everyone's interest for these things to come out.

Should Malaysian businessmen invest in the Philippines?

Yes. I'm bullish on the Philippines. I'm very impressed with President [Fidel] Ramos. He's got problems with the Senate, but that's typical when you have the American system. That's why he's pushing for a parliamentary system. I hope he succeeds.

You say the prime requirement for economic revival is social and political stability.

Yes, I'm all for stability first. Otherwise where does the confidence come from? If there is disruption all the time, who will invest? You can see this borne out in Southeast Asia — in Thailand under Prem [Tinsulanond], in Malaysia under Mahathir, in Singapore under Lee Kuan Yew and in Indonesia under Suharto. Put the house in order and the business will come.

Does that also apply to India?

Yes. I am very bullish about India. Some Indians are really very rich, and the country has more than 100 million middle-class people. The problem with India is the unions. And because it has a tradition of democracy, and Indians by nature love to argue, it will be hard to change that culture. Once they discipline themselves, India will take off.

How about Burma?

We should try to talk to the Burmese leadership. We must show them what their neighbors are doing. Now they want to fol-

low the Indonesian system. We should encourage that. While would welcome democracy in Burma, it's got to be the Burmese way, with compromises along the way. Aung San Suu Kyi is to have Western democracy. That's not acceptable to the present Burmese leadership. Of course the majority of Burmese want change. But it cannot be a sudden change. The moment the economic well-being of the Burmese people is uplifted, human rights, the rest, will follow.

Do you regret making your cautionary remarks — at which the Kuala Lumpur market plummeted?

I did not say people should get out. I was just telling them to be careful, especially the bumptious, because many of them are new to the market. I've been saying that since last year: be careful of this market. If it moves up too fast, then if it ever comes down, it's going to be just as sudden. And, of course, it happened.

What will be done about politics in UMNO?

Obviously the party has taken the issue seriously. They're going to amend the Constitution in June. They realize that if it went on, we would have leaders who are only interested in making money to maintain their positions. During election time, successful business people can make their contributions to any party they like. That's legal, and there's no conflict between party and government. That is, UMNO has got out of business.

How do you rate Deputy Prime Minister Anwar Ibrahim?

Anwar is very pragmatic and intelligent. The economy has proved that he has done well. For someone who doesn't have a business background, I don't think you can find Anwar — so far, I get along well with him. We exchange views.

You would be happy to see war as PM?

Mahathir is a very strong leader. As long as he is healthy and wants to carry on, we are all interested in what he does. I don't think Anwar is in a hurry. He has only been deputy for a few months. You grow with the project, he said he'd want to be around for the opening in 2000.

What are your plans?

I would like, if permitted, to retire from all my party and official posts — and slowly withdraw. I don't have private businesses. I only invest in the stock market. And I advise people. They come and see me for free advice. Some have problems especially bumptious. I don't know why people still want to be in the PM. Maybe it's my association with the PM. Foreigners, bank securities people — they can have a chat with me, say what they like. Aside from that, I go to Langkawi and Labuan. I play up to keep fit. And I read a lot. I keep in touch with my friends overseas, business as well as political leaders.

You are a rich man.

Well, thank God for that. The country has blessed me.



Daim: "I would like to withdraw slowly"

PRICES REPORTED IN *ASIaweek* ARE IN U.S. DOLLARS UNLESS OTHERWISE SPECIFIED

KATA Daim: "I don't think Anwar is in a hurry." Apa agaknya sebab Daim bercakap begitu?



HUBUNGAN Daim - Mahathir cukup mesra. Anwar tentunya tidak senang dengan perkembangan ini.



INI pakatan baru yang boleh mengancam Anwar, iaitu gabungan Pak Lah, Sanusi dan Daim. Walaupun Daim berada di belakang tetapi peranannya cukup berkesan.



SIAPA yang kata hanya Daim rapat dengan Mahathir? Anwar lagi hebat!

RETAK YANG MEMBAWA BELAH

Dari mata kasar, Barisan Nasional dan parti-parti utama di dalamnya kelihatan kuat dan kukuh. Ini gambaran luar dan pada kulit saja. Keadaan di dalam dan pada isinya agak berlainan. Cuba kita lihat Umno, parti yang memimpin BN dan komponen terkuat sekali. Kekuatan politik dan ekonomi Umno wujud oleh kerana ia menerajui pemerintahan sekarang. Begitu ramai pemimpin Umno yang mempunyai kuasa, pengaruh serta kedudukan oleh kerana menjadi menteri, timbalan menteri, ketua menteri, setiuasaha parlimen, exco, setiuasaha politik dan lain-lain.

Begitu ramai pula pemimpin ini serta "*crony*" atau "pak pacak" mereka yang menjadi korporat besar atau saudagar kurang besar. Kesemua mereka terpaksa bantu-membantu untuk memastikan

Pandangan Dr Syed Husin Ali mengenai ketegangan hubungan Anwar - Daim ini diungkapkan dalam ucapan dasarnya sebagai Presiden PRM.

supaya pemerintahan BN tidak runtuh. Seandainya kedudukan BN sebagai pemerintah runtuh, maka akan ranap dan musnahlah semua parti komponennya, termasuk Umno, yang kononnya gagah itu.

Punca keruntuhan Umno sentiasa wujud, iaitu keretakan akibat perebutan kuasa, pengaruh dan juga kekayaan di antara pemimpin terutama sekali. Keretakan dalam tahun lapan puluhan telah membawa kepada belah, bukan saja pada Umno, bahkan seluruh masyarakat Melayu, daripada raja kepada pak tani.

Pertandingan untuk jawatan Timbalan Presiden Umno pada tahun 1993 juga menimbulkan keretakan dan nyaris-nyaris membawa kepada belah. Jikalau komplot yang menang dibenarkan menyingkir dan mengganti semua lawan mereka yang kalah, sudah pasti perpecahan tidak dapat dielak. Presiden Umno sendiri menyedari bahayanya.

Ini sebab beliau mempertahankan supaya calon-calon Naib Presiden yang kalah dilanjutkan kedudukan mereka di kementerian masing-masing. Bahkan beliau melantik pula mereka ke dalam Majlis Tertinggi Umno. Ini bukan bertujuan untuk menjaga perpaduan Umno, bahkan jua untuk mengimbangi pengaruh Timbalan Presiden yang baru, supaya tidak terlalu kuat sehingga boleh mencabar kedudukan nombor satu.

Sudah tentu ramai dari kumpulan yang menang masih kurang puas hati. Ketua mereka sudah hampir ke puncak. Sebaliknya, yang lain masih di takuk lama. Mereka berharap sekiranya pilihan raya segera diadakan, maka mereka serta kumpulan mereka boleh membolot kawasan-kawasan yang baik, dan kemudiannya menduduki pula kerusi-kerusi yang penting dalam pemerintahan.

Adakah kumpulan lain akan memberi jalan yang mudah? Adakah kali ini Mahathir akan membenarkan Anwar dan kumpulannya menguasai segala-galanya? Keretakan lama belum pulih lagi. Luka lama masih belum sembuh. Memang benar kedudukan Anwar bertambah kuat dan pihak lawannya bertambah lemah dan ada yang sudah berpecah atau berpaling tadah.

Pemimpin-pemimpin yang kalah, atau setidak-tidaknya

penyokong-penyokong mereka masih dalam perhitungan lagi. Adakah mereka akan membenarkan diri mereka diketepikan begitu saja? Tentulah mereka mahu dimasukkan ke dalam senarai calon-calon pilihan raya. Jikalau diketepikan sama sekali, pasti mereka akan menentang. Sudah tentu ini akan ada juga kesan buruknya terhadap Umno dan prestasinya dalam pilihan raya akan datang.

Belum pun keretakan lama reda, sudah timbul pula keretakan yang baru. Ada pemerhati politik yang mendakwa konon wujud ketegangan di antara Anwar dengan Mahathir. Mengikut mereka, Anwar tidak sabar-sabar lagi hendak menduduki tempat pertama. Saya berpendapat dakwaan ini kurang tepat. Saya lihat mereka berdua masih sokong-menyokong dan saling mempercayai. Lagipun, Anwar sendiri tentu mengetahui terlalu awal baginya hendak mencabar.

Namun demikian, berita-berita tentang keretakan di antara Anwar dengan Daim Zainuddin nampaknya lebih tepat. Politik Umno adalah politik wang. Pada satu ketika Anwar sangat bergantung kepada Daim untuk sokongan kewangan. Akan tetapi, tentulah beliau tidak hendak berbuat demikian selama-lamanya.

Anwar mahukan kedudukan kewangannya sendiri kukuh supaya beliau bebas daripada bergantung kepada sesiapa. Dengan kedudukannya sekarang beliau boleh membina sumber kewangan dan orang kepercayaan yang di bawah tangannya sendiri. Satu sumber penting ialah saham-saham baru yang dikeluarkan. Sebagai Menteri Kewangan Anwar boleh membahagi-bahagikan sebahagian besar dari *pink forms* kepada parti-parti dalam BN, penyokong-penyokongnya dan juga golongan tertentu yang lain.

Sumber lebih penting ialah kontrak untuk projek-projek besar kerajaan. Pada masa-masa lalu, bekas Menteri Kewangan serta golongan di sekelilingnya memperolehi banyak projek melalui syarikat-syarikat sendiri ataupun syarikat-syarikat Umno yang dipegangnya. Satu contoh ialah syarikat UEM, yang mula-mula membina dan mengutip tol lebuhraya. Sekarang sudah timbul persaingan di antara Timbalan Presiden dengan Bendahari Umno melalui syarikat ataupun korporat yang menjadi "nominee" mereka.

Anwar, sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, lebih berkuasa untuk menentukan ke arah mana setengah-setengah kontrak pergi. Misalnya, beliau boleh dikatakan berkuasa penuh ke atas penentuan beberapa kontrak untuk membina lapangan terbang baru di Sepang. Sebaliknya, Daim masih mempunyai pengaruhnya juga lagi. Selain kedudukannya sendiri memang kuat, beliau juga terkenal sebagai orang kepercayaan Perdana Menteri. Perdana Menteri telah membawanya bersama untuk menerima Clinton dan Gore.

Projek Empangan Bakun di Sarawak, yang dijangka menelan belanja kira-kira RM18 juta, telah dianugerahkan kepada Syarikat Ekran, yang dikuasai oleh seorang tokoh korporat Cina tempatan, Ting Pek Khing. Akan tetapi, khabarnya "nominee" bekas Menteri Kewangan mempunyai kepentingan besar di sana. Adakah ini sebabnya maka Anwar kurang senang, dan ramai penyokongnya dibiarkan mengkritik projek tersebut?

Oleh kerana hubungan Daim rapat dengan Mahathir, maka ada pula pihak yang cuba membabitkan PM dengannya. Sama ada Mahathir terbabit atau tidak, tentu sekali keretakan di antara Anwar dengan Daim ini akan ada juga kesan buruknya. Akan tetapi, untuk melindungi kepentingan masing-masing, dan memastikan kedudukan BN tidak terjejas, tentu mereka akan mencari jalan mengatasinya sebelum pulihan raya.

MENANTI KELAHIRAN ANWAR BARU

Apabila seorang teman membaca *Asiaweek*, 11 Mei 1994 tentang spekulasi Anwar seakan-akan sudah mahu mencabar Mahathir, dia terus menelefon saya. Sambil menyatakan bahawa isu ini boleh dijadikan bahan yang baik bagi buku terbaru saya, beliau melahirkan rasa penuh gembira sekiranya perkembangan itu benar-benar berlaku. Teman saya ini merupakan bekas seorang pemimpin pelajar di waktu kebangkitan gerakan pelajar 1974. Kini dia seorang pensyarah yang komited.

Hari itu beliau banyak mengomel. Saya lebih suka mendengar. Dan sememangnya beliau tidak begitu suka hujahnya dicelah atau disanggah. Biarkanlah. Dalam sebuah negara yang banyak menyekat kebebasan bersuara dalam memberikan pendapat yang berbeza dengan parti pemerintah, elok juga kita bersedia menjadi pendengar yang setia kepada pandangan teman-teman yang tidak akan disiarkan oleh media-media utama. Lebih dari itu, pan-

dangannya original dan cukup segar, bukan idea ciplakan.

“Sudah lama Anwar duduk bawah ketiak Mahathir. Sudah lama Anwar terpaksa mengikut apa saja kehendak Mahathir. Sudah lama Anwar menjadi budak suruhan Mahathir. Sudah lama Anwar terkongkong dengan citarasa Mahathir sehingga hasratnya sendiri terpaksa dipendamkan. Sudah lama Anwar bergayut dan berpaut di bawah naungan Mahathir. Sudah lama Anwar menyembunyikan visinya sendiri, takut dikatakan melawan taukeh. Maka, tiba masanya Anwar keluar dari kepompong yang disediakan Mahathir untuknya sejak 1982 yang lalu.

“Aku mahu tengok Anwar yang sebenarnya selepas ini. Anwar yang aku sanjung sewaktu di kampus dulu. Anwar yang aku hormati sewaktu memimpin ABIM. Anwar yang aku kagumi kerana keberaniannya membela rakyat dan sanggup ditahan hampir dua tahun di Kemunting. Anwar yang mampu mempesonakan pendengar dari atas pentas debat. Anwar yang mampu menyemarakkan semangat waja melalui aksi-aksi protes di jalan-jalan raya. Anwar yang mampu menggemblengkan kekuatan rakyat menghadapi tekanan dan penindasan,” celotehnya, tanpa tersekat-sekat. Fasih benar teman saya ini melahirkan luahan hatinya mengenai Anwar. Rupanya dia masih menaruh harapan yang tinggi kepada Anwar, meskipun Anwar berada di pihak parti pemerintah, sedangkan dia lebih simpati kepada pembangkang.

“Kau masih yakin Anwar akan berpegang dengan idealismenya dahulu?”

“Aku tidak pernah mengenali hati budi Anwar. Aku hanya mengenalinya, dan pernah mengkaguminya, pernah menyanjunginya, dari jauh sahaja. Aku hanya mampu mengharapkan Anwar tidak lupa perjuangannya sejak dari kampus lagi. Kalau dia sudah menyeleweng, aku hanya mahu dia betulkan balik niatnya, betulkan balik tindakannya. Negara rugi besar jika bakat dan kebolehan Anwar tidak dimanfaatkan sebaik-baiknya,” jawabnya tegas.

“Bila pula kau masuk Umno?” Saya cuba mengusiknya, ingin menduga komitmen politiknya.

"Aku bukan orang politik. Tetapi aku cukup minat dengan politik. Cuma aku amat simpati dengan pembangkang, khususnya Parti Islam, PAS. Sayang ... PAS tidak berjaya menampilkan kualiti kepimpinan yang bermutu tinggi bagi berhadapan dengan cabaran zaman moden ini. PAS cukup ideal dari segi dasar perjuangan. Aku hormati penyokong PAS yang cukup setia dengan parti itu walaupun mendapat tekanan. Cuma ... seperti aku kata tadi, aku harap kau jangan marah Lutfi ... aku tahu kau juga penyokong setia PAS, PAS ketandusan kepimpinan yang berwibawa. Kepimpinan PAS harus jauh lebih unggul daripada Umno kerana cabaran dan gugatan yang PAS hadapi cukup sengit dan getir," ujarinya lembut dan teratur. Memang acap kali juga teman saya ini mengkritik gaya kepimpinan PAS. Marah-marah sayang. Harapannya masih tinggi kepada PAS.

"Kau percaya Anwar akan cabar Mahathir?" Saya terus mahu menduga ketajamannya melihat arus politik masa depan.

"Aku rasa Anwar tidak akan berbuat begitu. Mahathir sememangnya mahukan Anwar menjadi penggantinya. Ini tidak ada keraguan lagi. Waktu Anwar mula menyertai Umno, aku yakin, antara faktor utama Anwar bersedia berbuat demikian ialah kerana Mahathir dapat memberi keyakinan kepadanya bahawa ruang untuk Anwar jadi PM selepas Mahathir cukup cerah. Jadi perlu apa Anwar mencabar Mahathir, yang sudah hampir menjangkau usia 70 tahun."

"Tapi, yang kau suka sangat membaca laporan tentang Anwar boleh mencabar Mahathir, kenapa?"

"Maksud aku, Anwar tidak perlu mencabar Mahathir secara terbuka. Anwar jangan memaparkan imejnya sebagai seorang tokoh muda yang tidak sabar-sabar lagi menjadi PM. Anwar jangan dilihat manusia rakus. Nanti rosak kerjaya politiknya. Cabarannya terhadap Ghafar tempoh hari belum dilupakan orang. Yang aku gembira sekarang kerana Anwar sudah mempunyai kekuatan sendiri. Anwar sudah boleh berdiri atas kemampuannya sendiri. Dan Mahathir tidak boleh pandang rendah dengannya. Mahathir harus sedar, beliau bukan lagi segala-galanya dalam Umno.

Mahathir tidak boleh lagi menjadi seorang diktator. Kalau Mahathir buat silap, Anwar boleh membawa masalah kepadanya,” tegas teman saya itu, sambil mengusik, “tapi syok juga tengok mereka berdua bergaduh.”

Katanya lagi, soalnya sekarang ialah masalah pendekatan atau strategi untuk memaksa Mahathir meletakkan jawatan lebih awal. “Rakyat sudah bosan, muak dan jelak dengan kepemimpinan Mahathir. Rakyat belum lupa dengan segala penyelewengan yang berlaku di zaman Mahathir. Rakyat mahukan kepemimpinan baru. Hanya menukar Ghafar tidak membawa apa-apa makna. Itu bukan angin perubahan. Angin perubahan hanya akan terlaksana apabila Mahathir berundur ataupun diundurkan. Sekarang zaman orang muda, zaman Anwar dan generasi sebaya dengannya,” tidak puas-puas teman saya itu memberi pandangan. Memang dia cukup marah dengan kepemimpinan Mahathir. Katanya, dia tidak dapat melupakan apa yang Mahathir lakukan terhadap Tun Salleh Abas dan institusi kehakiman.

“Rakyat masih boleh menaruh sedikit harapan terhadap naungan keadilan walaupun ketika dicengkam pemerintah yang bersikap diktator asalkan kebebasan kehakiman masih belum dimusnahkan. Tapi jika hakim sudah dikongkong, tidak berani memihak kepada keadilan jika keputusan itu menyinggung pemerintah, maka hancur luluhlah harapan rakyat untuk memastikan keadilan terus terlaksana,” hujahnya serius.

“Institusi kehakiman kita sudah rosak teruk. Hakim tidak lagi dihormati. Bukan sahaja oleh golongan yang tidak bersama parti pemerintah, malah pemimpin kerajaan sendiri. Ia memerlukan dua atau tiga dekad lagi untuk dipulihkan,” ucapnya dengan nada penuh kekesalan.

Saya yang cukup tertarik dengan hujah dan pandangannya itu merasakan perlu perbualan tadi disambung di tempat yang lebih selesa. “Macam mana kalau kita jumpa ... petang ini, di tempat biasa.” Saya pasti beliau tidak akan menolak pelawaan itu. Dia tidak akan menghampakan harapan saya jika yang mahu disebarkan pasal politik, apatah lagi jika ia menyentuh kedudukan Anwar.

Petang itu, setelah memesan mee campur meehon yang agak pedas, makanan kegemarannya yang kini juga menjadi kesukaan saya, beliau terus menyambung hujahnya: "Zaman Mahathir sudah berlalu. Mahathir terlalu keras dan susah untuk didekati. Dan bagi aku Mahathir begitu ego sekali. Tengoklah perjumpaannya dengan Presiden Amerika, Bill Clinton. Apa yang digambarkannya seolah-olah Clonton yang mahu berjumpanya, bukan Mahathir yang beria-ia mahu bertemu Clinton. Kenapa jadi macam itu? Semuanya berpunca dari ego Mahathir yang cukup tinggi. Sampai bila negara mesti menanggung kerugian dengan pendekatan politik dan hubungan diplomatik ala Mahathir yang keras dan tegang itu. Ini tidak bermakna aku tidak menghormati pandangan Mahathir yang berani mengkritik Barat dan negara-negara maju. Biarlah semuanya bertempat."

"Apa kurangnya Anwar?" saya memintas hujahnya. Dia agak terkejut. Cepat-cepat senyuman menguntum di bibirnya. Dia tahu saya agak kritis dengan Anwar.

"Aku tidak kata Anwar cukup baik. Cuma dalam beberapa segi Anwar sudah melepasi Mahathir. Rasanya Anwar lebih terbuka. Mungkin Anwar lebih bertolak ansur. Dan aku harap ego Anwar tidak setinggi Mahathir. Generasi Anwar, aku rasa, lebih responsif dengan kritikan. Sekurang-kurangnya menunjukkan kesediaan untuk mendengar pandangan orang lain. Imej Mahathir tidak begitu. Seolah-olah nampak Mahathir hanya percayakan kebolehan dirinya. Orang lain semua bodoh," dengan segera beliau memberikan reaksi.

Kenyataannya itu mengingatkan saya pada pertemuan dengan Prof Dr Jomo bila isu kerugian Bank Negara lebih RM15,000 juta (menurut Tengku Razaleigh Hamzah, angka kerugian untuk tempoh dua tahun berturut-turut, 1992 dan 1993, melebihi RM31 ribu juta) ditimbulkan. Kata Jomo, kerugian akibat urusan niaga hadapan tukaran wang asing itu berasaskan kegiatan spekulasi yang melampau. Puncanya, menurut Jomo, ialah Mahathir sendiri. Mahathir memang gemar berspekulasi, atau menurut Syed Hussin Ali, berjudi. Lihat sajalah pengalaman zaman silam yang memalukan, seperti skandal BMF dan Maminco. Kedua-dua

kerugian hampir RM3,500 juta itu berpunca dari keghairahan Mahathir untuk berspekulasi.

“Seolah-olah apa yang kita nampak ialah Mahathir merasakan dia seorang saja yang bijak berspekulasi, orang lain semua bodoh,” kata Jomo.

“Daim macam mana?”

“Daim lagi bahaya,” ujar teman saya itu. “Ketamakan Daim seolah-olah tidak dapat dilunakkan dengan apa-apa projek lagi, walaupun nilainya berbilion-bilion ringgit. Walhal kekayaan negara bukan milik Daim. Kemewahan negara bukan milik anak-anak Mahathir. Hasil mahsul negara ini bukan untuk diagih-agihkan kepada segelintir tokoh-tokoh korporat yang berada di sekeliling Daim dan Mahathir sahaja. Anwar tidak mahu teruskan tradisi buruk yang disuburkan oleh Daim, iaitu memfaraidkan kekayaan negara kepada suku-sakatnya saja. Anwar mahu membina lebih ramai usahawan Melayu, yang lebih berakhlak, lebih Islamik dan tidak terlalu tamak. Bagi aku, cita-cita Anwar ini mesti disokong. Asalkan tidak ada maksiat kepada Allah. Jauhi rasuah. Jauhi pilih kasih. Jauhi projek-projek yang menjadi kemurkaan Allah. Insya-Allah, Anwar akan lebih berjaya dan selamat.”

“Dari segi ini aku yakin kau akan kecewa. Anwar sepanjang menjadi Menteri Kewangan juga mengamalkan perkara yang sama. Rakan-rakannya juga yang penuh tembolok. Yang berbeza dengan Daim, mungkin Anwar lebih pemurah mengagih-agihkan peruntukan saham, Hicom umpamanya. Bukan saja orang Umno yang rapat dengannya dapat. Ahli-ahli PAS dan Semangat 46 pun merasa sama. Tapi harus diingat, intipatinya tetap sebagai rasuah politik. Berbeza dengan Daim, Anwar bercita-cita menjadi PM yang kuat dan berpengaruh. Sedangkan Daim mahu menjadi lebih kaya. Daim tidak merasa puas dengan hartanya yang ada. Dia mahu jadi lebih kaya dan terus kaya. Daim tidak berhasrat jadi PM. Perlu apa Daim mengagih-agihkan peruntukan saham kepada lebih ramai orang. Daim tidak pernah bertanding jawatan yang tinggi-tinggi dalam Umno. Daim hanya perlukan sokongan Mahathir untuk terus menompokkan kekayaan. Tetapi Anwar mahu menjadi tokoh

yang popular, lebih popular dari Mahathir, lebih diingati dari Tun Razak. Anwar menggunakan wang untuk meraih matlamat politik. Daim pula menggunakan kuasa dan pengaruh politik untuk terus memperkayakan dirinya," saya menambah.

"Tapi... aku harap Anwar... kali ini jangan silap strategi sudahlah. Jangan sampai Mahathir rasa Anwar akan mencabarnya pula. Kekuatan Anwar buat masa ini tidak sehebat mana. Mungkin Anwar lebih popular tetapi pengaruh Mahathir masih kuat. Tidak semua tokoh-tokoh yang bersamanya akan tetap serakit dengannya kalau Anwar menentang Mahathir. Anwar jangan ghairah sangat mengikut telunjuk anak-anak buahnya yang tamak kuasa dan gila duit itu. Tidak ada manfaatnya kalau Anwar melancarkan serangan terhadap Mahathir buat masa ini. Mahathir tetap mahukan Anwar, tetapi sementara Mahathir berkuasa Anwar jangan tunjuk besar kepala. Jangan jadi seperti Musa yang bermegah dengan istilah 2M, yang mana Musa dan Mahathir kelihatan seolah-olah setaraf. Akhirnya siapa yang rugi, bila Mahathir ambil langkah-langkah perlu menyekat Anwar? Sanusi juga yang untung. Pak Lah juga yang menonjol nanti," teman saya agak puas dengan luahan hatinya. Dia bimbang juga kalau memang benar-benar berlaku pertarungan Anwar dan Mahathir.

Beliau kemudiannya menunjukkan kenyataan Hajah Ilani, Ahli Parlimen Kota Bharu: *"I think Mahathir did groom Anwar and believes Anwar should succeed him, but I don't think he really thought Anwar should get in at this time."* Dia juga bersetuju dengan laporan Asiaweek 11 Mei itu: *Is there really a rift? Kamarudin Jaafar, who heads the Anwar-aligned Institute of Policy Studies, doesn't think so. "It's just the ability of Anwar to be very open with Mahathir," he says. "Ghaffar wasn't able to walk up to walk up to the PM's office and say, 'Doc, I feel this or that should not be done.' Nor was Mahathir able to tell Ghaffar off. But the new duo, because of their close and longstanding relationship, are able to be quite frank with each other." (Penang academic) Ariffin (Omar) agrees. "I think it's just minor differences," he says. "They're working hand-in-glove over many things. It's very risky to say, now that Anwar is where he is, he's trying to ease out No. 1."*

Saya kemudiannya menunjukkan kenyataan yang menegaskan-

kan Anwar kini sudah berubah: *"Those who keeping saying I knew Anwar as a student or as a youth leader had better realize he has change."* Teman saya itu bersetuju. Katanya, "sesuatu yang pelik tentang Anwar ialah orang tidak menilai prestasi dan keupayaannya semasa menjadi pemimpin Umno. Seringkali nostalgia zaman lampau, zaman Anwar menentang Umno, zaman Anwar sentiasa tidak bersetuju dengan parti pemerintah, menjadi igauan peminat Anwar. Biar pun Anwar kini dilihat lemah, tidak bijaksana mentadbir Kementerian Kewangan, meninggalkan kementerian-kementerian yang pernah diterajuinya tanpa impak yang berkesan, namun Anwar masih menjadi perhatian. Orang masih menaruh harapan Anwar akan menjelmakan dirinya sebenar bila diangkat menjadi PM nanti. Itulah kehebatan Anwar yang tidak ada pada orang lain. Sebab itu orang tidak sabar-sabar lagi mahu melihat Anwar berpindah ke Seri Perdana."

"Kau tak menjawab persoalan sebenar."

"Masyarakat kita memang begitu, mudah terpukau dengan paparan imej yang menarik. Sebab itu Ghafar kalah. Kalah sebelum bertarung. Imej Ghafar begitu lemah sekali. Ghafar lemah dalam komunikasi. Ghafar lemah dalam mengendalikan mesyuarat. Ghafar lemah untuk membangkitkan semangat daya juang. Ghafar lemah dalam menampilkan idea dan pemikiran baru. Ghafar lemah untuk menyelami citarasa generasi muda. Ghafar mahu kembali ke zaman silam. Ghafar mahu terus kekalkan Umno sebagai parti kampung. Anwar menang bukan kerana kekuatannya tetapi banyak berpunca dari kelemahan Ghafar. Seperti juga bila Anwar bertanding Ketua Pemuda Umno pertama kali menentang Haji Suhaimi Kamaruddin. Walaupun dia masih baru, imejnya masih tidak jelas, tetapi kelemahan Haji Suhaimi menyebabkan Anwar menang majoriti sepuluh undi," pantas saja teman saya itu menggulung hujah.

"Bukankah Umno kuat kerana disokong oleh masyarakat kampung?"

"Umno memang berakar di kampung tetapi Umno bukannya parti kampung. Parti kampung dalam erti kata sukar membuat

perubahan dan menangani cabaran zaman moden. Tidak pula bermakna Umno parti korporat. Umno mampu mendokong pelbagai aliran pemikiran dan pembaharuan dalam masyarakat. Dan aku yakin Anwar dapat membawa Umno ke tahap yang lebih cemerlang."

Mendengar hujahnya yang semakin bersemangat itu, saya rasa dia semakin bersimpati dengan Anwar. Mungkin ini satu kelebihan Anwar, dapat menjinakkan musuh politiknya. Sanusi harus belajar dalam hal ini, jangan banyak sangat baca buku perang.

"Nanti Anwar akan dituduh menderhaka, lupa daratan, bagai melepaskan anjing tersepit. Bukankah Mahathir yang banyak menolong Anwar selama ini?" Saya cuba memancing idea politiknya.

"Siapa kata? Bayangkan kalau Anwar tak masuk Umno tetapi menyertai PAS. Waktu itu, awal tahun 80-an, kebangkitan Islam begitu hebat, melanda semua orang. Kalau Anwar pilih PAS, walaupun PAS tak menang semua tempat, tetapi imej PAS bertambah baik. PAS di bawah pimpinan Anwar boleh menyusahkan Mahathir. Jangan lihat hanya Mahathir yang banyak tolong Anwar. Cuba tengok dari sudut satu lagi. Anwar juga banyak bantu Mahathir. Lagipun semuanya terpulang kepada siapa yang memiliki akhbar, Anwar atau Mahathir. Jika keadaan yang ada berterusan, ia lebih menyebelahi Anwar. Apa yang Anwar lakukan akan dilaporkan secara positif dan menguntungkannya. Lihat sajalah liputan pertandingan 1993. Tidak timbul soal Anwar rakus atau mahu ketepikan orang lama. Pandailah orang media menjalankan kerja mereka."

Beliau seterusnya mengunjukkan majalah *Asiaweek* tadi: "Cuba kau baca pandangan teman rapat Anwar, Kamaruddin Jaafar."

Untuk tidak mahu menghampakan harapannya, saya membacanya untuk dia dan juga saya mendengarnya kembali. Kata Kamaruddin: *"Some people say that Anwar is where he is now only because of Mahathir. Yes, Mahathir did a lot to bring him up, but I think*

he has done a lot of his own to acquire support and respect from party members. There's quite a clear consensus within the party that they look forward to Anwar as the next PM."

"Memang dalam politik macam itu. Tidak ada sahabat yang kekal buat selama-lamanya. Dan tidak mustahil seteru ketat bertukar menjadi rakan yang akrab, khususnya ketika berhadapan dengan musuh yang satu. Begitu juga Anwar dan Mahathir. Selalunya tokoh no. 2 berpotensi menjadi musuh no. 1. Mahathir dapat menerima Anwar, dan begitu juga Anwar dapat menerima Mahathir, kerana mereka mempunyai kepentingan yang sama. Jika kepentingan itu tidak dapat lagi dikongsi, bercerai-berailah mereka. Dan kita kena ingat, Daim lebih rapat dan akrab dengan Mahathir melebihi Anwar. Daim juga rapat dengan anak-anak Mahathir yang kini ligat kaut keuntungan. Daim boleh pengaruhi Mahathir melalui anak-anak Mahathir," sambil saya mengulas pandangannya, saya perhatikan tepat wajah teman saya itu. Memang, seperti berdebat tentang isu-isu lain, dia tidak akan mengaku kalah. Cuma kali ini nampaknya dia sudah hilang *mood*.

"Buat apa kita bertekak pasal Anwar dan Mahathir, pasal Anwar dengan Daim? Ketiga-tiga mereka sudah capai matlamat masing-masing. Kita duduk macam ini juga," ujarnya selamba.

"Memang pun, kau yang sezaman dengan Anwar hanya dapat berkhotbah dengan aku saja. Sedangkan Anwar kini makin dekat ke kerusi PM. Bila lagi kau nak aktif dalam politik, tumpang tuah Anwar. Aku lainlah, cukup sebagai pemerhati setia Anwar. Tukang bantai dan tukang kritik Anwar," saya tahu dia tak berapa suka bila saya cakap macam itu. Dia memang ada cita-cita tersendiri dalam politik, tapi nampaknya tak kesampaian. Kasihan. Bagaimanapun sebelum balik, dia masih sempat bertanya khabar Presiden PAS, Haji Fadzil Mohd Noor, juga bekas teman akrab Anwar satu waktu dulu.

Sambil bersantai saya mencari hujah-hujah pihak media luar negeri, khususnya *Asiaweek* tentang kemungkinan Anwar akan mencabar Ghafar. Alhamdulillah, terjumpa jua beberapa keratan yang sesuai untuk tatapan bersama. *Asiaweek* 17 November melaporkan: *The relationship, says Kamarudin (Jaafar), "goes back over*

20 years to when Anwar was a student leader and Mahathir was a radical backbender." The Anwar loyalist says his man will not move against Mahathir. "I don't think it's crossed either his or the PM's mind about taking over just yet." Reckons current ABIM president Muhammad Nur Manuty, a long-time Anwar ally: "Anwar will continue to have the best-ever rapport with the PM." Many agree. "Anwar feels indebted and thankful," says academic Rahman Said, an Umno activist, "so he's going to be a very loyal deputy for quite some time."

The speculation is fueled in part by the way Anwar ran his campaign. His Vision Team had none too subtly made an issue of Ghafar's age. After the polls Anwar said he had apologized to Ghafar for any hurt he may have caused. Says opposition leader Tengku Razaleigh Hamzah: "Mahathir will be thinking of when he's going to retire because Anwar's people mean business." If the PM decides to stay on beyond the limit of Anwar's patience, the likely battleground would be the next party elections in 1996.

But Anwar has his work cut out if he plans to challenge the PM. "He should not underestimate Mahathir," warns an Umno veteran. "Mahathir will pick his time and won't let go until he's ready."

Asiaweek terbitan 11 Ogos 1994 dalam analisisnya mencatatkan: Some worry he (Anwar) may get impatient as No. 2. "This, I'm sure, will be a consideration for Mahathir," says Jomo. "With Anwar as deputy and Anwar's men as vice-president, Mahathir could basically be besieged by the Anwar camp." But other analysts suggested Mahathir wants to hand power to someone he has groomed to continue his programs, as Lee Kuan Yew did in Singapore. He could then concentrate on being an elder statesman, focusing primarily on international affairs.



KASIHAN bila tengok wajah Pak Ghafar macam ini. Nasib orang tua, apa nak buat.

ANWAR KECUNDANG DI BAKUN?

Semuanya berpunca dari rasa tidak puas hati. Orang-orang Anwar tidak puas hati dengan jaminan dan janji-janji manis yang diberikan Anwar semasa berkempen menyingkirkan Ghafar. Bagi mereka yang terbabit dengan dunia bisnes tentunya mengharapkan tender-tender yang membawa pulangan lumayan. Begitu juga dengan mereka yang aktif dalam politik, tentunya harapan memegang jawatan-jawatan penting semakin meluap-luap. Anwar sudah jadi TPM, kita habuk pun tarak. Mana boleh jadi.

Menurut *Asiaweek*, 11 Mei 1994: *Anwar's political and business friends are said to be still awaiting their promised rewards. "They've been hoping that things would change very fast and that they would be put into some key positions," says Syed Husin (Ali). The irritation is most pronounced on the corporate front. Anwar's backers were recently left out of the \$6-billion Bakun dam project in Sarawak. Subject to final confirmation, it will go to a local tycoon known to be close to Daim.*

Anwar, who is also finance minister, has said some businessmen seem to think their projects should be automatically approved because they are close to influential people. Says one Asian diplomat: "The rift, is there is one, is between Daim and Anwar." Adds Syed Husin: "Because of the apparent withholding by Daim of certain economic opportunities from Anwar's men, they may be greater friction between him and Anwar, thus affecting the relationship between Mahathir and Anwar." In December, the PM reappointed Daim to the strategically important post of Umno treasurer.

Memang banyak pihak bercakap tentang projek penswastaan terbesar dalam sejarah negara ini, iaitu projek hidro elektrik Bakun bernilai RM15 bilion di Belanga, dalam bahagian Kapit, Sarawak. Dikatakan orang-orang Anwar amat tidak puas hati dengan penganugerahan kontrak yang boleh mendapat keuntungan lumayan itu. Mereka mempersoalkan kewibawaan Anwar sebagai Menteri Kewangan yang terpaksa akur dengan kehendak Daim. Projek tersebut dianugerahkan kepada Ekran Bhd, yang dikatakan mempunyai kaitan yang rapat dengan Daim. Ada pihak mempersoalkan: "Apakah peranan Daim yang sebenarnya dalam projek ini? Apakah Daim bertindak mewakili Kerajaan Persekutuan atas jawatannya sebagai Penasihat Ekonomi ataupun beliau bertindak sebagai seorang tokoh perniagaan yang ada kepentingan dengan Ekran? Sebelum ini Ekran diberi kepercayaan untuk membina hotel-hotel berasaskan kayu di Langkawi.

Khabarnya Mahathir sendiri begitu senang dengan prestasi Ekran yang selalunya menyiapkan projek lebih awal dari jangkaan terutama dalam projek Lima '91 dan Lima '93. Contohnya, bagi projek Bakun, dijangkakan di peringkat awal ia dapat disiapkan dalam tempoh sepuluh hingga 14 tahun. Tetapi menurut Pengerusi Ekran, Ting Pek Khiing, ia dijangka disiapkan dalam masa enam hingga tujuh tahun sahaja.

Majalah *Corporate World*, April 1994 yang menyiarkan gambar Ting di muka depan dengan tajuk "*The Next Power Khiing*" mencatatkan: *It is well-known in corporate circles that the head of Ekran prefers to establish a reputation based on his track record rather than political contacts. Ting plays down his friendship with the premier, and*

former finance minister Tun Daim Zainuddin. Notes a source close to Ekran: "People often claim that he does what the PM asks. But he has time and again successfully completed vital projects for the government, and ahead of schedule. It's a fact that the PM likes anyone who can deliver."

Mungkin kerana tidak puas hati dengan perkembangan ini maka Anwar membiarkan para penyokongnya mengkritik projek tersebut terutama dari segi kesan terhadap alam sekitar (EIA). Namun ketika sidang akhbar selepas menyaksikan upacara menandatangani memorendum persefahaman (MOU) mengenai EIA bagi projek Bakun di antara Ekran Bhd dan Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Anwar berkata kerajaan tidak akan bertolak ansur terhadap kepentingan alam sekitar dalam pelaksanaan projek Bakun: "Kita tidak mahu berkompromi mengenai kepentingan alam sekitar dan kesejahteraan hidup masyarakat di kawasan terbabit. Oleh itu sebuah Jawatankuasa Khas Alam Sekitar ditubuhkan bagi mengkaji isu alam sekitar projek itu."

Dalam majlis yang sama, Anwar menegaskan pelaksanaan projek Bakun tertakluk bukan sahaja kepada keputusan syarikat terbabit, malah syarat dan penelitian Jabatan Alam Sekitar. Kenyataan ini agak keras berbanding dengan kenyataan Mahathir bahawa kerajaan tidak akan melayan karenah dan sikap talam dua muka aktivis-aktivis alam semula jadi Barat. "Kita tidak mahu ada golongan Barat menjadi penghalang projek Bakun hanya kerana mereka cuba menebus kesilapan masa lalu negara-negara Barat yang tidak mengambil kira kesan alam semula jadi untuk membangunkan sesuatu projek."

Mahathir melancarkan projek hidro elektrik Bakun ini pada Ahad 30 Januari 1994 di Pusat Peranginan Santubong, dekat Kuching. Ia membabitkan kawalan seluas 700 km persegi dan dijangka siap dalam tempoh 10 tahun. Dr Mahathir berkata, Unit Perancang Ekonomi (UPE) sudah bersetuju agar sebuah syarikat tempatan mengetuai keseluruhan pelaksanaan projek itu. "Bagaimanapun, syarikat lain yang turut serta dalam projek itu belum ditetapkan."

Di sini kontroversi timbul. Mahathir menegaskan bahawa

Ekran hanya mengetuai syarikat-syarikat lain, bukannya ia di-nugerahkan kepada Ekran seluruhnya. Maknanya syarikat-syarikat lain juga akan tumpang semangkuk. Rakyat Malaysia dapat melihat dan mendengar dengan jelas kenyataan Mahathir melalui televisyen. Bagaimanapun, ketika bercakap kepada para pemberita sewaktu mengadakan rumah terbuka sempena perayaan Tahun Baru Cina di Kuching, pada 10 Februari 1994, Pengerusi Ekran Bhd, Ting Pek Khiing menegaskan Ekran akan melaksanakan keseluruhan projek Bakun, tanpa penyertaan syarikat lain. Menurutnya, syarikatnya akan memajukan keseluruhan projek itu dan soal berkaitan ekuiti akan ditentukan selepas ia siap dalam tempoh enam tahun dari sekarang.

“Saya perlu memberi penjelasan mengenai perkara ini. Kita bukan sahaja akan mengetuai, malah melaksanakan sepenuhnya projek Bakun,” tegas Ting.

Selain itu, beberapa persoalan mengenai projek Bakun ditimbulkan oleh Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang semasa perbahasan ke atas titah ucapan Yang di-Pertuan Agong di Parlimen, pada 13 April 1994 lalu.

Pertama, mengapakah projek Empangan Bakun sebanyak RM15 bilion ini dipulihkan semula sebelum sebarang Kajian Penilaian Alam Sekitar (EIA) dilakukan? Bila pihak kerajaan mengumumkan pembatalan projek Empangan Bakun dulu, ia kononnya membuktikan kerajaan rela berkorban demi mutuk alam sekitar. Apakah pemulihan semula ini sebelum sebarang EIA merupakan satu perisytiharan bahawa mutu alam sekitar kini telah turun dalam agenda kerajaan dan rendah dari segi keutamaan kerajaan?

Kedua, mengapakah projek Empangan Bakun ini diberi kepada Ekran tanpa satu tender terbuka? Disebut-sebut, ia sebagai satu projek penswastan yang terbesar di Malaysia. Jadi adakah pemberian projek ini tanpa tender terbuka bukti kukuh mengenai penyalagunaan kuasa di negara kita tanpa menghiraukan sebarang prinsip akauntabiliti, ketelusan dan integriti?

Ketiga, adakah benar, walaupun terdapat satu upacara

menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MOU) yang diketuai Perdana Menteri semasa lawatan beliau ke Sarawak pada akhir Januari 1994 - dan selepas itu beliau pergi ke Sabah - tetapi sebenarnya tidak ada MOU yang telah ditandatangani atas projek Empangan Bakun. Kerajaan harus menjelaskan kenapa ia melakukan pembohongan sebegini terhadap umum, dan benarkah seluruh perkara ini adalah diarahkan kepada pilihan raya negeri Sabah?

Keempat, kenapakah projek hidro elektrik Bakun dikenakan harga yang lapan kali daripada Empangan Pergau yang bernilai RM1.8 bilion manakala ia hanya empat kali keupayaannya. Empangan Bakun boleh menghasilkan 2,400 megawatt manakala Pergau berupaya menghasilkan 600 megawatt. Kos sebanyak RM1.8 bilion Empangan Pergau pun dianggap terlampau tinggi. Malah Samy Vellu pernah berkata kebelakangan ini bahawa kalau bukan kerana Program Bantuan Khas British, Kerajaan Malaysia akan dapat menyiapkan Empangan Pergau dengan kos RM300 juta lebih murah. Logi Kuasa Kapar III adalah satu lagi contoh. Ia akan menelan kos RM2 bilion dan menghasilkan 1,000 megawatt, berbading dengan Bakun yang memakan kos RM15 bilion hanya menghasilkan 2,400 megawatt. Difahamkan bahawa kos pembinaan Empangan Bakun yang sebanyak RM15 bilion itu tidak termasuk kos sambungan bawah tanah sepanjang 560 kilometer yang memakan belanja RM3,000 juta lagi. Ini menyebabkan kos keseluruhan Empangan Bakun meningkat kepada RM18,000 juta.

Kelima, bila Mahathir berkata dalam upacara palsu Memorandum Persefahaman bahawa beliau mahu projek Bakun siap dibina dalam lapan tahun pada tahun 2002 dan bukannya dalam tempoh sepuluh tahun, apakah ini mesej bahawa EIA tidak akan dibenarkan untuk menghalang projek Bakun? Kesemua 17 kajian sosio-ekonomi dan alam sekitar ke atas projek Bakun yang dirujuk kepada Samy Vellu adalah dibuat pada 10 tahun lepas. Adakah kerajaan bersedia untuk mengubah status semua 17 kajian ini untuk penelitian umum?

Keenam, sama ada terdapat rundingan yang sesuai dan bermakna terutamanya dengan 5,000 orang komuniti Kenyah, Kayan, Lahanan, Ukit dan Penan dalam kawasan berkenaan sebe-

lum satu keputusan muktamad di buat atas projek ini?

Memang begitu ketara sekali, projek Bakun ini dijadikan modal kempen BN dalam pilihan raya negeri Sabah. Hari penamaan calon bagi pilihan raya itu diadakan selang tujuh hari selepas pelancaran projek Bakun. Dan Mahathir sebaik saja selesai melancarkannya terus berkunjung ke Beaufort, Sabah bagi melancarkan kempen menyerang Pairin pula. BN mahu menunjukkan kepada rakyat Sabah bahawa projek-projek pembangunan akan dicurahkan ke Sabah jika mereka memilih BN menggantikan PBS. Justeru itu, antara pemidato utama yang dikerah berkempen di Sabah ialah Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abdul Taib Mahmud. Beliau sering dilihat di majlis-majlis kempen yang penting dan diberikan penghormatan utama. Mengenai projek Bakun, Taib berkata, ia menandakan bukti kejujuran Kerajaan Pusat untuk membantu rakyat Sarawak. Katanya, ia juga membuktikan kepada mereka yang berfikiran kuno, kononnya Kerajaan Pusat mahu merampas kekayaan sumber alam dan cuba menjajah Sarawak, adalah salah. "Hari ini adalah satu sejarah bagi rakyat Sarawak apatah lagi projek Bakun ini dikendalikan oleh syarikat tempatan." Sementara itu rencana pengarang *Utusan Malaysia* hari itu juga menyentuh soal pilihan raya Sabah sebagai "masa yang paling sesuai untuk mengubah nasib dan tidak membiarkan negeri itu terus terpinggir dari arus perdana pembangunan ekonomi yang pesat."

Dalam jawapannya kepada soalan Kit Siang, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, S Samy Vellu mengakui bahawa MOU antara Ekrin dengan Kerajaan Malaysia belum ditandatangani oleh kerana Ekrin diminta untuk menghantar laporan projek yang lebih lengkap untuk dikaji oleh EPU Jabatan Perdana Menteri.

"Memorandum Persefahaman itu ialah antara Ekrin dan Kerajaan Negeri Sarawak. Kerajaan Pusat belum ada apa-apa MOU dengan Ekrin untuk membeli atau melaksanakan projek itu. Selepas mereka menandatangani MOU, kita minta mereka menghantar laporan projek dengan lebih lengkap untuk dipertimbangkan," tegas S Samy Vellu.

Lim Kit Siang kemudiannya bertanya, apakah MOU yang ditandatangani itu antara Ekran dan Kerajaan Negeri Sarawak untuk memohon kebenaran daripada Kerajaan Pusat mengenai projek Empangan Bakun?

Jawab Samy Vellu: "Tidak! Kerajaan Pusat tidak menyerahkan kerja-kerja ini kepada Ekran lagi. Kerajaan Pusat telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas di peringkat Kabinet yang diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri dengan beberapa wakil daripada beberapa kementerian untuk mengkaji dengan mendalam apabila kita dapat laporan projek daripada Ekran. Ekran telah diberi masa selama dua bulan untuk menghantar laporan projek yang lengkap, yang mana selepas itu EPU akan mengkaji dan jawatankuasa berkenaan akan mengadakan satu mesyuarat di Sarawak pada 22 April 1994."

Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang nampaknya tidak berpuas hati dengan penjelasan itu: "Kalau MOU itu adalah di antara Kerajaan Negeri Sarawak dan Ekran, bukankah tidak patut, tidak wajar, tidak waras, di mana Perdana Menteri menghadiri upacara itu, menjadi saksi... dan bukan sahaja menjadi saksi tetapi membuat satu kenyataan di mana beliau mengharapkan dapat melihat projek itu disiapkan bukan dalam tempoh sepuluh tahun tetapi lapan tahun, iaitu pada 2002. Bukankah ini sangat *improper*? Bukankah ini boleh disifatkan dan digunakan sebagai satu tanda bahawa Kerajaan Persekutuan sudah memberi persetujuan sehingga semua EIA tidak akan diberi pertimbangan yang sewajarnya, hanya menjadi satu *formality* sahaja."

"Harapan Perdana Menteri ialah untuk menyaksikan projek ini dapat diselesaikan, jikalau boleh, dalam tahun 2002. Tetapi dia tidak kata projek itu semua akan diserahkan kepada Ekran. Kerajaan Pusat tidak boleh menyerahkan kerja ini kepada Ekran kerana kuasa tanah dan kuasa untuk memberi persetujuan diletakkan dalam tangan Kerajaan Negeri Sarawak. Kerajaan Pusat belum memberi apa-apa lesen kepada mereka. Justeru itu, Jemaah Menteri telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji semua aspek-aspek alam sekitar; aspek berkenaan dengan pemindahan penduduk-penduduk di kawasan terbabit,

aspek memberi kemudahan baru kepada mereka dan lain-lain lagi,” hujah Samy Vellu.

Kit Siang seterusnya meminta semua 17 kajian sosio-ekonomi mengenai Bakun diumumkan dan tidak diklasifikasikan di bawah Akta Rahsia Rasmi supaya kepentingan orang ramai boleh dipelihara, khususnya penduduk-penduduk di kawasan terbabit. Manakala Ahli Parlimen DAP Kota Melaka, Lim Guan Eng mempersoalkan apakah berlaku percanggahan kepentingan dan penyalahgunaan kuasa kerana di antara pemegang saham Ekran terdapat dua orang yang bernama Mahmud Abdul Bakar Taib, yang memiliki 0.96 peratus saham Ekran dan Sulaiman Abdul Rahman Taib yang juga memiliki 0.96 peratus saham Ekran. Menurut Guan Eng, beliau difahamkan bahawa kedua-dua nama itu adalah anak kepada Ketua Menteri Sarawak.

Samy Vellu berkata beliau tidak mempunyai maklumat tentang perkara itu. Beliau menegaskan kembali, Ekran akan mempunyai sedikit bahagian sahaja dalam projek itu. Mereka akan mengetuai pembinaan projek itu dengan sebuah konsortium, iaitu Kerajaan Sarawak akan mempunyai kepentingan dalam syarikat baru yang akan ditubuhkan. Ekran akan menjadi sebahagian daripada syarikat itu. Akhirnya Ting Pek Khiing terpaksa akur dengan kenyataan bahawa Ekran mungkin hanya diberikan 20 peratus dalam konsortium berkenaan.

Apa pun yang diperkatakan, kontroversi projek Bakun ini tidak harus dilihat dari segi kepentingan puak Daim dengan orang-orang Anwar. Yang lebih penting ialah kesannya ke atas masyarakat setempat. Apakah mereka dirundingi atau diminta pendapat terlebih dahulu? Bagaimana dengan penempatan semula? Apakah memadai mereka diberikan ganti rugi sebanyak RM10,000 sedangkan mereka akan dikenakan RM27,000 untuk rumah baru mereka, yang bermakna mereka berhutang RM17,000. Difahamkan penduduk yang terbabit telah berusaha untuk menemui Taib Mahmud, Anwar Ibrahim dan Menteri Alam Sekitar, Law Heing Ding tetapi gagal. Mereka cuba menyampaikan petisyen tetapi dihalang dari memasuki bangunan Dewan Undangan Negeri Sarawak di Petra Jaya.

Ulasan Ketua Pengarang NST, Kadir Jasin merujuk kepada pembatalan Taman Antarabangsa Jerai dalam kolumnya pada 17 April 1994 menarik untuk direnung: *"It is best to consult the people when their interests are affected even if this takes times. This has to be the role of an elected government and the ultimate test of leadership."*

KONTROVERSI SCHINDLER'S LIST:

MENGAPA ANWAR BATALKAN KEPUTUSAN MAHATHIR?

Apa kena mengena filem dengan politik? Kalau ditanya soalan seperti itu kepada saya rasanya agak sukar juga menjawab. Selalunya orang mengaitkan politik dengan pengaruh akhbar ataupun televisyen. Rasanya tidak ada filem-filem Melayu yang mengisahkan pergolakan politik tanahair, jauh sekali cuba menonjolkan wira tertentu, melainkan propaganda murahan apa yang dikatakan politik pembangunan parti pemerintah. Apatah lagi filem Melayu kini yang dikatakan ketandusan idea, ketumpulan bakat, berserabut jalan cerita dan banyak lagi aspek-aspek negatifnya. Namun begitu masih ramai penonton yang mengkagumi filem-filem di zaman kegemilangan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee yang dikatakan mengandungi banyak pengertian dan iktibar tersirat di sebaliknya.

Tapi jangan lupa, banyak juga filem-filem Melayu yang mengisahkan kezaliman raja-raja Melayu zaman silam boleh

diperalatkan dan telahpun dibuat sedemikian rupa, khususnya sewaktu Mahathir berhadapan dengan raja-raja Melayu dalam isu-isu seperti krisis Perlembagaan 1983 dan pelupusan imuniti raja 1993. Menteri Penerangan yang juga Setiausaha Agung Umno tentu mahir dalam hal ini.

Ahh... kita tinggalkan polemik tentang mutu atau kualiti filem-filem Melayu mutakhir. Yang kita mahu bincangkan dalam buku ini ialah krisis dalaman Umno, khususnya antara Mahathir dan Anwar, yang mungkin didahului oleh pertelagahan Anwar dan Daim. Mulanya, apabila saya ajukan persoalan ini kepada seorang tokoh muda Semangat 46, dia segera menjawab: "Apa yang kita nak hiraukan sangat. Umno tidak akan berpecah kerana mereka. Kedua-duanya... sebenarnya ketiga-tiganya itu, walaupun berselisih tidak akan sampai mengorbankan kepentingan bersama. Ibarat tiga orang perompak yang sedang membahagi-bahagikan hasil rompakan mereka. Mungkin mereka bergaduh untuk mengaut hasil yang lebih lumayan untuk diri masing-masing. Tapi kalau ada orang lain cuba kacau... cuba larikan harta rampasan tadi, cuba masuk campur, pasti orang itu akan ditembak dulu."

"Saudara umpamakan mereka macam penyamun? Itu sudah kes serius," saya mengusiknya.

"Habis, nak contohkan dengan apa? Baiklah, mereka ibarat sekumpulan serigala yang sudah dapat tangkap seekor rusa yang gemuk. Sekarang tiba masa untuk membaham daging rusa yang lazat itu. Masing-masing mahukan daging yang lembut dan sedap. Masing-masing, mungkin, berebutkan daging dada. Dalam percakaran ini mungkin ada serigala yang tercedera. Macam itu jugalah apa yang berlaku pada Mahathir, Anwar dan Daim. Mad, kalau kau tulis pasal Anwar dan Mahathir, ataupun Daim, tak sesuai kau gunakan istilah 'krisis'. Lebih baik kau tulis tajuknya 'kisah masyarakat serigala'," sampuk seorang penyokong Ghafar yang masih belum penat menulis surat-surat tidak bertandatangan untuk dilayangkan!

"Terima kasih atas cadangan yang bernas itu. Tapi bukan untuk buku inilah. Bila aku dapat bukti yang lebih kukuh dan sang

serigala berkenaan sudah pun mengamuk, aku pakai tajuk yang kau cadangkan itu," sengaja saya tidak mahu menghampakan harapannya. Saya harap teman saya itu tidak serius. Tapi dia selalu berkata, "dalam politik mana ada main-main." Selalunya saya segera menjawab: "Masalahnya, bila kau serius aku nampak macam kau main-main. Bila kau main-main nampak macam kau serius pula."

Balik pada laporan kontroversi *Asiaweek*, 11 Mei 1994. Apa yang menarik, laporan itu dimulakan dengan isu pengharaman filem terbaik Anugerah Akademi ke-66, *Schindler's List*, arahan Steven Spielberg yang memenangi tujuh hadiah utama. Filem sepanjang tiga jam dan digambarkan dalam hitam putih itu membawakan kisah seorang usahawan bangsa Jerman bernama Oskar Schindler, yang telah menyelamatkan 1,200 pekerja Yahudi di kilangnya daripada menjadi mangsa kekejaman Nazi. Salah satu watak dalam filem itu, seorang Komandan Nazi bernama Amon Gothe digambarkan sebagai seorang yang tidak berperikemanusiaan langsung. Dia menembak secara rambang tawanan Yahudi dalam kem jagaannya dari atas balkoni rumahnya. Dia juga menembak siapa sahaja yang tidak disenanginya, termasuk seorang jurutera wanita yang berniat baik untuk membetulkan struktur sebuah binaan yang tidak stabil dan seorang kanak-kanak yang gagal mencuci tempat mandinya. Terdapat juga adegan bogel apabila lelaki dan wanita dipaksa membuka pakaian untuk ditentukan sama ada mereka masih boleh bekerja ataupun hanya layak dihantar ke tempat gas beracun.

Soalnya, benarkah titik-titik awal perselisihan Anwar dan Mahathir dimulakan dengan perbezaan pendapat tentang sebuah filem. Aneh, agak tidak masuk akal. Filem hanya sebuah cereka, hasil karya seni yang boleh menusuk jiwa, yang memaparkan khayalan menjadi seolah-olah realiti, yang dicorakkan oleh pengarah dan aktor-aktornya. Masakan sebuah filem sampai mampu memecah-belahkan kesatuan yang sedia erat antara Mahathir dan Anwar.

Apa pun kita lihat dulu mukadimah laporan *Asiaweek* itu: *In times past, it would have been the last word. Prime Minister Mahathir*

Mohamed backed Malaysia's censors when they banned Schindler's List, the award winning Hollywood movie, in March. But to widespread surprise, Deputy Prime Minister Anwar Ibrahim didn't. "I asked Anwar why he was so openly in discord with the prime minister," recalls think-tank head Kamarudin Jaafar. "He said he wasn't aware of what the PM said. After he found out, he went to see Mahathir, who agreed to review the whole thing." At a meeting chaired by Anwar in March, the cabinet overturned the censor's decision.

Ya, apa yang seriusnya? Apakah ini bermakna kata putus bukan lagi di tangan Mahathir, seperti terbukti dahulu? Apakah ia menunjukkan cakap-cakap Mahathir tidak akan diaminakan begitu sahaja, tanpa penilaian kritis? Apakah Anwar sudah punya kekuatan hingga berani berkata "tidak" kepada Mahathir?

"Baguslah macam itu. Saya berbangga kalau sudah ada seorang menteri yang berani berkata "tidak" kepada arahan Mahathir," pandangan seorang teman yang bekerja dengan sebuah syarikat akhbar.

"Kita boleh ucapkan selamat tinggal kepada sang diktator, yang selama ini kata-katanya tidak berani dibantah, tidak kira benar atau batil. Semenjak Musa meletakkan jawatan, diikuti penyingkiran Tengku Razaleigh dari Umno, kata-kata Mahathir pasti tidak akan dibantah," tambahnya.

"Benar, sang diktator akan dikebumikan. Tapi ia juga digantikan dengan seorang diktator baru, yang mungkin kelihatan lebih lembut dari segi zahirnya tetapi tetap kasar dan keras dalam tindakannya. Percayalah kata aku, Anwar pun akan memimpin dengan gaya yang lebih keras daripada Mahathir. Lihat bagaimana Anwar membentuk Pasukan Wawasan... itu bukti jelas Anwar sudah membina kekuatannya sendiri, untuk kepentingannya semata-mata. Nasihat aku, kau simpan dahulu perasaan bangga kau itu, kalau hanya kerana Anwar berani menyanggah keputusan Mahathir dengan menyokong pengharaman filem pro-Yahudi itu," teman sepejabatnya, yang aktif menulis rencana politik, menyampuk.

Yang peliknya, isu pengharaman *Schindler's List* ini mendapat

reaksi yang meluas oleh beberapa akhbar yang dikaitkan dengan Anwar. Pada mulanya akhbar-akhbar ini mengutip ramai pandangan karyawan filem yang membantah langkah Lembaga Penapis Filem (LPF) itu. Contohnya, *Utusan Malaysia*, 24 Mac 1994 menyiaran di muka satu berita bertajuk "*Schindler's List* diharamkan: LPFM dikesali" dengan mukadimahnyanya: "Sarjana, pengkritik dan aktivis filem Malaysia kesal langkah Lembaga Penapis Filem Malaysia (LPFM) arahan terbaru Steven Spielberg berjudul *Schindler's List*." Mereka beranggapan filem itu harus dilihat "secara terbuka dan tanpa prasangka" kerana isu yang dibangkitkan ialah isu kemanusiaan.

Apa yang ketara ialah kenyataan Perdana Menteri mengenai isu yang sama diletakkan sebagai berita kaki di halaman dua, dalam akhbar yang sama. Mahathir dilaporkan berkata, tindakan sesetengah pihak yang menuduh beliau sebagai antisemetik adalah tidak wajar berikutan tindakan kerajaan mengharamkan filem *Schindler's List*. "Saya tidak antisemetik atau anti Yahudi ... tetapi saya anti zionisme kerana tindakan mereka melakukan penjajahan di wilayah Arab," kata Mahathir.

Mahathir seterusnya berkata, walaupun beliau tidak begitu mengetahui mengenai kandungan filem tersebut tetapi ia adalah hak kerajaan Malaysia untuk mengharamkan mana-mana filem dalam negara ini. "Saya tidak fikir mana-mana pihak harus membantah... tambah pula filem negara ini langsung tidak pernah ditayang di negara mereka," katanya.

Sememangnya sokongan Mahathir terhadap pengharaman itu adalah perkara biasa bagi seorang pemimpin kepada sebuah negara di mana isu agama masih sensitif bagi rakyatnya. Yang menjadi luar biasa apabila filem pro-Yahudi seumpama itu dibenarkan untuk tayangan.

Malang bagi Mahathir, yang membantahnya bukan sekadar karyawan filem tetapi juga timbalannya, Anwar, yang sudah boleh berkata "tidak" terhadap keputusannya. Anwar ketika ditanya pandangannya mengenai filem itu berkata beliau berasa terkejut dengan keputusan LPFM itu. "Secara peribadi saya berpendapat ia sebuah filem bermutu tetapi kita perlu diberi masa untuk

mengkaji semula keputusan itu,” kata Anwar. Beliau seterusnya akan berbincang dengan Perdana Menteri Mahathir untuk mengkaji semula keputusan itu.

Sementara itu juak-juak Anwar seakan-akan melancarkan kempen di akhbar-akhbar tempatan supaya *Schindler's List* ditayangkan, dan mengkritik hebat LPFM. Dalam ruangan *Cambuk Wak Cantuk*, 10 Mac 1994, yang bertajuk “Selamatkan *Schindler's List*” pengarangnya mengulas: “Filem ini relevan untuk masa kini. Ada kesamaan apa yang dibuat oleh Adolph Hitler sebelum dan sewaktu Perang Dunia Kedua dulu dengan apa yang dibuat oleh puak Serb di Bosnia Herzegovina. Rancangan Hitler untuk memastikan bangsa “Aryan tulen” mengorbankan lebih enam juta Yahudi, gipsi dan puak minoriti di Eropah. Rancangan “Serbia Besar” Slobodan Milosevic dan Radovan Karadzic nampaknya akan memakan korban yang banyak juga.

“Bosnia hancur. Puluhan ribu rakyatnya terbunuh. Jutaan yang lain melarikan diri. Hitler tak pakai istilah “*ethnic cleansing*” atau pembersihan etnik. Tapi apa yang berlaku kepada rakyat Bosnia lebih buruk lagi dari tragedi ke atas orang Yahudi masa itu. Wak fikir kita semua patut tengok filem ini. Kita mahu melihat bagaimana impian gila seorang manusia boleh memusnahkan suatu bangsa. Kita boleh melihat bagaimana pegawai tentera Jerman membunuh manusia bagaikan nyawa manusia tidak ada harga langsung. Filem ini mengajar kita mengutuk perbuatan itu. Kita tahu filem ini dibuat dengan tujuan untuk memanjangkan rasa bersalah Eropah keana “dosa” mereka membiarkan bangsa Yahudi disembelih oleh Hitler.”

Namun begitu disiarkan juga pandangan beberapa karyawan filem tempatan yang menyokong tindakan LPFM mengharamkan penayangan *Schindler's List*. Bagi mereka filem ini memaparkan semangat Yahudi yang cukup kuat dan tebal. Ia boleh meracuni fikiran masyarakat secara halus untuk terpengaruh dengan dakwah Yahudi. Penerbit Ruhanie Abdul Rahman berkata: “Pada satu pihak kita mengecam tindakan Yahudi, tapi kita menyokong pula propaganda Yahudi melalui filem.” Pengarah Othman Hafsham menganggap filem itu terlalu keyahudian hingga isu kemanusiaan

yang lebih besar diketepikan.

Dalam akhbar yang sama, melalui rencana pengarangnya, soal pengharaman ini disinggung juga: "Filem *Schindler's List* seharusnya merupakan ujian kepada kewarasan, kebijaksanaan dan sikap rasional kita." Mungkin akhbar berkenaan mahu menjelaskan bahawa tindakan Mahathir menyokong langkah LPFM adalah tidak waras, tidak berjaksana dan tidak rasional.

Dalam satu kenyataan yang dibuat pada 26 Mac 1994, Anwar berkata filem *Schindler's List* itu adalah suara moral yang lantang menentang jenayah terhadap kemanusiaan. Katanya, filem itu mengisahkan pembunuhan beramai-ramai bangsa Yahudi oleh pihak Nazi, tetapi mesejnya tidak terbatas kepada peristiwa yang menjadi tema filem itu.

Ketua Pengarang Kumpulan Berita Harian, A. Nazri Abdullah menyarankan agar LPFM patut diswastakan. Dalam kolumnya untuk Berita Minggu 27 Mac 1994, Nazri menyimpulkan: "Kerana kesilapan orang lain, Mahathir terpaksa menerima padahnya. Beliau tidak tahu menahu tentang filem *Schindler's List* tetapi kerana kesilapan LPFM memberi alasan mengharamkan penayangan filem itu, Mahathir dituduh sebagai anti-Yahudi."

Nazri memberikan cadangan: "Dengan menjadikan alasan bahawa filem itu menonjolkan imej dan propaganda Yahudi, LPFM sebenarnya memberi peluru kepada syarikat pengedar filem itu untuk menghentam Malaysia... Tanpa perlu mengaitkan unsur Yahudi, LPFM boleh mengharamkan filem itu atas alasan ganas dan seks. Beberapa negara lain juga mahu mengharamkan filem itu kerana babak seks dan ganas yang tidak boleh diterima oleh budaya tempatan. Panel LPFM nampaknya tidak berpandangan jauh dalam memberikan alasan pengharaman itu."

Menurut seorang tokoh akademik yang saya temui, beliau melihat kontroversi pengharaman filem ini mendedahkan bahawa: "Alasan yang diberikan oleh orang-orang Anwar untuk mengharamkan filem ini lebih berjaksana. Ini menunjukkan orang Anwar lebih bijak menghadapi cabaran dunia moden daripada orang-orang Mahathir."

Apabila saya ajukan pandangan ini kepada seorang teman lain, beliau ketawa besar: "Semuanya sandiwara sahaja. Sebagai Perdana Menteri tentulah Mahathir terpaksa mempertahankan tindakan LPFM, walaupun beliau sendiri tidak suka dengan keputusan itu. Sementara kenyataan Anwar supaya pengharaman itu dikaji semula sebenarnya tidak bercanggah dengan Mahathir. Masing-masing apolegetik dengan Barat. Dan kalau pun benar ada percanggahan pendapat, saya lebih hormati Mahathir. Biarlah Zionis tahu kita menentang mereka. Apa perlu menyusun bahasa yang lunak, kalau kita tak mahu filem mereka kerana ada unsur Yahudi yang tebal, katakanlah saja kita tak mahu. Biar dunia tahu pendirian kita yang sebenarnya. Biar Amerika tahu kita tidak akan mengikut telunjuk Yahudi hanya kerana demi memajukan ekonomi negara."

Beliau seterusnya menyambung: "Aku bersetuju penuh dengan alasan pengharaman LPFM. Dalam hal ini, tabik buat mereka di LPFM. Tapi tentunya banyak lagi tindakan LPFM yang mesti dibetulkan. Banyak lagi filem-filem tidak bermoral dan adegan-adegan yang tidak sesuai dilepaskan. Banyak rancangan TV yang kontang mesej moral di sebaliknya. LPFM mesti tegas berpegang pada prinsip."

Utusan Malaysia 29 Mac 1994 kembali menyiarkan berita muka satu tentang Kabinet akan memutuskan nasib *Schindler's List*. Mungkin itu satu perangap psikologi kepada Kabinet dengan menggambarkan bahawa sarjana, pengkritik dan aktivis filem tanahair mempersoalkan tindakan LPFM. Yang menariknya, Mahathir ketika itu berada di New Delhi menghadiri Persidangan Kemuncak Kumpulan 15. Ini bermakna, tokoh yang akan mempengerusikan mesyuarat Kabinet, Rabu, 30 Mac ialah Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri. Walhal sebelum itu, Anwar telah menyatakan: "*Schindler's List* adalah suara moral yang lantang menentang jenayah terhadap kemanusiaan."

Utusan Malaysia 30 Mac, hari Kabinet memutuskan nasib filem kontroversi itu, terus memuatkan berita muka satu "Pembikin filem gesa *Schindler's List* lulus". Presiden Persatuan Pengarah-Pengarah Filem Malaysia (FDAM), Mahadi J. Murat menyifatkan

pengharaman filem tersebut sebagai satu kerugian besar dari segi apresiasi sebuah karya yang baik sambil mengharapkan Kabinet menimbangkannya semula. Pengarah U-Wei Shaari tidak bersetuju filem yang hebat seperti itu diharamkan penayangannya: "Manusia tidak mudah menjadi sesat atau keliru dengan hanya menonton sebuah filem." Rencana pengarang akhbar berkenaan merumuskan: "Tindakan LPFM mengharamkan *Schindler's List* membuktikan bahawa mereka bukan sahaja tidak arif tentang filem tetapi menganggap filem tidak lebih sebagai durian yang dijual lambak di jalan."

Apa yang dinanti telah tiba. Mesyuarat Jemaah Menteri yang dipengerusikan TPM Anwar bersetuju membenarkan *Schindler's List* ditayangkan di negara ini. Mengulas keputusan itu, Menteri Penerangan, Mohamed Rahmat mengingatkan LPFM supaya jangan berfikiran sempit ketika menilai filem. "Filem tersebut mempunyai beberapa pengajaran yang boleh dicontohi oleh masyarakat," katanya.

"Saya tak mengerti mengapa Anwar turun ke padang hanya kerana sebuah filem. Apakah Anwar mahu tunjukkan dia lebih terbuka, bertolak ansur, menerima pandangan orang lain dan tidak fanatik? Kenapa Anwar berdiam diri melihat banyak lagi tindakan kolot dan primitif, yang membuktikan tidak adanya sikap berlapang dada dan keterbukaan menghadapi kritikan? Apa pandangan Anwar bila sebuah akhbar Tamil, *Thoothan*, yang mendedahkan skandal kewangan Samy Vellu mengenai saham MAIKA-Telekom ditarik balik permit penerbitannya? Apa sikap Anwar dengan kawalan mutlak Umno terhadap semua media utama negara hingga tidak langsung mencerminkan sikap terbuka dan bertolak ansur dengan pandangan kedua? Ini belum kita tanya lagi pandangannya terhadap akta-akta yang jelas mengongkong kebebasan dan hak asasi rakyat. Bagaimana pula sikap Umno terhadap Kerajaan Angkatan di Kelantan? Jangan cuba jadi herolah, Anwar! Kamu pun cakap tak serupa bikin," begitu lantang seorang pemimpin pelajar memberikan komentar. Dia menambah, "Saya naik jelak mendengar ucapan Anwar tentang pelajar, terutama di UKM baru-baru ini. Praktikkan apa yang diucapkannya itu dengan

memansuhkan peraturan tidak demokratik dalam Akta Universiti. Mansuhkan saja Urusetia Hal Ehwal Pelajar (HEP)."

Rakannya menyambung: "Yang menang bila *Schindler's List* diluluskan ialah golongan Yahudi sendiri. Orang mula simpati dengan mereka dan melupakan nasib malang orang Palestin yang terusir dari tanah tumpah darah. Dan tidak mustahil, dalam sedikit masa lagi, Malaysia akan mempunyai hubungan diplomatik dengan Israel. Adinda Yang di-Pertuan Agong, yang dikenali rapat dengan PM Mahathir, telah merintisnya.

"Walaupun kita berhak menyoal karyawan filem Barat supaya membikin filem tentang kekejaman Zionis ke atas Palestin, kekejaman Serb ke atas Bosnia, tetapi siapalah yang akan mendengar suara kita. Memang mereka cenderung kepada Yahudi, maka mereka akan bikin filem pro-Yahudi. Tapi mengapa kita sanggup menjadi pengguna yang dungu, menonton apa saja yang datang dari mereka, hanya kerana ia dilabelkan bermutu. Sebenarnya Anwar telah tertipu dengan propaganda halus Yahudi melalui sebuah karya seni."

PENGALAMAN MALAYSIA UNTUK KEPENTINGAN ANTARABANGSA

Pentingnya mesyuarat ini membolehkan kita bertukar-tukar pandangan dan pengalaman masing-masing untuk menggalakkan lagi pertumbuhan ekonomi. Bagaimanapun kita tidak seharusnya mengelirukan diri sendiri untuk memikirkan bahawa peluang kepada usaha yang dihargai ini adalah sama dengan cara menyelesaikan masalah kita. Dalam hal ini adalah jelas dan menjadi satu kebiasaan bahawa penyesuaian diperlukan. Apa yang menghalang kita ialah kurangnya ketabahan dan ketekunan untuk melaksanakan setiap resolusi. Walaupun Asia Timur telahpun dipisahkan daripada kemelesetan ekonomi di kalangan negara perindustrian lama kita tidak terlalai bahawa negara-negara Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) kekal menjadi

Ucapan Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Anwar Ibrahim di Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik di Honolulu, Hawaii, 19 Mac 1994.

penyumbang utama kepada ekonomi dunia. Kepada pencapaian ekonomi inilah terikatnya prospek pertumbuhan negara membangun di beberapa kawasan Asia Afrika dan Amerika Latin. Malah Asia Timur akan mendapat manfaat yang sangat besar daripada penyegaran semula pertumbuhan di negara perindustrian lama.

Jika kita mampu membebaskan diri daripada perlindungan dan mengundurkan langkah kita untuk membentuk sebuah blok perdagangan yang baru kita boleh membangunkan kerjasama baru yang mana bergerak mengembangkan pertumbuhan dan kekayaan di seluruh pelosok dunia. Tidak ada kaedah yang luar biasa atau jalan mudah mencapai pertumbuhan sebaliknya kerja kuat dan tekun di samping berterusan melabur dalam bentuk modal fiskal dan sumber manusia serta menggalakkan keusahawanan. Inilah pengalaman yang dialami oleh Malaysia yang mana saya pasti begitu juga yang dialami oleh negara lain di Asia Timur.

Kita mesti berwaspada dengan peninggalan mentaliti dan pandangan era perang dingin yang mana membesarkan isu keselamatan dan membangkitkan ketegangan bagi mengalihkan usaha dan tenaga kita ke arah pembangunan. Pengalaman dalam Asean banyak mengajar kita bahawa kestabilan rantau dan hubungan yang produktif perlu diperolehi menerusi sikap kejiranan yang baik dan saling mempercayai. Sesungguhnya produktiviti dan kemampuan ekonomi Asia Timur bersaing adalah atas sikap tekun berdisiplin dan tenaga kerja yang rajin. Malangnya, sikap baik ini yang mana memberi sumbangan besar kepada kekayaan dan meningkatkan taraf hidup kami inilah pula dijadikan bahan penghinaan dan cacian oleh kalangan tertentu di Barat terutama kesatuan sekerja.

Ada antara mereka bertindak keterlaluan untuk cuba menimbulkan khayalan karut bahawa tamadun Barat diancam oleh negara miskin dengan upah rendah. Perlu saya sebutkan di sini tiada mana-mana kerajaan walaupun hanya mempunyai sedikit rasa bertanggungjawab mahu melihat rakyatnya menderita. Bagi negara seperti Malaysia yang mana mencapai kadar penuh pekerjaan, sebarang usaha untuk menekan kepada kenaikan upah tidak akan berjaya. Cabaran yang sedang kami hadapi ialah untuk

terus kekal bersaing, kita mestilah menentukan kenaikan upah tidak akan menjejaskan perolehan dari segi produktiviti. Bagi kita di Asia, pertumbuhan menerusi produktiviti dan kemampuan bersaing hanyalah satu-satunya laluan untuk mengecap kemewahan. Ia telah membebaskan berjuta-juta mereka yang terbelenggu dalam kemiskinan dan kepapaan. Ia akan membebaskan berjuta-juta lagi mereka yang terperangkap dalam keadaan itu pada masa hadapan. Ia terbukti membolehkan penduduk kita mengecap kebebasan dan hidup dalam keadaan sempurna justeru membentuk wawasan mewujudkan peluang dan keadaan yang lebih baik dibandingkan janji menerusi pujukan politik yang digambarkan menerusi persetujuan pakej tetapi sebenarnya menyimpang.

Kami berpendapat bahawa pertumbuhan tidak mampu malah tidak boleh dipisahkan dengan matlamat sosial secara keseluruhan. Bagaimanapun dasar hubungan baik pasaran yang telah diwujudkan secara bijaksana dan kesediaan untuk mempertimbangkan perkara yang membabitkan keadilan dan saksama, juga memainkan peranan untuk memberi sumbangan kepada pertumbuhan. Di Malaysia, pertumbuhan yang tinggi dicapai tanpa bertolak-ansur dalam keprihatinan mewujudkan pengagihan pendapatan secara saksama. Hari ini kadar kemiskinan sudah berkurangan kepada 14 peratus berbanding 50 peratus pada 1970. Pada masa yang sama pendapatan perkapita meningkat dengan besar daripada AS\$250 pada 1957 kepada lebih AS\$3,000 pada 1993. Bagaimanapun perlu diingat, ketika kita berhasrat untuk menggalakkan pertumbuhan, setiap kita secara bersama mestilah sedar bahawa tidak ada satu jalan sahaja mencapai tujuan yang satu itu. Kita juga mesti memberikan hak kepada setiap negara untuk menentukan masa depan dan kebebasan untuk memilih pendekatan yang sesuai.

Kita perlu menerima hakikat bahawa pertumbuhan sukar dileraikan dengan faktor yang melepasi tahap ekonomi. Perlaksanaan dan kesinambungan dasar pro-pertumbuhan serta pembaharuan semula institusi persahabatan hanya mungkin dalam suasana politik yang stabil. Tetapi pencarian ke arah kestabilan itu bukanlah alasan untuk bertindak tidak adil dan menindas. Namun mana-mana reformis kerajaan akan menghadapi realiti membuat pilihan yang sukar dan menentukan keseimbangan yang paling

teliti antara keperluan mengekalkan kestabilan dan hak manusia terhadap kebebasan persendirian.

Kejayaan pembangunan ekonomi Malaysia dicapai berikutan kestabilan politik, pengurusan makro ekonomi yang kukuh dan terbuka serta ekonomi yang berasaskan pasaran yang mana kebanyakannya digerakkan oleh sektor swasta. Program penyesuaian struktur kerajaan untuk beberapa tahun mengecilkan peranan sektor awam dan menggalakkan usaha sektor swasta sebagai jentera utama pertumbuhan ekonomi. Malah pada 1993 Malaysia mencatatkan pertumbuhan melebihi lapan peratus berturut-turut selama enam tahun. Sudah ada petunjuk bahawa ekonomi akan terus kukuh tahun ini menjadikan pertumbuhan paling berterusan dan sangat menggalakkan dalam sejarah ekonmomi Malaysia.

Kedua-dua kedudukan imbalan pembayaran dan pendapatan adalah sangat kukuh. Inflasi adalah rendah manakala kestabilan harga dijangka berterusan. Prospek untuk jangka sederhana adalah sangat baik; matlamat pertumbuhan lapan peratus dalam Rancangan Malaysia Keenam (1991 - 1995) besar kemungkinan akan dilepasi. Namun kita masih memberikan fokus berterusan kepada halangan tertentu dalam infrastruktur dan kekurangan kemahiran untuk meningkatkan daya saing.

Sesungguhnya sesebuah negara itu apabila menghadapi cabaran dan peluang, ia harus menentukan sendiri keutamaanya yang mana rakyatnya sendiri yang perlu membuat keputusan. Berikutan ekonomi semakin global, kita semakin menghadapi realiti pelbagai nilai dan budaya. Perdagangan tidak boleh mencabuli hak rakyat dan negara terhadap nilai dan kebudayaan mereka. Jika kita mahu pertumbuhan yang berterusan menjadi jentera meluaskan kekayaan dan bukan menjadi ejen untuk menguasai pihak lain, ia harus dikendalikan dengan penuh kesedaran terhadap kepelbagaian dunia yang kita duduki ini.

MENGAPA ANWAR SOKONG SALMAN RUSHDIE

Dunia Islam gempar dengan *The Satanic Verses*, karya penulis murtad Salman Rushdie. Tunjuk perasaan meledak di mana-mana. Umat Islam marah. Kemarahan mereka diluahkan melalui demonstrasi di seluruh dunia. Tiada hukuman paling layak buat penulis murtad itu, melainkan bunuh!

Pemimpin Iran, Almarhum Imam Khoimeini, pada 14 Februari 1989 menegaskan: "Dengan ini pengarang buku bertajuk *Satanic Verses* yang menentang Islam, Rasulnya dan al-Quran, serta kesemua yang terlibat dengan penerbitannya, serta menyedari tentang isi kandungannya dijatuhkan hukuman mati." Kenyataan itu disiarkan melalui radio. Para pengikut Ayatullah Khomeini kemudian menawarkan RM5 juta kepada sesiapa yang dapat membunuh Salman.

Tiada siapa pun, daripada kalangan umat Islam, yang berani

mempertahankan Salman. Semuanya menganggap Salman sudah keterlaluan dan perlu dihukum. Dan tiada hukuman lain buatnya melainkan hukuman bunuh.

Tiada siapa yang berani dan bersedia untuk membela Salman. Biarkanlah Salman dibunuh kerana bukunya yang menghina Rasulullah itu. Biarkanlah Salman ditembak mati dan dilemparkan ke dalam longkang-longkang busuk. Tiada siapa yang ambil peduli tentang nasibnya. Umat Islam telah bertindak sebagai juri dunia. Tiada apa lagi yang perlu didalihkan melainkan Salman perlu dihukum segera.

Saya tidak berhasrat melanjutkan perbincangan mengenai buku serba kotor dan cabul itu. Saya juga mendoakan semoga Salman cepat menerima hukuman yang setimpal dengan tindakannya yang biadab dan hina. Apa yang ingin saya tonjolkan di sini ialah kenyataan yang amat mengejutkan, yang keluar dari mulut Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri.

Anwar bela Salman Rushdie!

Anwar bela Salman Rushdie!

Anwar bela Salman Rushdie!

Anwar bela Salman Rushdie!

Anwar bela Salman Rushdie!

Saya terpaksa mengulang rangkap di atas sebanyak lima kali kerana saya sendiri terkejut dengan apa yang saya lihat. Benarkah ini? Betulkah maksudnya bahawa Anwar membela penulis murtad Salman Rushdie? Begitu hebat dan berani Anwar melawan arus. Pada ketika semua umat Islam benci dan marah kepada Salman, tiba-tiba seorang tokoh muda yang dikatakan masih mempunyai cita-cita Islamik melahirkan rasa hormat dan kagumnya dengan kebolehan Salman. Bermimpikah aku?

Anwar sanjung Salman Rusdie!

Anwar puji Salman Rushdie!

Anwar pertahankan Salman Rushdie!

Anwar bela Salman Rushdie!

Anwar bela Salman Rushdie!

Anwar bela Salman Rushdie!

Apakah benar Anwar yang mula berkhotbah Jumaat di seluruh negara itu berani memuji penulis syaitan Salman Rushdie? Layakkah buku penuh khayalan, penuh kebiadaban, penuh kejijikan, penuh kehinaan, dan diterbitkan atas niat jahat hendak didebatkan di pentas-pentas debat? Tentunya tidak dan sama sekali tidak. Buku syaitan itu hanya layak dibakar, pejabat penerbitannya dimusnahkan, dalang-dalangnya dihancurkan, penulisnya dibunuh. Kita tidak perlu membaca dan menelitinya lagi. Ia bukan setakat karya sampah yang perlu dibakulsampahkan tetapi karya syaitan yang perlu dimusnahkan. Seperti kata seorang yang terlibat dalam demonstrasi membantah buku ini, apabila ditanya wartawan apakah beliau telah membaca *The Satanic Verses*: "Aku bangga kerana tidak membaca buku yang sebegitu hina dan keji."

Malangnya bagi umat Islam negara ini. Malangnya ahli-ahli Umno. Malangnya kita semua kerana Timbalan Perdana Menteri kita seorang yang tidak takut-takut lagi bersuara bagi kepentingan musuh-musuh Islam. Juak-juak Anwar tentu akan menolak kenyataan tersebut. Penyokong-penyokong Anwar, yang sebahagiannya fanatik kepada beliau, tentu akan membantah dan menafikan sekeras-kerasnya. Mana mungkin Anwar bertindak begitu rupa!

Saya akui saya tidak begitu mahir berbahasa Inggeris. Tetapi wawancara khas *Senior Correspondent Asiaweek*, Roger Mitton, yang tersiar dalam keluaran 17 November 1993 rasanya tidak begitu sukar untuk difahami dan ditangkap maknanya. Saya nukilkan kembali bahagian wawancara yang berkenaan:

Roger Mitton: *Should the Ayatollah Khomeini's "death sentence" on Salman Rushdie?*

Anwar Ibrahim: *I have read The Satanic Verses. I also read Midnight's Children much earlier. I think he's a profound writer. I disagree with him in The Satanic Verses, but you have to deal with this situation.*

First, it's a literary piece. And second, I think any ruling on any ill-doing of any person must be determined by a court of law. I don't believe it's legitimate for someone to make a pronouncement to condemn any person. If countries disput the writings of Salman, it should be brought to trial. In Malaysia we chose just to ban the book, because if it weren't, there should be riots. Do you want to defend one man and have so many people killed? But these decisions are difficult because if there's no freedom of expression, then people feel intimidated every time they touch on what's considered to be sensitive issue.

Rasanya kenyataan Anwar itu boleh diterjemahkan seperti berikut: "Saya telah membaca *The Satanic Verses*. Saya juga telah menghabiskan novelnya *Midnight Children* lebih awal. Bagi saya, beliau adalah seorang karyawan yang amat dalam pengetahuannya. Saya tidak bersetuju dengan Khomeini dalam isu *The Satanic Verses*, tetapi keadaan ini perlu dilihat dengan teliti. Pertama, penulisan buku ini merupakan satu hasil sastera. Kedua, bagi saya apa-apa hukuman ke atas seorang pesalah perlu diputuskan oleh sebuah mahkamah undang-undang. Saya tidak percaya seseorang boleh menjatuhkan hukuman kepada seorang yang lain. Sekiranya ada negara yang bercanggah pendapat mengenai penulisan Salman, perkara itu perlu dihadapkan ke mahkamah. Di Malaysia, kami mengambil keputusan hanya untuk mengharamkan buku itu, jika tidak, rusuhan akan berlaku. Mahukah anda membela seorang dan sebaliknya menyebabkan ramai yang mati? Keputusan seumpama ini amat sukar kerana sekiranya tidak ada kebebasan berfikir, orang ramai akan rasa terugut bilamana mereka menyenuh hal-hal yang dianggap sebagai sensitif."

Lalu salahkah kalau didengungkan:

"Anwar penyokong Salman Rushdie!"

"Anwar peminat Salman Rushdie!"

"Anwar simpati dengan Salman Rushdie!"

"Anwar pengkagum Salman Rushdie!"

Mungkin nada dan bunyinya keterlaluan. Ya, masakan mahu disamakan Salman yang murtad itu dengan Anwar? Saya tidak

berhasrat hendak menyamakan antara Salman Rushdie dengan Anwar Ibrahim. Meskipun saya selalu mengkritik Anwar, tetapi tidak sampailah ke peringkat itu. Dalam beberapa bal saya masih menghormati Anwar. Seburuk-buruk Anwar, dia tetap Timbalan Perdana Menteri negara ini. Tetapi, yang memeningkan kita, mengapa sampai begitu sekali penghormatan Anwar terhadap Salman Rushdie. Kalau pun Anwar tidak bersetuju dengan hukuman bunuh ke atas Salman tetapi karya biadab Salman itu tidak harus dihargai, malah ia hanya layak dibakar dan dimusnahkan. Ia bukan karya ilmiah yang didahului dengan kajian yang mendalam. Ia hanya karya khayalan yang penuh dengan imiginasi kotor. Karya syaitan itu tidak layak diperkatakan, apatah lagi oleh tokoh seperti Anwar. Membacanya pun sudah dianggap membazirkan masa. Tak tahulah kalau Anwar mempunyai masa senggang yang tidak dapat dimanfaatkan untuk tujuan lain yang lebih bermakna.

Anwar mungkin tidak akan melayan persoalan yang saya bangkitkan ini. Memang itu hak Anwar. Namun persoalan ini wajar dibangkitkan di peringkat yang lebih tinggi. Rakyat Malaysia perlu tahu bagaimana tanggapan TPM Anwar terhadap seorang penulis yang telah dikutuk dan dikecam di seluruh dunia. Rakyat Malaysia perlu sedar bahawa Anwar yang selalu bercakap tentang maruah dan kehormatan diri telah meletakkan dirinya sendiri ke tahap yang kita sendiri tidak menjangkakannya, dengan memberikan penghormatan dan pujian kepada seorang penulis syaitan.

Cuba ulangi kenyataan Anwar tentang Salman Rushdie itu:

"I think he's a profound writer!"

"I think he's a profound writer!"

"I think he's a profound writer!"

"I think he's a profound writer!"

"I think he's a profound writer!"

"I think he's a profound writer!"

"I think he's a profound writer!"

Agaknya kenapa Anwar perlu memuji penulis syaitan Salman Rushdie dengan begitu sekali? Apa motifnya? Kita mahu tahu rahsia di sebalik cakap Anwar yang mengarut itu. Apa yang Anwar hasratkan di sebaliknyanya? Apakah Anwar merasakan soalan Roger Mitton itu mahu memerangkapnya? Apakah Anwar merasakan soalan itu ingin menguji pegangannya, sama ada masih berdarah seorang “fundamentalis” atau sudahpun larut dalam “arus pemodenan”? Apakah Anwar merasakan soalan mengenai Salman Rushdie dan hukuman yang dikenakan oleh Imam Khomeini merupakan jangkatonjuk atau kayu ukur paling berkesan untuk menduga ia masih seorang pelampau agama (seperti tafsiran Barat) atau seorang negarawan ulung yang terbuka sifatnya?

Bagaimanapun bagi sesetengah antara kita tentunya masih belum lupa kenyataan Anwar, Menteri Pendidikan waktu itu, di Singapura, ketika isu hukuman bunuh Imam Khomeini kepada Salman Rushdie heboh diperkatakan. Menurut Anwar, reaksi umat Islam di Iran adalah berbeza dari reaksi umat Islam Malaysia terhadap isu Salman. Iran menjatuhkan hukuman mati ke atas Salman tetapi Malaysia cuma mengharamkan kemasukan bukunya.

Semua orang tahu Anwar bercita-cita besar mahu menjadi PM sejak kecil lagi. Tidak salah Anwar mempunyai cita-cita sehebat itu. Malah Anwar membuktikan bahawa dia mampu mencapainya. Dan hingga kini Anwar sentiasa menang menempuh apa saja halangan yang cuba menyekatnya dari merajai kerusi PM. Saya tidak nafikan kehebatan Anwar untuk menggantikan Mahathir. Memang Anwar layak, tetapi tidak bermakna orang lain tidak layak. Tidak juga bermakna hanya Pasukan Wawasan saja yang layak. Pemimpin PAS juga layak. Pemimpin Semangat 46 juga layak. Sanusi Junid juga layak!

Soalnya, dalam usaha Anwar menuju jalan ke puncak, perlukah Anwar menunjukkan sikap yang tidak selaras dengan prinsipnya selama ini? Perlukah Anwar memuji Salman Rushdie hanya untuk menunjukkan kepada Amerika dan kuasa luar lain bahawa Anwar sekarang bukan lagi seperti Anwar semasa menjadi pemimpin gerakan pelajar atau pemimpin pertubuhan belia Islam? Apakah Anwar terpaksa bersikap apolegetik terhadap Barat hanya

untuk mendapat pengiktirafan mereka?

Bukankah bekas Perdana Menteri Britain, Margaret Thatcher sendiri sudah memuji kehebatan Anwar sebagai Menteri Kewangan? Semasa kunjungannya ke negara ini, pada 3 September 1993, ketika Anwar hebat berkempen untuk mengetepikan Ghafar, Thatcher berkata: "Jikalau Menteri Kewangan (Anwar) boleh dijual beli sebagaimana bintang bola sepak, saya percaya beberapa negara lebih kaya sanggup membayar yuran yang mahal untuk mendapatkannya." Thatcher turut memuji Anwar kerana mengamalkan dasar kewangan dan fiskal yang berhati-hati serta menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan terbuka.

Bukankah Setiausaha Perdagangan Amerika Syarikat, Lloyd Bentsen telah mengakui kewibawaan Anwar semasa sidang akhbar bagi mengakhiri mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Honolulu, Hawaii?

"Saya rasa beliau akan berjaya jika berada di Amerika," demikian kata Llyod Bentsen sebaik saja Anwar menjawab dua soalan wartawan di sidang akhbar berkenaan.

Wartawan *Berita Harian*, Hafifi Hafidz, melaporkan sebahagian ucapan Bentsen: "Malah, pada mesyuarat inilah Anwar memberitahu dan meyakinkan kita bahawa Malaysia berjaya mengatasi masalah dengan mencatatkan pertumbuhan ekonomi cergas sehingga kekurangan tenaga pekerja. Tentunya ini kejayaan besar bagi Asia. Mungkin atas sebab itulah Malaysia dijemput bagi menghadiri Persidangan Gunatenaga Kumpulan Tujuh di Detroit, baru-baru ini."

Bila berhujah tentang sikap dunia luar terhadap Anwar sebagai bakal PM Malaysia, saya teringat kata-kata seorang teman yang mendakwa CIA, agensi perisikan Amerika, sudahpun merestui kejayaan Anwar. Teori teman saya itu telahpun saya nukilkan dalam buku saya, *Anwar Lawan Ghafar*, edisi kedua: "Yang pasti, CIA memang tidak ada pilihan lain. CIA tidak mampu menolak Anwar dan tidak ada sebab untuknya menolak Anwar. Anwar sudah lama dijinakkan, semenjak dalam ABIM lagi, menjelang kemasukannya dalam Umno. CIA menjerat Anwar

melalui dalangnya, iaitu Arab Saudi. Semua orang tahu bagaimana akrabnya hubungan Arab Saudi dengan Amerika, seperti ramai juga orang tahu intimnya hubungan Anwar dengan Arab Saudi. Anwar pernah minta dihapuskan beribu-ribu majalah yang diterbitkan oleh seorang bekas teman karibnya kerana antara isi kandungan majalah itu menyelar Arab Saudi. Sewaktu dalam ABIM lagi, mulut Anwar terkunci dari memperkatakan segala penyelewengan dan kezaliman yang dilakukan oleh Arab Saudi. Hubungannya dengan Arab Saudi mencakupi bantuan kewangan yang bukan sedikit kepada ABIM, IIFSO dan WAMY, yang mana Anwar ada kepentingan besar di dalamnya. Maknanya CIA memasukkan jarumnya secara tidak langsung, iaitu melalui Arab Saudi, yang mana hubungan Anwar dengan Arab Saudi terus terjalin dengan baiknya. Begitu juga dengan sikap ABIM pasca-Anwar, hubungan dengan Arab Saudi berjalan dengan penuh mesra, walaupun banyak juga tindak-tanduk Saudi yang menyakitkan mata, khususnya dalam isu Perang Iraq - Amerika dulu."

Peminat Anwar dalam ABIM khususnya tentu marahkan saya bila membaca bab ini. Maafkan kalau saya terlanjur. Namun saya masih tidak faham apa yang Anwar fikirkan ketika beliau memuji Salman Rushdie dan juga membariskan sama tokoh-tokoh yang dikaitkan dengan rasuah dan hidup berpoya-poya dengan wanita semasa kempen pemilihan Umno 1993. Renunglah baik-baik kenyataan ahli akademik Rahman Said kepada *Asiaweek*: *"Like Mahathir, Anwar is not excessively religious. In his early days, Islam was a good horse to ride. But now he takes to path of the very liberal modern Muslim."* Majalah berkenaan, terbitan 17 November 1993 melanjutkan analisisnya: *But for some, his pragmatism can go too far. Though they see Anwar as "clean," many are put off by some allegedly corrupt and womanizing politicians around him.*

Agak pelik, dalam keadaan Mahathir cuba menonjolkan imej wira dunia ketiga dan tidak berusaha memperbaiki hubungan tegangnya dengan Presiden Bill Clinton, tiba-tiba dilihat Anwar begitu mesra dengan anggota-anggota Kongres Amerika. Mereka dilaporkan lebih menyenangi Anwar daripada Mahathir. Lihat

sajalah karenah Mahathir, hasratnya mahu berjumpa Clinton pun diputarbelitkan sehingga seolah-olah dilihat Clinton yang hendak berjumpa dengannya!

Difahamkan sebelum Mahathir berjumpa Clinton, Anwar turut berhasrat mengunjungi Amerika dan China dalam lawatan kerjanya. Tiba-tiba Mahathir cepat-cepat pintas Anwar, dengan mengumumkan hasratnya untuk ke Amerika dan China juga. Walhal Mahathir baru saja ke China tahun lalu. Melepaslah Anwar untuk menunjukkan kejaguhannya di peringkat antarabangsa. Ini bermakna hujah bahawa selepas Ghafar disingkirkan, Mahathir boleh menumpukan aktivitinya di peringkat antarabangsa tidak sepenuhnya dapat diterima Mahathir. Banyak bahayanya meninggalkan pentas politik tanahair kepada tokoh sehebat Anwar yang mampu menggembelngkan penyokongnya untuk bertindak apa saja dalam masa yang singkat. Sila rujuk kenyataan Prof Dr Jomo K. S. dalam *Asiaweek* 11 Mei 1994: *"If Anwar is smart, he will try during this interim period to persuade Mahathir to let him basically take over at the national level and let the PM take the international stage."* Sebelum itu, *Asiaweek* 29 September 1993 melaporkan: *Some think the premier may give Anwar more say in the day-to-day running the country while he assumes the statesman's role, rather like what Lee Kuan Yew did in Singapore. "Mahathir likes doing things on the international stage," says Rohana Mahmood (Malaysian Strategic Research Centre). He also wants to see his vision for an East Asia Economic Caucus take shape.*

Anwar yang sejak dulu - ketika menjadi Presiden ABIM - sudah ligat di peringkat antarabangsa, tentunya tidak mahu terperap dalam negara sahaja. Apatah lagi bila dilihatnya Mahathir dan orang-orangnya mempunyai banyak kelemahan terutama dari segi sepak terajang diplomasi antarabangsa. Malahan imej Mahathir sudah begitu buruk, khususnya bila dikaitkan dengan tuduhan rasuah yang tersebar ke merata pelusuk dunia. Ya, siapa tidak tahu pembabitan besar-besaran anak-anak Mahathir dalam dunia dagang antarabangsa yang melibatkan kepentingan kerajaan Malaysia. Perbalahan Mahathir dengan PM Australia, Paul Keating dan sikap yang ditunjukkan terhadap APEC dan Komanwel satu waktu dulu juga mencemar sedikit imejnya.

Lihat sajalah analisis *Asiaweek*, 11 Mei 1994: ... *Soon after, the press went to town reporting Mahathir's anger at being called a "recalcitrant" by his Australian counterpart, Paul Keating. He has refused to attend the informal summit of the Asia-Pacific Economic Cooperation (APEC) forum in Seattle. Anwar was notably quiet. Given his influence in media circles, many wondered why there were no eye-catching headlines about support from the new deputy.*

Some say Anwar regarded Mahathir's no-show as a mistake. "He feels the PM lost a big opportunity in Seattle to stake out a position different to the eighteen other leaders," says an economist at a Kuala Lumpur think-tank. "What do you acheive by not attending?" The source predict Anwar will handle the issue differently. "He'll say we need it, let's go in there, we can be a part of it - as well as a part of EAEC." Mahathir is still pushing his pet East Asia Economic Caucus, which excludes the US. He has said he will attend APEC's second summit in Jakarta this November.

Namun subjek yang tetap bermain-main dalam fikiran saya ialah kenapa Anwar tergamak menggelarkan Salman Rushdie "*a profound writer*". Saya merayu Anwar agar menjernihkan kembali fikiran saya terhadapnya, sekurang-kurangnya mengenai Salman Rushdie, yang lain-lain kemudian pun tidak apa!

JEFFREY SEBAGAI TIMBALAN MENTERI:

MAHATHIR PERALATKAN ANWAR

Sewaktu melancarkan kempen menentang bekas Ketua Menteri Sabah, Joseph Pairin Kitingan, dalam satu perjumpaan di Beaufort, yang mendapat liputan secara langsung oleh RTM, pada sebelah petang dan diulang siarannya selepas berita perdana, menjelang pilihan raya Sabah yang lalu, Presiden Umno, Mahathir Mohamed merayu pengundi Sabah menghapuskan pemimpin-pemimpin yang terbukti rasuah.

Dan semasa mengemukakan manifesto Sabah Baru, Timbalan Presiden Umno, Anwar Ibrahim mengumumkan janji-janji yang akan ditunaikan oleh BN jika menang dalam pilihan raya itu. Antara janji-janji utama yang disebutkan ialah menghapuskan rasuah di Sabah.

Janji-janji lain yang menarik ialah menambah pendapatan per kapita Sabah dari RM3,600 seorang kepada RM10,000 dalam tem-

poh enam tahun pada tahun 2000. BN juga berjanji akan menghapuskan buta huruf ke paras sifar pada tahun 2000 dan membina sebuah universiti. Seterusnya mengurangkan kadar kemiskinan di Sabah dari kadar 33 peratus kepada sifar pada tahun 2000. Setiap rakyat Sabah diberi jaminan akan mendapat rumah sendiri menjelang tahun 2000. Anwar berjanji Kerajaan BN Sabah akan membawa perubahan besar di Sabah dalam masa 100 hari ia memerintah.

Kempen Umno menjatuhkan pemimpin rasuah berpunca dari keputusan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, pada 17 Januari 1994, yang menjatuhkan hukuman denda RM1,800 atau penjara enam bulan, ke atas Pairin, 53, atas kesalahan rasuah. Ketika menjatuhkan hukuman itu, Hakim Dennis Ong Jiew dari Mahkamah Tinggi Miri berkata, beliau berpuas hati dengan hujah pendakwa yang berjaya membuktikan tertuduh menyalahgunakan kuasanya sebagai Ketua Menteri dengan memberikan kontrak membina 12 unit rumah kedai dua tingkat bernilai RM1,483,341.60 di Tambunan kepada Rimkaya Sdn Bhd. Antara pengarah dan pemilik saham syarikat berkenaan ialah Jude E Kessy dan Justin Alip, iaitu ipar Pairin. Beliau dituduh melakukan kesalahan itu di Pejabat Ketua Menteri, Bangunan Yayasan Sabah, pada 11 September 1985. Pairin menghadapi tuduhan mengikut Seksyen 2(1) Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) 1970 yang membawa hukuman penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan. Beliau ditahan dalam satu sekatan jalan raya di Jalan Tun Fuad Stephens ketika dalam perjalanan ke tempat kerja pada sebelah pagi, 5 Januari 1991.

Meskipun didapati bersalah, keanggotaan Pairin sebagai Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Undangan Negeri tidak terlucut. Mengikut Perkara 17 (1) (e) Perlembagaan Negeri, Pairin perlu melepaskan jawatan Ketua Menteri jika didapati bersalah dan dikenakan hukuman tidak kurang daripada setahun penjara dan denda tidak kurang daripada RM2,000.

Sementara Perkara 48 (e) Perlembagaan Persekutuan pula menyatakan bahawa seseorang Ahli Parlimen akan kehilangan kelayakan menjadi Ahli Parlimen jika disabitkan kesalahan oleh

mahkamah dan dihukum penjara untuk tempoh tidak kurang setahun atau denda tidak kurang RM2,000 dan tidak mendapat pengampunan.

Sewaktu mengulas keputusan itu, Mahathir nampaknya tidak senang. Beliau tentunya mengharapkan Pairin dihukum lebih lagi yang membuatkan Pairin tidak layak bertanding dalam pilihan raya. Kata Mahathir: "Mungkin ada sesuatu mesej yang Mahkamah Tinggi hendak sampaikan kepada kerajaan dan kita perlu mengkajinya bagi mengetahui mesej tersebut."

Namun itu bukanlah persoalan utama yang hendak saya bangkitkan. Soal Mahathir puas hati atau tidak dengan keputusan mahkamah, terpulang kepadanya. Siapa tidak tahu rekod Mahathir dengan badan kehakiman? Siapa tidak tahu siri kecaman Mahathir terhadap institusi kehakiman sebelum Tun Salleh Abas dipecat. Yang mahu didedahkan dan disorot secara lebih terperinci ialah sifat kemunafikan pemimpin-pemimpin besar Umno dalam menangani masalah rasuah.

Pertama, Pairin hanya didakwa melakukan rasuah selepas beliau meninggalkan BN dan seterusnya menyertai Gagasan Rakyat menjelang hari-hari terakhir kempen pilihan raya 1990. Maknanya kalau Pairin terus bersekongkol dengan BN, saya pasti, amalan rasuahnya tidak akan didedahkan.

Kedua, dan yang lebih utama, ialah pertuduhan rasuah terhadap adik Pairin, Dr Jeffrey Ketingan. Jeffrey merupakan bekas Pengarah Yayasan Sabah, sebuah institusi yang dianggap begitu berpengaruh sewaktu PBS berkuasa. Banyak dasar dan strategi pembangunan di Sabah dan yang mempunyai kepentingan dengan politik PBS dicetuskan oleh Jeffrey di Yayasan Sabah.

Soalnya, bagaimana tujuh tuduhan rasuah yang melibatkan komisen RM800,000 dan saham syarikat-syarikat perkapalan yang diberi konsesi mengangkut balak milik Yayasan Sabah, digugurkan tanpa sebarang alasan? Apakah ia satu bentuk hadiah atau penghormatan kepada Jeffrey yang berjaya melemahkan kekuatan PBS dalam pilihan raya lalu? Dan apakah benar pembebasannya daripada belunggu Akta Keselamatan Dalam Negeri, pada

19 Januari, tanpa sebarang syarat, mempunyai kaitan dengan usaha Umno menawan Sabah ketika itu?

Jeffrey ditahan pada 13 Mei 1991 atas tuduhan cuba mengeluarkan Sabah dari Malaysia. Ketika dibebaskan, selain mengucapkan ribuan terima kasih kepada Mahathir selaku Menteri Dalam Negeri, Jeffrey menegaskan pembabitannya dalam politik akan memulihkan hubungan Kuala Lumpur - Sabah. "Kita semua menerima Wawasan 2020 dan oleh itu kita perlu menyelesaikan perbezaan politik kita dan bekerjasama. Sebagai respons terhadap kenyataan Jeffrey, Mahathir berkata: "Saya tidak pernah bermusuhan dengan orang Kadazan ataupun dengan orang-orang Sabah tetapi yang menjadi masalahnya ialah kepimpinan dia (Pairin) ... kepimpinan yang berada di tangan orang yang tidak layak menjadi pemimpin."

Mengenai kesediaan pemimpin-pemimpin tertentu PBS kembali ke pangkuan BN, Mahathir antara lain menyatakan: "... Kita bukanlah begitu keras sehingga tidak boleh mengampunkan langsung. Kita tahu ada sesuatu keadaan mendesak menyebabkan mereka membuat tindakan yang tidak sepatutnya dibuat itu." Seterusnya Mahathir berkata: "Sekiranya Jeffrey benar-benar sayangkan negeri Sabah seperti yang dia maksudkan, dia kena buat keputusan yang bijak dan tepat. Tetapi kalau dia cuma fikirkan tentang keluarganya mungkin keputusannya tidak baik."

Dan kini setelah Jeffrey berjaya membalas jasa Mahathir, maka beliau dilepaskan dari tuduhan melakukan rasuah, dengan begitu senang sekali.

Lebih jelik lagi, apabila Anwar mengumumkan perlantikan Jeffrey, 45, yang juga ADUN Bingkor, sebagai Ahli Dewan Negara, seterusnya dilantik sebagai timbalan menteri di peringkat Persekutuan. Bayangkan, sebuah parti yang berkempen menentang amalan rasuah di Sabah, dengan menjadikannya isu utama yang mesti dihapuskan, tetapi memilih seorang pemimpin yang terpalit dengan amalan rasuah sebagai timbalan menteri.

Agaknya apa reaksi pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang selama ini berusaha bersungguh-sungguh untuk

membuktikan Jeffrey melakukan rasuah tiba-tiba pendakwa itu ditarik balik tanpa sebab. Pihak pendakwa yang diwakili oleh Timbalan Pendakwaraya Ahmad Rosli Mohd. Sham memberitahu bahawa beliau diarah supaya menarik balik semua tuduhan terhadap Jeffrey. Mahkamah sebelum itu menetapkan supaya Jeffrey dibicarakan atas tuduhan-tuduhan rasuah selama lima hari, bermula 14 Jun 1994, hari pengguguran tuduhan dilakukan.

Pelik bin ajaib sekali. Bermimpikah kita? Soalnya mengapa pula tuduhan rasuah ke atas abangnya, Pairin, diteruskan? Mungkin pihak pendakwaraya menunggu Pairin menyertai BN sebelum menarik balik pertuduhan, malangnya Pairin tetap dengan PBS. Sekiranya tiada bukti atas tuduhan itu, bagaimana pula Jeffrey boleh ditahan dan dituduh sebelum itu. Tahniah di atas kehebatan Jeffrey, yang terlepas dari tuduhan rasuah dan lima hari selepas itu bebas dari dakwaan gagal mengisytiharkan hartanya. Sungguh istimewa menjadi pendokong kuat BN.

Sepuluh hari kemudian, pada 24 Jun 1994, di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, selain mengumumkan perlington Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS), Joseph Kurup sebagai Timbalan Ketua Menteri bagi kouta bumiputera bukan Islam (Murut/Kadazan) dan perlington Presiden Parti Demokratik Sabah (PDS), Bernard Dompok sebagai menteri pusat, Anwar mengumumkan perlington Jeffrey, sebagai timbalan menteri pusat.

Rakyat Malaysia harus ingat bahawa pada hari itu, 24 Jun 1994 genap 100 hari BN memerintah Sabah. Kerajaan Barisan Nasional Sabah mengangkat sumpah pada 17 Mac 1994. Apakah ini janji yang dibuat oleh Anwar Ibrahim pada 8 Februari 1994 ketika melancarkan manifesto Sabah Baru, untuk membawa perubahan besar kepada rakyat Sabah dalam masa 100 hari BN memerintah? Anwar mengotakan janjinya, iaitu melantik seorang yang terpalit dengan dakwaan rasuah sebagai timbalan menteri pusat. Apakah Anwar sudah lupa resolusi Perhimpunan Khas Umno pada 19 Jun, lima hari sebelum itu, yang mengisytiharkan perang habis-habisan terhadap amalan rasuah, yang lebih popular dengan istilah politik wang? Bukankah Anwar sendiri yang membawa usul untuk

meminda Perlembagaan Umno bagi menghapuskan amalan keji itu?

Walhal rakyat belum lupa lagi, bahawa pada 31 Mei, dua minggu sebelum tuduhan rasuah ke atas Jeffrey digugurkan tanpa sebab, Mahathir, dalam sidang akhbarinya di Lapangan Terbang Lama Kota Kinabalu sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur, mendedahkan bahawa sejumlah RM3,000 juta hingga RM4,000 juta wang milik Yayasan Sabah telah dilesapkan oleh pihak-pihak tertentu semasa pemerintahan Kerajaan Sabah sebelum ini. Serentak dengan itu, Mahathir mengarahkan Kerajaan BN Sabah menyiasat kehilangan wang tersebut. Katanya, wang itu sepatutnya dimiliki oleh Yayasan Sabah atau kerajaan negeri tetapi kerajaan negeri didapati mengalami kekurangan wang.

“Setakat ini yang kita buat kajian, lebih kurang RM3,000 hingga RM4,000 juta sudah lesap begitu sahaja sedangkan wang itu sepatutnya ada dalam simpanan Yayasan Sabah atau sekurangnya di tangan kerajaan negeri. Kita nak tahu siapa yang buat macam itu, tak patutlah ... kerana itu duit rakyat Sabah. Kita hendak tahu apa asas pengagihan kawasan-kawasan, apa asas pengeluaran lesen dan sebagainya,” tegas Mahathir.

Dewan Undangan Negeri Sabah dalam persidangan awal Mei 1994 meluluskan satu rang undang-undang membolehkan Ketua Audit Negeri menjalankan pengauditan terhadap perjalanan Yayasan Sabah.

Apakah ini bermakna penyiasatan ke atas lesapnya wang hampir RM4,000 juta itu sudah selesai, dan dibuktikan Jeffrey sebagai bekas Pengarah Yayasan Sabah tidak bersalah? Lalu, siapa pula yang bersalah? Dan lebih aneh lagi, begitu cepat sekali penyiasatan dibuat ke atas kehilangan sejumlah wang yang cukup besar. Mungkin Anwar dan pemimpin-pemimpin Umno lain tidak menganggap besar jumlah itu kerana Bank Negara sendiri pun pernah kerugian lebih RM31,000 juta akibat ghairah berjudi. Apakah relevannya pengguguran Jeffrey sebelum itu sebagai Pengarah Yayasan Sabah dan melantik Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Khalil Jamalul sebagai pentadbir sementara? Namun persoalan utama, bagaimana Jeffrey yang dituduh menerima ra-

suah dan kemudiannya didedahkan hampir RM4,000 juta wang Yayasan Sabah dilesapkan di bawah pentadbirannya kini diangkat oleh Anwar menjadi timbalan menteri di peringkat pusat?

Bagi pemimpin Umno, khususnya Anwar, jasa Jeffrey dalam usaha menjatuhkan abangnya, Pairin cukup besar. Majalah *Asiaweek*, 30 Mac 1994 memilih tajuk "*End of an Era: A Brother Helps Sink Sabah's Pairin*" sebagai laporan utama dan cerita kulit. Majalah itu memetik kenyataan teman rapat Jeffrey: "*Has he (Jeffrey) really been brainwashed. He seems normal when we speak to him but we don't understand why he has abandoned his brother like this?*" Pemerhati politik hairan dengan beberapa kenyataan Jeffrey, antaranya pendedahan Jeffrey bahawa Pairin akan meletakkan jawatan untuk meredakan krisis politik di Sabah. Maximus Ongkili mengulas: "*I don't know why Jeffrey said that. Probably utter stupidity. If Pairin had indeed told him of his plans to step down, Jeffrey should have kept it confidential.*" Dalam pada itu, ada pihak membuat analisis: "*Jeffrey is finished. The only people who will prop him up are in Kuala Lumpur.*" Bagaimana dengan Pairin: "*Pairin could live to fight another day. Nobody goes up against the huguan siou. He'll continue to play that role and the respect will continue to be given him.*"

"Cekap Mahathir. Dia serahkan semua urusan Sabah kepada Anwar, hero baru Umno Sabah. Termasuk melantik seorang timbalan menteri yang dituduh rasuah, hanya selang lima hari Perhimpunan Khas Umno memutuskan mengutuk sekeras-kerasnya amalan rasuah dalam politik. Kini imej buruk terpalit pada batang tubuh Anwar. Kes dakwaan rasuah dan pemilihan harta lebih RM66 juta oleh DAP ke atas Rahim Tamby Chik, Ketua Pemuda Umno yang mendapat sokongan padu Anwar pun belum selesai. Kasihan Anwar, Mahathir kini mengenanya balik," demikian luahan hati seorang penyokong Anwar.

Telinga kita masih terngiang-ngiang, mata kita masih ingat laporan akhbar tentang kenyataan pemimpin-pemimpin Umno terhadap amalan maksiat rasuah, dalam kempen pilihan raya Sabah tempoh hari. Dan Anwar menjadi juaranya. Mahathir hanya memulakan kempen, yang lain semuanya terserah kepada Anwar.

Anwar dalam kenyataannya di majlis bersama rakyat, di Sekolah Menengah Kebangsaan Kinarut dekat Papar, bertanya pada rakyat Sabah, apakah mereka mahu negeri itu dipimpin oleh orang yang sudah dibukti di mahkamah terlibat dengan rasuah. Menurut Anwar, rakyat mestilah memilih pemimpin yang baik, bersih, ikhlas dan mengutamakan nasib rakyat daripada kepentingan sendiri.

Bagi PM, sekiranya Pairin seorang yang bermaruah, dia harus meletakkan jawatan kerana terbukti bersalah berhubung kes rasuahnya. Malah menurut Mahathir, Pairin bukan saja patut mengundurkan diri daripada Ketua Menteri, tetapi menarik diri daripada bertanding dalam pilihan raya Sabah. Ketika berucap kepada penyokong BN dari kawasan Petagas dan Sembulan, Mahathir meminta masyarakat Kadazan di Sabah memilih pemimpin yang bermoral dan benar-benar memperjuangkan nasib kaum Kadazan.

Menteri Undang-Undang, Syed Hamid Albar berkata mereka yang dihukum kerana kesalahan jenayah (rasuah) tidak wajar diterima sebagai pemimpin kerana pemimpin mesti menunjukkan sikap terpuji yang dapat dicontohi rakyat. "Apa yang boleh dilakukan oleh rakyat Sabah untuk mengembalikan maruah negeri ialah menolak kepemimpinan Pairin dan menggantikannya dengan pemimpin yang lebih berkemampuan."

Mahathir juga membidas manifesto PBS untuk membanteras rasuah. Katanya, usaha membanteras rasuah di kalangan para pemimpin PBS hendaklah didahului dengan menyingkirkan pemimpinnya yang terbukti bersalah kerana amalan rasuah. Bercakap selepas menghadiri rumah terbuka Tahu Baru Cina Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Law Hieng Ding, Mahathir berkata manifesto PBS itu adalah lambang "keganjilan" di dalam PBS, kerana Presidennya sendiri dibuktikan oleh mahkamah mengamalkan rasuah tetapi bercakap pula tentang usaha mencegah amalan kotor itu. "Memang sudah dibuktikan oleh mahkamah ... tidak kiralah denda itu sengaja diturunkan supaya dia masih boleh terus berpolitik," tegasnya.

Dalam majlis perjumpaan dengan rakyat kawasan Labuk di Sekolah Menengah Kebangsaan Beluran, 150 kilometer dari Sandakan, Anwar berkata seluruh dunia mahu melihat rakyat Sabah membuat keputusan tegas menolak kepimpinan yang tidak bermaruah dalam pilihan raya negeri itu. Katanya, rakyat Sabah tidak seharusnya membiarkan pemimpin yang sudah disahkan bersalah kerana rasuah oleh mahkamah melakukan lebih banyak penyelewengan. "Mengapa harus kita membiarkan pemimpin seperti ini terus berkuasa," soalnya.

Semasa melancarkan manifesto Sabah Baru, Anwar berkata, soal kes rasuah Pairin sudah diputuskan oleh mahkamah dan dalam sistem pemerintahan negara demokratik, ia tidak boleh menerima seseorang yang sudah didapati bersalah untuk memimpin, apatah lagi menjadi Ketua Menteri. "Saya yakin rakyat menyokong kita berhubung isu ini Kita tidak mengambil tanah seinci pun, kita tidak mengambil pokok balak pun. Sebaliknya, lihatlah siapa yang memberi tanah beratus ribu hektar kepada pemimpin tertentu, siapa yang memberi tanah kepada syarikat Persekutuan. Kerajaan negerilah sebenarnya berbuat demikian," tegas Anwar.

Bercakap dalam majlis jamuan makan tengah hari anjuran Kerajaan Perak di Ipoh, Anwar berkata rakyat dan pemimpin perlu membebaskan diri daripada gejala rasuah jika mahu negara mencapai tahap pembangunan ekonomi cemerlang dan dihormati di peringkat antarabangsa. Katanya, negara tidak akan mencapai kemajuan dikehendaki jika sebahagian besar rakyat masih bergelumang dengan rasuah dan penyelewengan harta serta kuasa. "Rasuah dan penyelewengan boleh mengikis keyakinan rakyat untuk bergerak maju dalam pembangunan. Kita perlu bertanggungjawab dan tidak membenarkan gejala rasuah berlaku di sekeliling kita," tegas Anwar.

"Apakah bukan rasuah politik namanya, jika dihamburkan segala projek dan bantuan hanya di waktu kempen pilihan raya," tegur seorang teman, merujuk kepada bantuan 30 juta ringgit kepada sekolah persendirian Cina di Sabah yang diumumkan oleh Anwar.

Ia juga bermakna segala amaran Anwar supaya pemimpin BN Sabah tidak mengulangi kesilapan lampau ibarat memukul tong kosong. Cakap saja berdegar-degar, sedangkan pelaksanaannya tetap menerima dan mengangkat pemimpin yang sudah terpalit dengan amalan rasuah. Di Lapangan Terbang Lama Kota Kinabalu, selepas lawatan singkat ke Sabah, Anwar menegaskan kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan keras terhadap pemimpin yang menyalahgunakan kuasa, menyeleweng dan melakukan kecurangan: "Jika ia berlaku, kita tidak akan bertolak ansur dan akan mengambil tindakan yang keras."

Sebagai membuktikan kesungguhan itu, tegas Anwar, beberapa langkah termasuk siasatan terhadap salah laku yang dikaitkan dengan Yayasan Sabah akan diteruskan: "Kerajaan tidak mahu dianggap bertolak-ansur dengan apa-apa bentuk penyelewengan yang lalu, semata-mata untuk menjaga kepentingan mana-mana pihak."

Sebelum itu, dari Honolulu, Hawaii, sambil mengucapkan tahniah atas perlantikan Sakaran Dandai sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru, Anwar menegaskan kerajaan negeri BN Sabah tidak akan mengizinkan sebarang bentuk penyalahgunaan kuasa bagi menjamin hak dan keadilan rakyat negeri itu dipelihara.

Kita tidak pasti apakah selepas ini rakyat akan terus menerima apa saja kenyataan pemimpin-pemimpin BN, terutama wiranya dalam menentang amalan rasuah, Anwar Ibrahim. Tidak serikkah lagi dengan bukti nyata ini: Seorang pemimpin yang didakwa rasuah tiba-tiba digugurkan semua pertuduhan tanpa sebarang sebab. Kemudiannya pemimpin tadi diangkat menjadi timbalan menteri pusat, sedangkan sebelum itu Mahathir sendiri mendedahkan ada penyelewengan hampir RM4,000 juta di Yayasan Sabah tempat pemimpin tersebut menjadi pengarahnya sebelum ini. Di mana moral Anwar ketika mengumumkan perlantikan itu? Apakah Anwar memikirkan rakyat negara ini bahlul belaka? Sesungguhnya saya berasa amat malu sekali dengan tindakan Anwar yang satu ini. Di mana maruah dan martabat seorang pemimpin yang melonjak naik dari platform gerakan Islam itu? Apakah tugas Anwar hanya untuk menyucikan tokoh-tokoh yang

didakwa terbabit dengan rasuah?

Saya nukilkan kembali kenyataan Anwar menentang rasuah untuk membuktikan kemunafikannya antara bercakap dan bertindak: "Sikap mengalah dan *permissiveness* sehingga menerima rasuah dan angkara rendah akal budi sebagai satu kenyataan atau paling tidak musibah dunia perniagaan atau politik yang pasti diterima merupakan detik bermulanya keruntuhan tamadun dan negara. Masalah rasuah menjadi barah yang kian merebak di tengah-tengah masyarakat. Sekiranya rasuah tidak dibanteras, harapan kita untuk mewujudkan pentadbiran cekap dan bersih akan menjadi sekadar cita-cita sahaja. Sebarang kompromi dengan rasuah akan mengakibatkan menularnya ke sistem sosial dan politik. Dan, manakala gejala ini berlaku, perjuangan akan kurang bererti dan wang serta kerendahan akal budi akan menguasai prinsip serta idealisme. Kita sewajarnya menjadi lebih bertanggungjawab, lebih berani dan tegas menghadapi kenyataan; bukannya mengalah khususnya kepada hal-hal yang disebut sebagai kenyataan rasuah dan penyelewengan dalam masyarakat.

Bahkan kita kini berhadapan dengan alam yang nyata, yang menuntut segala kekuatan untuk membanteras segala bentuk penyelewengan, rasuah, kepura-puraan dan maksiat. Saya ingin menjelaskan bahawa tidak ada *basic* atau dasar moralnya untuk sesiapa juga bertindak sebagai pemimpin sekiranya mereka mulai mengalah dan menerima rasuah politik ini sebagai satu kenyataan. Politik wang, rasuah dan penyalahgunaan kuasa adalah petanda jelas kerendahan akal budi. Sekiranya gejala ini dibiarkan untuk terus berleluasa, masyarakat akan hancur. Apa gunanya semua ini kalau para pemimpin terus membicarakan soal amanah, soal kebersihan dalam pentadbiran, soal keadilan sosial sekiranya mereka sendiri mengalah dengan perkara-perkara ini."

Dalam wawancara khas dengan *Asiaweek*, Anwar ditanya tentang tindakan yang akan diambilnya terhadap ahli-ahli politik yang mengamalkan rasuah. Anwar menjawab: "*Firstly, the issue is whether there's any credence or basis to the allegations of corruption. It's not whether you choose to have a house or a car to your liking. Then, if it comes to a specific allegation of corruption, this has to be proven. The*

Anti-Corruption Agency goes in, and goes in tough. Ministers (and) state chief ministers respect it. Since I became minister of finance I've been persistently harping about morality and ethics, both in government and in the private sector. Corruption is there, I agree. (Critics) talk about conditions, about connections - in spite of the fact that I've given up signed tenders for hundreds of millions (of ringgit to people with) hardly any connections. If I knew of anything dubious, I would have been prepared to cancel the tender. But how do you check? I still hear of these problems, but they're not substantial or course."

Sedapnya cakap... memanglah, cakap tidak serupa bikin. Berdegar-degar mahu membasmi rasuah, menghapuskan penyelewengan, memastikan asas moral yang kuat dalam kepimpinan. Tapi, mata masyarakat belum buta lagi. Mereka mungkin terlena sebentar, tapi kenyataan akan terdedah juga akhirnya. Rakyat semakin mengerti siapa Anwar dalam politik negara ini. Tokoh yang dibebani dengan harapan menggunung tiba-tiba dengan begitu mudah menyepak piala yang mengandungi harapan itu, hingga hancur berkecai. Kita mahukan Malaysia yang bersih dari pemimpin yang rasuah. Malangnya, Anwar melantik mereka kembali untuk menjadi temannya di Kuala Lumpur. Kita mahu benamkan pemimpin yang rosak akhlakanya, yang diketahui umum tentang minatnya yang luar biasa terhadap gadis-gadis cantik. Malangnya Anwar angkat mereka dan bariskan bersama-samanya dalam satu kem.

Ini belum lagi dihitung bagaimana Anwar "membeli" Adun-Adun yang menang atas tiket PBS. PBS yang menang dalam pilihan raya akhirnya tewas akibat mainan politik wang yang begitu dahsyat. (*Asiaweek* melaporkan: *Why did they turn? "There was definitely monetary inducement," says an analyst. "But how do you prove that?" The figures being bandied about range as high as US\$2 million. The first to leave - identity unspecified - was given the most, says another source, "then lesser amounts went to those who dithered."*) Belum lagi diperincikan bagaimana wang melayang-layang dari langit. Belum lagi dianalisis bagaimana media diperalat sewenang-wenanganya demi memastikan Sabah ditawan Umno. Semua agenda tidak bermoral itu tentunya dalam pengetahuan Anwar. Apa yang lebih

menakutkan kita jika ia dirancang dan dimulai oleh Anwar sendiri!

Seulas pinang dari Lim Kit Siang sepatutnya menjentik nurani Anwar: *"The whole Barisan Nasional election campaign was one if the most cynical election campaigns in Malaysian history, for although it featured corruption as one of the main election issues, the Barisan Nasional general elections campaign in Sabah was one of the dirtiest election campaigns in terms of the hunderds of million ringgit which disbursed - until money was literally thrown from helicopters in remote areas!"*

Akhirnya, baik juga kalau kita ikuti pertuduhan yang digurkan tanpa sebarang sebab ke atas Jeffrey, adik yang menikam abangnya dari depan!

1. Antara 11 September dan 7 Oktober 1988, melakukan rasuah dengan bersetuju menerima untuk dirinya melalui Freddy Lim Nyuk Sang bayaran bulanan 35 peratus komisen broker perkapalan daripada sebuah firma Hong Kong, Mawa Shipping Agency Company (MSAC) dan peruntukan 40 peratus saham Syarikat Perkapalan Selatan Sabah Sdn Bhd (SPSS) sebagai habuan kepada memihak kepada SPSS.
2. Pada 11 Mac 1989 di pejabat Hong Kong and Shanghai Banking Corporation (HSBC) di Hong Kong melakukan rasuah menerima AS\$115,422.57 untuk dirinya melalui Lim daripada MSAC sebagai hadiah kerana perlantikan SPSS sebagai ejen pelaksana untuk membantu Yayasan Sabah menjalankan fungsi dan aktivitinya selaku pihak yang berkuasa yang memilih dan meluluskan kapal-kapal yang digunakan untuk mengangkut kayu balak keluar dari Sabah.
3. Pada 22 Mei 1989 di HSBC melakukan rasuah menerima untuk dirinya melalui Lim AS\$141,594.72 daripada MSAC sebagai habuan untuk meluluskan permohonan kegunaan kapal-kapal untuk mengangkut kayu balak dari Sabah yang dikemukakan melalui SPSS.
4. Pada 25 November 1988 di premis SPSS di Tingkat 8, Blok B, Lot B8.3 Kompleks Kuwasa di sini melakukan rasuah

memperolehi 4,000 saham SPSS untuk dirinya melalui Lim sebagai hadiah kerana melantik syarikat itu sebagai ejen pelaksana untuk membantu Yayasan Sabah menjalankan fungsi dan aktivitinya sebagai pihak berkuasa yang memilih dan meluluskan kapal-kapal yang akan digunakan bagi membawa kayu balak keluar dari Sabah.

5. Antara Julai 1988 dan 7 Oktober 1988 melakukan rasuah ber-setuju menerima untuk dirinya melalui Lim bayaran bulanan 35 peratus komisyen broker kapal yang dipungut oleh S. B. Ocean Shipping Sdn Bhd (SBOS) sebagai hadiah kerana memihak kepada SBOS dalam melantik syarikat itu sebagai ejen pelaksana untuk membantu Yayasan Sabah menjalankan tugas dan aktivitinya selaku pihak berkuasa yang memilih dan meluluskan kapal-kapal yang digunakan untuk mengangkut kayu balak dari Sabah dan membenarkan syarikat itu terus menjadi ejennya meskipun SPSS telah dimasukkan sebagai satu lagi ejen pelaksana.
6. Pada 21 April 1989 di pejabat HSBC, Hong Kong melakukan rasuah menerima AS\$41,090 melalui Lim daripada SBOS menerusi Datuk Mohd Salleh Tun Mohd Said (kini Timbalan Ketua Menteri Sabah) sebagai hadiah untuk melonggarkan syarat bagi kelulusan kapal-kapal tertentu yang akan digunakan untuk membawa kayu balak dari Sabah yang dikemukakan melalui SBOS.
7. Pada 26 Jun 1989 di pejabat SBOS melakukan rasuah mendapat 105,000 saham syarikat berkenaan melalui Lim sebagai hadiah kerana melantik SBOS sebagai ejen pelaksana untuk membantu Yayasan Sabah menjalankan tugas dan kegiatannya sebagai pihak berkuasa yang melantik dan meluluskan kapal-kapal yang digunakan untuk membawa kayu balak dari Sabah.

Malaysia seharusnya menunjukkan ketegasannya dalam memerangi rasuah, bukannya hanya bersandiwara melalui Perhimpunan Khas Umno. Perdana Menteri, Menteri-menteri Kabinet, Menteri-menteri Besar, Anggota-anggota Exco dan ahli-ahli politik yang lain harus mengisytiharkan harta mereka. Harus digubal akta

baru bagi memberikan kuasa sepenuhnya untuk memerangi rasuah termasuk melewati tempat-tempat istimewa, khususnya golongan atasan dalam politik pemerintah. Di kala imuniti atau kekebalan raja telah dimansuhkan, tentunya kita tidak mahu melihat adanya segolongan eksekutif menjadi lebih kebal pula. Status Badan Pencegah Rasuah yang kini berada di bawah Jabatan Perdana Menteri harus diubah supaya BPR terus bertanggungjawab kepada Parlimen. (Seperti ingatan Ketua Pembangkang, Lim Kit Siang: "*At present, the BPR is only allowed to go after the 'ikan bilis' but not allowed to proceed against the political 'sharks'.*") Jawatankuasa parlimen mengenai rasuah hendaklah dibentuk, seeloknya diketuai oleh tokoh pembangkang supaya dapat mengawal dan mengawasi dengan baik perjalanan dan operasi BPR. Penyiasatan segera yang menyeluruh mesti dilakukan terhadap semua pemimpin kerajaan yang mempunyai harta berlebihan dari yang sepatutnya, bermula dengan Ketua Menteri Melaka, Rahim Tamby Chik.

Laporan sebuah majalah mengenai serangan ke atas politik wang serta pembelian undi di Taiwan, seharusnya mencuit hati ahli-ahli politik di negara ini: *Until recently few local faction chiefs would have dreamed such a crackdown was conceivable. For decades, their standing with party leaders in Taipei has allowed them to build powerful fiefdoms and amass personal fortunes. Now, however, the rules of the game have changed. Courts - which until last year shunned vote-buying cases - are showing signs of independence. The news media are evolving from lapdogs to watchdogs.*



ANWAR berbual mesra dengan Setiausaha Perdagangan Amerika Syarikat, Lloyd Bensten, sebelum kedua-duanya mengadakan rundingan dua hala di Honolulu, Hawaii. Kita mudah faham - meskipun Mahathir tidak begitu digemari di Amerika - mengapa Anwar begitu mesra dengan pemimpin Amerika, tetapi kita mati akal dengan pujian Anwar terhadap Salman Rushdie, si penulis murtad itu.

PEPERANGAN MEDIA: **JALAN RIONG BERPECAH?**

Hanya beberapa bulan setelah Anwar Ibrahim menduduki jawatan Timbalan Presiden Umno, timbul desas-desus bahawa media yang dikuasainya dikatakan sedang dicabar oleh "penguasa lama". Desas-desus awal adalah pertembungan antara Abdul Kadir Jasin, Ketua Pengarang Kumpulan New Straits Times dan Ahmad Nazri Abdullah, Ketua Pengarang Kumpulan Berita Harian, dua tokoh yang sama-sama melakukan "pembelian oleh pihak pengurusan" (MBO) ke atas kumpulan The New Straits Times Press dan TV3.

Pertembungan dua tokoh itu walau apa pun puncanya diterjemahkan cara lain oleh para pemerhati politik. A Kadir Jasin dipandang sebagai "orang Mahathir" manakala Nazri Abdullah dianggap sebagai "orang Anwar". Maka keadaan ini terus meleret kepada anggapan para pemerhati terhadap media yang dikuasai

oleh kedua-duanya iaitu Kadir menguasai *New Straits Times* dan Nazri menguasai *Berita Harian*.

Dalam pengendalian kedua-dua media orang akan mentafsirkan segala laporan itu menurut kecenderungan politik masing-masing. Berita-berita *New Straits Times* akan dianggap sebagai memberi sokongan kepada Mahathir sementara berita-berita dalam *Berita Harian* memberi sokongan kepada Anwar. Dalam erti kata lain, *NST* mungkin melaporkan berita yang tidak disenangi Anwar, sementara *Berita Harian*, kalau pun tidak meminggirkan Mahathir, tetapi terus menonjolkan Anwar melebihi Mahathir.

Ada dua kes yang dikaitkan dalam "pertembungan" *New Straits Times* dan *Berita Harian* ini. Pertama kes kerugian besar Bank Negara Malaysia, yang disahkan lebih RM15,000 juta atau didakwa pihak pembangkang lebih RM31,000 juta. Isu Bank Negara rugi dalam tukaran asing (forex) ini dikatakan mula ditimbulkan oleh Kadir Jasin dalam *New Straits Times*. Ia sudah tentu menggambarkan bahawa penonjolan isu ini merupakan propaganda memburuk-burukkan Anwar. Namun menurut sesetengah pihak, mutu kewartawanan Kadir jauh lebih profesional daripada Nazri. Ini boleh dilihat dari kolum Nazri dalam *Berita Minggu* dan Kadir dalam *New Sunday Times*. Kadir kerap juga menyinggung isu-isu sensitif yang membawa kepentingan bersama, sementara Nazri didakwa lebih menyuarakan propaganda murahan pihak-pihak tertentu.

Kes kedua adalah pengumuman mengenai pilihan raya umum oleh Perdana Menteri. Hampir kesemua akhbar di Malaysia, termasuk *Berita Harian*, melaporkan bahawa PM ada menyatakan, "pilihan raya umum akan diadakan pada bila-bila masa." Hanya *New Straits Times* yang membawa tajuk berbeza. Ia melaporkan bahawa Mahathir berkata, "belum tiba masanya untuk pilihan raya umum." Tajuk utama akhbar itu pada 10 Jun 1994 ialah *No polls for now, says PM*, dengan tajuk kecil *"Elections should not be held just because signs are favourable"*. Keadaan ini menggambarkan perbezaan pendekatan antara Kadir dan Nazri. Dalam hal ini dikatakan Kadir keseorangan kerana media lain turut dikuasai oleh "orang-orang Anwar". Penguasaan Anwar terhadap media berlaku

menjelang pemilihan Umno 1993. Membayangkan akan berlaku pertandingan antara Anwar dan Ghafar, "orang-orang Anwar", kalau tidak pun Anwar sendiri, bertindak untuk menguasai semua media yang boleh mempengaruhi kecenderungan politik orang-orang Melayu. Ini bererti semua akhbar (dan saluran-saluran TV) berbahasa Melayu dan Inggeris dikuasai Anwar.

Menarik Mohamed Rahmat, Setiausaha Agung Umno ke kemnya, membolehkan Anwar menguasai RTM. Mohamed Rahmat, walaupun pada mulanya dikenali sebagai "orang Ghafar" telah dapat dipengaruhi Anwar dengan tidak banyak karenah. Ada sumber menyatakan Tok Mat terpaksa menyebelahi Anwar kerana terpaksa, kalau tidak, tiada masa depan! Persidangan akhbar Anwar untuk mengumumkan "perang besarnya" terhadap Ghafar pun dilakukan di Ibu Pejabat Umno, atas inisiatif Mohamed Rahmat. Jasa yang satu ini tentunya tidak dapat dilupakan Anwar. Walhal sebelum itu Anwar pernah melahirkan rasa tidak senangnya terhadap Mohamed Rahmat sebagai Setiausaha Agung Umno. Ada pihak menjangkakan Anwar berusaha mempengaruhi Mahathir supaya dilantik tokoh lain menerajui ibu pejabat parti. Bagaimanapun Mahathir tetap memilih Mohamed Rahmat.

Setelah menguasai RTM, langkah selanjutnya adalah menguasai TV3. Walaupun Mohamed Rahmat selaku Menteri Penerangan mempunyai pengaruh ke atas TV3 tetapi kuasa langsung masih bergantung pada penjawat-penjawat strategik dalam sesuatu organisasi media. Ini bermakna Anwar mesti juga menguasai pemilik, penerbit dan editor sesebuah organisasi media. Inilah yang perlu dilakukan ke atas TV3. Namun begitu pengaruh Anwar di TV3 tetap dominan sejak awal ditubuhkan.

TV3 dan kumpulan akhbar-akhbar NST serta Berita Harian berada di bawah satu kumpulan iaitu Renong. Renong dikuasai oleh Halim Saad iaitu orang kuat Daim. Walaupun ramai lagi orang-orang Daim dalam bidang korporat yang mendekati Anwar tetapi Halim nampaknya tetap setia dengan Daim. Untuk penguasaan langsung, Anwar mahu orang-orangnya menerajui TV3 dan NST walaupun Daim bukan "orang Ghafar". Maka

dilakukan MBO ke atas TV3 dan NST oleh Kadir dan Nazri, berserta dua orang lagi (Khalid Haji Ahmad, pengarah urusan dan Mohd Noor Motalib, pengurus besar kumpulan) yang dianggap orang Anwar dalam konteks pertembungan Anwar - Ghafar. Mereka menguasai 48.01 peratus dalam NSTP dan 43.22 peratus TV3 bernilai RM800 juta tunai.

Ada pihak mempersoalkan pembabitian Anwar secara langsung dalam isu tersebut. Anwar sudah memcampur-adukkan kepentingan politiknya dalam dunia bisnes. Lupakah Anwar kenyataannya sendiri selepas tiga bulan beliau dilantik menjadi Menteri Kewangan, yang nadanya ketika itu, seolah-olah menyindir Daim: *"Umno should have no business in dealing with business. It should remain a political party But it is accepted that the relationship between political leaders and business leaders are often close."* Ulasan Edmund Terence Gomez dalam *Corporate Involvement of Malaysian Political Parties* menarik untuk dikaitkan dengan kenyataan Anwar itu: *"Anwar, for his part, has resolutely denied allegations linking him to corporate circles. The Finance Minister, however, remains under close scrutiny; since his appointment to the Treasury, there has been an irordinate rise in the takeover of listed companies by politicians and businessmen closely associated with him. Such ties have been particularly obvious in the case of publicly-quoted Idris Hydraulics Bhd, once controlled by Umno's cooperative, KUB."*

(*Asiatweek*, 17 November 1993 melaporkan penafian Anwar mengenai pembabitannya dengan Idris Hydraulic: *"It's an absolute lie. I would sacrifice my job if there were any proven record, privately (or) publicly, that I encouraged people to buy any shares. This is the most disgusting allegations of my career."*)

Penguasaan juga dilakukan ke atas kumpulan akhbar Utusan Melayu dan *Watan*. Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Zainuddin Maidin (Zam) yang dianggap "bukan orang Anwar" ditukarkan kepada Johan Jaafar, iaitu "orang Anwar". Dalam *Watan*, Zainal Epi, yang dianggap "orang Ghafar - Sanusi - Abdullah Badawi" juga ditukarkan dengan Nasharudin (Nash) yang dianggap "bukan orang Ghafar".

Inilah senario media di Malaysia apabila Anwar menjadi

Timbalan Presiden Umno. Apabila desas-desus timbul tentang pergeseran Anwar - Mahathir, maka media juga menjadi perhatian umum. Kalau dulu, dalam media, "orang Mahathir" yang bukan "orang Ghafar" dianggap "orang Anwar". Begitulah apa yang terjadi pada Kadir Jasin. Beliau bukan orang Ghafar, maka dengan mudah dianggap sebagai orang Anwar. Ini kerana anggapan (bukan saja pada orang media, orang politik pun begitu) yang meluas adalah bahawa Mahathir hendakkan Anwar sebagai penggantinya. Maka orang Mahathir yang betul-betul setia akan menerima Anwar. Inilah yang berlaku pada Daim dan juga orang-orangnya dalam media seperti Kadir Jasin.

Apabila pergeseran Mahathir - Anwar berlaku, Kadir Jasin dengan mudah dianggap sebagai "orang Mahathir", lebih-lebih lagi Kadir sememangnya rapat dengan Daim. Dan dalam pertembungan kali ini, Daim turut menjadi tokoh utama. Dalam hal pertembungan, perlu diingati betapa beliau pernah terbabit dalam pertembungan Mahathir - Musa. Daim dikatakan menjadi faktor besar yang menyebabkan Musa jengkel pada Mahathir. Timbul kependekan politik "AIDS" yang dirujuk sebagai pakatan Anwar Ibrahim - Daim - Sanusi dalam menentang Musa.

Musa dikatakan jengkel dengan peranan Daim terhadap Mahathir. Adakah Daim sebagai "TPM" bagi Mahathir? Mungkin-kah kejengkelan seumpama ini berlaku pula pada Anwar? Adakah Daim kini dianggap "Menteri Kewangan" yang sebenarnya bagi Mahathir?

Dari sudut lain, untuk diperhatikan dalam pertembungan Anwar - Ghafar 1993 adalah bahawa ia merupakan pertembungan Mahathir/Daim/Anwar dengan Ghafar/Sanusi/Abdullah. Dalam hal ini, penguasaan media adalah jelas memihak mutlak pada Mahathir/Daim/Anwar.

Pada masa ini terdapat empat saluran televisyen, termasuk TV4. TV1 dan TV2 adalah dikuasai oleh Mohamed Rahmat, sahabat Anwar. Tetapi Mohamed Rahmat boleh pindah kem bila-bila masa. Mungkin beliau tidaklah amat rapat dengan Daim, tetapi dengan Mahathir lain ceritanya. Beliau banyak membantu Mahathir dengan menyediakan pentas-pentas pidato serta kempen yang

berkesan buat Mahathir menghadapi musuh-musuh politiknya. Desas-desus tentang TV2 yang timbul adalah penswastaannya. Ia dikatakan hendak diambilalih oleh Ahmad Sebi Abu Bakar.

Ahmad Sebi, tokoh media dan korporat adalah sekutu kuat Anwar. Beliau yang menjadi pengerusi Synergy adalah sebahagian kerabat kumpulan Berjaya. *Comeback* beliau dalam arena strategik dikatakan bermula dengan penguasaannya terhadap Persatuan Penulis Nasional (Pena). Bagaimanapun percubaan beliau untuk menguasai Gabungan Penulis Nasional (Gapena) terbantut. Ismail Hussein, Ketua Satu Gapena dikatakan sekutu Ghafar - Sanusi. Namun begitu Ahmad Sebi berjaya menggembelngkan massa melalui Badan Bertindak Bosnia (BBB) selain daripada institusi seperti Yayasan Anak-Anak Yatim Malaysia (Yatim) yang turut dikuasai oleh golongan penulis.

Ahmad Sebi telah mempelopori keterbabitatan golongan penulis dalam arena persaingan politik. Oleh kerana beliau juga orang media, kini pembabitan media dan politik juga merangkumi keterbabitatan golongan penulis. Trend ini dijangka akan berterusan.

Sahabat-sahabat Ahmad Sebi yang lain turut terbabit dalam kancah politik strategik. Antaranya adalah Johan Jaafar dan Zahari Affandi. Johan kini menguasai *Utusan* sedangkan Zahari menguasai *Watan*. Kedudukan Johan selaku "orang Anwar" dikatakan kukuh hinggalah timbul kemungkinan berlaku pergeseran Anwar - Mahathir. Datuk Khalid, pengerusi eksekutif *Utusan* dikatakan "orang Mahathir - Daim". Kalau benar ini terjadi, Johan akan berhadapan dengan satu persaingan.

Johan dikatakan merancang satu MBO terhadap *Utusan* seperti yang dinikmati oleh rakan-rakan lainnya. Kadir dan Nazri telahpun melakukannya ke atas TV3 - NSTP. Bagaimanapun Anwar dikatakan meminta Johan "bersabar" kerana tindakan terburu-buru boleh membawa padah. Akibatnya dikatakan Johan "mera-ju" dan semasa perasmian batu asas *Utusan* di Wangsa Maju, beliau tidak hadir. Bagaimanapun Johan masih memerlukan Anwar dan sebaliknya.

Baru-baru ini, desas-desus timbul bahawa Johan mungkin

akan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang di Muar, di kawasan Malik Munip, seorang bekas aktivis Biro Tata Negara (BTN) zaman Abdullah Badawi. Malik dikatakan "bukan orang Anwar", dan beliau perlu diganti. Tetapi timbul pula cerita lain. Anwar meminta Johan terus kekal di *Utusan* untuk menjaga kepeninggalannya.

Serentak itu timbul pula cerita bahawa Mahathir meminta Zainuddin Maidin (Zam) yang sudah tamat tempoh khidmatnya di *Utusan* untuk meneruskan kehadirannya. Zam dikatakan enggan kerana "tidak mahu bertembung dengan bakal PM". Bercakap tentang *Utusan*, memang tidak terlepas dari akhbar mingguan Inggerisnya, *The Leader*. Selama ini *The Leader* mengalami pelbagai dilema. Pengurus Besar *The Leader*, seorang yang bernama Salim dan editornya adalah Gerald de Cruz. Pihak *Utusan* merancang supaya *The Leader* lebih patut mempunyai petugas-petugas Melayu. Maknanya, editornya pun patut Melayu. Masalah *The Leader* adalah pertembungan antara pihak pengurusanannya dengan *Utusan*. *Utusan* mahu *The Leader* bertindak seperti akhbar nasional - politik sejajar dengan cita-citanya untuk memiliki sebuah akhbar berbahasa Inggeris. Tetapi pengurusan *The Leader* (Salim?) mahu *The Leader* menjadi akhbar komersil - iklan yang bebas politik. Iaitu seperti *Malay Mail* dan *Metro*.

Apabila pertembungan aliran ini mencapai kemuncak dikatakan Salim melepaskan jawatannya dan tempat beliau dikatakan disandang oleh Rosnah Majid. Rosnah, editor ekonomi *Utusan* dikatakan mempunyai masalah dengan Johan, lebih-lebih lagi Rosnah dikenali sebagai "pengkritik Anwar". (Khabar angin bertiup mengatakan Rosnah pernah diminta meletakkan jawatan kerana menyoal Anwar secara tidak sopan dalam satu rancangan televisyen. Rosnah menolaknya). Tetapi adakah kedudukan Rosnah yang tidak kuat menurut kacamata Johan menyebabkan Datuk Khalid meletakkannya di *Leader*?

Sementara itu, Johan mengukuhkan kedudukannya dengan merancang pemimpin pelapis akan datang di *Utusan*. Mereka itu adalah Rozaid Abdul Rahman yang kini mengetuai biro utara *Utusan* dan Aziz Ishak yang kini mengetuai biro selatan *Utusan*.

Difahamkan ramai orang lama *Utusan* tidak berpuas hati dengan perkembangan di situ. Selain itu Johan mempunyai hubungan strategik dengan *Watan*, sebuah harian yang diperbaharui dan kini dipimpin oleh Zahari Affandi. Zahari menggantikan Zainal Epi. Zainal kini telah keluar dari *Watan* dan mengetuai *Mingguan Utara*. Beliau bekerjasama dengan Daud Ibrahim. Sebelum ini Daud bekerja dengan *Buletin Utama* milik Jamaluddin Bakar, seorang "orang Anwar" baru.

Watan hendak dimunculkan sebagai akhbar harian Melayu ketiga. Bagaimanapun kini dalam perancangan ada satu lagi akhbar Melayu iaitu *Minda Massa* di bawah pengurusan *The Star* dan akan dipimpin oleh Adibah Amin. Setakat ini tidak jelas aliran politiknya, kalau pun ada. *Minda Massa* lebih ditujukan kepada pembaca bukan Melayu yang sekarang ini membaca *Berita Harian* dan *Utusan Malaysia*.

Akhbar harian Inggeris ketiga, *The Sun* pula memang dikuasai oleh Vincent Tan, rakan karib Mahathir - Anwar. Andaikata Mahathir - Anwar bertembung, ke manakah Vincent Tan? Tidak syak lagi Vincent, walaupun lebih rapat dengan Mahathir, sebagai orang bisnes, akan memihak kepada pihak yang lebih berpotensi untuk menang. Tetapi, menurut sumber, Anwar lebih menyenangi taukeh-taukeh Cina yang lain daripada Vincent Tan. *The Sun* mempunyai editor bernama Aziz, seorang bekas wartawan strategik *Malay Mail* yang pada awalnya dikenali sebagai "orang Anwar" tetapi kemudiannya meninggalkan Anwar.

Perkembangan baru dalam *The Sun* adalah perletakan jawatan Nasharudin, editor bersekutunya. Nash adalah bekas wartawan strategik *Berita Harian*. Ia adalah orang Kadir - Nazri - Yunus. Yunus Said yang dianggap sebagai "mastermind" media Anwar kini sebagai pengarah operasi TV3. Nash dikatakan bertembung dengan Nazri dan kemudiannya berhenti dari *Berita Harian*. Beliau seterusnya menyertai *Watan* yang ketika itu dipimpin oleh Zainal Epi.

Apabila "Anwar" dikatakan tidak mahu Zainal, maka Nash sebagai "bukan orang Ghafar" menjadi editor. Kemudiannya apabila pertembungan dengan Zainal menjadi masalah, Nash mele-

takkan jawatan dan menyertai *The Sun*. Beliau dikatakan berbuat demikian untuk pergi *New Straits Times* dikatakan atas pelawaan Kadir Jasin.

Adakah Kadir sebagai "orang Daim - Mahathir" sedang merancang untuk mengukuhkan kedudukannya bagi menentang Nazri sebagai "orang Anwar"? Namun begitu, ada pandangan baru menyatakan Kadir juga sebenarnya orang Anwar yang setia. Beliau pernah menugaskan sekumpulan panel penulis bagi menjawab sebuah buku yang banyak mengkritik Daim, yang ditulis oleh Gomez, tetapi di saat-saat akhir Kadir membatalkannya. Alasannya, Kadir sudah tidak begitu berminat membantu Daim. Sekiranya Kadir kembali tidak "menyenangi Anwar" tentu ada perkembangan lain yang menyebabkan ia berlaku demikian. Mungkin kerana melihatkan kerakusan Anwar untuk mengetepikan Mahathir? Sementara itu TV4 yang dinamakan *Channel 8* adalah di bawah *Kumpulan Utusan* dan Datuk Khalid mempunyai kuasa besar ke atasnya.

Apa yang jelas percaturan politik juga mempunyai kesan yang cukup menarik dalam perkembangan media, khususnya persuratkhabaran. Namun, orang-orang media ini mungkin lebih cepat berubah kemnya daripada orang-orang politik kerana begiti jelas dan berkesan sekali dominasi politik dalam sepak terajang media.

THE JOURNAL OF THE

AMERICAN MEDICAL ASSOCIATION
PUBLISHED WEEKLY
CHICAGO, ILL., U.S.A.

Subscription price, \$5.00 per annum in advance. Single copies, 15 cents.

Entered as Second-Class Matter, May 2, 1882, under Post Office No. 383, Post Office at Chicago, Ill., under special agreement of Post Office and Post Roads Department.

Acceptance for mailing at special rate of postage provided for in Act of October 3, 1917, authorized on July 1, 1920.

Postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

Copyright, 1920, by American Medical Association.

Published by the American Medical Association, 535 North Dearborn Street, Chicago, Ill.

Second-class postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

Postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

Postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

Postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

Postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

Postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

Postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

Postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

Postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

Postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

Postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

Postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

Postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

Postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

Postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

Postage paid at Chicago, Ill., and at additional mailing offices.

DAIM YANG DIBENCI, DIHORMATI DAN DIKAGUMI

Pertumbuhan ekonomi negara pada tahap yang paling mem-bimbangkan. Harga bahan mentah jatuh sekali gus pada kadar yang paling buruk.

Kedudukan hutang negara cukup menakutkan. Krisis BMF, Pan-El, Koperasi Pengambil Deposit, malah bank-bank seperti UAB, Perwira Habib, Sabah Bank, syarikat-syarikat kewangan seperti Supreme Finance, Eu Finance dan lain-lain juga menjejaskan kredibiliti sistem kewangan negara.

Di tengah senario inilah Datuk Paduka Daim Zainuddin menjadi Menteri Kewangan pada bulan Julai 1984.

Rencana ini adalah dipetik sepenuhnya dari fokus khas *Dewan Masyarakat*, Januari 1990 sempena pemilihan Daim Zainuddin, ketika itu Menteri Kewangan, sebagai Tokoh Dewan Masyarakat 1989.

Soalan yang timbul ketika itu mampukah beliau membawa negara melalui zaman meleset yang paling buruk dalam sejarah? Berupayakah beliau memberikan pimpinan yang berkesan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dapat menjamin kemakmuran yang berkekalan untuk rakyat yang membawa bersama-samanya kualiti hidup yang lebih bermakna?

Tiga tahun yang lalu, media Barat khususnya mempunyai pandangan yang tersendiri tentang Malaysia. *"Malaysia's economy is in pell-mell retreat and its government's fiscal policy is in complete disarray,"* tulisan sebuah majalah serantau yang berpengaruh. Sebuah akhbar antarabangsa meramalkan Malaysia *"is at the verge of economic collapse."* Dasar kewangan negara dikatakan *in a dismal state of affair.*

Bukan mudah bagi Daim untuk memulakan khidmatnya sebagai Menteri Kewangan. Kontroversi pertama muncul sebaik-baik sahaja beliau memulakan tugasnya. Sejak Januari 1984 lagi menurut beliau, rundingan telah berjalan untuk membeli saham-saham UMBC daripada Multi-Purpose Holdings. Persetujuan kedua-dua pihak hanya dicapai lapan hari sebelum perlantikannya. Walaupun kes ini telah dirujuk kepada Kabinet pada bulan September 1984, namun isu pemilikan 40.7 peratus saham UMBC oleh syarikat milik keluarganya menjadi kontroversi yang berlarut-larutan selepas itu.

Tidak cukup dengan itu, kehadirannya dalam Umno dan Kabinet menimbulkan masalah yang tersendiri kepada Perdana Menteri. Anwar Ibrahim dan Daim Zainuddin yang dibawa masuk oleh Dr Mahathir dianggap "orang luar" yang "dipayung terjun" lalu "belum teruji" dan dianggap tidak cocok dengan "tradisi" dan "kepatuhan bersama" dalam Umno.

"Dengan membawa masuk Daim dan Anwar, PM menanggung risiko yang besar," kata seorang sarjana sains politik. "Tapi pertaruhan PM terbukti. Kedua-duanya menunjukkan prestasi yang cemerlang."

Walau apa pun penilaian yang boleh diberikan kepada Daim, satu hal adalah jelas. Perlantikannya sebagai Menteri Kewangan

ternyata satu ujian ke atas pandangan jauh dan keyakinan Dr Mahathir sendiri. Di tengah kementerian yang tebal birokrasinya dengan jumlah petugas lebih 22,000 serta tempat yang dikatakan sarang penyokong Tengku Razaleigh dan awan gelap yang menyelubungi ekonomi negara, Daim harus membuat pilihan: Mengambil tindakan tegas dan segera walaupun menyakitkan atau membiarkan suasana palsu kepesatan ekonomi bagi menyenangkan semua pihak.

"Saya tidak ada pilihan kecuali bertindak walaupun tindakan itu tidak disenangi," kata beliau dalam satu pertemuan di pejabatnya pada 12 Disember 1989. Beliau melihat keutamaan pada ketika itu antara lain ialah memantapkan pemulihan ekonomi, menambah pendapatan rakyat, melahirkan sektor swasta yang cekap dan dinamis yang boleh menerajui perkembangan ekonomi, memantapkan sistem kewangan negara melalui pengawasan dan kawalan serta mengawal hutang luar negara.

Negara memerlukan seorang pengurus ekonomi yang berani ketika itu. Dengan nisbah pembayaran kembali hutang hampir-hampir 22 peratus, Malaysia boleh meminjam bagi mengulangi perbelanjaan secara *counter-cyclical* seperti sebelumnya walaupun langkah ini pasti akan lebih memburukkan keadaan. Hampir setiap tindakannya ketika itu mendapat kecaman yang hebat. Langkah menjimatkan belanja mengurus bererti kadar pengangguran meningkat menjadi 10 peratus di samping menimbulkan rasa tidak senang kakitangan kerajaan sendiri.

"Saya mahu semua orang komited dalam soal berjimat cermat ini. Saya lakukan hal yang sama kepada Menteri-menteri Besar juga. Saya kata jangan boros, berjimatlah, cerdik sikit berbelanja kerana banyak negeri yang mengalami defisit. Menteri Besar pun marah kepada saya!" kata beliau.

"Kalau kita nak berjimat, betul-betul berjimat, bukan berjimat di sini, dihabiskan di tempat lain," kata beliau lagi. "Siapa yang suka orang yang lokek macam saya? Kita semua sudah biasa mewah."

Bagaimanapun pengkritik beliau berpendapat tindakan penjimatan hanya bersifat kosmetik. "Lebuh raya bernilai lebih RM8 bilion dibina, demikian juga jambatan Pulau Pinang yang dikatakan berharga lebih RM800 juta. Itu belum lagi beberapa projek Hicom yang tidak menguntungkan." komen seorang pemimpin parti Semangat 46.

Kalangan lain melihatnya dengan prasangka. Daim dituduh bertanggungjawab memungkinkan UMBC menjamin pinjaman yang membolehkan Syarikat Hatibudi (yang dikatakan milik Umno) mengambil alih United Engineers Malaysia (UEM), yang kemudian mendapat kontrak besar membina lebuh raya. Daim juga pernah dikecam keras apabila beliau mengarahkan pembekuan *listing* baru di Bursa Saham Kuala Lumpur pada bulan Februari 1985 di samping membenarkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja melaburkan lebih RM70 juta dalam beberapa buah syarikat yang tidak mempunyai status *trustee-stock*.

Beliau dikatakan pilih kasih dan mementingkan bulu. Pelaksanaan dasar ekonomi di bawah pimpinannya lebih menguntungkan pelabur luar, orang kaya dan teman kenalannya.

"Beri saya buktinya," desak beliau. "Baru kita boleh berbilang mengenainya."

Kecaman, tohmah dan fitnah menurut beliau menjadi sebahagian daripada *occupational hazard* sebagai Menteri Kewangan. "Saya tidak akan dapat membuat kerja lain sekiranya setiap tohmah dan kecurigaan ini hendak saya jelaskan," kata beliau.

Beliau beranggapan kerajaan bertanggungjawab ke atas kejayaan sektor swasta. Dalam konsep Persyarikatan Malaysia, kerajaan dan sektor swasta mesti saling bantu-membantu. Sebahagian kejayaan Malaysia mengharungi resensi buruk 1985-86 itu ialah berkat kerjasama ini.

Yang ironis kecaman paling pedas ke atas Daim datang daripada kalangan ahli Umno sendiri. Sebagai *outsider* beliau dianggap pengacau. Langkah jimat cermatnya banyak menyusahkan orang Melayu sendiri.

"Orang Melayu mahu mengambil mudah sahaja," komen beliau. "Saya tahu yang marah orang politik. Mereka fikir mereka berhak buat pinjaman dan mengelak daripada membayar balik pinjaman. Bagi saya, rasa tanggungjawab mesti bermula dari atas. Jikalau pemimpin Melayu tidak menunjukkan teladan, di manakah kredibiliti kita?"

Tambah beliau lagi: "Tanggungjawab saya kepada Dr Mahat-hir, kepada negara, bukan pada golongan kecil yang berkepentingan ini."

Ujian yang paling besar bagi membuktikan apakah tindakan pemulihannya berjaya dilihat pada tahun 1987. Laporan Ekonomi Tahun 86/87 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan sendiri agak pesemis. Untuk tahun 1986 laporan itu bermula dengan catatan ini: "Prestasi ekonomi Malaysia pada tahun 1986 adalah dijangka lebih lemah daripada yang diramalkan terdahulu. Ini disebabkan oleh kejatuhan harga beberapa barangan utama. Pertumbuhan pengeluaran yang diukur dari segi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada harga tetap, kini dijangkakan sebanyak 0.5 peratus sahaja."

Bagi tahun 1987, laporan itu meramalkan perkembangan yang juga lembap dan KDNK dijangka hanya kira-kira satu peratus. Bagaimanapun Bank Negara mengumumkan bahawa KDNK sebenar bertambah 4.7 peratus bagi 1987, bermakna 3 peratus lebih tinggi daripada jangkaan sebelumnya. Gabenor Bank Negara, Tan Sri Jaffar Husein beranggapan bahawa tahun 1987 adalah "tahun yang luar biasa".

Setelah mengalami pemulihan yang lembap sebanyak kira-kira 1.2 peratus KDNK pada tahun 1986, terlihat petanda bahawa negara ini terus memperlihatkan kemajuan yang baik pada tahun 1987. Pada tahun itu juga terdapat pertambahan eksport kira-kira 7.4 peratus berbanding dengan tahun 1986 dan negara mencatatkan lebihan dagangan sebanyak RM14.7 bilion.

Tahun 1988/89 menjadi bukti kejayaan pimpinan ekonomi Daim. Malaysia boleh berbangga dengan pertumbuhan ekonomi mencapai 8.1 peratus dan 7.3 peratus bagi dua tahun itu. Eksport

barangan siap berkembang sebanyak 28.9 peratus pada tahun 1988 dan bertanggungjawab terhadap 49 peratus pendapatan eksport dan ini merupakan peningkatan 33 peratus dari tahun 1985. Pelaburan asing meningkat pada tahun lalu, daripada sejumlah lebih RM9 bilion yang telah diluluskan oleh MIDA, lebih RM4.8 bilion merupakan pelaburan asing.

Siapakah Daim sebenarnya? Seorang pengurus ekonomi yang baik? Atau sekadar lanjutan daripada pemikiran ekonomi Dr Mahathir?

“Saya menyetujui tindakan Dr Mahathir dalam banyak hal. Saya kagumi visinya, saya hormati idea dan impiannya. Bagi saya beliau merupakan Perdana Menteri yang berjiwa besar dan berani,” beliau mengakui. “Tapi tidak semestinya Dr Mahathir tidak membuat kesilapan, saya beritahu di mana saya rasa dia silap.”

Beliau mengakui konsesus harus ada dalam Kabinet. “Tetapi ini tidak bererti kita harus mengorbankan harga diri untuk menjadi pak turut,” kata beliau mengenai komen kononnya beliau hanya menjadi tukang angguk kepada setiap idea Dr Mahathir.

Bagi lain pihak, beliau dikatakan terlalu *business-like* dan som-bong. Sikap beliau yang tidak mahu berkompromi dalam banyak hal dianggap tidak sesuai dengan imej tipikal pemimpin Melayu. Benarkah Daim penyelamat, orang yang bertanggungjawab memberikan harapan dan keyakinan baru kepada ekonomi Malaysia? Benarkah beliau punya “sentuhan emas” yang memungkinkannya segala perubahan?

Sebagai usahawan yang berjaya, beliau menggunakan seluruh kemahiran dan pengetahuan serta konteks dan pemahaman dalam dunia dagang bagi memberikan dinamisme baru kepada pengurusan ekonomi negara. Di bawah pimpinan beliau, Malaysia menapak secara bertatih-tatih tetapi berani untuk mengatasi masalah resensi yang paling buruk pernah berlaku dalam sejarah negara ini.

Pengkritik paling skeptis sekalipun terpaksa mengakui dan

menghargai bahawa beliau seorang pengurus ekonomi yang bijak, berani dan cekal. Beliau telah mencorakkan dan mewarnakan wajah dan suasana negara, memberikan pimpinan dan memperlihatkan visi dan wawasan yang jelas dan sumbangannya dalam bidang yang diceburinya menentukan kualiti hidup jutaan manusia.

Mulai tahun ini, *Dewan Masyarakat* memilih tokohnya sendiri. Dengan pertimbangan terhadap sumbangan beliau kepada negara, *Dewan Masyarakat* menamakan Daim Zainuddin, Menteri Kewangan Malaysia sebagai *Tokoh Dewan Masyarakat 1989*. Sebagai menghormati sikap dan pandangan beliau *Dewan Masyarakat* menyiarkan sebahagian daripada perbualan Ketua Editor Majalah-majalah *Dewan Bahasa dan Pustaka*, Johan Jaafar dengan Daim Zainuddin.

Tentang Ekonomi Dunia Tahun 1990-an

"Sukarnya untuk membuat ramalan yang tepat ekonomi dunia dalam masa sepuluh tahun. Tetapi saya menganggap kadar pertumbuhan tahunan dalam masa setahun dua ini akan stabil dengan 2.5 hingga 3 peratus. Yang jelas Jepun dan Negara-negara Perindustrian Baru (NIC) di Asia akan terus berkembang pesat. Amerika akan menghadapi masalah yang tersendiri. Negara-negara Eropah Timur patut diperhatikan sesuai dengan perkembangan yang lebih liberal dan terbuka di negara-negara tersebut. Prospek negara-negara kurang maju di Afrika, Amerika Latin dan Asia Selatan kurang menggalakkan. Yang mengkhawatirkan saya ialah apabila negara-negara maju melalui EEC dan sebagainya bersepakat untuk mengadakan sekatan ekonomi atau mengenakan dasar perlindungan yang akan merugikan negara-negara sedang membangun."

Tentang Ekonomi Malaysia Tahun 2000

"Sekali lagi saya rasa sukar untuk membuat ramalan yang tepat, cuma saya positif prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka terus menggalakkan. Saya yakin ekonomi negara akan

semakin dipelbagaikan kerana pergantungan kepada satu-satu sektor sahaja amat berbahaya. Sektor pembuatan akan semakin luas asasnya dan kita berharap akan dapat mengekalkan kelebihan pendapatan sektor ini daripada sektor pertanian. Saya membayangkan sektor pertanian yang lebih moden dan sektor perkhidmatan yang lebih cekap dan kompetitif. Saya yakin dasar penswastan kita, demikian juga konsep Persyarikatan Malaysia akan meningkatkan prestasi ekonomi Malaysia.

“Kita harus sedar prospek pertumbuhan ekonomi negara bergantung juga pada prestasi pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian khususnya rakan perdagangan utama negara. Kita harus memastikan bahawa kecenderungan sekarang akan bertahan yakni kita tidak bergantung pada satu atau dua negara untuk eksport kita. Pada masa ini Singapura merupakan punca eksport utama negara yakni 19.3 peratus, EEC 14.4 peratus, Amerika Syarikat 17.3 peratus dan Jepun 17.2 peratus. Kita juga harus memperkukuhkan sumbangan permintaan dalam negeri. Penekanan kepada usaha untuk memajukan sektor pertanian akan tetap menjadi keutamaan kerana sebahagian rakyat miskin terdapat dalam sektor ini. Kita menggalakkan pembangunan pertanian secara moden dan komersial.”

Tentang Dasar Kewangan Negara

“Dasar yang akan menguasai ialah yang berkaitan dengan mengukuhkan lagi pertumbuhan ekonomi. Ini termasuklah mengawal inflasi, terus berjimat cermat dan mengurangkan hutang luar negeri. Langkah-langkah *derugulation* dan *liberalisation* ke atas sistem kewangan negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih menarik untuk pelaburan akan diteruskan. Kedudukan kewangan negara akan juga diperkukuhkan. Demikian juga institusi kewangan yang pernah memberikan banyak masalah akan diawasi dan dikembalikan kepercayaan kepadanya.

“Tidak benar Dasar Belanjawan Negara mengikut kepentingan dan desakan politik semasa. Dasar belanjawan kita berdasarkan kedudukan ekonomi dalam dan luar negeri. Kita

mengukur belanjawan kita daripada keupayaan kita berdasarkan pendapatan hasil, harga barang-barang, perbelanjaan, hutang dan sebagainya. Tidak benar jika dasar belanjawan negara bersifat *reactionary* yang ditentukan oleh kesan spontan atau tindakan impulsif daripada satu-satu isu, misalnya yang dibangkitkan dalam Perhimpunan Agung Umno. Dasar belanjawan negara juga mengambil kira pandangan jauh kita terhadap kemungkinan prestasi ekonomi negara dan dunia dalam masa lima atau sepuluh tahun, malah lebih daripada itu. Sebab itu kita ada Rancangan Malaysia Pertama, Kedua dan sebagainya.”

Tentang Dasar Membantu Bumiputera

“Kita serius dalam soal ini. Dasar kita jelas bahawa langkah membasmi kemiskinan tidak mengira kaum tetapi malangnya sebahagian besar orang miskin merupakan orang Melayu. Janganlah melihat kejayaan segelintir pekilang, usahawan dan ahli perniagaan atau pertumbuhan generasi baru kelas menengah Melayu. Kerajaan merangka Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk menyusun semula masyarakat di samping membasmi kemiskinan. Kadar kemiskinan kita telah turun dengan banyaknya. Sekurang-kurangnya penyusunan semula masyarakat kita telah berjaya melahirkan ribuan profesional Melayu dalam pelbagai bidang termasuk bidang perniagaan. Orang Melayu telah membuktikan keupayaan mereka menjadi pengurus yang baik, lihatlah berapa ramai pengurus Melayu yang diamanahkan untuk memimpin syarikat besar milik bukan Melayu. Siapa pernah termimpikan hal ini yang boleh berlaku 20 tahun yang lalu?

“Saya tidak bersetuju DEB hanya mampu melahirkan segelintir usahawan dan ahli perniagaan Melayu yang berjaya. Lagipun DEB bukan berperanan melahirkan ahli-ahli perniagaan Melayu sahaja. DEB melihat lebih jauh ke hadapan. Mungkin benar usahawan dan ahli perniagaan Melayu yang benar-benar berjaya tidak ramai tetapi kita telah berjaya menyedarkan Bumiputera tentang pentingnya mewujudkan kumpulan usahawan dan ahli perniagaan Bumiputera yang berjaya.

"Bagi rakyat terbanyak, kita melihat kemajuan dalam banyak hal. Kerajaan membelanjakan 2/3 daripada peruntukan pembangunan untuk luar bandar. Lihatlah perubahan yang berlaku kepada orang Melayu di luar bandar. Selain kemudahan asas yang lebih baik, kita lahirkan Tabung Pemulihan Usahawan (TPU), Tabung Usahawan Baru (TUB), MARA dan sebagainya untuk membantu Bumiputera. Berapa banyak pula orang Melayu yang mendapat faedah seperti rancangan FELDA dan FELCRA. Amanah Saham Nasional (ASN) dan kini Amanah Saham Bumiputera (ASB) berjaya mengumpulkan lebih RM6 bilion duit Bumiputera. Orang Melayu juga semakin mewah. Mana tidaknya setiap tahun 30 ribu orang Melayu pergi ke Makkah dan membelanjakan lebih RM200 ribu. Dari segi nisbah penduduk Islam, kita paling ramai ke tanah suci setiap tahun. Tengoklah ke belakang 10 atau 10 tahun yang lalu sebelum menuduh yang bukan-bukan."

Tentang Dasar Pelaburan Negara

"Tidak benar dasar pelaburan kita merugikan negara. Kita mesti beri insentif kepada pelabur. Infrastruktur yang ada sahaja tidak memadai. Kos buruh yang rendah sahaja bukan ukurannya. Para pelabur melihat juga iklim kestabilan negara dan kepesatan perkembangan ekonomi serta iklim pelaburan yang menarik. Saya tidak bersetuju dengan anggapan yang Malaysia masih ketinggalan dari segi menarik pelabur berbanding dengan Negara Thai. Saya percaya sebab pelabur Jepun sanggup melabur RM1.2 bilion, Taiwan RM816 juta dan Singapura RM533 juta dalam enam bulan pertama tahun ini membuktikan kita telah berjaya menarik pelaburan. Malah persidangan *World Economic Forum* baru-baru ini meletakkan Malaysia sebagai negara yang ketiga paling kompetitif di luar OECD selepas Hong Kong dan Singapura. Firma-firma elektrik dan elektronik yang dikaji oleh JICA telah memilih Malaysia sebagai pilihan utama dari segi iklim pelaburan diikuti oleh Singapura, Negara Thai dan Korea Selatan. Tidak benar pelaburan swasta merosot kerana DEB. Kerosotan pelaburan pada pertengahan 1980-an itu adalah kerana kemelesetan ekonomi dunia. Jangan jadikan DEB sebagai alasan."

Tentang Sistem *Laissez Faire*

"Kita memang membuat sistem kawalan pertukaran wang yang liberal bagi membolehkan pergerakan keluar masuk modal secara bebas di negara ini. Tetapi rekod menunjukkan bahawa dari segi kawalan pertukaran wang, negara tidak menghadapi masalah pengaliran wang ke luar negeri yang luar biasa. Memang ada tuduhan mengatakan berbilion-bilion wang dari dalam telah keluar. Tetapi saya percaya pengaliran ini terkawal dan tidak menjejaskan sistem kewangan negara. Malah mengikut rekod kita, bagi tahun 1987 dan 1988, pengaliran masuk modal ke Malaysia melebihi pengaliran keluar modal. Dalam tahun 1989, imbalan dalam akaun modal juga dijangka baik disebabkan oleh kemasukan modal pelaburan yang kukuh. Pengaliran wang keluar ini berpunca daripada banyak faktor, saya tidak bersetuju puncanya daripada kekhuatiran pelabur Cina terhadap DEB. Memang ada sebuah organisasi *think-tank* yang menyebut bahawa terdapat pengaliran keluar yang memeranjatkan daripada purata RM3 bilion pada 1987. Tetapi Bank Negara beranggapan jumlah ini dilebih-lebihkan. Kita mengamalkan sistem yang liberal bagi menggalakkan kemasukan pelabur asing secara besar-besaran. Satu perkara lagi, peniaga-peniaga yang *genuine* baik Cina atau India faham tentang DEB, orang politik dan ekonomi sahaja yang heboh."

Tentang Sikap dan Mentaliti Melayu

"Orang Melayu boleh berjaya sekiranya mereka memberikan perhatian kepada pengurusan masa dan wang. Mereka harus lebih kompetitif, lebih bersedia menghadapi cabaran yang lebih besar dan sanggup menghadapi kegagalan. Kemelesetan ekonomi tahun 1985/86 ada rahmatnya. Peniaga Melayu sedar bahawa mereka tidak boleh terus bergantung kepada kerajaan. Pada peringkat awal mungkin kerajaan memang patut membantu. Kemelesetan ekonomi telah mengajar mereka supaya lebih berdikari. Mereka perlu mengubah sikap dan menanamkan budaya niaga yang betul. Mereka mesti sanggup belajar daripada kejayaan dan kegagalan

orang lain. Kadangkala peniaga Melayu yang mahu mengambil jalan ringkas, mahu cepat untung.

“Dalam dunia niaga tidak ada jalan mudah. Kadang-kadang kita perlu *street-smart*. Lihat usahawan Cina yang bermula daripada kosong. Benar sekarang ini sudah banyak lulusan MBA yang turut menguruskan syarikat-syarikat mereka. Tetapi pada masa mereka bermula dulu, jangan kan bercakap Inggeris, menyebut MBA pun belum tentu betul. Orang Melayu kebanyakan pula harus mengambil peluang daripada rancangan Skim Amanah Saham Bumiputera. Amanah Saham Nasional memang membanggakan tetapi kerajaan khuatir pembeli unit-unit ASN itu akan menjual saham mereka mengikut harga pasaran pada tahun 1991 bagi mendapatkan keuntungan segera.

“Kita harus bercakap terus terang bahawa orang Melayu kadang-kadang tidak mahu ditolong. Kita beri kontrak, mereka alibabakan. Kita beri kemudahan, mereka menyalahgunakan kemudahan itu. Sampai bila orang Melayu akan berterusan begini? Pada peringkat yang lebih tinggi orang Melayu menyalahgunakan kedudukan mereka. Kalau jadi anggota lembaga pengarah, merekalah yang pertama menuntut pinjaman. Setengah-setengah orang Melayu fikir mereka ada hak atau keistimewaan untuk tidak membayar pinjaman. Semua ini harus diubah. Mereka datang jumpa saya minta kontrak. Saya kata keputusan bukan saya seorang yang membuatnya, kita ada jawatankuasa tender, ada peraturan dan ada dasar. Kalau nak lobi saya boleh, tapi saya tak boleh janji apa-apa. Bagi saya senang sahaja, kalau ada 10 orang, kenapa saya beri keutamaan kepada seseorang? Itu pun ada tuduhan mengatakan saya pilih kasih dan mengutamakan kenalan dan kerabat saya. Mana buktinya? Cakap di belakang-belakang buat apa?”

Tentang Kementerian Kewangan

“Kementerian Kewangan merupakan sebuah kementerian yang besar. Kita akui memang ada *black sheep* tetapi pada keseluruhannya saya berani mengatakan bahawa pegawai-pegawai

Kementerian Kewangan bersih, cekap dan amanah. Mana-mana yang tidak cekap atau yang disyaki rasuah kita akan ambil tindakan. Dalam birokrasi sebesar ini kita harus faham dengan ragam pelbagai manusia. Satu contoh yang harus saya akui ialah lesen judi yang menjadi kontroversi tidak lama dahulu. Saya tidak boleh lari daripada menerima tanggungjawab ini. Saya telah meluluskan 13 lesen tetapi ada pegawai-pegawai yang tidak patuh arahan saya dan mengeluarkan 105 lesen. Saya harap hal ini tidak berulang lagi. Sedikit sebanyak, saya cuba menerapkan nilai bekerja di sektor swasta supaya kakitangan Kementerian lebih cekap. Saya pastikan semua surat mesti dijawab dalam tempoh lima hari. PR penting dalam organisasi seperti ini tambahan pula kita berurusan dengan orang ramai. Kalau salah kita, kita tidak diaman. Kalau orang lambat siapkan atau bayar, kita denda: kalau kita lambat, bagaimana? Bagi saya kalau kerajaan lambat, kerajaan pun patut didenda. Apabila orang membuat tuntutan kita tidak lengahkan pembayarannya. Dalam dunia niaga mereka terpaksa membayar faedah. Kalau ada kontraktor yang tidak senang dengan layanan Kementerian Kewangan mereka boleh membuat aduan. Hantar surat terus kepada saya. Saya tahu mereka takut di *black list* tapi kalau mereka tidak beritahu bagaimana saya dapat menilai prestasi orang saya."

Tentang Political Favour

"Saya dah muak dengan tuduhan ini. Berikan saya contoh supaya boleh kita siasat bersama. Kita ada sistem yang tersendiri dalam melaksanakan tugas ini. Bagi tender kurang daripada RM10 juta, kuasa boleh diberikan kepada kementerian atau jabatan kerajaan berkenaan untuk memutuskannya. Bagi tender melebihi RM10 juta, semua keputusan yang telah dibuat pada peringkat jabatan atau kementerian hendaklah dirujuk kepada Kementerian Kewangan. Jawatankuasa tender di Kementerian Kewangan berfungsi memastikan bahawa tender-tender yang telah diputuskan dibuat mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Saya tidak nampak cara dan prosedur yang telah ditetapkan ini boleh memungkinkan pilih kasih untuk pertimbangan politik. Dulu ada

pihak yang menuduh tindakan undang-undang hanya diambil ke atas orang-orang Umno dalam Team B.

“Jawab saya senang sahaja. Siapa yang berhutang dan tidak membayar hutang mesti diambil tindakan, baik orang Team A, B, Semangat 46, siapa sahaja. Ada orang kata tindakan memberhentikan ratusan pekerja Kompleks Kewangan bermotif politik. Jawabnya mudah sahaja, syarikat itu rugi, kalau rugi, siapa nak bayar gaji? Pelik betul sikap sebahagian besar rakyat kita. Apa pun pertimbangan dan tindakan kita semuanya dilihat daripada kaca mata politik. Banyak lagi kemarahan orang pada saya. Saya tegur banyak Syarikat-syarikat Awam Bukan Kewangan (NFPE) yang tidak diurus dengan cekap. Kita beri peluang kepada orang Melayu menguruskan Perusahaan Otomobil Nasional tetapi tidak terampil, saya tukarkan. Saya letakkan Tan Sri Eric Chia di Perwaja, Terengganu untuk memperbaiki pengurusan syarikat usahasama yang amat besar modalnya itu. Orang katakan saya utamakan orang bukan Melayu. Mereka tidak lihat berapa banyak orang Melayu yang turut saya hargai dan kagumi.”

Tentang Label *Outsider* dalam Umno

“Saya pun dah jemu-jelak dengan label ini. Saya fikir saya lebih *inside* dan lebih lama bersama Umno daripada banyak orang yang mengkritik saya.

“Dalam tahun 60-an, saya adalah salah seorang penceramah Umno. Datuk Hussein Ahmad, Ketua Penerangan Umno sekarang adalah bekas murid saya. Saya kenal Allahyarham Tun Razak, Tun Hussein Onn dan Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar dan saya sama-sama dahulu mengambil bahagian menegakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Saya juga telah dilantik menjadi Pengerusi Peremba, anak syarikat milik UDA dan Fleet Group yang dipunyai oleh Umno. Saya lancarkan TV3 untuk parti. Saya juga pernah dilantik Senator dan pada pilihan raya 1982 saya bertanding. Sebelum Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, saya juga pernah berdamping dengannya. Oleh itu saya telah lama berkecimpung dalam politik Umno. Tapi saya tidak suka hebohkan

khidmat saya. Saya suka buat kerja senyap-senyap. Kita menabur jasa tak perlu canang. Jadi ramai yang tidak tahu. Mungkin sebab itu ada orang anggap saya *outsider* dalam Umno."

Tentang Ahli Umno

"Ahli-ahli Umno sekarang lebih matang, lebih kritikal, terbuka dan pandai membuat penilaian. Pandangan dan pendapat mereka lebih bernas. Jangan terkeliru dengan retorik. Kalau mereka berjenaka, itu hanya untuk menarik perhatian perwakilan. Tapi isinya ada dan bernas. Saya tidak setuju pandangan yang mengatakan bahawa isu yang dibangkitkan oleh para perwakilan dibuat secara spontan atau impulsif. Bagi kebanyakan isu yang dibangkitkan, para perwakilan telah membuat kajian dan penyelidikan. Ia telah dibincangkan pada peringkat cawangan, bahagian dan negeri. Para perwakilan adalah kuasa tertinggi parti. Jadi para pemimpin ambil berat dan dengar. Tabung Usahawan Baru (TUB) yang diumumkan oleh kerajaan dalam Perhimpunan Agung Umno yang lalu adalah satu contoh hasil positif daripada suara perwakilan. Umno adalah parti *grassroot*."

Published by the American Medical Association, 535 North Dearborn Street, Chicago, Ill.
Subscription price, Five Dollars per Annum in Advance. Single Copies, Fifteen Cents.
Entered as Second-Class Matter, May 26, 1882. Postpaid at Special Rate of \$3.00 per Annum.
Acceptance for mailing at Special Rate of Postage provided for in Act of October 3, 1917.
Copyright, 1919, by American Medical Association

Published for the Proprietor by the American Medical Association, 535 North Dearborn Street, Chicago, Ill.

Subscription price, Five Dollars per Annum in Advance. Single Copies, Fifteen Cents.
Entered as Second-Class Matter, May 26, 1882. Postpaid at Special Rate of \$3.00 per Annum.
Acceptance for mailing at Special Rate of Postage provided for in Act of October 3, 1917.
Copyright, 1919, by American Medical Association

Published by the American Medical Association, 535 North Dearborn Street, Chicago, Ill.
Subscription price, Five Dollars per Annum in Advance. Single Copies, Fifteen Cents.
Entered as Second-Class Matter, May 26, 1882. Postpaid at Special Rate of \$3.00 per Annum.
Acceptance for mailing at Special Rate of Postage provided for in Act of October 3, 1917.
Copyright, 1919, by American Medical Association

Published for the Proprietor by the American Medical Association, 535 North Dearborn Street, Chicago, Ill.

Subscription price, Five Dollars per Annum in Advance. Single Copies, Fifteen Cents.
Entered as Second-Class Matter, May 26, 1882. Postpaid at Special Rate of \$3.00 per Annum.
Acceptance for mailing at Special Rate of Postage provided for in Act of October 3, 1917.
Copyright, 1919, by American Medical Association

Published by the American Medical Association, 535 North Dearborn Street, Chicago, Ill.

Subscription price, Five Dollars per Annum in Advance. Single Copies, Fifteen Cents.
Entered as Second-Class Matter, May 26, 1882. Postpaid at Special Rate of \$3.00 per Annum.
Acceptance for mailing at Special Rate of Postage provided for in Act of October 3, 1917.
Copyright, 1919, by American Medical Association

Published for the Proprietor by the American Medical Association, 535 North Dearborn Street, Chicago, Ill.

Subscription price, Five Dollars per Annum in Advance. Single Copies, Fifteen Cents.
Entered as Second-Class Matter, May 26, 1882. Postpaid at Special Rate of \$3.00 per Annum.
Acceptance for mailing at Special Rate of Postage provided for in Act of October 3, 1917.
Copyright, 1919, by American Medical Association

Published by the American Medical Association, 535 North Dearborn Street, Chicago, Ill.

Subscription price, Five Dollars per Annum in Advance. Single Copies, Fifteen Cents.
Entered as Second-Class Matter, May 26, 1882. Postpaid at Special Rate of \$3.00 per Annum.
Acceptance for mailing at Special Rate of Postage provided for in Act of October 3, 1917.
Copyright, 1919, by American Medical Association

Published for the Proprietor by the American Medical Association, 535 North Dearborn Street, Chicago, Ill.

Subscription price, Five Dollars per Annum in Advance. Single Copies, Fifteen Cents.
Entered as Second-Class Matter, May 26, 1882. Postpaid at Special Rate of \$3.00 per Annum.
Acceptance for mailing at Special Rate of Postage provided for in Act of October 3, 1917.
Copyright, 1919, by American Medical Association

Published by the American Medical Association, 535 North Dearborn Street, Chicago, Ill.

Subscription price, Five Dollars per Annum in Advance. Single Copies, Fifteen Cents.
Entered as Second-Class Matter, May 26, 1882. Postpaid at Special Rate of \$3.00 per Annum.
Acceptance for mailing at Special Rate of Postage provided for in Act of October 3, 1917.
Copyright, 1919, by American Medical Association

Published for the Proprietor by the American Medical Association, 535 North Dearborn Street, Chicago, Ill.

Subscription price, Five Dollars per Annum in Advance. Single Copies, Fifteen Cents.
Entered as Second-Class Matter, May 26, 1882. Postpaid at Special Rate of \$3.00 per Annum.
Acceptance for mailing at Special Rate of Postage provided for in Act of October 3, 1917.
Copyright, 1919, by American Medical Association

Published by the American Medical Association, 535 North Dearborn Street, Chicago, Ill.

TOLAK GELARAN TUN: **BUKTI GHAFAR LEBIH TEGAS DARI ANWAR, NAZRI AZIZ DAN ZAHID HAMIDI**

Ghafar Baba nampaknya tetap kekal tanpa gelaran di pangkal namanya. Ghafar tidak pernah dianugerahkan gelaran-gelaran yang menjadi idaman tokoh-tokoh politik yang lain. Anwar Ibrahim sendiri, yang hanya menyertai Umno pada tahun 1982 (ketika itu Ghafar sudah 20 tahun menjadi Naib Presiden Umno) sudah tiga kali dianugerahkan gelaran Datuk Seri. Mahathir yang begitu hebat menentang raja-raja Melayu dan semangat feodal pun menerima gelaran Datuk Seri.

Kelantangan Anwar menyelar raja-raja Melayu terserlah dalam pindaan Perlembagaan terbaru yang dikemukakannya sendiri di Parlimen bagi mendefinisikan istilah "nasihat" kepada raja. Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah mengulas hal ini: "Pindaan Perlembagaan... (itu) adalah bagaikan hayunan tukul besi yang menghancurkan sama sekali peranan institusi raja-raja kita. Pindaan ini telah meletakkan kedudukan Yang di-Pertuan

Agong dan Raja-Raja Melayu di bawah telunjuk Perdana Menteri dan Menteri-Menteri Besar. Kini mereka menjadi “budak suruhan” pemimpin yang berkuasa, kerana “nasihat” Perdana Menteri dan Menteri-Menteri Besar sekarang sudah menjadi arahan yang wajib dipatuhi. Ini termasuk nasihat yang merupakan arahan yang boleh mendatangkan malapetaka kepada agama, bangsa dan negara, juga wajib dipatuhi oleh raja-raja Melayu.”

Begitu juga dengan panglima-panglima Anwar yang lantang mencerca raja-raja Melayu sewaktu menjelang pindaan Perlembagaan 1993 melupuskan imuniti raja. Kadang-kadang suara mereka melebihi apa yang dihasratkan oleh pemimpin yang lebih atas. Dua orang tokoh muda Umno, Nazri Aziz dan Zahid Hamidi juga dianugerahkan gelaran Datuk. Walhal dua orang anak muda ini belum pun lahir ketika Ghafar sibuk membantu perjuangan Umno di Melaka atas jawatannya sebagai Setiausaha Umno Melaka.

Namun Ghafar yang diibaratkan bagai “habis manis sepah dibuang” tetap mesra dipanggil Pak Ghafar. Ghafar yang diketepikan Umno Baru selepas Umno “menelanjangkan” raja-raja Melayu terus kekal sebagai orang biasa tanpa gelaran. Musa Hitam yang mahu bersara dari politik dan pernah menentang Mahathir juga dianugerahkan gelaran Tan Sri dan dengan senang hati menerimanya. Dalam hal ini tentunya Musa tertinggal jauh di belakang Daim Zainuddin yang menerima gelaran Tun bersama bekas Ketua Menteri Pulau Pinang dan bekas Ketua Polis Negara.

Apakah dengan menerima gelaran dari raja-raja Melayu dan juga Yang Dipertuan Negeri, bermakna seseorang itu terus terikat dengan semangat feudalisme? Bukankah semangat feudalisme itu mahu dibuang jauh-jauh dari nurani orang Melayu? Apakah ada lagi kehormatan diri seseorang setelah keliling negara pukul canang mengecam raja-raja Melayu, menelanjangkan keaiban mereka, mendedahkan sikap buruk mereka, mengherdik mereka di khalayak ramai, tiba-tiba menerima pula darjah kebesaran dari raja-raja Melayu? Ghafar tentu ada jawapan yang sesuai terhadap soalan itu.

Kalau semasa memegang jawatan dahulu dikatakan Ghafar sememangnya tidak akan menerima sebarang darjah kebesaran. Khir Johari mendedahkan bahawa beliau bersama Senu Abdul Rahman dan Pak Ghafar telah berjanji tidak akan menerima sebarang darjah kebesaran sehingga mereka bersara dari politik. Khir dan Senu kini sudahpun bergelar.

Soalnya, Ghafar sekarang telah bersara. Tetapi Ghafar tidak bersara secara sukarela. Ghafar telah "disembelih" oleh ahli-ahli Umno sendiri. Ghafar telah dimalukan. Segala keaiban Ghafar didedahkan. Akhirnya, mungkin kerana tak tahan menerima deraan sehebat itu, maka Ghafar meletakkan jawatan dan menarik diri dari mempertahankan kerusi Timbalan Presiden Umno. Ghafar membawa diri ke luar negara. Selepas ini susahlah para wartawan hendak menulis riwayat hidup Ghafar kerana beliau mengakhiri kerjaya politiknya dengan begitu tragis. Jasanya tidak lagi dikenang.

Wartawan *Sunday Star*, Wong Chun Wai pernah bertanya apakah benar Ghafar menolak anugerah Tun kepadanya. Ghafar enggan mengulas lanjut hal itu. Bagaimanapun Ghafar berkata: "*I am comfortable with plain Encik. Some people call me Pak Ghafar, some still call me cikgu, it doesn't matter.*"

Mungkin ada pihak melihat Ghafar tidak banyak menyumbangkan sumbangan ke arah pembangunan negara. Imej Ghafar amat tidak sesuai sebagai pengganti Mahathir. Ghafar dikatakan terlalu lemah untuk membawa negara ke mercu keagungan seperti impian Mahathir. Ghafar hanya sesuai untuk 60-an dan awal 70-an. Sekarang zaman serba pantas, serba canggih. Ghafar hanya diperlukan bila Umno dan Barisan Nasional dihimpit masalah dalaman. Ghafar hanya dirasakan kehadirannya ketika pilihan raya kecil. Ghafar ditarik untuk mewakili Umno bagi berhadapan dengan raja-raja Melayu. Selain itu, dakwa musuh-musuh politiknya, Ghafar lebih suka menghabiskan masanya di padang-padang golf. Memang benar minat Ghafar cukup mendalam dengan golf. Beliau sendiri mengakui dalam wawancaranya dengan *Sunday Star*, 12 Jun 1994: "*I am at the golf course at least twice*

a week, spending at least three hours, usually in the afternoons, hitting away. I go to various courses."

Apa pun yang diperkatakan, namun Ghafar banyak berbakti pada Mahathir, khususnya dalam menangani percaturan politik tanahair. Ketika Mahathir dilambung ombak masalah dan ditiup taufan krisis, Ghafarlah yang berada di sisinya. Mahathir sedar akan hal ini. Tapi apakan daya Mahathir. Taufan perubahan yang dibawa Anwar tidak dapat disekat lagi. Mahathir tidak mampu bertahan menghadapinya. Nanti dengan Mahathir sekali jatuh longkang!

Elok juga direnung ungkapan Sanusi tentang keperluan Ghafar dalam Umno: "Apakah Encik Ghafar Baba hanya perlu dalam Umno waktu Umno dalam krisis? Apakah Encik Ghafar Baba hanya perlu dalam Umno waktu Umno berdepan dengan pilihan raya? Apakah Encik Ghafar Baba hanya perlu dalam Umno waktu ada krisis dalam MCA? Apakah Encik Ghafar Baba hanya perlu dalam Umno waktu krisis dengan raja-raja? Apakah Encik Ghafar Baba hanya perlu dalam Umno di waktu Umno masuk ke Sabah kerana PBS keluar dari BN? Apakah apabila negara sudah kaya raya dan kita boleh bahagi-bahagi wang di merata-rata dengan kontrak dan saham yang melimpah ruah maka pada waktu itu Encik Ghafar Baba tak guna lagi. Kita tidak kenal lagi Encik Ghafar Baba, budi Encik Ghafar dilupakan. Ghafar sudah tidak boleh dipakai, Ghafar laksana hampas yang santannya sudah habis. Ghafar wajib pergi sekarang, perlu ditentang, perlu dihina dan perlu dihantar ke perkuburan tanpa keranda. Tanpa penghormatan."

Dikatakan Ghafar cukup berkecil hati dengan peranan yang dimainkan oleh Mahathir dalam pertandingan 1993. Ketegasan Mahathir dalam mempertahankan Ghafar dipertikai. Begitu juga pendirian berkecuali yang Mahathir ambil selepas sokongannya terhadap Ghafar digelapkan oleh media. Sebenarnya Mahathir tidak ada pilihan lagi. Ghafar tentunya akan menyalahkan Mahathir. Walaupun Anwar sendiri datang berjumpa dengannya, memberi jaminan tidak akan bertanding, Ghafar tidak sepatutnya keliru dengan perkembangan itu. Pertandingan, walaupun dalam

parti, adalah diibaratkan seperti peperangan. Perang bermakna tipu helah. Dan itulah yang dilakukan Anwar. Dalam wawancara dengan editor *Dunia Islam*, Samsuri Roslan, keluaran Julai 1994, Ghafar menjelaskan: "Saya fikir pada mulanya tiada pertandingan sebab Anwar sendiri datang pejabat saya mengatakan tidak akan bertanding menentang saya, jadi saya fikir tidak bertandingleh, dan tidak membuat apa-apa. Lagipun dalam sejarah perjuangan dalam Umno, pertandingan hebat seperti ini tidak pernah berlaku. Saya ikut cara lama."

Justeru itu difahamkan Ghafar terus menyepi, mungkin masih meratapi nasibnya yang diperlakukan sedemikian rupa oleh ahli-ahli Umno sendiri. Lalu Ghafar tidak menghadiri perhimpunan agung Umno 1993. Ghafar membawa diri. Ghafar tidak lagi memanfaatkan kedudukannya sebagai bekas TPM. Hinggakan untuk melalui lorong VIP di lapangan terbang pun Ghafar sudah tidak sudi lagi. Dengan beg plastik di tangan Ghafar berjalan tanpa pengiring. Ghafar sudah menerima hakikat dia di pihak yang kalah. Sesungguhnya dalam politik pihak yang menang akan menguasai segala-galanya, sementara pihak yang kalah, walaupun dengan majoriti tipis akan hilang segala-galanya.

Dipercaya Mahathir pernah cuba menghubungi Ghafar. Maklumlah kalau Ghafar disisihkan kerana sudah tua, Mahathir pun seusia dengannya. Hari ini hari Ghafar, esok mungkin hari Mahathir. Malangnya Ghafar berdiam diri. Ghafar mahu melupakan segala-gala yang pedih dan ngilu. Ghafar mahu melupakan segala kenangan pahitnya bergelumang bersama-sama Umno. Hari ini untuk Anwar. Biarkanlah orang muda pula menunjukkan belang. Tapi kalau sudah tak larat mungkinkah Ghafar sedia aktif semula? Kata Ghafar: "Jika berlaku kacau-bilau, dan hendakkan tenaga saya, saya sedia untuk bantu. Ini memang tabiat saya dari dahulu." Bagaimanapun, Ghafar elok lupakan saja hasrat itu. Ghafar lebih baik memanfaatkan masa mendekati Allah, jangan hanya sibuk di padang-padang golf.

Untuk mengenang jasa Ghafar, Mahathir melalui Yang di-Pertuan Agong yang baru berhasrat menganugerahkan darjah kebesaran tertinggi iaitu Tun. Tapi apalah ada pada gelaran Tun

selepas dihina, diperkecilkan dan dipinggirkan. Gelaran Tun sekarang ini tidak eksklusif dahulu. Penghargaan Mahathir itu sebenarnya tidak diberikan sebarang respons. Ghafar tidak memberikan apa-apa jawapan. Tidak tahulah bagaimana Mahathir menafsirkan respons Ghafar itu; apakah Ghafar menerima atau menolak?

Bagaimanapun dalam zaman Umno sudah berani mencerca raja-raja, tidak lagi menghormati institusi kesultanan Melayu, sikap yang Ghafar ambil, iaitu tidak menerima gelaran Tun, adalah sikap ahli Umno yang berpegang teguh dengan komitmen parti. Dalam hal ini Ghafar jauh melebihi Anwar, Nazri Aziz dan Zahid Hamidi. Benar, walaupun sudah dipaksa bersara lebih awal, tetapi kesetiaan Ghafar kepada partinya sukar dipertikai! Dalam hal ini, sekurang-kurangnya hingga saat ini, Ghafar tidak mahu ditohmahkan, “cagak tak serupa bikin.” Ghafar memang pernah membentangkan usul membincangkan perilaku raja di Parlimen berikutan kes Sultan Johor dikatakan menampar seorang jurulatih hoki, di Istana Bukit Serene. Tapi Ghafar membuktikan cakupannya dengan menolak sebarang gelaran daripada istana. Sedangkan Anwar tidak, baru-baru ini, Julai 1994, sekali lagi dianugerahkan gelaran Datuk Seri, setelah membentangkan pindaan Perlembagaan, yang terus mengikat raja-raja Melayu, pada Mei 1994.

Selain Tengku Razaleigh, timbalannya, Rais Yatim, sewaktu merasmikan Mesyuarat Agung Pergerakan Pemuda dan Wanita Semangat 46, pada 10 Jun 1994 memberikan komentarnya dalam isu ini: “Pada pindaan yang terbaru ... kuasa ini (budibicara tidak menandatangani sesuatu rang undang-undang bukan kewangan) dihapus sama sekali. Sama ada raja menandatangani atau pun tidak, sesuatu rang undang-undang itu ianya tetap menjadi undang-undang. Menjadilah raja sebagai pemberi “tanda dobi” atau *rubber stamp* kepada apa yang diperbuat oleh Parlimen melalui kuasa eksekutif. Zalim atau opresif sesuatu rang undang-undang itu tidak perlu lagi diperhitungkan oleh raja kerana tanpa tandatangan baginda sesuatu rang undang-undang itu terus boleh jadi undang-undang. Di samping itu raja diwajibkan menerima semua “nasihat” daripada Perdana Menteri atau Menteri Besar.

Pindaan ini menjadikan raja itu sebagai orang suruhan "mamanda perdana menteri" atau menteri besar. Istilah "nasihat" di situ sebenarnya bermakna "arahan".

"Jika sudah begitu jadinya, apa lagi yang perlu pada seseorang raja itu? Kenapa Perdana Menteri tidak ketepikan sahaja raja dengan tidak payah lagi bagi raja menandatangani rang undang-undang? Jika ini yang dikehendaki dalam hati kecil kenapa tidak diserlahkan "nasihat hendaklah diikuti" sekalipun nasihat itu menjahanamkan negara? Kalau begitu kenapa tidak Perdana Menteri sahaja jadi raja? Bukankah lebih senang? Tunggang kuda pacu sendiri."

Asiaweek 3 Mac 1993, dalam satu wawancara khasnya dengan Anwar, bertanya mengapa ada usaha menentang raja-raja Melayu ketika itu, iaitu menjelang pindaan Perlembagaan yang melupuskan imuniti raja. Anwar menjawab: *"Because of the ruler's excesses. You give advice politely, they take no heed. But there's limit to our patience and enough is enough. In a democracy we mature by ensuring that undemocratic practices are not tolerated. It's a maturing process. What's next? There is talk about freedom, fundamental liberties, greater accountability."*

Mendengar cakap Anwar memang sedap, apatah lagi dengan lunak merdu suaranya yang menawan itu. Memang, berbekalkan media yang sudah dicucuk hidung, boleh diarah ke mana sahaja yang disukainya, raja "ditelanjangkan". Segala salah laku raja dipamerkan di hadapan umum. Hasrat mereka hanya satu, supaya kehormatan raja hancur berkecai. Pemimpin-pemimpin tertinggi Umno mahu rakyat tidak lagi hormatkan raja, kata orang, daulat raja sudah hilang. Mereka mahukan rakyat hanya tunduk dan patuh kepada arahan mereka sahaja. Walhal apalah kuasa yang ada lagi pada raja-raja Melayu sehingga diserang dan dikecam begitu rupa.

Rais Yatim mengulas isu ini: "Raja Melayu itu sudah cukup diikat di dalam Perlembagaan negara dan negeri masing-masing. Kuasa dan bidang tugas mereka yang dulunya seluas alam kini sudah dilipat sekecil kuku. Cuba tunjukkan oleh si cerdik pandai

Umno Baru itu, perkara mana dan fasal mana yang menunjukkan bahawa masih begitu luas atau masih begitu sewenang-wenang kuasa diraja Melayu. Ketahuilah, kuasa raja-raja Melayu itu kini sudah menjadi kurang sehiris sebelanga untuk lupus. Kalau kuasa raja hendak dikurangkan lagi, tentu ada kuasa lain yang akan ditambah dan mengatasi kuasa raja. Siapa yang nak jadi maharaja sekarang?"

Seterusnya Rais mengakui: "Kita tidak menafikan bahawa ada perbuatan raja itu yang layak ditegur dan dikawal terbitan dari tindakan-tindakan yang menyalahi rukun hidup moden ini. Tetapi siapa yang tegur kediaman menteri yang berjuta ringgit nilainya? Siapa yang tegur pengumpulan harta yang bertimbun yang dilakukan oleh menteri kabinet? Mana etika menteri?"

Justeru itu Timbalan Presiden PAS, Haji Abdul Hadi Awang sendiri menekankan bahawa penguatkuasaan akta-akta yang mengetepikan keadilan seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan Akta Rahsia Rasmi (OSA) jauh lebih zalim daripada peristiwa di Bukit Serene, Johor. "Mengapa diheboh-hebohkan peristiwa raja menampar seseorang, tetapi dalam masa yang sama kita lupakan bagaimana OSA dan ISA yang menampar (kehor-matan) berjuta-juta rakyat? Adakah kita hanya nampak seorang menampar orang lain, tetapi tidak nampak apabila yang 'ditampar' itu melibatkan berjuta-juta orang."

Presiden PAS, Haji Fadzil Mohd Noor, sambil menyifatkan kekebalan itu sebagai "baju besi", menegaskan: "Kita tidak mahu baju besi yang dipakai oleh raja-raja sekarang dipindahkan pula kepada pemimpin Barisan Nasional, yang sememangnya sudah memakai baju besi."

"Siapa yang sebenarnya maharaja sekarang," tanya Rais Yatim. "Jawabnya ialah Perdana Menteri dan timbalannya."

Sementara itu Lim Kit Siang, Setiausaha Agung DAP juga mengulas isu memansuhkan imuniti raja ini: "*If it is really democratisation, it must not stop there. The same principle must be accepted by the political elit, otherwise it may lead to the concentration of power.*"

Kita menunggu Anwar mengotakan penegasannya untuk tidak bertolak ansur dalam amalan tidak demokratik. Apa khabar BPR yang menyiasat kes Rahim Tamby Chik dan Samy Vellu? Bagaimana pula dengan cadangan meminda ISA yang disuarakan sendiri oleh Anwar?





MAHATHIR dah balik jadi doktor? Kenapa? Apakah Anwar sudah menjatuhkannya?



SIAPA ketawakan siapa?



WALAUPUN kalah teruk Sanusi tetap ketawa senang. Selagi Mahathir sukakannya, Sanusi tidak diketepikan terus.



GELAK sakan! Maklumlah abang Anwar sudah ke puncak jaya.



SEDIH dan pilu. Kedudukan Anwar mungkin tergugat?



"SAYA yakin Anwar boleh gantikan Datuk Seri," mungkin itu perbualan antara Presiden MCA dengan Mahathir. "Tapi ... bukan sekarang. Waktu saya masih berkuasa, jangan cuba nak kacau," sambut Mahathir.



SIAPA kata Mahathir dengan Anwar krisis? Hubungan Mahathir - Anwar ibarat anak dengan bapa. Akrab dan intim, mesra dan meriangkan. Itulah dakwaan sesetengah penyokong Anwar.




SERIOUS tidak bermakna ada ketegangan. Malaysia perlukan pemimpin yang serius dan dedikasi.




Mesranya Sanusi dan Mahathir. Hanya Sanusi harapan Mahathir bila berhadapan dengan Anwar kelak. Sanusi sanggup "bermandi darah" untuk Mahathir.



MAHATHIR bersama Gabenor Bank Negara yang berhenti kerana Bank Negara rugi lebih RM30,000 juta. Daim di sebelahnyanya. Mana pula Anwar sebagai Menteri Kewangan. Apakah Mahathir lebih percayakan Daim dalam hal ehwal kewangan?



HANYA sebagai hiasan, mengenang zaman lampau. Bila Mahathir akan berundur macam Ghafar. Mahathir pun seusia dengan Ghafar. Juak-juak Anwar tak sabar lagi untuk membolot segala-galanya



Perhati apa tu Datuk Seri? Bukankah Datuk Seri selama ini tidak berminat dengan pertanian? Bukankah Datuk Seri hanya sibuk dengan industri besar-besar sahaja? Ini pemandangan di Bukit Cerakah yang menjadi kebanggaan Sanusi.



NAK tandatangan, tandatanganlah. Apa yang perhati tajam tu? Apa yang dibimbangkan lagi, Ghafar sudah "dikebumikan" dengan baik oleh Sanusi. Raja-raja pun dah hilang serinya.



HANCURKAN PAS di Terengganu, kalau tidak ... cukup! Penggal depan MB bagi peluang orang lain pula.



Hebat betul Anwar semasa mengisytiharkan perang terhadap Ghafar. Segala hulubalang dan panglimanya, termasuk juga pak pacak, dikerah menghadiri perhimpunan ini. Gegak gempita PWTC dengan sorakan menyokong cabaran Anwar terhadap Ghafar. Semua menteri hadir kecuali Pak Lah, Sanusi dan Rafidah Aziz. Cabaran Anwar tidak berhenti setakat ini. Kekuatan Mahathir terpaksa dirempuhnya. Di kala itu kita ingin tahu ke mana haluan Team Wawasan. Muhyiddin Yasin, Najib Tun Razak, Muhammad Muhd Taib, Rahim Tamby Chik; siapakah yang akan mereka sokong, Anwar atau Mahathir? Begitu juga dengan pihak akhbar; apakah Nazri Abdullah dan Johan Jaafar akan terus menyokong Anwar? A. Kadir Jassin sudah pasti sokong Mahathir!

PENYAKIT ANEH SERANG ANWAR?

Benarkah Anwar selalu saja sakit? Dan sakitnya pula dikatakan penuh misteri. Sakit buatan orang! Anwar dikatakan kadang-kadang begitu mudah lupa. Dan apabila Anwar jatuh kuda sehingga terkehel lehernya dulu pun dikatakan seperti dipukau orang. Kata pihak-pihak tertentu, Anwar tertidur semasa menunggang kuda. Pelik. Ya, memang aneh mendengar cerita ini. Macam mana tunggang kuda boleh tertidur?

Sekali pandang perkara yang saya sebutkan di atas seperti tidak ada apa-apa yang menarik. Betul, sebagai manusia biasa ada masanya kita sakit dan tidak sihat. Tidak ada manusia yang tidak pernah sakit atau sihat sepanjang masa. Begitulah juga dengan Anwar. Yang menjadi bahan cerita dan gosip yang menarik untuk diperpanjangkan kisah itu ialah jenis penyakit yang menyerang Anwar. Hinggakan bila kedatangan di muka Anwar ada bintik-

bintik kasar pun, seperti jerawat batu, dikatakan Anwar diserang penyakit buatan orang.

Susah juga hendak menafsirkan “penyakit buatan orang” itu. Sesetengah pihak menyebutnya sebagai penyakit yang disebabkan ilmu hitam. Ehhh ... ini sudah mengarut. Tapi lagi mengarut, lagi tertarik orang mahu mendengar cerita. Lagi diada-adakan cerita lagi terlopong mulut mendengarnya. Maknanya, banyak pihak dengki dengan Anwar. Banyak pihak sakit hati dengan Anwar.

“Hang cerita baik-baik sikit, Lan. Ini bukan cerita main-main. Timbalan Perdana Menteri selalu sakit dan selalu pula lupa, itu sudah cerita serius,” saya cuba meminta penjelasan dari seorang teman yang mula membawakan cerita pelik tentang Anwar itu.

“Aku tak reka cerita ini. Ramai orang bercakap, semenjak Anwar jatuh kuda dulu.”

“Ramai bercakap tak mesti benar. Benar bukan berpihak kepada majoriti. Lagi pun Anwar jatuh kuda kerana dia belum profesional, masih amatir atau lebih tepat lagi masih di peringkat latihan,” saya mahu dia menceritakan lebih lanjut.

“Betul, Anwar baru belajar. Tapi bagaimana boleh tertidur semasa tunggang kuda? Bukankah pelik namanya,” teman saya itu memberi reaksi segera.

“Biasalah Lan. Aku sendiri pernah tertidur masa naik motor. Sedar-sedar sudah masuk longkang.” Saya tidak berhasrat untuk berjenaka kerana memang benar ia terjadi.

“Tapi hang jangan salah tangkap pula cerita aku ini. Bukan musuh-musuh politiknya yang disyaki merancang semua itu. Aku dengar yang sakit hati dengan Anwar, sampai pergi ke Thailand mencari bomoh nak pekenakan Anwar ialah orang korporat,” kata teman saya yang nampaknya begitu beria-ia minta bahan sembangnya itu disiarkan dalam buku terbaru saya.

“Menulis pasal orang terpenting dalam negara diserang sakit pelik ini isu sensitif. Hang ingat dulu, bila *Watan* tulis tentang Mahathir sakit, menyesal tak sudah pengarangnya. Mahathir

sendiri yang panggil pengarang *Watan* menghadapnya. Tahu-tahu sajalah selepas itu. Apatah lagi cerita tahyul yang kau bawa ini,' saya mengingatkannya, takut-takut terlajak, nanti "ke dalam' sekali lagi.

"Aku bukan nak sensasikan buku kau itu Lutfi. Cerita itu menarik untuk dibaca. Hang sebut saja ia khabar-khabar separuh benar. Lagi pun macam mana nak buktikan Anwar ada penyakit aneh itu. Susah."

"Anwar berjumpa dengan bomoh mana nak lawan penyakit itu? Selalunya bila disampuk penyakit pelik macam tu, hingga ingatan pun boleh hilang, si mangsa akan cari bomoh juga," saya cuba mengusiknya.

"Tidaklah sampai hilang ingatan. Cuma ingat-ingat lupa. Tapi ... jumpa bomoh ni, Anwar tak mainlah," cepat saja, teman saya bernama Lan ini memintas.

"Yang aku tahu ... orang yang selalu dirujuk pasal penyakit macam ini, pasal makhluk halus ini, Dr Harun Din."

"Itu aku tak tahu. Sebenarnya bukan aku tak tahu, tapi aku tak mahu bagi tahu. Hang siasat sendirilah."

Saya pun tak mahu mendesaknya walaupun perasaan ingin tahu itu tinggi sekali. Lagi pun apalah manfaatnya sangat. Bila sakit, berubat sajalah, habis cerita.

"Bukan Anwar saja yang kena khianat. Rafidah Aziz pun pernah dibuat orang. Terbakar kerusinya," nampaknya belum habis cerita sensasi teman saya itu.

Kali ini saya ketawa besar. Saya mulai tawar dengan ceritanya yang awal tadi. Ini macam kisah dalam buku tentang hantu dan polong saja.

"Kenapa pula Rafidah yang kena?" Walaupun begitu, untuk melayannya, saya cuba menampakkan seperti berminat dengan gelembongnya itu.

"Bukankah Rafidah tegas orangnya. Orang yang tegas macam

Rafidah itu memang mudah menjadi sasaran. Aku dengar kata Rafidah tak beri projek kepada seorang taukeh besar.”

“Biasalah tu. Ada hari kita dapat, ada hari orang lain pula dapat. Bukankah itu adat bisnes. Kalau semua mahu dikautnya, ini sudah melampau.”

“Lutfi, kau kata biasa. Tapi taukeh-taukeh yang tamak itu tak fikir macam kau. Mereka mahu bolot semuanya. Mereka mahu kaya dan terus kaya. Orang macam itu diberi selembah emas pun mereka tak puas. Mereka pasti minta lima lagi lembah emas.”

Kami terdiam seketika.

“Hang nak tahu Lutfi,” teman saya itu meneruskan perbualan, “orang yang tolong ubatkan Anwar mencadangkan kepada Anwar supaya Anwar buang semua hadiah-hadiah dalam rumah dan pejabatnya yang diberikan oleh taukeh-taukeh bukan Islam.”

Melihatkan saya terdiam, dia seperti tidak sabar-sabar lagi menyambung celotehnya: “Ini mesti hang suka dengar.”

“Apa dia?”

“Eh, minat juga hang dengan cerita aku ini. Anwar bukan saja kena sensitif pada taukeh-taukeh tertentu tapi mulut dan tindakan Anwar juga harus terkawal terutama berhadapan dengan Nik Aziz, Menteri Besar Kelantan.”

“Ini lagi sensasi”

“Dan terkini! Mungkin Anwar banyak buat salah dengan Nik Aziz. Mana tahu kalau Anwar minta maaf dengan Nik Aziz penyakitnya boleh lega.”

“Lan, hang jangan cuba mainkan sentimen aku sebagai penyokong PAS.”

“Tidak ... tidak, aku serius. Nik Aziz itu ulama besar, kita tak boleh buat sebarangan. Walaupun dia juga tokoh politik tapi ... payahlah aku nak bercakap”

“Kenapa pula Anwar saja, bukannya ramai lagi pemimpin Umno yang bantai Nik Aziz?”

"Anwar lain. Anwar asalnya pemimpin gerakan Islam. Kefahaman Anwar tentang perjuangan Islam lebih baik dari Yusoff Noor atau Abdul Hamid Othman. Anwar tak boleh cakap yang bukan-bukan, yang mengarut, yang sinis tentang keikhlasan Nik Aziz nak laksanakan Islam."

Percakapan kami melalui telefon itu kemudiannya terputus. Saya agak sedikit hampa. Nak percaya macam tak percaya. Tak percaya ada juga yang mengusik di jiwa.